

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PEMBUBARAN PERKAHWINAN AKIBAT KEGANASAN
SEKSUAL DALAM RUMAHTANGGA: KAJIAN DI
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI-NEGERI UTARA MALAYSIA**



**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2017**

Kebenaran Mengguna

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Pusat Pengajian Siswazah, diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh

Kolej Sastera dan Sains

06010 Universiti Utara Malaysia, Sintok

Kedah Darul Aman

Abstrak

Isu keganasan seksual dalam perkahwinan di Malaysia memang berlaku namun tidak menjadi satu hujah yang kukuh bagi kes perceraian di Mahkamah Syariah. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti konsep jenayah seksual sebagai asas untuk memahami isu keganasan seksual dalam rumah tangga. Kajian ini juga meneliti elemen yang menjadi faktor keganasan seksual dalam rumah tangga berdasarkan kes pembubaran perkahwinan. Berdasarkan kes tersebut, kajian menganalisis hak dan tanggungjawab seksual dalam rumah tangga menurut Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui dua kaedah, iaitu kajian dokumentasi ke atas bahan bercetak dan tidak bercetak seperti kitab *fiqh*, jurnal penyelidikan serta fail perceraian di Mahkamah Rendah Syariah. Selain itu, temu bual dilaksanakan bersama tiga orang Hakim Syar'i dan lima orang responden yang mengalami keganasan seksual dalam rumah tangga. Data kajian seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa dakwaan keganasan seksual dalam rumah tangga adalah benar dan menjadi salah satu tuntutan perceraian walaupun tidak dibicarakan. Terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada keganasan seksual dalam rumah tangga iaitu (1) pornografi, (2) sikap negatif suami, dan (3) eksploitasi dan kejahilan agama. Daripada tiga faktor ini dapat dikenalpasti enam salah faham pasangan yang menormalisasikan tindakan keganasan tersebut. Seterusnya kajian ini membuktikan bahawa Islam menggariskan hak dan tanggungjawab seksual antara pasangan serta menegah keganasan seksual dalam hubungan suami isteri. Implikasi kajian ini dapat memberi input kepada badan-badan berautoriti dalam memastikan hak isteri dinilai sebaiknya.

Universiti Utara Malaysia

Kata kunci: Hak dan tanggungjawab suami isteri, Keganasan seksual dalam rumah tangga, Kes Pembubaran Perkahwinan, Negeri-Negeri Utara Malaysia.

Abstract

The issue of sexual violence in marriage is a common issue in Malaysia but still, in Malaysian Shariah Court it is not convincing enough to be one of the arguments that can convict a divorce. Therefore, a research is conducted to identify the concept of sexual crime as a basis to understand sexual violence issues in a legal marriage. In addition, this research acts as an observation to figure out the elements that become the leading factors to sexual violence based on existing divorcement cases. Through those cases, the research analyse sexual rights and duty according to Islam. This research is conducted using qualitative approaches via two methods. First, documentation research on printed and non-printed materials such as books of Islamic Jurisprudence (fiqh), journals of past researches and case files from Shariah Lower Court. Second, interviews conducted with three Syarii judges, and five respondents who were victims of sexual violence in their marriage. The data obtained is then analysed using content analysis method. Result shows that the claims of sexual violence happens in marriage are true and become one of the demanding reason for divorcement although it is not trialled. There are three factors that lead to sexual violence in marriage which are; pornography, husbands negative attitude, exploitation of religion and ignorance. From these three factors, it has been derived that the couples involved in sexual violence cases has six misunderstandings that causes them to normalise these inappropriate behaviour. Next, this research proves Islam has set guidelines and guidance of sexual rights and responsibilities between spouses and strictly prohibits sexual violence in husband and wife relationships. The implications from this research will become an an input for the authorities to ensure a wife's right is judged at it's best.

Universiti Utara Malaysia

Keyword: Spousal rights and duties, Sexual violence in marriage, Divorcement Cases, Northern States in Malaysia

Penghargaan

Segala puji dan puja selayaknya untuk Allah SWT kerana memberi hidayah, petunjuk dan kekuatan kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini. Tiada daya dan upaya melainkan dari Allah SWT. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan sepanjang proses pembelajaran ini.

Kepada pihak Universiti Utara Malaysia diucapkan jutaan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Kolej Sastera dan Sains, Pusat Pengajian Siswazah Awang Had Salleh, Jabatan Pendaftar, perpustakaan, institusi seperti Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Kota Setar, MRS Kuala Muda, MRS Seberang Perai Utara dan MRS Daerah Timur Laut serta individu-individu yang terlibat dan membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya melakukan kajian ini.

Setinggi-tinggi perhargaan buat Afiq Fawwaz Ahmad Saleh, suami merangkap sahabat paling akrab yang sudi berkongsi suka duka kehidupan, buat anak-anak soleh yang bonda cintai, Fayyadh Tilmisaniy dan Furqan Erbakan, buat mak Shariffah Ismail yang sentiasa bersedia berkorban untuk kejayaan anaknya, sesungguhnya kalian bertiga adalah jantung dan nadi sebuah kejayaan saya hari ini. Tanpa kalian, saya tidak akan mampu berdiri, berjalan dan berlari ke garisan penamat. Dan untuk keluarga, terima kasih atas doa, kasih sayang dan sokongan kalian yang tidak pernah putus. Tidak dilupakan untuk ayah, Hazni bin Hashim, semoga Allah merahmati dan mengampuni ayah. Semoga sepanjang proses pengajian saya, mengalir pahala untuk ayah di sana. Akhir sekali, saya bersyukur kerana tanggungjawab yang diberi telah saya sempurnakan dan saya mendoakan keberkatan dari Allah SWT untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Amien.

Senarai Kandungan

Kebenaran Mengguna.....	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
Penghargaan.....	iv
Senarai Kandungan.....	v
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah.....	xi
Senarai Singkatan.....	xii
Senarai Translitasi.....	xiii
BAB SATU: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	1
1.3 Persoalan Kajian.....	6
1.4 Objektif Kajian.....	7
1.5 Skop Kajian.....	7
1.6 Signifikan Kajian	9
1.7 Definisi Konsep.....	11
1.7.1 Hak dan Tanggungjawab Seksual dalam Rumah tangga.....	10
1.7.2 Pembubaran Perkahwinan.....	11
1.7.3 Keganasan Seksual dalam Rumah tangga.....	11
1.8 Sorotan Karya.....	11
1.8.1 Jenayah Seksual.....	12
1.8.2 Keganasan Rumahtangga	15
1.8.3 Keganasan Seksual Dalam Rumahtangga	20


1.8.4 Krisis Pengabaian Hak dan Tanggungjawab Dalam Rumahtangga	23
1.8.5 Pembubaran Perkahwinan	24
1.9 Kerangka Konseptual.....	26
1.10 Metodologi Kajian	26
1.10.1 Teknik Pengumpulan Data	27
1.10.2 Analisis Data	30
1.11 Kesimpulan	32
BAB DUA: KONSEP JENAYAH SEKSUAL	34
2.1 Pendahuluan	34
2.2 Definisi Jenayah Seksual.....	34
2.3 Undang-Undang Jenayah Seksual.....	40
2.4 Faktor-Faktor Jenayah Seksual	44
2.4.1 Faktor Luaran	44
2.4.2 Faktor Dalaman	48
2.5 Kategori Jenayah Seksual	51
2.5.1 Rogol oleh Orang Asing <i>Versus</i> Rogol Kenalan.....	52
2.5.2 Sumbang Mahram	54
2.5.3 Rogol Statutori	56
2.5.4 Rogol Kumpulan	59
2.5.5 Rogol Kahwin.....	60
2.6 Kesimpulan	69
BAB TIGA: ELEMEN-ELEMEN YANG MENJADI FAKTOR KEGANASAN SEKSUAL DALAM RUMAHTANGGA BERDASARKAN KES-KES PEMBUBARAN PERKAHWINAN.....	72
3.1 Pendahuluan	72
3.2 Kajian Kes Pembubaran Perkahwinan Akibat Keganasan Seksual	72

3.2.1 Dapatan Kajian Kes di MRS.....	73
3.3 Faktor-Faktor Keganasan Seksual Dalam Rumahtangga Berdasarkan Kes-Kes Pembubaran Perkahwinan.....	75
3.3.1 Pengaruh Pornografi.....	77
3.3.2 Sikap Negatif Suami.....	79
3.3.3 Eksplorasi Dan Kejahilan Agama	89
3.4 Kesimpulan	94
BAB EMPAT: HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEKSUAL DALAM RUMAHTANGGA.....	96
4.1 Pendahuluan	96
4.2 Hak dan Tanggungjawab Pasangan Dalam Rumahtangga	96
4.2.1 Hak Bersama Suami dan Isteri	98
4.2.2 Hak Suami Ke Atas Isteri	100
4.2.3 Hak Isteri Ke Atas Suami.....	104
4.3 Hak dan Tanggungjawab Seksual Dalam Rumahtangga	113
4.3.1 Salah Faham Terhadap Hak dan Tanggungjawab Seksual Dalam Rumahtangga.....	115
4.3.1.1 Suami Boleh Memaksa Isteri Melakukan Hubungan Seksual.....	115
4.3.1.2 Suami Boleh Mendatangi Isteri Melalui Dubur.....	124
4.3.1.3 Pasangan Yang Telah Berkahwin Dibolehkan Menonton Pornografi Bagi Tujuan Rangsangan.....	130
4.3.1.4 Suami Yang Menentukan Kekerapan Hubungan Seksual	136
4.3.1.5 Larangan Seksual Hanya Terbatas Pada Tempoh Keluar Darah Nifas Sahaja.....	142
4.3.1.6 Suami Dibolehkan Memukul Isteri Jika Isteri Tidak Mahu Menuruti Suami.....	150

4.3.2 Konsep Seksual Menurut Islam	160
4. 4 Kesimpulan	164
BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN.....	165
5.1 Pendahuluan	165
5.2 Kaitan Jenayah Seksual dengan Keganasan Seksual dalam Rumahtangga	165
5.3 Elemen-Eleman yang Menjadi Punca Keganasan Seksual dalam Rumahtangga Di Malaysia.....	169
5.4 Konsep Hak dan Tanggungjawab Seksual dalam Rumahtangga Menurut Islam.....	171
5.5 Cadangan.....	180
5.5.1 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN)	180
5.5.2 Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)	181
5.5.3 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).....	182
5.5.4 Kajian Masa Depan	182
5.6 Penutup.....	183
RUJUKAN.....	185

Senarai Jadual

Jadual 1.1 Langkah-langkah analisis kandungan	31
Jadual 2.1 Pembahagian aktiviti seksual bagi keganasan seksual dalam rumah tangga.....	65
Jadual 3.1 Dapatan kajian dari MRS Kota Setar mengikut tahun.....	74
Jadual 3.2 Dapatan kajian dari MRS Kuala Muda mengikut tahun	74
Jadual 3.3 Dapatan kajian dari MRS Seberang Perai Utara mengikut tahun.....	74
Jadual 3.4 Dapatan kajian dari MRS Daerah Timur Laut mengikut tahun	74
Jadual 3.5 Kumpulan berdasarkan elemen-elemen keganasan.....	75
Jadual 3.6 Jumlah kes bagi faktor-faktor pendorong keganasan seksual dalam rumah tangga.....	76
Jadual 3.7 Faktor pengaruh pornografi	77
Jadual 3.8 Faktor sikap negatif suami	80
Jadual 3.9 Faktor eksploitasi dan kejahilan agama.....	89



Universiti Utara Malaysia

Senarai Rajah

Rajah 3.1: Kerangka Konseptual.....	26
Rajah 3.1: Faktor-faktor keganasan seksual dalam rumah tangga.....	76



Senarai Singkatan

/	Atau
<i>AIDS</i>	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
<i>CSA</i>	<i>Child sexual abuse</i>
<i>et al</i>	dan lain-lain
<i>HIV</i>	<i>human immunodeficiency virus</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
lwn	Lawan
<i>MPR</i>	<i>multiple perpetrator rape</i>
MRS	Mahkamah Rendah Syariah
<i>NGO</i>	<i>Non Government Organisation</i>
No.	Nombor
PKT	Pihak kena tuntut
PM	Pihak menuntut
<i>PTSD</i>	<i>Post-traumatic stress disorder</i>
PYKT	Pihak yang kena tuntut
PYM	Pihak yang menuntut
<i>RA</i>	<i>Radiya Allahu anhu</i> atau <i>Radiya Allahu anha</i>
<i>RMA</i>	<i>rape myth acceptance</i>
<i>SAW</i>	<i>Sallahu alaihi wassalam</i>

<i>STD</i>	<i>sexually transmitted diseases</i>
<i>STIs</i>	<i>sexually transmitted infections</i>
<i>SWT</i>	<i>Subhanahu wataala</i>
t.t.	Tiada tahun terbitan



Senarai Translitasi

ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h/H
د	kh
ذ	d
ر	dh
ز	r
س	z
ش	s
ص	sy
ض	s/S
ط	d/D
ظ	t/T
غ	z/Z
ع	'
ف	gh
ق	f
ك	q
ل	k
م	l
ن	m
و	n
ه	w
ء	h
ي	'
ة	y
ـ	t
ـ	a
ـ	i
ـ	u
ـ	ā/A
ـيـ	ī/I
ـوـ	ū/U
ـاـ	ā/A

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan latar belakang dan kaedah kajian yang dilakukan. Perkara yang akan dibincangkan termasuklah kerangka keganasan dalam rumah tangga secara fizikal dan seksual, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, signifikan kajian, sorotan karya, definisi konsep serta kerangka konseptual. Akhir sekali bab ini akan menjelaskan kaedah kajian yang digunakan sepanjang penyelidikan.

1.2 Permasalahan Kajian

Keganasan seksual merupakan salah satu elemen dari keganasan rumah tangga. Keganasan ini merupakan penggunaan kekerasan oleh suami terhadap isterinya untuk melakukan hubungan seksual dan ini adalah suatu perkara yang tidak bermoral dan merendahkan martabat seorang isteri. Hal ini bersesuaian dengan istilah 'rogol' dalam undang-undang jenayah sivil, yang merujuk serangan seksual, iaitu penyerang memaksa mangsa untuk melakukan hubungan seksual. Brownmiller (1975) mendefinisikan rogol sebagai pencerobohan seksual terhadap tubuh badan secara paksa, suatu serangan ke atas kawasan privasi tanpa kebenaran (tidak kira mana-mana ruang atau dengan apa-apa cara), pencabulan emosi, fizikal dan intergriti juga maruah diri. Beliau juga menegaskan bahawa rogol bukan jenayah syahwat tetapi keganasan dan kekuasaan, iaitu suatu situasi ugutan secara sengaja yang dilakukan oleh lelaki untuk meletakkan wanita dalam ketakutan.

Menurut NurFadhilah (2014), keganasan seksual ini dimulai dengan sikap-sikap yang cenderung memperlakukan isteri dengan kasar secara sengaja atau tidak sengaja. Si

pelaku juga cenderung untuk selalu mengancam dan mengugut isteri sehingga berlaku gangguan emosi dan psikologi kesan maki hamun dan celaan. Mangsa juga dikurung atau terbatas hubungan dengan masyarakat luar dan dipaksa melakukan hubungan seksual juga perkara-perkara yang bertentangan dengan agama tanpa kerelaan mereka. Situasi tersebut termaktub di dalam Akta Keganasan Rumahtangga 1994 iaitu, “apabila seseorang (i) Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa; (ii) Secara bersengaja atau dengan sedar meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal; (iii) Memaksa atau mengancam mangsa untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual; (iv) Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaannya” (Undang-undang Malaysia, Akta 521: 6)

Jenayah keganasan seksual dalam rumahtangga di Malaysia sebenarnya adalah realiti. Menurut kajian Tengku Nur Fadzilah, Siti Hawa dan Halim (2015), 58.9 peratus daripada 316 responden mangsa keganasan rumahtangga di Malaysia, dilaporkan turut diperlaku kasar dalam hubungan seksual. Begitu juga 12 dari 370 responden pesakit wanita yang menerima rawatan perubatan akibat penderaan rumahtangga di Jabatan Pesakit Luar Hospital Pontian mengaku pernah mengalami penderaan seksual (Norasikin, 2002).

Malangnya isu ini masih dilihat sebagai isu yang *taboo* atau sensitif untuk dibincangkan secara umum. Hal ini kerana, isu seksual masih dikira sebagai perihal peribadi dan tidak perlu diperbesar-besarkan. Sedangkan dalam Islam, hak memperoleh keselamatan dalam menjalani kehidupan adalah hak bersama tidak kira lelaki atau wanita (Ali Abdul Halim, 1998). Penderaan yang berlaku secara berterusan memberi kesan kepada emosi, mental dan kecederaan fizikal sama ada secara kekal atau tidak. Hubungan seksual yang dilakukan secara paksaan dan berlakunya kekerasan akan mengakibatkan mangsa mengalami kesakitan dan fobia, lebih-lebih

lagi apabila mangsa perlu berhadapan dengan situasi tersebut berkali-kali sehingga perlu menuntut pembubaran perkahwinan untuk mangsa melarikan diri.

Perceraian sememangnya bukan kehendak setiap pasangan yang membina rumah tangga tetapi merupakan pilihan terbaik untuk beberapa situasi yang mendesak. Perceraian boleh berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu berlakunya kezaliman dalam hubungan suami isteri akibat tidak bertanggungjawab atau salah seorang pasangan kerap disakiti serta beberapa faktor yang lain. Berdasarkan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (negeri Kedah) 2008, terdapat asbab penderaan sebagai salah satu kebenaran untuk mangsa meminta fasakh iaitu: “....(h) bahawa suami atau isteri menganiayai isteri atau suaminya iaitu, antara lain: (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaaya;... (iii) cuba memaksa isteri hidup secara lucah....” (Bahagian V, 2008). Sebagai contoh di negeri Selangor, peningkatan kes pembubaran perkahwinan bagi tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya, dipengaruhi oleh seks ganas suami juga sikap isteri yang kuat membebek seperti yang direkodkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Dua kes berikut merupakan yang tertinggi dicatat dalam masalah tabiat kritikal pasangan (Isteri bebek, suami suka seks ganas, 2015).

Bagi memberi kesedaran kepada masyarakat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Damansara Utama, Yeo Bee Yin telah melancarkan video kempen ‘*Rape is rape, no excuses*’ (*Rape is Rape*, 2015) yang menyentuh perihal memaksa isteri untuk bersetubuh juga dikira rogol, dan mendapat banyak maklum balas negatif. Mufti Perak, Tan Sri Harussani memberitahu bahawa terdapat hadis Nabi Muhammad SAW, jika pasangan berkenaan sedang menunggang unta dan si suami meminta isteri melakukan hubungan seksual, dia mesti melakukannya. Beliau menambah, selepas dinikahi dan diberikan mahar, isteri tiada hak untuk menolak permintaan suami untuk melakukan

hubungan seksual kecuali dia berada dalam keadaan haid dan uzur (*Women must give*, 2015). Begitu juga pandangan Abdul Hakim Othman, wakil Hizbut Tahrir Malaysia, seorang lelaki Islam tidak memerlukan persetujuan isterinya untuk melakukan hubungan seksual. (*Hizbut Tahrir: Muslims can*, 2015). Pada tahun 2004, Pengurus Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Tan Sri Abu Talib Othman pernah mencuba untuk membawa kes permakaan hubungan seksual ke atas isteri sebagai jenayah rogol kerana perbuatan tersebut merupakan suatu keganasan dalam perkahwinan. Lebih buruk lagi, apabila suami tidak memenuhi nafkah perbelanjaan hidup isteri. Namun kenyataan tersebut telah dikecam oleh netizen (Isu anggap hubungan seks, 2004).

Sistem perundangan Malaysia turut mengecualikan jenayah keganasan seksual dalam rumahtangga daripada kanun khusus, Akta 574 Kanun Keseksaan jenayah rogol, kerana melihat kepada situasi perkahwinan yang sah antara suami dengan isteri. Tambah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri, Seksyen 375A Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun jika disabitkan kesalahan sudah memadai bagi menjatuhkan hukuman ke atas suami yang mendarangkan kecederaan kepada isterinya bagi tujuan mengadakan hubungan seksual ('Rogol' dalam perkahwinan, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa suami tidak dapat dibawa ke pihak pengadilan jika melakukan keganasan seksual terhadap isteri tanpa bukti kecederaan secara fizikal, meski memenuhi maksud takrifan rogol (Suami boleh rogol isteri, 2014). Malah, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Kali Ke-71 turut memutuskan bahawa:

“...hubungan di antara lelaki dan wanita adalah dihalalkan setelah melalui akad ijab dan qabul yang sah. Oleh itu Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tiada istilah rogol atau melanggar hak asasi manusia dalam sebuah perkahwinan yang sah dan keganasan rumahtangga yang berlaku adalah lebih bersifat *dharar* yang boleh diambil tindakan melalui peruntukan

undang-undang sedia ada.” (Portal Rasmi Fatwa Malaysia)

Menerusi keputusan hukum Muzakarah ini, jelas berlaku dua isu yang bertembung apabila disebutkan bahawa Islam menidakkann rogol dalam hubungan suami isteri, tetapi dalam masa yang sama Muzakarah bersetuju bahawa keganasan rumah tangga yang berlaku termasuk dalam *darar* yang mempunyai peruntukan undang-undang.

Sememangnya perkahwinan menurut Islam, adalah satu-satunya jalan suci yang menghalalkan perhubungan seksual dan menjadi kewajipan setiap pasangan untuk memenuhi tuntutan seksual pasangannya yang lain, oleh sebab itu istilah rogol tidak sesuai digunakan dalam konteks perkahwinan. Namun berdasarkan bukti pengaduan dan fail kes pembubaran perkahwinan daripada Mahkamah Syariah akibat keganasan seksual telah menjelaskan bahawa perkara ini merupakan satu penderaan terhadap isteri yang terbukti berlaku *darar* tetapi masih menjadi kekeliruan dalam perbincangan akibat pertembungan antara sensitiviti agama dan budaya masyarakat timur. Kesedaran yang kurang akan *darar* keganasan seksual dalam rumah tangga juga membuatkan para isteri masih terbeban dengan isu pembuktian bagi membawa kes ini ke mahkamah untuk tujuan dakwaan atau tuntutan perceraian. Menurut Sheikh Muhammad Ridhuwan Ibrahim (2016), Hakim Syar'i Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang keganasan seksual dalam rumah tangga sememangnya berlaku dalam masyarakat di Malaysia, namun akibat terbeban dengan pembuktian ini, para isteri lebih memilih faktor-faktor lain seperti keganasan fizikal atau kecuaian nafkah atau lain-lain faktor yang membolehkan objektif tercapai, iaitu berpisah dengan suami yang zalim.

Berdasarkan pemerhatian, kajian-kajian tentang kesan yang terpaksa dihadapi oleh mangsa akibat keganasan seksual dan fizikal dalam rumah tangga telah dilakukan,

seperti kajian oleh Md. Zawawi, Rajwani dan Wan Ab Rahman Khudzri (2015), yang telah menemu bual lapan orang isteri penghidap *human immunodeficiency virus (HIV)* dan *acquired immune deficiency syndrome (AIDS)* di Kedah. Mereka dijangkiti virus tersebut, akibat dipaksa melakukan hubungan seksual dalam keadaan sedar suami mereka telah berpenyakit kerana mereka tidak mengetahui bahawa mereka berhak untuk menolak ajakan seksual dalam situasi tersebut. Begitu juga Nurfadhilah (2014) telah melakukan kajian kes terhadap trauma mangsa perceraian pasangan muda akibat keganasan rumah tangga di Johor serta bentuk sokongan yang diperlukan. Manakala kajian Tengku Nur Fadzilah *et al* (2015) menjurus ke arah bentuk bantuan yang ditagih oleh mangsa keganasan rumah tangga dan faktor yang mendorong mereka untuk keluar daripada kongkongan keganasan tersebut. Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dilakukan bagi mengkaji hak dan tanggungjawab seksual dalam rumah tangga menurut pandangan Islam bagi menjawab salah faham permasalahan ini, kerana belum lagi ditemui konsep dan definisi yang jelas sehingga salah faham ini menyebabkan keganasan seksual dalam rumah tangga terus berlaku dalam kalangan masyarakat muslim.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan kepada tiga persoalan kajian seperti berikut:

- I. Apakah konsep jenayah seksual?
- II. Bagaimanakah bentuk elemen-elemen yang menjadi faktor keganasan seksual dalam rumah tangga berdasarkan kes-kes pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia?

III. Sejauh manakah hak dan tanggungjawab seksual yang sebenar menurut pandangan Islam berdasarkan kes-kes pembubaran perkahwinan di Negeri-Negeri Utara Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini meletakkan tiga objektif seperti berikut:

- I. Mengenal pasti konsep jenayah seksual.
- II. Mengkaji elemen-elemen yang menjadi faktor keganasan seksual dalam rumahtangga berdasarkan kes-kes pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia.
- III. Menganalisis hak dan tanggungjawab seksual yang sebenar menurut pandangan Islam berdasarkan kes-kes pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara Malaysia.

1.5 Skop Kajian

- I. Kajian ini menganalisis fail-fail perceraian akibat keganasan seksual yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Utara. Zon Utara Malaysia dipilih bagi mewakili zon-zon lain kerana dalam zon ini terdapat negeri-negeri yang mempunyai perbezaan pentadbiran hal ehwal Agama Islam iaitu di bawah tadbir Sultan Negeri serta di bawah tadbir Yang Di-pertuan Agung. Negeri Kedah dipilih bagi mewakili negeri di bawah Sultan Melayu manakala Pulau Pinang merupakan wakil negeri di bawah tadbir Yang Di-pertuan Agung. Kepadatan penduduk Melayu juga diambil kira. Keluasan negeri Kedah ialah 9,426 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk seramai 2,044,188 orang. Jumlah penduduk Melayu adalah seramai 1,552,100 orang (Portal Rasmi Kedah 2015) , manakala Pulau Pinang mempunyai penduduk Melayu seramai 670 128 orang (Banci

Penduduk, 2010) dari jumlah keseluruhan 1,647,716 penduduk dengan 1,048 kilometer persegi (Portal Rasmi Pulau Pinang 2013). Jumlah etnik Melayu di sini dilihat merujuk kepada jumlah penduduk beragama Islam sesuai mengikut perkara 160 dalam Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan). Kepadatan penduduk Melayu yang ramai berkemungkinan mempengaruhi kepelbagaiannya kes-kes pembubaran perkahwinan.

II. Pemilihan Mahkamah Rendah Syariah (MRS) untuk kedua-dua negeri pula mewakili bandar besar negeri-negeri terbabit. Bagi negeri Kedah, data fail diperolehi daripada MRS Kota Setar yang memegang bidang kuasa di kawasan bandar Alor Setar, Yan, Langgar, Pokok Sena, Simpang Empat, Kuala Kedah, Mergong, Hutan Kampung, Derang, Bukit Pinang, Tajar, Seberang Perak, Pumpong, Tandoop, dan Kangkong serta MRS Kuala Muda yang memegang kuasa di kawasan Sungai Petani, Kota Kuala Muda, Tikam Batu, Pantai Merdeka, Tanjung Dawai, Bedong, Gurun, Jeniang, Guar Stesyen, Semeling, Merbok, Bukit Selambau, Pinang Tunggal, Batu Lintang, Singkir, Bujang, Sidam Kanan, Pantai Perai, Simpor (Mahkamah Syariah Negeri Kedah). Data fail bagi negeri Pulau Pinang pula diambil daripada MRS Daerah Timur Laut yang memegang seluruh Daerah Timur Laut dan MRS Seberang Perai Utara yang memegang seluruh Daerah Seberang Perai Utara (Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang).

III. Kes-kes pembubaran yang terpilih adalah merangkumi talak *ta’liq* dan fasakh serta pemilihan kes melibatkan kes yang telah diselesaikan sepanjang tahun 2005 hingga 2015. Tempoh 10 tahun ini dilihat relevan bagi kajian kes kerana mengambil kira tempoh yang lama dan terkehadapan. Selain itu tempoh ini telah melepas ukuran bagi rekod yang tidak aktif iaitu rekod yang telah tamat tindakan atau tidak dirujuk dalam masa lima tahun (Jaafar Sidek,t.t.). Manakala kaedah

temu bual dijalankan terhadap responden yang terdiri daripada Hakim Syarii yang diambil daripada kajian kes fail yang sama, serta mangsa-mangsa yang pernah terlibat dalam keganasan seksual oleh pasangan.

1.6 Signifikan Kajian

- I. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui elemen-elemen yang menjadi faktor keganasan seksual dalam rumah tangga seperti yang dinyatakan dalam fail tuntutan perceraian di MRS negeri-negeri terpilih. Berbanding kajian-kajian lepas yang lebih tertumpu kepada mangsa dan kesan-kesan trauma yang terpaksa dihadapi oleh mereka selepas terlibat dalam keganasan fizikal dan seksual dalam rumah tangga. Kajian ini juga menjelaskan huraihan hak seksual dalam rumah tangga menurut perspektif Islam. Hasil kajian ini diharapkan boleh memberi manfaat kepada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Badan Bukan Kerajaan (NGO), universiti dan sebagainya.
- II. Bagi pasangan suami isteri, kajian ini dapat membantu dalam menjelaskan isu sensitif masyarakat, iaitu hubungan seksual antara suami isteri yang sebenarnya ada batasannya bagi menjamin keharmonian rumah tangga. Apabila suami berkesedaran moral yang tinggi dan melihat isteri sebagai manusia yang perlu dikasihi, dicintai dan dilayan dengan kasih, kerukunan dalam rumah tangga dapat terbina dengan baik dan kukuh. Institusi keluarga yang sejahtera dapat menyelamatkan banyak ahli masyarakat dari gejala sosial.
- III. Pihak JAIN boleh menjadikan kajian ini sebagai langkah memperkasakan perkongsian ilmu dalam kursus-kursus pra-perkahwinan mahupun kaunseling rumah tangga. Usaha sama perlu digerakkan bagi mengurangkan kadar perceraian akibat tabiat kritikal pasangan yang membimbangkan. Selain itu, KPWKM serta

NGO boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan dalam meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap keganasan rumah tangga kerana keganasan seksual merupakan salah satu elemen penderaan dalam kes-kes keganasan rumah tangga. Pendidikan sosial perlu dilaksanakan secara program penerangan bagi menangani isu ini, sekaligus melahirkan masyarakat yang bertamadun hasil pembentukan institusi keluarga yang harmoni dan stabil.

1.7 Definisi Konsep

Definisi berkaitan dengan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.7.1 Hak dan Tanggungjawab Seksual dalam Rumah Tangga

Hak merupakan sinonim kepada kebebasan atau merdeka dan tanggungjawab adalah kewajipan yang terpikul oleh seseorang. Seksual pula adalah aktiviti persetubuhan antara lelaki dengan perempuan dan rumah tangga bermaksud keluarga atau berkahwin (*Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke-4*). Dalam kajian ini, hak dan tanggungjawab seksual merangkumi kebebasan isteri dalam memperoleh hubungan seksual yang selamat, selesa dan tanpa desakan, dalam masa yang sama tuntutan terhadap keperluan seksual suaminya dipenuhi. Begitu juga sebaliknya. Menurut M.H. Ikhlas (1990), dalam mengendalikan hubungan seksual, soal timbang rasa antara pasangan yang sangat dititik beratkan oleh Islam. Sebagai contoh, suami tidak boleh berlaku sewenang-wenangnya sehingga mengasari atau memaksa isteri melakukan seks lucah. Suami juga tidak boleh hanya memikirkan kepuasan sendiri, dalam masa yang sama isteri dilarang berbuat nusyuz.

1.7.2 Pembubaran Perkahwinan

Pembubaran perkahwinan merupakan perbuatan atau hal memutuskan hubungan antara suami dengan isteri yang sah. Pembubaran perkahwinan atau juga, dikenali sebagai perceraian dalam Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri, merangkumi hal seperti berikut: (1) perceraian dengan lafaz talak; (2) pengesahan lafaz talak; (3) fasakh; (4) talak *ta'liq*; (5) khuluk; dan (6) anggapan mati (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia). Bagi kajian ini, kes pembubaran perkahwinan yang diambil adalah berbentuk talak *ta'liq* dan fasakh. Kes-kes terbabit merupakan kes yang telah dilaporkan dan didaftarkan di Mahkamah Syariah negeri Kedah dan Pulau Pinang. Kedua-dua perkataan iaitu pembubaran perkahwinan dan perceraian akan digunakan dalam kajian ini merujuk kepada istilah yang sama.

1.7.3 Keganasan Seksual dalam Rumahtangga

Aktiviti keganasan seksual dalam rumahtangga merangkumi *battering rape* iaitu kekerasan fizikal dan seksual secara serentak, *force-only rape* iaitu permaksaan suami secara keras dalam mencapai tujuan seksual, dan *obsessive rape* iaitu perlaku seksual suami yang pelik, tidak normal dan sesat (Finkelhor & Yllo, 1987). Skop bagi keganasan seksual dalam rumahtangga yang dibincangkan dalam kajian ini adalah perlakuan keganasan seksual yang hanya melibatkan perkahwinan, iaitu hubungan suami dan isteri.

1.8 Sorotan Karya

Beberapa karya lepas berkaitan jenayah seksual dan konflik rumahtangga telah disoroti bagi mendapatkan gambaran umum berkenaan hak seksual dalam rumahtangga. Sorotan karya ini telah dibahagikan kepada lima elemen, iaitu jenayah seksual,

keganasan rumahtangga, keganasan seksual dalam rumahtangga, krisis pengabaian hak dan tanggungjawab dalam rumahtangga serta pembubaran perkahwinan.

1.8.1 Jenayah Seksual

Jenayah seksual merupakan ekspresi keganasan paling ditakuti oleh wanita dan telah digunakan sebagai senjata dalam perperangan sejak zaman kuno sehingga ke perperangan moden (Brownmiller, 1975; Epp, 1997; Buss, 1998). Semasa perperangan antara Bosnia-Serbia, rogol telah menjadi salah satu daripada misi penghapusan etnik yang dilakukan tentera Serbia terhadap masyarakat muslim (Buss, 1998; Niarchos, 1995).

Jenayah rogol mempunyai beberapa motif tertentu seperti rogol selepas melakukan jenayah rompakan, ransangan seksual yang luar biasa (Jamaludin Mustaffa, 1997) serta faktor luar seperti alkohol, pornografi dan faktor ruang kediaman sempit bagi kes sumbang mahram (Gan Kong Meng, 2007) yang mempengaruhi pelaku. Perspektif juga turut menjadi penyumbang terhadap jenayah rogol (Ryan, 2004; Vincent, Mohd. Hanafiah & Mohamad Nizam, 2014). Antara perspektif tersebut ialah sikap dan kepercayaan perogol terhadap hubungan seksual seperti kepercayaan yang membenarkan tindakan rogol, mangsa selalunya dipersalahkan, perasaan ingin menguasai ketika melakukan hubungan seksual, dan gelojak nafsu seksual yang kuat dipengaruhi imaginasi seksual perogol, serta kepercayaan terhadap sifat maskulin yang sejati. Kajian menunjukkan lelaki tidak dilahirkan dengan sifat perogol tetapi merupakan perilaku yang dibentuk dan dilatih. Faktor orang asing yang tidak berhati perut terhadap mangsa adalah tidak benar, kerana 10 daripada 25 kes (37peratus) adalah kes rogol kenalan, iaitu penjenayah dan mangsa saling mengenali antara satu sama lain, sama ada ahli keluarga atau kawan (Noor Azlan & Bazlin Darina, 2014).

Kesan yang dialami mangsa bukan sedikit. Trauma yang berterusan mengganggu kesihatan mental mangsa, lebih-lebih lagi jenayah seksual yang berlaku ketika usia kanak-kanak (Kaukinen & DeMaris, 2005) serta mereka yang tidak dapat membawa kes jenayah ke pihak pengadilan (Cluss, Broughton, Frank, Stewart & West, 1983). Mangsa jenayah rogol mencatat jumlah mangsa tertinggi yang mengalami *posttraumatic stress disorder (PTSD)* berbanding mangsa kes jenayah lain (Kilpatrick, Saunders, Amick-McMullan, Best, Veneron & Resnick, 1989; Boudreaux, Kilpatrick, Resnick, Best & Saunders, 1998; Foa & Rothbaum, 2001; Ullman, Townsend, Filipas & Starzynski, 2007). Kesan ini dikenali sebagai *rape trauma syndrome* yang berlaku dalam dua tempoh iaitu dalam tempoh segera sejurus selepas serangan seperti menangis dan mengalami kecederaan (Burgess & Holmstrom, 1974) serta kesan jangka masa panjang seperti mangsa akan mengalami gangguan tidur malam, *traumatophobia* (Burgess & Holmstrom, 1974), dan *sexual dysfunction* (Becker, Abel & Skinner, 1979; Becker & Skinner, 1983).

Penyalahan diri sendiri merupakan *meta-construct* yang paling jelas akibat sosial ekologi daripada pelbagai peringkat walaupun hakikatnya mereka adalah mangsa kejadian (Jones & Aronson, 1973; Katz & Burt, 1988; Campbell, Dworkin & Cabral, 2009; Padmanabhanunni & Edward, 2016), dan mangsa selalunya mengalami ketagihan alkohol serta berada di bawah pengaruh dadah (Kaukinen & DeMaris, 2005). Kajian Hong V. Nguyen, Debra Kaysen, Dillworth, Brajcich & Larimer (2010) turut membenarkan kaitan antara alkohol dengan mangsa rogol serta hasil menunjukkan mangsa daripada bangsa Asia lebih cenderung menjadi penagih berbanding golongan berkulit putih, atas beberapa faktor seperti tanggapan mangsa ialah punca jenayah seksual berlaku dan sebagainya.

Terdapat banyak kes jenayah seksual yang tidak dilaporkan kepada pihak polis (Koss, 1985; Krahe, 2004) atas beberapa faktor. Antaranya adalah tanggapan negatif masyarakat terhadap mangsa jenayah ini. Lebih mengejutkan apabila sikap dan perspektif ahli perubatan juga tidak menyebelahi mangsa. Kajian yang dilakukan G. Sivagnanam, Bairy dan D'Souza (2005), ke atas 422 pelajar perubatan dari Asian Institute of Medicine, Sciences and Technology (AIMST), Kedah dan Universiti Sains Malaysia (USM), Kelantan menunjukkan, hanya sekitar 20 peratus responden memberikan respon yang baik terhadap mangsa rogol, selebihnya responden memperakui isu rogol adalah akibat daripada tindakan mangsa sendiri. Malah 36.9 peratus responden wanita dan 29.7 peratus responden lelaki bersetuju, wanita boleh dirogol oleh suami. Pendidikan kesedaran perlu segera dilakukan apatah lagi perspektif yang negatif ahli perubatan mempengaruhi bentuk rawatan ke atas mangsa. Selain itu, kes jenayah rogol didiamkan kerana mangsa tidak mempercayai dan meragui sistem perundangan yang dilihat tidak membela mangsa kejadian (McGregor, 2005; Rubya Mehdi, 1990; McDermott, 1979) atau apabila kes melibatkan pelaku jenayah yang dikenali atau pasangan (Felson & Paré, 2005; Williams, 1984; Amir, 1971).

Di sudut undang-undang jenayah seksual, Tan Beng Hui (2007) membuat kajian terhadap keberkesanan inisiatif menambah baik undang-undang jenayah seksual dan kesannya kepada wanita dan hak seksualiti. Kajian ini juga menceritakan perjalanan NGO wanita Malaysia dalam memperjuangkan hak wanita yang dimulai dengan menyuarakan perubahan terhadap undang-undang jenayah seksual sekitar tahun 1980-an, serta kempen anti-jenayah seksual yang dimulai pada tahun 1990-an dan diteruskan sehingga ke hari ini. Beberapa perbandingan turut telah dilakukan. Anita Rahim (1993) telah membuat kajian perbandingan undang-undang Sivil Malaysia, Undang-Undang

Inggeris dengan Undang-undang Syariah terhadap jenayah seksual. Kajian ini bagi melihat keberkesanan undang-undang tersebut dalam pembelaan ke atas mangsa. Manakala Muhamad Dazila (t.t) membuat perbandingan undang-undang jenayah seksual bawah umur (*statutory rape*) di dua buah negara iaitu Malaysia dan Republik India. Kajian ini melihat sejauhmana peruntukan undang-undang sedia ada digunakan untuk menangani jenayah rogol statutori di Malaysia dan di India untuk menilai kedudukan pentafsiran undang-undang rogol statutori di negara tersebut. Analisis perbandingan bagi kedua-dua negara ini menunjukkan tahap aplikasi *Common Law* Inggeris dan setakat mana kedua-dua negara masih bergantung terhadap prinsip-prinsip *common law* dalam undang-undang mereka.

1.8.2 Keganasan Rumahtangga

Keganasan rumahtangga merangkumi kes-kes pembunuhan dan kecederaan seperti rogol, serangan seksual, rompakan, dan keganasan fizikal lain yang dilakukan oleh pasangan. Menurut Rennison dan Welch (2000), 85 peratus daripada kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan di Amerika Syarikat pada tahun 1998 membabitkan mangsa wanita iaitu berjumlah 876,340 kes. Manakala jumlah kes pembunuhan terhadap wanita oleh pasangan adalah empat hingga lima kali ganda berbanding lelaki. Risiko yang meningkatkan kadar pembunuhan oleh pasangan ini adalah pemilikan senjata api, pengangguran, pelaku keganasan, ancaman bunuh, ancaman menggunakan senjata, keganasan seksual, penderaan ketika mengandung, pergelutan, kehadiran anak pasangan dan pembunuhan sebagai cara untuk melarikan diri daripada pertuduhan keganasan rumahtangga (Campbell, Glass, Sharps, Laughon & Bloom, 2007). Pengaruh alkohol dan pemilikan senjata api sememangnya terbukti meningkatkan kes pembunuhan pasangan (Roberts, 2009).

Fenomena keganasan rumah tangga berlaku akibat konflik dalam hubungan pasangan disebabkan oleh faktor kewangan, sifat cemburu dan penyalahan peranan wanita, selain pengaruh alkohol. Lelaki selalunya menggunakan kekerasan apabila mereka berhadapan dengan krisis identiti akibat kegagalan sama ada dalam ekonomi maupun dalam mengawal wanita (Jewkes, 2002). Brikena Qafa Osmani (2012) membuat kajian fenomena keganasan rumah tangga dalam kalangan masyarakat Albania melibatkan 15 orang mangsa yang pernah dan sedang menjadi mangsa penderaan. Faktor-faktor berlakunya penderaan adalah berbeza dari sudut adat, sosial dan ekonomi, bermakna anggapan keganasan rumah tangga hanya berlaku dalam kalangan masyarakat miskin dan tidak berpelajaran adalah salah. Keganasan ini berlaku bukan sahaja hasil daripada kefahaman masyarakat berkenaan penguasaan lelaki dalam kehidupan rumah tangga tetapi juga akibat penyakit sosial yang berlaku dalam masyarakat itu sendiri.

Isu penderaan rumah tangga adalah isu global. Dari 10 buah negara terpilih, didapati 15 peratus hingga 71 peratus wanita pernah mengalami penderaan fizikal dan seksual dalam rumah tangga paling kurang sekali seumur hidup (Garcia-Moreno, Jansen, Ellsberg, Heise & Watts, 2006). Yeon-Shim Lee dan Linda Hadeed (2009) turut membuat kajian berkenaan keganasan rumah tangga dalam kalangan imigran Asia di Amerika Syarikat bagi memahami adat, sosial dan kekeluargaan imigran ini. Selain itu kajian juga bertujuan untuk mengesani kesihatan fizikal dan mental serta penyebaran *AIDS/HIV* akibat keganasan rumah tangga, sokongan dan bantuan daripada masyarakat serta kekangan dalam menggunakan perkhidmatan awam. Imigran Asia adalah yang paling kurang membuat laporan polis akibat keganasan rumah tangga kerana faktor latar belakang masyarakat. Penyebaran *HIV/AIDS* dalam kalangan wanita imigran Asia walaupun masih sedikit tetapi pantas kesan keganasan seksual yang dilakukan oleh pasangan.

Penderaan dan keganasaan akan memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan fizikal akibat tekanan perasaan, ketakutan akan keselamatan diri, kesihatan diri yang terganggu dan ketagihan alkohol mengikut kajian Demaris dan Kaukinen (2005). Malah kajian Demaris dan Kaukinen (2005) menunjukkan pemangsa daripada kalangan yang dikenali lebih mendatangkan tekanan terhadap perasaan mangsa. Hal ini dikenali sebagai *victim-offender relationship*. Ellsberg, Jansen, Heise, Watts dan García-Moreno (2008) juga telah meneruskan kajian terhadap data yang sama dengan Garcia-Moreno *et al* (2006), berkenaan keganasan rumahtangga dan kaitannya dengan kesihatan diri mangsa.

Hasil kajian menunjukkan bahawa antara 19 peratus hingga 55 peratus responden telah mengalami kecederaan mental dan fizikal akibat keganasan yang berlaku, malah ada yang pernah bertindak untuk membunuh diri. Trauma, tekanan jiwa, *stress-related syndromes*, kebergantungan kepada ubat, serta bunuh diri banyak dilaporkan berlaku dalam kehidupan mangsa keganasan rumahtangga. Begitu juga beberapa kesan negatif terhadap masalah kesihatan fizikal dan seksual seperti kecederaan, kesakitan yang kritikal, *gastrointestinal*, serta kesan *gynaecology* dan kesihatan reproduktif seperti penyakit kelamin berjangkit, kesakitan kronik di pelvik dan kehamilan yang tidak terancang (Coker, 2007; Hicks, 2006; Fischbach & Herbert, 1997). Malah sebanyak tiga hingga 13 peratus keganasan yang dilakukan terhadap ibu hamil melalui laporan di serata dunia telah dikesan dan memberi kemudaratian kepada ibu dan anak. Kekerapan mangsa keganasan rumahtangga dalam merujuk pusat kesihatan juga berganda berbanding wanita biasa yang tidak mengalami penderaan (Campbell, 2002).

Kajian terhadap kesan negatif penderaan terhadap kesihatan fizikal, mental dan emosi mangsa untuk jangka masa panjang juga telah dijalankan. Coker, Davis, Arias, Sujata Desai, Sanderson *et al* (2002), telah menghubungi semula sebahagian mangsa

penderaan daripada data yang telah dianalisis pada November 1995 hingga Mei 1996 bagi mengetahui tahap perkembangan kesihatan mental dan fizikal yang terkini. Dapatkan kajian memperlihatkan 28.9 peratus dari 6,790 orang wanita dan 22.9 peratus daripada 7,122 orang lelaki telah memberi respon terdapat beberapa kesan yang negatif terhadap fizikal dan mental mereka.

Humphreys, Cooper dan Miaskowski (2010) membuat kajian terhadap 84 bekas mangsa keganasan rumah tangga yang positif *abuse assessment screen*, untuk melihat hubungan antara keganasan rumah tangga, kesakitan kronik, tekanan perasaan, *PTSD* dan trauma seumur hidup. Sampel yang dipilih ialah mereka yang mengalami keganasan rumah tangga tersebut dalam usia dewasa dan yang telah berjaya keluar daripada keganasan rumah tangga dalam tempoh setahun. 77 peratus mangsa dilaporkan mengalami kesakitan lebih daripada tiga bulan dan 75 peratus mengalami kesakitan yang kronik. Dapatkan kajian menunjukkan kesan mengalami kesakitan yang kronik menyebabkan mangsa kurang dipilih untuk diberi pekerjaan sekaligus menyebabkan mereka mengalami tekanan perasaan, dan mereka adalah mangsa yang berada lama dalam situasi penderaan tersebut.

Seterusnya kajian oleh Dutton, Green, Kaltman, Roesch, Zeffiro dan Krause (2006), berkenaan faktor-faktor yang membawa kepada kesan negatif tersebut, melibatkan kajian terhadap psikologi, biologi, neurologi, tindakan, dan perubahan psisiologi akibat penderaan, menggunakan kajian-kajian sepanjang 20 tahun tedekat. Kelima-lima skop kajian tersebut banyak dikaitkan dengan *PTSD*. Parker dan Lee (2007), turut membuktikan hubung kait antara bentuk-bentuk penderaan, dan cara mangsa berhadapan dengan masalah dengan kesihatan psikologi mangsa.

Mangsa keganasan rumah tangga sebenarnya bukanlah bersifat pasif. Mereka terdesak untuk meluahkan permasalahan cuma bingung dan risau. Menurut Tengku Nur Fadzilah *et al* (2015), hasil bincian mereka menunjukkan bahawa 92.3 peratus daripada 316 responden telah membuat aduan kepada institusi seperti pejabat polis, hospital atau NGO, juga kepada golongan terdekat yang dipercayai seperti ahli keluarga dan rakan. Begitu juga Nurfadhilah (2014) telah melakukan kajian terhadap trauma yang dialami mangsa penceraian pasangan muda akibat keganasan rumah tangga di Johor yang menunjukkan betapa mereka memerlukan sokongan dalam pelbagai bentuk daripada semua pihak sama ada pihak berautoriti juga masyarakat amnya.

Faktor kekerapan berlakunya penderaan mempengaruhi mangsa untuk membuat aduan apabila kajian Palermo, Bleck dan Peterman (2013), menunjukkan wanita yang berkahwin lebih banyak tampil membuat laporan, juga faktor peningkatan umur dan lokasi tempat di bandar yang memudahkan mangsa mengakses servis pekerja sosial. Ekonomi yang kukuh juga membuatkan mangsa berani untuk keluar daripada kemelut tersebut. Kajian Palermo *et al* (2013) ini dilakukan terhadap 284,281 orang mangsa wanita di 24 buah negara dan menunjukkan 40 peratus mangsa berkongsi masalah dengan seseorang yang dekat tetapi, hanya 7 peratus yang melaporkannya secara formal kepada pihak rasmi.

Berkenaan Akta Keganasan Rumahtangga 1994, Daleleer Kaur Randawar (2012) telah melakukan kajian tentang keberkesanaannya dalam melindungi wanita-wanita yang didera. Data dikumpulkan berdasarkan temu bual dengan pihak berautoriti yang terlibat serta mangsa-mangsa penderaan itu sendiri. Hasil kajian menunjukkan akta ini membantu sebagai panduan dan memerlukan beberapa penambah baikan tertutama dalam sudut menyediakan perlindungan kepada mangsa.

1.8.3 Keganasan Seksual Dalam Rumahtangga

Sejarah menunjukkan keganasan seksual yang dilakukan oleh suami terhadap isteri, tidak diterima sebagai satu kesalahan dan dikecualikan daripada tindakan undang-undang. Pengecualian ini berlaku semenjak abad ke-18 oleh hakim Inggeris, Lord Matthew Hale kerana perkahwinan dianggap sebagai lesen pelacuran wanita secara sah (Monson & Langhinrichsen-Rohling, 1998), sebelum berlaku pengundian dalam usaha mengubah akta membenarkan suami didakwa atas alasan keganasan seksual terhadap isteri sekitar tahun 1970-1980-an (Ryder & Kuzmenka, 1991; Jerrard, 1992). Keganasan seksual dalam rumahtangga ialah isu yang serius dan dialami oleh 10 peratus hingga 14 peratus daripada jumlah wanita berkahwin dan 40 peratus hingga 50 peratus daripada jumlah mangsa penderaan rumahtangga. Keganasan ini selalunya berlaku dalam rumahtangga yang mengalami masalah, serta kondisi mangsa yang tidak dapat mengelak serangan seksual daripada pasangan mereka (Martin, Taft & Resick, 2006).

Memandangkan pengkaji dan pelaksana undang-undang sering mengalami konflik dan kekeliruan dalam memahami definisi dan istilah keganasan seksual dalam rumahtangga, Bagwell-Gray, Messing dan Baldwin-White (2015) telah menjalankan penyelidikan bagi memberi penyelesaian kepada masalah tersebut. Kaedah kajian dokumentasi terhadap 49 bahan penulisan dan kajian berkenaan isu ini telah dilakukan dan hasilnya, empat pembahagian *taxonomy* dalam memperjelaskan keganasan seksual oleh pasangan telah dibentuk merangkumi keganasan seksual oleh pasangan, tekanan (yang merangkumi ugutan dan desakan) daripada pasangan untuk melakukan hubungan seksual, penderaan seksual oleh pasangan, dan perlakuan seksual oleh pasangan secara paksaan. Antara pasangan sendiri juga tidak ramai yang mengetahui pengertian keganasan seksual tersebut sehingga menyebabkan ramai wanita menjadi

mangsa tanpa sedar dan berada dalam keadaan tertekan (Logan, Walker & Cole, 2015).

Keganasan seksual oleh pasangan termasuklah apabila isteri tidak mempunyai hak untuk menolak hubungan seksual tersebut, lebih-lebih lagi dalam keadaan suami mereka berpenyakit. Md. Zawawi *et al* (2015) telah membuat kajian ke atas diskriminasi yang berlaku terhadap mangsa apabila para isteri sendiri tidak tahu hak-hak mereka dalam perkahwinan, antaranya hak menolak paksaan suami, penghidap HIV dalam melakukan hubungan seksual sehingga mereka sendiri terjangkit virus yang sama. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa ilmu berkenaan hak pasangan dan tanggungjawab kendiri perlu difahami oleh setiap orang sebelum dan sepanjang melayari rumah tangga.

Terdapat banyak kes keganasan seksual sebenarnya. Menurut Messing, Thaller dan Bagwell (2014), 43.98 peratus daripada 432 sampel keganasan rumah tangga turut menjadi mangsa keganasan seksual oleh pasangan, iaitu sebanyak 17.36 peratus kes keganasan seksual dan 26.62 peratus kes paksaan hubungan seksual. Hasil kajian mereka menunjukkan ada perkaitan antara keganasan seksual dalam rumah tangga dengan faktor kelakuan ganas pemangsa itu sendiri apabila mereka sanggup mengancam bunuh, melakukan keganasan sehingga pasangan berlaku keguguran dan cedera, bersikap cemburu buta dan sebagainya.

Begitu juga dengan kajian analisis terhadap 202 laporan kesihatan mangsa-mangsa keganasan seksual rumah tangga yang dijalankan Grams Ana, Carneiro de Sousa, Roesch Ronald dan Pinto de Costa (1997) serta temu bual terhadap 66 orang mangsa yang sedang dirawat di *Institute of Legal Medicine of Oporto*, Utara Portugis, telah menunjukkan bahawa kes keganasan seksual dalam rumah tangga yang berlaku bukan sekali tetapi sepanjang perkahwinan mangsa dengan pelaku, lebih tinggi daripada jangkauan sebenar. Hal ini kerana, mangsa-mangsa yang mengalami keganasan

seksual selalunya tidak membuat laporan jenayah terhadap tertuduh kerana tidak mendapat sokongan pihak keselamatan dan ahli masyarakat.

Sebanyak tujuh hingga 50 peratus daripada jumlah wanita seluruh dunia telah menjadi mangsa keganasan seksual dalam rumah tangga, juga termasuk keganasan fizikal. Kesan negatif yang banyak terhadap mangsa termasuklah *PTSD* dan tekanan perasaan, faraj dan anal yang terkoyak, keguguran, jangkitan penyakit yang berpindah akibat hubungan seksual, dan sebagainya. Kecederaan yang dialami oleh mangsa keganasan seksual dalam rumah tangga hampir sama dengan mangsa rogol oleh orang luar, namun akibat tidak mendapat pendedahan, mangsa tidak membuat laporan dan tidak mendapat khidmat jagaan kesihatan yang baik (Boucher, Lemelin & McNicoll, 2009).

Keganasan seksual dalam rumah tangga di Malaysia masih menjadi dilema kerana dianggap permasalahan dalam suami isteri yang sulit dibawa keluar, juga kerana tiada penjelasan dan akta khas yang membincangkan isu ini. Beberapa perbandingan telah dilakukan antara Undang-Undang Islam, Perundangan Malaysia dengan *Common Law* dalam mendepani kes keganasan seksual dalam rumah tangga ini tetapi masih belum memuaskan (Mohd. Shahrizad, 1994; Norazlina, 2004). Malah di peringkat antarabangsa juga, undang-undang hari ini tidak menyelesaikan masalah, sekadar melimitasikan perbuatan tersebut (Monson & Langhinrichsen-Rohling, 1998). Seperti di Singapura, undang-undang menetapkan hubungan seksual dalam perkahwinan tidak dianggap rogol dengan syarat isteri mestilah tidak lebih muda dari usia 13 tahun, serta sedikit perubahan berlaku dalam akta, kesalahan dikenakan apabila suami memaksa melakukan hubungan seksual sedangkan pasangan telah tidak tinggal bersama lagi (Chan Wing Cheong, 2009).

1.8.4 Krisis Pengabaian Hak dan Tanggungjawab Dalam Rumahtangga

Ikatan perkahwinan membawa kepada beberapa kewajipan yang perlu dipenuhi antara pasangan. Pengabaian tanggungjawab ini akan membawa kepada krisis rumahtangga.

Walaupun pasangan telah menghadiri kursus praperkahwinan, tetapi sejumlah besar pasangan masih gagal memahami hak dan tanggungjawab masing-masing (Zulkifli Dahalan, 2003). Kajian Azhar dan Kamarul Azmi (2006) terhadap laporan pengaduan sesi kaunseling rumahtangga yang dijalankan oleh JAIN Johor menunjukkan 40.7 peratus daripada pengaduan adalah akibat pengabaian suami terhadap tanggungjawab dalam keluarga seperti tidak memberi nafkah, penderaan terhadap isteri dan penjagaan anak. Peratusan ini tidak termasuk 38.6 peratus yang telah mengemukakan permohonan cerai dengan salah satu alasannya adalah kerana pengabaian hak dan tanggungjawab dalam rumahtangga.

Begitu juga dengan kajian Raihanah Azahari (2008) terhadap permasalahan rumahtangga yang dihadapi pasangan khususnya wanita muslim di Malaysia. Kajian menunjukkan 73 peratus daripada 3,117 kes aduan adalah daripada isteri dan 38.56 peratus berakhir dengan perceraian. Hal ini menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab boleh membuatkan toleransi pasangan mencapai limitasi. Di samping itu, terdapat unsur lain yang perlu dititik beratkan oleh pasangan suami isteri, seperti aspek komunikasi yang sangat signifikan dalam rumahtangga. Kajian Mohd Taib Ariffin (2006), terhadap soalan faktor untuk sampel yang pernah bercerai, 32.8 peratus responden memilih faktor komunikasi yang tidak baik dan tidak harmoni sebagai punca keretakan rumahtangga.

Hakikatnya Islam telah lama menyediakan hak dan tanggungjawab setiap pasangan dengan sempurna dan seimbang. Tidak berlaku isu ketidakadilan dan diskriminasi

seperti yang dikaitkan dengan Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI) melainkan wujudnya faktor lain seperti emosi, ketidakfahaman prosedur mahkamah dan pengaruh feminism yang mewujudkan permasalahan ini (Md Zawawi, 2012). Malah kajian Mansur Isa Yelwa (2013) terhadap hak nafkah isteri dalam UUKI membuktikan betapa Islam menjamin perlindungan hak wanita yang telah berkahwin. Nafkah yang dimaksudkan terdiri daripada makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain. Kajian yang dilakukan terhadap Akta UUKI, al-Quran, Sunnah dan pendapat-pendapat fiqh mendapati pendapat empat mazhab adalah pendapat majoriti dan telah pun diaplikasikan dalam UUKI di Malaysia.

Seiring dengan menangani keruntuhan institusi rumahtangga yang kronik, Rahimin Affandi, Paizah dan Norhayati (2008) membuat kajian berkenaan keperluan mereformasikan UUKI di Malaysia terutama dari aspek pembelaan wanita dalam perundangan bagi mengelak salah faham terhadap Islam. Beberapa contoh reformasi yang telah digerakkan oleh UUKI sama ada untuk pasangan pra-perkahwinan atau selepas perkahwinan turut disertakan dalam kajian seperti langkah mewajibkan kursus praperkahwinan bagi pasangan yang ingin berkahwin, kerelaan bakal pengantin dan peranan wali, peraturan perceraian yang lebih ketat dan sebagainya.

1.8.5 Pembubaran Perkahwinan

Pembubaran perkahwinan atau perceraian terdiri dari talak, khuluk, fasakh dan talak *ta'liq*. Talak adalah perceraian yang dilafazkan oleh suami atau merupakan perceraian atas persetujuan bersama, dan merupakan jalan perceraian yang paling mudah dan ringkas kes perbicaraannya (Muhammad Nizam Awang atau Ali Noraini Ismail, 2004). Talak *ta'liq* pula merupakan perjanjian bertulis yang dilafazkan oleh suami selepas selesai ijab dan qabul. Namun di Malaysia, *ta'liq* terikat hanya apabila suami


meninggalkan isteri atau tidak memberi nafkah melebihi empat bulan atau memudarangkan isteri berbanding di negara-negara Timur Tengah yang lebih meluas *ta'liq* yang dibenarkan. Kajian Nor Fadzlina Nawi (2003) mencadangkan agar setiap pasangan di Malaysia diberi ruang untuk menyenaraikan syarat-syarat bagi menjaga kebijakan mereka sepanjang tempoh perkahwinan berlangsung.

Fasakh pula ialah perceraian yang diputuskan oleh hakim dan telah banyak berperanan dalam membela nasib wanita yang mempersuamikan lelaki yang tidak bertanggungjawab, melakukan keganasan rumah tangga dan mengabaikan isteri. Perbincangan kajian Raihanah Abdullah (t.t) dibuat berkenaan alasan-alasan untuk membubarkan perkahwinan melalui fasakh sebagaimana yang diperuntukan dalam UUKI, selari dengan pembaharuan yang berlaku sejak kurun ke-19 Masehi. Manakala khuluk adalah kaedah isteri membayar ganti rugi kepada suami agar diceraikan dalam keadaan suami tidak mahu menceraikan sedangkan telah berlaku perkara yang tidak menyenangkan hati isteri untuk meneruskan perkahwinan. Hal ini bersumberkan dalil al-Quran, hadis dan ijmak (Zaini Nasohah, 2000).

Terdapat beberapa faktor pendorong berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat muslim di Malaysia seperti faktor ekonomi dan sosial bagi kajian di negeri Terengganu (Roslelawati & Nordin, 2014), ketidakmatangan pasangan serta taraf pendidikan yang rendah akibat tingkat umur perkahwinan pertama yang muda (Che Hashim, 2006), serta pengabaian tanggungjawab antara pasangan (Abe Sohpian, Zuliza & Anwar Fakhri, 2014). Golongan berpendapatan rendah juga terbukti merupakan mereka yang paling ramai terlibat dengan kes perceraian mengikut penyelidikan Masnah, Mohd Zaki, Norhayati, Roslina Salwani dan Wan Murshida (2002) selain pemilihan pasangan yang memainkan peranan besar terhadap perlakuan salah laku seks (Fakhrurrazi, t.t).

Berdasarkan kajian terhadap sorotan karya terdahulu, dapat disimpulkan bahawa masih belum ditemui kajian terhadap kes-kes perceraian yang berlaku akibat keganasan seksual dalam rumah tangga. Melalui sorotan ini juga jelas berlaku jurang kajian sedia ada dalam memahami konsep hak seksual dalam rumah tangga menurut perspektif Islam.

1.9 Kerangka Konseptual



Rajah 1.0. Kerangka konseptual

1.10 Metodologi Kajian

Kajian ini mengguna pakai reka bentuk kualitatif kerana menurut Sharan B. Merriam (2009), fokus kaedah kualitatif adalah kepada proses, kefahaman dan pengertian. Daripada pembahagian kaedah kualitatif, kajian kes diambil sebagai bentuk kajian

kerana bersesuaian dengan fenomena yang ingin diselidiki iaitu, faktor perceraian akibat keganasan seksual yang berlaku di MRS Negeri-Negeri Utara.

1.9.1 Teknik Pengumpulan Data

Terdapat beberapa kaedah kajian kualitatif seperti dokumen, arkib, rekod, temu bual, observasi secara terus, observasi secara penyertaan dan artifik (Yin, 2015). Oleh itu, kaedah kajian dokumentasi dan kajian arkib serta temu bual dipilih kerana hubungan bentuk dan objektif kajian yang ingin dicapai dilihat bersesuaian bagi kajian ini.

i) Kajian Kepustakaan

a) Kajian Dokumentasi

Antara sumber yang digunakan dalam proses analisis dokumentasi, ialah data temu bual bersama responden kajian, al-Quran, buku-buku hadis, buku-buku tafsir, buku-buku fiqh, statut perundangan di Malaysia, jurnal penyelidikan, kertas kerja seminar, serta bahan-bahan bercetak dan tidak bercetak lain yang berkaitan. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat mengenai pengertian keganasan seksual serta hak dan tanggungjawab seksual dalam Islam.

b) Kajian Arkib

Kajian arkib merupakan kajian terhadap data yang tetap dan tidak berubah seperti rekod mahkamah dan rekod bancian (Sabitha Marican, 2005). Justeru, kajian arkib bagi kajian ini adalah melibatkan dua jenis fail perceraian yang terpilih, iaitu fasakh dan talak *ta'liq* akibat keganasan seksual yang dibicarakan di MRS negeri Kedah dan Pulau Pinang. Pemilihan fail melibatkan kes yang telah dibicarakan sepanjang tahun 2005 hingga 2015.

ii) Temu bual

Temu bual bagi kualitatif dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu berstruktur, semi-struktur dan tidak berstruktur/tidak formal. Kategori-kategori ini ditentukan oleh bentuk soalan sama ada soalan berformat atau soalan berpandu atau soalan *open-ended* (Merriam, 2009). Memandangkan kaedah temu bual sesuai digunakan untuk mengkaji perspektif individu atau kumpulan kajian (Glatthorin, 1998), kaedah temu bual semi struktur dipilih bagi mengetahui gambaran keganasan seksual dalam rumahtangga serta eleman-eleman yang mendorong ke arah keganasan tersebut secara umum. Kaedah ini memberi ruang yang luas dalam penerokaan isu, kerana bentuk soalan lebih fleksibel dan tidak terikat tetapi masih berobjektif dan berpandu (Merriam, 2009).

Kaedah temu bual ini menggunakan persampelan bertujuan justeru, pemilihan subjek adalah yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Persampelan jenis ini adalah tidak rawak kerana mempunyai ciri-ciri tertentu agar fokus kajian dapat dipenuhi (Chua Yan Piaw, 2014). Temu bual melibatkan empat orang Hakim Syarii dari empat buah MRS terpilih, iaitu Sheikh Shahmi bin Awang dari MRS Kota Setar, Sheikh Amirudin Putera Zainol Abidin dari MRS Kuala Muda, Sheikh Mohd Anuar Shaari dari MRS Seberang Perai Utara dan terakhir Sheikh Muhammad Ridhuwan Ibrahim dari MRS Daerah Timur Laut. Namun, hakim bagi MRS Seberang Perai Utara memilih untuk tidak ditemu bual atas faktor tidak pernah mengendalikan kes-kes sebegini lagi kerana baru bertugas. Justifikasi bagi pemilihan seorang Hakim Syarii di MRS terpilih untuk ditemu bual adalah kerana, hanya terdapat satu jawatan Hakim Syarii di setiap mahkamah terbabit. Manakala bagi subjek mangsa atau isteri, pelan awal adalah dengan penglibatan plaintiff daripada fail tuntutan perceraian kajian kes. Mereka telah dihubungi semula bagi tujuan menemu bual latar belakang kes keganasan seksual dalam rumahtangga melalui sudut pandang pasangan.

Namun tidak ada yang memberi respon walaupun surat telah diterima (melalui pos laju) serta khidmat pesanan ringkas telah dihantar. Terdapat seorang plaintif yang membalas pesanan khidmat tersebut tetapi jawapan beliau adalah tidak mahu terlibat dalam temu bual tersebut. Memandangkan data temu bual ini hanya sebagai data pengukuhan dan hujah yang menguatkan data dokumentasi yang telah diperolehi, pelan kedua telah difikirkan untuk mencari sampel mangsa keganasan seksual dalam rumahtangga yang diambil daripada responden tanpa mengambil kira negeri bagi melihat corak umum isu keganasan seksual dalam rumahtangga ini di seluruh Malaysia. Pengkaji mengambil inisiatif dengan sokongan penyelia untuk mencari responden menerusi teknologi internet iaitu melalui ruang sosial facebook. Spreadsheet diedarkan dengan beberapa soalan ringkas. Seramai 22 orang responden telah memilih jawapan ‘ya’ bagi soalan ‘Adakah anda pernah mengalami keganasan seksual dalam rumahtangga?’ serta jenis-jenis keganasan seksual yang telah mereka alami seperti diliwat, dipaksa melakukan hubungan seksual ketika dalam pantang, ketika sakit, ketika dalam haidh dan tanpa mengira waktu, tempat dan keadaan isteri. Mereka telah dihubungi semula dan hanya lima orang dari 22 orang responden tersebut bersetuju untuk ditemu bual melalui email.

Walaupun temu bual melalui email dilihat kurang efektif dan kurang dominen dibandingkan dengan *face to face interview*, kaedah ini adalah diterima dan memenuhi method kajian berdasarkan beberapa justifikasi (Lokman I. Meho, 2006; Opdenakker, 2006; James, 2007; Gibson, 2010; Bowden & Galindo-Gonzalez, 2015):

- i. *Social cues* seperti ekspresi wajah oleh responden tidak menjadi sumber informatif bagi kajian kes.
- ii. Berlaku penjimatan dari segi kewangan dan waktu untuk urusan perjalanan.
- iii. Keperluan kepada kerahsiaan identiti seperti yang diminta oleh responden.

iv. Responden memerlukan waktu dan ruang untuk menjawab soalan-soalan.

Responden juga lebih selesa dengan medium temu bual ini apabila mereka tidak memerlukan tekanan untuk menjawab soalan atau tidak janggal untuk mengakui realiti jika mereka melakukan kesalahan.

v. *Standardization* bagi situasi temu bual tidak menjadi keutamaan dalam kajian.

vi. Transkrip temu bual berlaku secara langsung dan tidak melibatkan gangguan lain.

Berkenaan soal realibiliti responden melalui email, responden akan secara sendirinya memberitahu maklumat peribadi apabila mereka mulai selesa dengan proses temu bual dan perkara ini menidakkan tuduhan manusia palsu di balik akaun laman sosial (Gibson, 2010) dan perkara ini turut berlaku dalam kajian ini. Justeru temu bual melalui email diterima sama seperti temu bual bersemuka berdasarkan kesesuaian jenis kajian kes.

1.10.2 Analisis Data

Apabila data-data telah dikumpulkan untuk keperluan penyelidikan ini, berikutnya dilakukan pengolahan dan penyimpulan data dengan menggunakan kaedah analisis kandungan.

i) Kaedah Analisis Kandungan

Menurut Sulaiman Masri (2005), analisis kandungan adalah kajian yang lebih objektif, sistematik dan kuantitatif terhadap data tersedia, merangkumi kandungan bertulis dan kandungan lisan, bertujuan untuk meneroka tema dan persoalan bahan tersebut. Strategi analisis ini dilakukan terhadap bentuk perkataan, dan bukan manusia. Kaedah ini digunakan secara keseluruhan dalam kajian ini memandangkan data tersedia adalah berbentuk teks seperti fail-fail perceraian akibat keganasan seksual, kitab-kitab fiqh, jurnal dan bahan bertulis yang lain selain berbentuk lisan seperti temu bual bersama

subjek dan informan. Terdapat enam langkah dalam analisis kandungan seperti yang disenaraikan oleh Asiah Sarji (1999:23) iaitu: (i) mengenal pasti permasalahan kajian; (ii) memilih sampel dan memberi definisi kepada konsep-konsep terpilih; (iii) membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut peraturan yang objektif; (iv) menentukan skor-skor yang dipilih; (v) membandingkan skor-skor yang dipilih; (vi) memberi interpretasi hasil kajian berdasarkan konsep dan teori tertentu.

Jadual di sebelah merujuk kepada penggunaan langkah-langkah tersebut dalam menganalisis dokumentasi bagi bab tiga iaitu berdasarkan fail perceraian akibat keganasan seksual dalam rumahtangga dan bab empat iaitu melibatkan perbincangan sarjana dalam kitab-kitab fiqh.

Jadual 1.1

Langkah-langkah analisis kandungan

Bil	Langkah	Bab 3	Bab 4
1	Mengenal pasti permasalahan kajian	Kes keganasan seksual dalam rumahtangga yang telah mengakibatkan keganasan seksual dalam rumahtangga.	Berlaku salah faham dalam menginterpretasikan hukum syarak dalam rumahtangga khususnya hak dan tanggungjawab seksual.
2	Memilih sampel dan memberi definisi kepada konsep-konsep terpilih	Sampel kajian adalah fail kes perceraian merangkumi talak <i>ta'liq</i> dan fasakh akibat daripada keganasan seksual dalam rumahtangga sepanjang tahun 2005 hingga 2015.	Memilih kitab-kitab sarjana yang menyentuh perbincangan mengenai hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan, kitab-kitab kaedah fiqh dan <i>maqasid syariah</i> , kitab-kitab perbincangan konteks tafsir dan hadis serta jurnal-jurnal kesihatan.
3	Membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut peraturan yang objektif	Setiap fail perceraian yang terpilih, dibaca dan diteliti bagi melihat kepada konsep keganasan rumahtangga serta faktor-faktor yang	Setiap perbincangan daripada sumber yang terpilih, dibaca dan diteliti bagi melihat kepada konsep hak dan tanggungjawab seksual dalam rumahtangga menurut Islam. Penelitian

Sambungan jadual 1.1

		mempengaruhi kejadian keganasan seksual dalam rumahtangga, bersesuaian dengan objektif kajian.	dilakukan terhadap pendapat sarjana mengenai sesuatu dalil yang terdiri daripada al-Quran dan hadis. Penelitian merangkumi penggunaan dalil-dalil, kekuatan dalil yang digunakan dan kesahihannya.
4	Menentukan skor-skor yang dipilih	Setiap isu atau skor yang difokuskan akan direkod.	Setiap isu atau skor yang difokuskan akan direkod.
5	Membandingkan skor-skor yang dipilih	Setiap skor dari fail terpilih akan dibandingkan bagi melihat kepada kes keseluruhan pembubaran perkahwinan akibat keganasan seksual dalam rumahtangga.	Saringan dilakukan terhadap pendapat-pendapat sarjana dalam menentukan pendapat yang paling kuat iaitu dengan melihat kepada dalil yang diguna pakai, sama ada bertepatan atau tidak dengan <i>maqasid syariah</i> serta kaedah-kaedah fiqh.
6	Memberi interpretasi hasil kajian berdasarkan konsep dan teori tertentu	Merumuskan penilaian berkenaan faktor-faktor keganasan seksual dalam rumahtangga berdasarkan penelitian terhad terhadap fail pembubaran perkahwinan tersebut.	Merumuskan konsep hak dan tanggungjawab seksual dalam rumahtangga menurut Islam berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber berikut.

Sumber: Asiah Sarji (1999:23).

1.11 Kesimpulan

Perkahwinan adalah bertujuan untuk saling berbuat baik dan berkasih sayang antara pasangan. Islam melarang keras sebarang bentuk kezaliman dalam rumahtangga. Namun realiti adalah sebaliknya apabila banyak kejadian keganasan rumahtangga dilaporkan berlaku dalam masyarakat. Dalam masa yang sama, keganasan berbentuk seksual turut berlaku dalam perkahwinan meski cuba dinafikan banyak pihak. Penafian kewujudan istilah rogol dalam perkahwinan telah menimbulkan kecelaruan maklumat dan salah faham dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan bukti-bukti aduan dan fail

kes-kes pembubaran perkahwinan dari Mahkamah Syariah akibat keganasan seksual telah menjelaskan bahawa perkara ini merupakan satu penderaan terhadap isteri yang terbukti berlaku *darar* tetapi masih menjadi kekeliruan dalam perbincangan. Justeru kajian mengenai hak dan tanggungjawab seksual dalam rumah tangga menurut Islam perlu lebih dihalusi kerana kajian seperti ini belum lagi ditemui berdasarkan sorotan karya yang lalu.



BAB DUA

KONSEP JENAYAH SEKSUAL

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan konsep jenayah seksual bagi memahami dengan lebih lanjut isu keganasan seksual dalam rumahtangga. Memandangkan perbincangan konsep jenayah seksual dalam Islam adalah kurang, kajian ini memilih untuk mengambil pandangan dan sumber dari kedua-dua pihak iaitu, cendekiawan barat serta sarjana Islam untuk penilaian terhadap isu ini secara umum. Bab ini dimulai dengan definisi serta undang-undang yang melibatkan hukuman jenayah seksual. Seterusnya dikeluarkan faktor-faktor jenayah tersebut dari kajian kepustakaan dan akhir sekali, disenaraikan lima kategori jenayah seksual.

2.2 Definisi Jenayah Seksual

Sebelum melihat isu jenayah seksual atau rogol, definisi perbuatan tersebut perlu difahami terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana, kekeliruan dalam memahami definisi telah banyak mengakibatkan mangsa tidak membuat laporan polis kerana tidak tahu bahawa perlakuan pelaku terhadap mangsa adalah jenayah rogol, dan kes ini dikenali sebagai *unacknowledged rape* (Johnstone, 2016; Harned, 2005; Koss, 1985; Peterson & Muehlenhard, 2004; Bondurant, 2001; Koss, Dinero, Seibel & Cox, 1988). Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, terdapat beberapa bentuk definisi jenayah rogol mengikut undang-undang Malaysia, juga definisi dalam kalangan cendekiawan barat dan ilmuan Islam.

a) Undang-Undang Malaysia.

Definisi rogol tertakluk kepada Akta 574 seksyen 375 *Penal Code (Revised 1997)*, iaitu persetubuhan yang dilakukan:

“(a) bertentangan dengan kemahuan perempuan itu; (b) dengan tiada kerelaan perempuan itu; (c) dengan kerelaan perempuan itu manakala kerelaannya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan atau cedera, atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat dari salah tanggapan tersebut; (d) dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu ketahui bahawa ia bukan suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang ia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau yang kepadanya ia akan memberi kerelaan; (e) dengan kerelaannya, jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan; (f) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak jika perempuan itu di bawah umur enam belas tahun” (*Law of Malaysia*, 2006).

Perbuatan tersebut dikira sebagai jenayah rogol cukup sekadar dengan berlakunya penembusan organ seksual lelaki ke dalam organ seksual perempuan walaupun tidak disusuli dengan ejakulasi sama ada di dalam atau di luar rongga perempuan tersebut.

Air mani daripada ejakulasi tersebut tidak perlu dikira sebagai bukti kerana boleh jadi hal tersebut tidak berlaku dalam kes rogol (Hamid Ibrahim & Nasser Hamid, 2008).

b) Cendekiawan Barat

Definisi rogol telah lama dibincangkan sejak kurun ke-18 oleh pihak berautoriti dalam perundangan seperti Matthew Hale, dan Edward Coke (Snelling, 1969). Hale dalam bukunya, ‘*Pleas of the Crown*’ ada menyebut bahawa jenayah rogol ialah: “*the carnal knowledge of any woman above the age of 10 years against her will and of a woman child under the age of 10 years with or against her will*” (petikan dari Snelling, 1969: 23).

Coke juga menambah,

“Rape is when a man hath carnal knowledge of a woman by force and against her will... Rape is felony by the common law declared by Parliament for the unlawful and carnal knowledge and abuse of any woman over the age of 10 years against her will or of a woman child under the age of 10 years with her will or against her will and the offender shall not have the benefit of clergy.” (petikan dari Snelling, 1969: 22).

Menurut Snelling (1969), berlaku perbincangan di pihak pengadilan mengenai maksud ‘*against her will*’ dan ‘*without her constent*’ dalam pensabitan jenayah seksual iaitu, dalam keadaan tidak sedar seperti dalam keadaan tertidur, mabuk, gangguan mental dan khayal. Pihak pengadilan juga memasukkan ‘*by force*’ sebagai salah satu ciri rogol, iaitu apabila mangsa berhadapan dengan ancaman, paksaan serta perasaan takut dicederakan atau dibunuhi. Tidak terkecuali, *World Health Organization (WHO)* turut meletakkan definisi khusus jenayah rogol iaitu, “*physically forced or otherwise coerced penetration – even if slight – of the vulva or anus, using a penis, other body parts or an object*” (*World Health Organization*, 2002), selain turut memberi definisi kepada serangan seksual yang lebih luas seperti:

“*any sexual act, attempt to obtain a sexual act, unwanted sexual comments or advances, or acts to traffic, or otherwise directed, against a person’s sexuality using coercion, by any person regardless of their relationship to the victim, in any setting, including but not limited to home and work*” (*World Health Organization*, 2002).

Takrifan rogol yang terperinci diambil daripada Russel (2003: 13) iaitu:

“*...as intercourse imposed on a female against her wishes where her wishes are known to the rapist or where she expresses her wishes forthrightly, verbally or/and physically..., by virtue of being unconscious, drugged, asleep or in some comparable state, the woman is in no position to consent to the act. Intercourse must involve some penetration, but not necessarily ejaculation, and anal or oral penetration by the penis is also regarded as rape..”*.

c) Ilmuan Islam

Jenayah rogol tidak dibincangkan secara zahir oleh sarjana terdahulu tetapi hal ini disentuh dalam bahagian pengecualian hudud zina ke atas pelaku zina yang terpaksa atau ‘*zina al-ikrah*’. Dalam masyarakat arab pula, rogol diistilahkan sebagai ‘*ightisob*’ iaitu daripada kata asal ‘*ghasob*’ yang bermaksud merampas atau meragut atau mengambil dengan ganas (*al-Maa’niy Translation*). Memandangkan tiada pentakrifan rogol secara khusus, definisi zina perlu dilihat bagi mengambil ciri-ciri penting yang mempunyai persamaan dengan ciri-ciri rogol. Maliki memberi maksud zina di sudut syarak ialah persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang muslim dan mukalaf, yang bukan permilikannya dan di atas persetujuan bersama melalui faraj dan juga liwat (Majid Abu Rukhiyah, 2009). Hanafiah pula mengatakan zina bermaksud persetubuhan lelaki yang mukalaf ke dalam faraj perempuan yang bukan dimiliki dan tidak berlaku syubhah dalam kerelaan (Majid Abu Rukhiyah, 2009). Begitu juga, Syafi’iyyah menggambarkan zina sebagai kemasukan zakar ke dalam faraj yang diharamkan kepadanya dan terkecuali daripada syubhah dalam kerelaan dan ini diwajibkan hudud (Majid Abu Rukhiyah, 2009).

Termasuk dalam takrifan zina juga ialah persetubuhan antara lelaki dengan lelaki iaitu liwat dan perempuan dengan perempuan seperti mana dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila kedatangan lelaki dengan lelaki, maka mereka berdua adalah penzina. Dan apabila kedatangan perempuan dengan perempuan, maka mereka juga adalah penzina” (Riwayat al-Baihaqi, no 17033).

Perlakuan liwat adalah lebih dahsyat dan lebih buruk melebihi zina. Hukuman ke atas mereka adalah bunuh (Hadis Ibn Abbas, riwayat Abu Daud, no. 4462, al-Tarmizi, no. 1528, Ibn Majah, no. 2561 dan al-Baihaqi, no 17021), berbeza dengan hukuman zina

yang ditetapkan hukuman rejam hanya kepada mereka yang telah berkahwin sahaja (Wahbah al-Zuhaili, 2010). Namun Abu Hanifah berbeza pandangan dengan meletakkan liwat sebagai haram tetapi tidak termasuk zina, dan hukumannya adalah takzir (Majid Abu Rukhiyah, 2009).

Walaupun tidak disebut rogol secara jelas, sarjana telah menekankan berkenaan pengecualian takrif zina ke atas persetubuhan yang terdapat dalamnya syubhab terhadap kerelaan atau kata lain apabila berlaku paksaan. Menurut Maliki, hal ini adalah termasuk apabila mangsa tidak dapat melawan seperti dalam keadaan tidur, gila dan bawah umur (Muhammad Abdul Rahman, 1977). Hanbali menambah, ancaman kebuluran atau musim sejuk yang membeku juga dikira dalam kondisi tanpa kerelaan (Azman Mohd Noor, 2009). Ibrahim Soleh (2004) dalam penulisannya menyimpulkan maksud rogol sebagai pemaksaan sama ada lelaki atau perempuan terhadap pihak lain untuk melakukan persetubuhan, tanpa keredaan pihak tersebut atau tanpa kehendak pihak tersebut, dan hal ini secara jelas adalah haram. Pengertian ini lebih menyeluruh kerana membabitkan rogol dan liwat serta melibatkan penjenayah lelaki atau perempuan.

Sarjana telah sepakat menidakkan hudud zina ke atas perempuan yang menjadi mangsa persetubuhan yang tidak diingini (Wahbah al-Zuhaili, 2010; Majid Abu Rukhiyah, 2009; Mustaffa al-Bugha, Mustaffa al-Khan & Ali al-Syurbaji, 2008; Sayyid Sabiq, 2009). Hal ini demikian kerana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah telah memaafkan umatku jika tersilap, terlupa dan apa-apa yang dalam keadaan terpaksa” (Riwayat al-Baihaqi, no. 15094 dan Ibn Majah, no. 2043).

Selain itu, berlaku pada zaman Umar RA, dua peristiwa perlepasan hukuman hudud zina bagi perempuan yang dalam keadaan tanpa rela disetubuh oleh lelaki. Peristiwa

pertama berlaku kepada seorang perempuan yang berada dalam keadaan amat haus, dan dia meminta air daripada seorang lelaki. Lelaki itu telah meletakkan syarat untuk menyetubuhi perempuan tersebut sebagai gantian air yang diberi. Peristiwa kedua pula berlaku kepada seorang perempuan yang sedang tidur dan telah disetubuhi oleh seorang lelaki tanpa disedari (Nik Rahim, t.t.; Sayyid Sabiq, 2009).

Perincian yang dilihat paling tepat memenuhi takrif jenayah rogol adalah ciri-ciri yang dikeluarkan oleh Ibrahim Soleh (2004) bagi meletakkan situasi tersebut sebagai kesalahan jenayah rogol dan penjenayah dijatuhkan hukuman. Pertama, perogol yang melakukan jenayah. Mereka perlu berada dalam kategori mukalaf iaitu telah baligh, berakal, dan tahu tentang kesalahan zina dan rogol. Mereka juga dalam keadaan memilih sendiri untuk melakukan jenayah tersebut serta bebas daripada paksaan. Sifat lain ialah pelaku adalah berjantina lelaki. Meskipun begitu, perempuan juga boleh dijatuhkan hukuman rogol jika mereka melakukan paksaan ke atas kanak-kanak atau orang gila atau lelaki yang tidak sedar akibat tidur atau mabuk untuk melakukan hubungan seksual bersamanya. Sifat akhir, mereka mestilah dalam keadaan kudrat melakukan jenayah tersebut.

Kedua, mangsa jenayah yang diperlakukan rogol ke atasnya; Mangsa mestilah terdiri daripada jenis manusia, perempuan dan masih hidup. Mereka juga adalah dalam kategori cenderung untuk diberahi oleh syahwat. Terdapat *khilaf* dalam penetapan syarat ini kerana mangsa kanak-kanak turut terlibat. Malik, Syafii dan Hanbali meletakkan syarat berahi pada sifat matang tempat persetubuhan iaitu qubul atau dubur. Al-Syafii menyifatkan sebagai menghampiri umur baligh dan remaja. Pandangan kedua pula menghadkan pada usia sembilan tahun kerana dikatakan sebelum usia itu, mustahil kanak-kanak dilihat sebagai memberahikan. Berikut adalah pandangan Abi Ya'la daripada Hanabilah. Namun begitu, pandangan yang diambil

ialah wajib dijatuhkan hukuman hudud ke atas pelaku jenayah rogol kanak-kanak tanpa had usia walaupun pada usia yang dilihat mustahil (bayi), kerana sangat jelas pelaku itu tidak berperikemanusiaan dan tidak wujud sifat rahmat dalam dirinya.

Ketiga, jenayah rogol itu sendiri (persetubuhan); Persetubuhan itu adalah persetubuhan yang haram, iaitu tanpa nikah yang sah atau meliwat sama ada pasangan atau orang asing sama ada lelaki atau perempuan. Hal tersebut mesti melibatkan kemasukan organ sah lelaki ke dalam organ sah perempuan. Perlakuan rogol antara perempuan dengan perempuan (homoseksual) juga adalah berdosa tetapi tidak dikenakan hudud, namun dikenakan hukuman takzir yang berat dan tidak kurang daripada kesalahan liwat. Keempat, sikap salah seorang yang tidak reda, iaitu perlakuan seksual berlaku tanpa keredaan dan kerelaan daripada mangsa. Kelima, penggunaan kekerasan, penipuan serta penindasan daripada pihak pelaku.

Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa di sisi perundangan sivil atau perundangan Islam, pengertian rogol adalah sama apabila memenuhi dua ciri iaitu: (i) kemasukan zakar lelaki ke dalam faraj atau dubur perempuan dan (ii) dengan cara paksaan dan tanpa kerelaan perempuan tersebut. Perlakuan ini dikira jenayah tanpa mengira umur perempuan tersebut. Manakala takrifan jenayah atau keganasan seksual adalah lebih luas daripada itu, iaitu merangkumi sebarang perlakuan paksa atau kekerasan untuk memasukkan objek ke dalam mulut, kemaluan atau dubur wanita (*Women's Aid Organisation*).

2.3 Undang-Undang Jenayah Seksual

Dalam perbincangan ini, terdapat dua kategori hukuman bagi jenayah rogol iaitu mengikut Undang-Undang Sivil Malaysia dan kategori kedua ialah perundangan Islam.

- a. Dalam perundangan Malaysia (Seksyen 376), mereka yang tersabit melakukan jenayah rogol boleh dihukum penjara tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari 20 tahun, serta boleh dijatuhkan hukuman sebat (*Law of Malaysia*, 2006). Pada tahun 2013, Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan telah dipinda dan diperuntukkan hukuman yang lebih berat kepada penjenayah seksual iaitu penjara sehingga 30 tahun dan menaikkan hukuman minimum dari lima tahun kepada 10 tahun. Pindaan ini merangkumi jenayah rogol berkumpulan dan sumbang mahram (Kesalahan rogol akan, 2013). Kesalahan rogol dapat dibuktikan dengan ujian *deoxyribonucleic acid (DNA)* melalui pemeriksaan kesihatan terhadap mangsa sejurus selepas kejadian (Hamid Ibrahim & Nasser Hamid, 2008).
- b. Berlaku perselisihan dalam penetapan hukuman perogol menurut Islam. Hal ini demikian kerana jenayah rogol tidak disebut secara langsung dalam hukuman hudud, berbeza dengan kesalahan zina yang dinyatakan secara jelas dan disepakati iaitu, rejam sehingga mati bagi pelaku yang sudah berkahwin dan sebanyak sebanyak 100 kali sebatan bagi tertuduh yang masih bujang. Hanya berlaku perbezaan pandangan bagi hukuman tambahan buang negeri untuk pelaku bujang (Wahbah al-Zuhaili, 2010; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Majid Abu Rukhiyah, 2009). Justeru, sarjana berselisih pendapat dalam meletakkan hukuman pelaku rogol di bawah hukuman hudud zina atau di bawah hukuman hudud *hirabah* ataupun hukuman lain dalam bahagian takzir.

Hirabah menurut Syafi'iyyah ialah mereka yang keluar merompak harta benda, membunuh manusia, dan melakukan keganasan di jalanan untuk menunjukkan kekuasaan (Majid Abu Rukhiyah, 2009). Mustaffa al-Bugha *et al* (2008) memperincikan *hirabah* sebagai jenayah dalam merampas harta benda, atau membunuh atau dalam mengucar-kacirkan masyarakat, secara sengaja dilakukan

untuk menyusahkan dan menghilangkan keamanan dan ketenteraman, dan dilakukan oleh mukalaf yang terikat dengan undang-undang termasuklah zimmi atau yang telah murtad. Manakala Maliki dan sejumlah fuqaha lain juga turut memberi pengertian *hirabah* dalam masalah ini (Majid Abu Rukhiyah, 2009). Begitu juga dengan pandangan Ibn al-Arabi ketika ditanya oleh pengikutnya yang tidak bersetuju kerana rogol bukanlah daripada kategori harta benda. Beliau menjawab dengan pertanyaan: tidakkah merogol itu lebih dahsyat daripada merompak? Beliau menambah bahawa orang ramai biasanya tidak akan melawan untuk mempertahankan harta mereka sekiranya nyawa mereka diancam. Tetapi mereka sanggup menggadai nyawa demi mempertahankan maruah isteri dan juga anak-anak mereka” (Ibn al-Arabi, 2003).

Bagi jumhur ulama yang memilih hukuman zina dan liwat bagi jenayah rogol, berlaku pembahagian dalam hal ini iaitu hukuman rejam sampai mati bagi pelaku yang sudah berkahwin dan rotan 100 sebatan juga dibuang negeri bagi yang belum berkahwin, serta hukuman bunuh bagi peliwat (Ibrahim Soleh, 2004). Perselisihan berlaku bagi bayaran mahar/*diyat* kepada mangsa selepas hukuman hudud dilaksanakan. Syafi’iyyah meletakkan bayaran mahar kepada mangsa dengan *qiyyas* kepada nikah fasid, iaitu apabila berlaku persetubuhan di luar perkahwinan yang sah di sisi syarak. Begitu juga *diyat* kepada mangsa akibat kecederaan kepada selaput dara. Ibn Qudamah pula meletakkan bayaran *diyat* kepada mangsa jika mangsa mengandung akibat jenayah rogol tersebut dan meninggal dunia ketika bersalin kerana kematian tersebut termasuk dalam kesan keganasan jenayah perogol (Azman Mohd Noor, 2009). Manakala Maliki dan Zhahiri memilih hukuman bunuh, salib, dipotong tangan dan kaki secara bersilang atau dibuang daerah, sesuai dengan jenayah *hirabah* sepertimana firman Allah SWT,

“Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan membuat kerusakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya)”

(Surah al-Maidah, 5: 33).

Pandangan tepat yang dipilih oleh Ibrahim Soleh (2004) ialah seseorang hakim itu perlu menilai kes rogol yang diadili sama ada situasi ketika kejadian menepati ciri-ciri zina, atau liwat atau *hirabah* iaitu yang membabitkan serangan dan kecederaan bagi dijatuhkan hukuman sesuai dengan kategorinya. Dan bagi tertuduh yang belum sempat melakukan jenayah terbabit, hukuman takzir akan disabitkan kepadanya. Pembahagian kategori ini penting bagi keadilan kepada mangsa dan perogol itu sendiri. Menurut Azman Mohd Noor (2009), jika rogol diletakkan dalam *hirabah* semata, kes rogol yang tidak melibatkan kecederaan menjadi aspek yang berlawanan dengan ciri *hirabah* iaitu keganasan, dan pemberontakan.

Namun begitu hukuman hudud mempunyai syarat yang ketat untuk dijatuhkan bersabit dengan kesalahan ini. Dan syaratnya telah ditetapkan oleh hukum syarak berdasarkan dalil al-Qur'an dan hadis seperti wajib didatangkan dengan *syahadah*, iaitu empat orang saksi lelaki muslim, adil dan penyaksian peristiwa bukan daripada intipan bagi membawa pengaduan zina. Allah berfirman,

“Dan perempuan-perempuan yang melakukan perbuatan keji dari perempuan-perempuan kalian, hendaklah terhadap mereka ada empat saksi dari kalian (yang menyaksikannya)”

(Surah al-Nisa', 4: 15)

Hal ini mustahil berlaku, kerana perogol sama sekali tidak akan melakukan jenayah di kawasan yang terbuka dan memilih kawasan yang jauh atau tersembunyi daripada orang ramai. Syarat ini sedikit sebanyak membebankan mangsa rogol dalam membawa kes ke pihak pengadilan (Ruby Mehdi, 1990). Justeru, hukuman takzir dilihat lebih sesuai bagi jenayah seksual ini

memandangkan pihak berautoriti dapat menetapkan hukuman berat yang setimpal bersama penyelesaian dalam pembuktian mengikut kemajuan perkembangan teknologi semasa.

2.4 Faktor-Faktor Jenayah Seksual

Banyak faktor yang menjadi punca berlakunya jenayah seksual dalam masyarakat. Hal ini boleh dibahagikan kepada dua faktor utama iaitu faktor luaran yang telah menggalakkan penjenayah melakukan jenayah rogol, juga faktor dalaman yang datang daripada personaliti atau diri penjenayah itu sendiri.

2.4.1 Faktor Luaran

Terdapat tiga faktor luaran yang merangsang penjenayah untuk melakukan jenayah iaitu stigma masyarakat, media massa dan pornografi.

- a. Stigma masyarakat yang melihat perempuan sebagai objek pemilikan banyak mempengaruhi pandangan lelaki terhadap perempuan. Lelaki dididik daripada kecil bahawa mereka perlu menjadi kuat dan agresif kerana mereka adalah pihak dominan. Hal ini turut membawa kepada fahaman bahawa perempuan itu suka didominasikan, dipuja, serta didatangi oleh lelaki gagah yang tergila-gilakannya (*The Consumer's Assosiation of Penang*, 1988). Ditambah pula dengan stigma bahawa perempuan adalah tarikan kepada lelaki untuk melakukan hubungan seksual sama ada secara paksa atau sukarela. Fahaman “*women ask for it*”, “*it's her fault*”, dan “*they deserve it*” ini menyebabkan lelaki menganggap bahawa perempuan yang berpakaian kurang sopan, atau bersosial secara bebas atau berada dalam keadaan mabuk akibat alkohol atau dadah merupakan signal hijau yang membenarkan mereka disetubuhi. Hal ini merupakan sebahagian daripada *rape myths* yang telah meletakkan kesalahan jenayah ke atas mangsa (Scroggs, 1976;

Jones & Aronson, 1973; Amir, 1971; Burt, 1980; Burt & Albin, 1981; Richardson & Campbell, 1982; Dull & Giacopassi, 1987; Newman & Colon, 1994; Cassidy & Hurrell, 1995; Workman & Freeburg, 1999; Cameron & Stritzker, 2003; McGregor, 2005; Hayes, Abbott & Cook, 2016). Masyarakat menyalahkan mangsa atas tuduhan menarik perhatian atau menggoda (Jones & Aronson, 1973; Check & Malamuth, 1985; Ford, Schindler & Medway, 2001; Hockett, Smith, Klausing & Saucier, 2016), terutama bagi mangsa yang dilihat berkeperibadian liar (Amir, 1971; Scroggs, 1976; Cameron & Stritzker, 2003). Lebih mengerikan, stigma yang menyalahkan mangsa rogal ini telah membawa kepada pembunuhan bagi mengelak maruah keluarga dari tercemar akibat tuduhan masyarakat bahawa anak perempuan mereka tidak dididik dengan baik (Shalhoub-Kevorkian, 2009; Rana Husseini, 2009). Pembunuhan ini digelar sebagai *honor killing* bagi masyarakat yang mengamalkannya.

- b. Media massa sangat memainkan peranan dalam menyebar luaskan fahaman tersebut selain mengeksplorasi perempuan dan seksual dalam menarik perhatian masyarakat. Media telah meletakkan garis ukur kecantikan tubuh badan sebagai harta seorang perempuan dengan memberi gambaran perempuan sebagai objek seksual dan mengetengahkan perempuan dalam pengiklanan, filem, lagu, dan sebagainya bagi menarik pelanggan dan penonton (*The Consumer's Assosiation of Penang*, 1988). Syarikat produk dengan sengaja memasukkan model perempuan yang menggoda, tidak terkecuali model lelaki yang gagah dan unsur seksual di iklan-iklan sebagai strategi peningkatan jualan kerana penonton terbukti lebih tertarik dengan produk yang diiklankan secara seksual (Reichert, 2002; Reichert & Lambiase, 2003; Reichert & Lambiase, 2012). Rangsangan seksualiti daripada media massa ini merupakan sebahagian daripada pornografi

yang telah meracuni ideologi seksualiti masyarakat (Check & Malamuth, 1985; Harris & Barlett, 2009).

- c. Pornografi yang tersebar melalui foto, filem, majalah dan video *game* merupakan penyumbang kepada khayalan seksual secara salah (Mackinnon, 1986; Megawati Wahyudianata, 2007; Masayu S. Hanim, 2007; Layden, t.t) sekaligus mempengaruhi kecenderungan perlakuan ganas terhadap perempuan serta merangsang ke arah melakukan jenayah seksual itu sendiri (Beneke, 1982; Malamuth, Haber & Feshbach, 1980; Russell, 1980; *Attorney General's Commission on Pornography*, 1986; Gracia, 1986; Russell, 1988; Marshall, 1988; Allen, D'Alessio & Brezgel, 1995; Allen, D'Alessio & Emmers-Sommer, 2000; Marshall, 2000; Seto, Maric & Barbaree, 2001; Azimah Soebagijo, 2007).

Beberapa kajian telah membuktikan hubungkait antara sebaran pornografi dengan perningkatan jenayah seksual dan salah laku seksual dalam masyarakat (Court, 1976; Smith, 1976; Williams, 1979; Baron & Straus, 1984; Wilson, 1985; *Attorney General's Commission on Pornography*, 1986; Jaffee & Straus, 1987; Scott & Schwalm, 1988; Euis Supriati & Sandra Fikawati, 2008), walaupun dalam masa yang sama terdapat juga kajian yang menafikannya (Kutchinsky, 1973; Scott & Cuvelier, 1993; Bauserman, 1996; Diomand, Jozifkova & Weiss, 2011). Pornografi menurut Longino (1980: 44) ialah: “..*Sexually explicit material that represents or describes degrading or abusive sexual behavior so as to endorse and/or recommend the behavior as describe*” .Menurut Azimah Soebagijo (2007: 8) pula, pornografi itu boleh diertikan sebagai:“..eksplorasi dan komersialisasi seks: pengumbaran gerakan-gerakan erotis, serta pengumbaran aktivitas seksual sosok perempuan yang hadir dalam produk media komunikasi, media massa, atau pertunjukan”.

Pornografi telah memberi gambaran, perempuan sebagai objek seksual dan keganasan ke atas perempuan adalah sesuatu yang normal dalam perilaku seorang lelaki sebenar serta digambarkan bahawa perempuan menyukainya (*The Consumer's Assosiation of Penang*, 1988; Marshall, 2000; Layden, t.t.). Kajian Palys pada tahun 1986 menunjukkan bahawa aksi seks ganas disertai dengan meliwat, menampar, memukul, menarik rambut, dan perilaku agresif yang lain telah dipaparkan dalam perisian filem pornografi (Russell, 1988). Malah dalam pornografi, diperlihatkan perempuan teruja diperlaku kejam oleh lelaki, membenarkan objek dimasukkan ke dalam rongga, semakin menikmati apabila diikat, dipukul, diseksa malah diperlaku hina seakan-akan itulah kehendak seksual wanita (Mackinnon, 1986). Begitu juga dengan laporan kajian Don Smith (1976) terhadap 428 buku dan majalah porno yang menunjukkan penemuan satu per lima daripada episod seksual adalah sebenarnya perilaku rogol dan enam persen daripada episod seksual adalah sumbang mahram. Malamuth dan Spinner (1980) turut melakukan perkara yang sama dengan menganalisis kandungan dua majalah popular iaitu *Playboy* dan *Penthouse* bagi tempoh lima tahun penerbitan. Hasilnya menunjukkan bahawa kandungan majalah-majalah tersebut mengandungi hingga 13 persen gambaran seks ganas yang dilihat telah terlibat dalam mempengaruhi analogi seksual masyarakat. Hal ini tidak terkecuali dalam *video game* yang turut mempunyai unsur-unsur pornografi dan telah memberi implikasi kepada *rape myth acceptance (RMA)* (Fox & Potocki, 2016).

Kesan pendedahan pornografi seperti ini telah mengakibatkan berlaku salah faham masyarakat terhadap jenayah seksual sehingga rogol dianggap hubungan seksual biasa dan diterima. Masyarakat juga kurang bersimpati kepada mangsa kerana menganggap mangsa turut menikmati hubungan seksual yang ganas dan

lebih teruk, perspektif ini telah meletakkan mangsa dalam keadaan bersalah. Hal ini telah mengurangkan kutukan masyarakat terhadap jenayah tersebut (Malamuth, 1986; Malamuth & Check, 1981). Perkara ini sangat membahayakan kerana tanpa sedar telah mengubah sikap masyarakat terhadap keganasan seksual, hubungan seksual dengan pasangan, *pedophilia*, gangguan seksual, keganasan rumah tangga, pelacuran, jenayah seksual dan perilaku yang berbahaya kerana telah dianggap normal dan diterima (Layden, t.t.). Justeru, gambaran seksual yang salah seperti ini perlu disertakan penjelasan tentang jenayah rogol agar *RMA* dapat dikurangkan dalam masyarakat (Malamuth & Check, 1984). Hakikatnya, industri profileman pornografi itu sendiri telah melakukan penderaan seksual ke atas wanita. Saksi melaporkan pelakon perempuan porno pernah mengalami penderaan fizikal, seksual dan mental semata-mata bagi mendapatkan gambaran filem seksual yang meghairahkan (*Attorney General's Commission on Pornography*, 1986).

2.4.2 Faktor Dalaman

Terdapat tiga faktor dalaman yang mempengaruhi sikap agresif penjenayah untuk melakukan jenayah iaitu sindrom personaliti, pengalaman penderaan ketika kecil dan pengaruh alkohol.

- a. Lelaki yang cenderung untuk melakukan jenayah di luar tabiat kemanusiaan sebenarnya tidak terkecuali untuk mengalami sindrom *paraphilias* atau *sexual disorder* serta *psychopathology* atau *mental disorder* (Sturgeon & Taylor, 1980; Lindqvist, Daderman, Hellstrom & Lidberg, 2003; Lalumiere, Harris, Quinsey & Rice, 2005). *Disorder* adalah gangguan terhadap perjalanan fungsi fizikal atau mental seorang manusia, juga boleh dinilai sebagai kondisi yang tidak normal.

Paraphilias mengikut *diagnostic and statistical manual of mental disorders* merangkumi, “*recurrent fantasies, urges or behaviors of a sexual nature that center around children, non-humans (animals, objects, materials), or harming others or one's self*” (*MentalHelp.net*). *Pedophilia* adalah dalam kategori sindrom *paraphilias* (Lalumiere et al, 2005) dan termasuk dalam jenis-jenis penyakit seksual yang lain seperti *exhibitionism, fetishism, frotteurism, sexual masochism and sadism, transvestism, dan voyeurism* (*MentalHelp.net*).

Sebahagian penjenayah seksual juga dilihat memiliki *anti-sociality personality* yang mana sejak kecil mereka menunjukkan sikap tidak jujur, tidak hormat, tidak bertanggungjawab dan tidak penyayang. Mereka selalunya membesar dengan sifat suka membuli, melanggar peraturan, agresif, kejam pada haiwan dan suka merosakkan harta benda (*Mentalhealth.com*; Lalumiere et al, 2005). Personaliti ini juga tidak terkecuali dalam mempengaruhi perihal seksual seperti *hypermasculinity* dan *machismo* (kehendak dalam menjadi dominan dan tarikan sosial), *machiavellianism* (kebolehan dalam memanipulasikan orang lain) serta *sensation seeking* (Linton & Wiener, 2002). Hal ini berhubung kait dengan sikap lelaki yang tidak mahu terikat dalam perhubungan, dan kerap bertukar pasangan. *Anti-sociality personality* yang bersikap agresif dan tidak punya empati serta memilih untuk bebas secara tidak langsung telah membentuk keperibadian penjenayah seksual (Sarwer, Kalichman, Johnson, Early & Ali, 1993; Lalumiere & Quinsey, 1996; Russell & Oswald, 2002; Lalumiere et al, 2005).

- b. Pengalaman penderaan sama ada berbentuk fizikal, seksual dan mental pada zaman kanak-kanak turut menjadi penyumbang dalaman. Penderaan seksual merangkumi diliwat, dipaksa untuk merangsang pelaku secara oral atau biasa, atau juga dipaksa melakukan hubungan seksual oleh orang yang lebih dewasa daripada

mereka (Rubinstein, Yeager, Goodstein & Lewis, 1993). Terdapat beberapa kajian yang menyokong hubungan antara faktor penderaan dan perilaku jenayah seksual yang turut dikenali sebagai “*circle of abuse*” (Seghorn, Prentky & Bouncher, 1987; Malamuth, Sockloskie, Koss & Tanaka, 1991; Rubinstein *et al*, 1993; Widom & Ames, 1994; Simons, Wurtele & Heil, 2002; Coxe & Holmes, 2002).

Kebiasaan pengalaman penderaan tersebut berlaku semasa penjenayah berusia sebelum 10 hingga 12 tahun dan dilakukan oleh ahli keluarga sendiri. Penderaan telah membentuk sikap mereka terhadap keganasan dan kekerasan yang dipelajari terutama daripada keluarga yang berperantakan dan mempunyai *anti-social parenting*.

Kajian Ramirez, Jeglic dan Calkins (2015) terhadap 571 penjenayah seksual dan pencabul kanak-kanak menunjukkan, mereka yang pernah mengalami pelbagai penderaan lebih memamerkan sifat agresif berbanding mereka yang tidak pernah mengalaminya. Contoh lain, daripada 41 subjek kes jenayah rogol bersiri, tiga per empat daripada mereka merupakan mangsa seksual di zaman kanak-kanak dan separuh daripadanya adalah kes sumbang mahram (McCormack, Rokous, Hazelwood & Burgess, 1992). Perbandingan turut dilakukan oleh Zgourides, Monto dan Harris (1997) terhadap dua kumpulan iaitu pesalah juvana kes jenayah seksual dan remaja lelaki biasa, menunjukkan peratus pengalaman diperlaku secara seksual oleh orang dewasa lebih banyak dalam kalangan pesalah juvana.

- c. Faktor lain yang turut mempengaruhi perilaku jenayah ialah ketagihan alkohol (Presley, Meilman, Cashin & Leichlite, 1997; Deehan, 1999; Lindqvist *et al*, 2003). Alkohol telah terbukti meningkatkan sifat agresif dan ganas dalam diri mereka yang sedang berada di bawah pengaruhnya (Richardson, 1981; Seto & Barbaree, 1995). Selain itu, diagnosis terhadap 451 penjenayah seksual

menunjukkan separuh daripadanya adalah dalam kategori penagih alkohol dan 20 peratus merupakan penagih dadah (Langevin & Lang, 1990). Begitu juga dengan kajian Hazelwood dan Warren (1990), satu per tiga daripada 41 subjek mereka yang terdiri daripada perogol bersiri mengaku berada di bawah pengaruh alkohol semasa kejadian. Perbandingan turut dibuat antara dua kumpulan iaitu 106 subjek penjenayah seksual dan 24 subjek penjenayah selain seksual bagi melihat hubung kait ketagihan alkohol dengan rangsangan seksual. Dan keputusannya menunjukkan penjenayah seksual lebih banyak di bawah pengaruh ketagihan alkohol (Abracen, Looman & Anderson, 2000).

Menurut Farkas dan Rosen (1976), pengambilan dos alkohol yang rendah (kepekatan dalam darah kurang dari 0.025 peratus) menunjukkan kesan cepat terhadap rangsangan seksual. Walaupun begitu, semakin tinggi dos pengambilan, semakin menurun rangsangan seksual lelaki. Hal ini demikian kerana, pengambilan alkohol yang berlebihan boleh membawa kepada pengurangan *testosterone* bagi lelaki dan *sexual dysfunction* bagi perempuan (Price & Price, 1983; Peugh & Belenko, 2011). Dalam masa yang sama, terdapat kajian yang membuktikan tiada hubung kait secara jelas antara pengaruh alkohol dan jenayah seksual melainkan disertakan dengan faktor lain bagi mendorong berlakunya serangan seksual tersebut (Wilson, 1977; Ullman, Karabatsos & Koss, 1999).

2.5 Kategori Jenayah Seksual

Jenayah seksual yang dilakukan oleh perogol ke atas mangsa mempunyai beberapa kategori yang berkait dengan hubungan antara penjenayah dan mangsa, juga kumpulan umur mangsa. Kategori ini boleh dibahagikan menjadi lima perbincangan iaitu, rogol orang asing *versus* rogol kenalan, sumbang mahram, rogol statutori, rogol kumpulan dan rogol kahwin.

2.5.1 Rogol oleh Orang Asing Versus Rogol Kenalan

Pada asasnya, kejadian rogol hanya melibatkan dua kelompok penjenayah iaitu, penjenayah yang dikenali dan penjenayah asing. *Stranger rape* adalah jenayah seksual yang dilakukan oleh orang yang langsung tiada hubungan dengan mangsa dan tidak pernah langsung dikenali dan mengenali mangsa. Jenayah ini dianggap sebagai jenayah rogol sebenar dan lebih mudah dipercayai aduannya oleh orang ramai (Uca, t.t.; Koss *et al*, 1988). Manakala rogol kenalan atau *acquaintance rape* pula dilakukan oleh orang yang dikenali dan mengenali mangsa. Hubungan pelaku dan mangsa bagi kes ini boleh dibahagikan kepada kategori *nonromantic acquaintance*, *casual dates*, *steady dates* dan pasangan atau ahli keluarga (Koss *et al*, 1988). Rogol jenis ini hakikatnya lebih banyak berlaku dalam masyarakat (Koss, Gidycz & Wisniewski 1987; Koss & Harvey, 1991) walaupun tidak dipandang sebagai satu jenayah serius yang berat (Klemmack & Klemmack, 1976; Koss, 1985; Johnson & Russ, 1989; Behhofer & Parrot, 1991).

Menyediakan apabila rogol kenalan lebih mudah dipengaruhi *rape myths* yang meletakkan kesalahan pada mangsa terutama bagi kes rogol yang melibatkan *romantic acquaintance* (Tetreault & Barnett, 1987; Johnson & Jackson, 1988; Bridges & McGrail, 1989; Burt, 1991; Bridges, 1991; Suresh Kanekar & Veenapani Seksaria, 1993; Lonsway & Fitzgerald, 1994; Cowan, 2000). Mangsa dikatakan tidak pandai mengatur situasi, hanya berlaku salah faham komunikasi antara pelaku dan mangsa serta mangsa dikatakan sebenarnya menyembunyikan keinginan seksual mereka dengan sengaja. Menurut Viki, Abrams dan Masser (2004), penghakiman bagi kes rogol kenalan yang melibatkan kecenderungan *sexism*, pelaku selalunya kurang dipersalahkan dan akan dijatuhkan hukuman yang lebih rendah berbanding *stranger rape*. Perempuan yang menjadi mangsa kepada pelaku yang dikenali juga jarang

membuat aduan kerana rasa bersalah dan keliru untuk meletakkan kejadian sebagai kes rogol (Koss, 1985; Schwartz & Leggett, 1999; Kahn, Jackson, Kully, Badger & Halvorson, 2003).

Sebaliknya, banyak wanita lebih takutkan rogol orang asing berbanding rogol kenalan (Hickman & Muehlenhard, 1997; Fisher & Sloan, 2003; Barbaret, Fisher, Farrell & Taylor, 2003; Wilcox, Jordan & Pritchard, 2006). Mereka lebih berjaga-jaga dan meningkatkan keselamatan diri apabila membabitkan orang asing dan persekitaran luar (Riger & Gordon, 1981; Gordon & Riger, 1989). Menurut kajian Warr (1985), responden perempuan lebih tinggi mengambil langkah untuk tidak berjalan seorang diri, tidak keluar pada waktu malam, dan meningkatkan kawalan keselamatan rumah berbanding responden lelaki. Malah ada responden yang memilih untuk memakai kasut bagi memudahkan untuk berlari menyelamatkan diri (Riger & Gordon, 1981). Sedangkan menurut kajian Levine-MacCombie dan Koss (1986), mangsa bagi *stranger rape* lebih mudah melawan dengan agresif sehingga berjaya mengelak daripada kejadian rogol berbanding mangsa yang menghadapi situasi rogol kenalan. Mereka yang berjaya selalunya adalah mereka yang tidak mengikut emosi (akibat hubungan), bertindak ketika serangan tidak ganas serta melakukan *active response strategies* iaitu dengan menjerit sekutu hati, dan berlari jauh dari lokasi.

Hakikatnya jenayah rogol tetap dikira sebagai rogol walau siapapun pelakunya selagi mana di luar kehendak mangsa iaitu selagi memenuhi maksud rogol dalam sistem perundangan. Kesan negatif terhadap emosi dan perilaku mangsa selepas kejadian adalah sama. Mereka juga tidak terkecuali dalam menghadapi tekanan perasaan, trauma, dan *PTSD*, seperti mangsa *stranger rape* yang lain (Frazier & Seales, 1997), malah memburukkan lagi keadaan apabila kepercayaan mereka terhadap orang terdekat teruji selepas kejadian tersebut (Uca, t.t.).

2.5.2 Sumbang Mahram

Berdasarkan Kamus Dewan, sumbang ialah perkara yang berlawanan dengan adat kebiasaan dan kesopanan (*Kamus Dewan Bahasa Edisi 4*). Manakala dari sudut syariah, sumbang mahram berada dalam perbincangan ‘*wat’u almahram*’ iaitu, mereka yang melakukan persetubuhan dengan mahram (Rosdi & Hasanah, 2006) yang tersabit melalui nasab, perkahwinan atau penyusuan (Sayyid Sabiq, 2009). Begitu juga dengan *incest* yang bermaksud, “*sexual intercourse between two persons commonly regarded as too closely related to marry*” (*Dictionary.com*).

Berdasarkan realiti kes, sumbang mahram atau inses juga merupakan jenayah seksual khususnya rogol yang dilakukan oleh ahli keluarga terhadap mangsa, terdiri daripada ayah, ayah tiri, datuk, datuk tiri, datuk saudara, bapa saudara, abang, abang tiri, sepupu, ipar, mertua atau saudara lain (Yusmini Md Yusuff, 2003; Kamarul Azmi, Ahmad Kilani & Azhar, 2003). Hal ini demikian kerana mangsa senang didekati tanpa halangan lantaran tinggal serumah atau berdekatan serta ketiadaan pengawasan rasmi (Abd. Hadi Zakaria, 1998). Kemampuan penjenayah untuk menghampiri mangsa secara mudah menjadi antara faktor berlakunya jenayah itu sendiri. Jenayah inses ini sangat berkait dengan *child sexual abuse* kerana 25 peratus daripada 209 penderaan seksual kanak-kanak yang dilaporkan terdiri dari sumbang mahram mengikut kajian Csorba, Lampé, Borsos, Balla, Póka dan Oláh (2006). 44 peratus dari perogol tersebut adalah terdiri dari bapa kandung mangsa dan 40 peratus lagi adalah dari bapa tiri. Begitu juga dengan kajian Seghorn *et al* (1987) terhadap kesinambungan *circle of abuse*, yang menunjukkan pengalaman *childhood sexual abuse* yang dialami atau yang dilihat berlaku kepada saudara perempuan melibatkan bapa sebagai pelaku jenayah.

Abd. Hadi Zakaria (1998) dalam penemuannya bagi laporan kes rogol untuk tahun 1992-1994, mendapati 30 peratus daripada kes tersebut adalah sumbang mahram yang melibatkan 48.8 peratus dari kalangan bapa kandung dan 24.4 peratus adalah dari bapa tiri, selebihnya datuk, bapa saudara dan lain-lain. Mangsa juga berumur awal belasan tahun ketika kejadian berlaku dan berlaku di rumah mangsa sendiri. Memeritkan lagi apabila kebanyakan kejadian berlaku berulang kali. Hakikatnya jenayah ini sama seperti percabulan dan rogol biasa tetapi lebih dahsyat kerana melanggar norma kemanusiaan lantaran dilakukan terhadap ahli keluarga sendiri dan nyata tiada belas kasihan yang terpamer oleh pelaku buat mangsa (Zaizul, Ab. Aziz & Fakhrul Adabi, 2013). Namun terdapat juga kajian yang menunjukkan sumbang mahram ini dilakukan dalam keadaan suka sama suka iaitu antara ipar dengan ipar dan anak tiri bersama bapa tiri, juga kes ibu kandung sendiri yang memaksa anak perempuannya agar melayani nafsu buas si bapa (Kamarul Azmi *et al*, 2003).

Jenayah seksual bagi kes inses adalah jenayah yang selalu didiamkan kerana mangsa keliru dan takut kepada pemangsa. Kanak-kanak mangsa penderaan seksual takut dipersalahkan, dituduh menipu dan takut kepada kesan pendedahan (Summit, 1983). Mereka malu dan risau jika jenayah dilaporkan, akan memisahkan hubungan kekeluargaan atau maruah keluarga akan tercaltar (Nor Shafrin Ahmad, 2012). *Rape myth* juga turut mempengaruhi keputusan mereka (Salina Nen, 2010; Mohd Idham, Nasreen Miza, Hazariah Yais & Jeniwaty, 2015) terutama bagi anak perempuan yang didera secara seksual oleh bapa kandung, mereka akan mengalami tekanan yang lebih besar kerana sentiasa meletakkan diri dalam keadaan rasa bersalah mengkhianati ibu mereka, dan pada masa yang sama rasa bertanggungjawab melindungi reputasi seorang bapa (Salina, Fauziah, Suzana & Zaizul, 2012). Pada masa yang sama, jenayah sumbang mahram ini telah membuatkan mereka hilang kepercayaan kepada manusia

yang sepatutnya menjadi pelindung (Phelan, 1995). Memburukkan lagi keadaan, mereka jarang mendapat sokongan keluarga dan terpaksa menghadapinya sendirian (Roesler & Wind, 1994; Lorentzen, Nilsen & Traeen, 2008). Lantaran itu mangsa cenderung untuk tidak membuat pendedahan dan laporan.

2.5.3 Rogol Statutori

Rogol statutori ialah perbuatan jenayah seksual ke atas mangsa yang berusia di bawah 16 tahun sama ada mangsa dalam keadaan tidak berkehendak atau berkehendak (*Law of Malaysia*, 2006). Undang-undang ini adalah untuk melindungi anak-anak perempuan di bawah umur daripada eksplorasi seksual. Namun demikian, laporan kes rogol statutori yang melibatkan kes suka sama suka di bawah umur adalah agak tinggi, dan ini membimbangkan jika perundangan ini telah disalah guna oleh pelaku seksual bawah umur yang telah melakukan hubungan seksual secara rela, tetapi akibat mengandungkan anak tidak sah taraf atau hubungan cinta tidak kekal, mendesak mereka membuat aduan sebagai penyelesaian masalah (Jal Zabdi, Zulazhar, & Norbani, 2005).

Walaupun begitu, rogol statutori tidak boleh dianggap remeh kerana dalam peruntukan ini, terdapat isu besar yang melibatkan *child sexual abuse (CSA)*. Jenayah seksual kanak-kanak merupakan kejadian yang bertentangan dengan kemanusiaan atau dikenali sebagai *crime against humanity* (Zahrotul Uyun, t.t.). Jenayah seksual kanak-kanak atau statutori merupakan aktiviti seksual yang dilakukan ke atas kanak-kanak bawah umur sama ada oleh orang dewasa atau kanak-kanak lain yang lebih tua daripadanya. Aktiviti ini merangkumi *oral-genital*, *genital-genital*, *genital-rectal*, *hand-genital*, *hand-rectal*, atau *hand-breast contact*; pendedahan kepada anggota seksual; dipaksa untuk melihat anggota seksual; serta menunjukkan pornografi kepada kanak-kanak atau menggunakan kanak-kanak dalam produk pornografi (Johnson,

2001). CSA boleh dibahagi menjadi tiga kategori iaitu *non-contact abuse* seperti pendedahan seksual oleh orang dewasa kepada kanak-kanak; *contact abuse* seperti menyentuh kemaluan atau cumbuan; dan kategori ketiga ialah *intercourse* iaitu sendiri apabila melibatkan penembusan dalam bentuk oral, dubur atau faraj juga termasuk, percubaan ke arah persetubuhan tersebut (Andrews, Corry, Slade, Issakidis & Swanston, 2004).

Kejadian penderaan seksual ini melibatkan kanak-kanak perempuan dengan jumlah dua kali ganda daripada mangsa kanak-kanak lelaki, serta lapan kali ganda risiko di usia awal remaja (Dominquex, Nelke & Perry, 2002). Kanak-kanak berumur empat hingga sembilan tahun adalah paling berisiko kerana di usia itu mereka masih naif, berkeinginan untuk tahu dan kepercayaan kepada orang dewasa yang dikenali masih tinggi sekaligus menyebabkan mereka mudah dieksplorasi oleh pelaku (Wallace, 1996). Penderaan seksual ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tetapi kebanyakannya berlaku dalam keluarga yang mengalami konflik rumah tangga, hubungan renggang dengan ibu bapa dan ibu bapa yang sedang mengalami krisis penyesuaian (Fergusson, Lynskey & Horwood, 1996). Terdapat dua jenis penderaan seksual yang sering dilaporkan iaitu serangan seksual seperti rogol, liwat, pencabulan serta aktiviti sentuhan lain; dan yang kedua ialah eksplorasi seksual yang melibatkan foto lucah kanak-kanak, memperkenalkan, mempengaruhi atau memaksa kanak-kanak terlibat dalam industri perlacuran atau aktiviti lucah (Dominquex *et al*, 2002).

Jenayah seksual kanak-kanak mula diberi perhatian serius sekitar tahun 70-an apabila wanita-wanita yang pernah menjadi mangsa mula tampil membuka cerita (Armstrong, 1978; Russell, 1986; Mullen & Fergusson, 1999; Bagley & King, 2003) sehingga tumpuan mula diberikan kepada isu penderaan fizikal dan seksual kanak-kanak dengan kerjasama pekerja kesihatan, pekerja sosial dan pergerakan wanita. Kebanyakan

kejadian penderaan seksual adalah kejadian inses iaitu melibatkan bapa kandung atau bapa tiri atau ahli keluarga lelaki yang lain sebagai pemangsa (Armstrong, 1978; Katherine Brady, 1979; Ward, 1985; Vale-Allen, 2009) tanpa menolak kenyataan serangan seksual daripada pihak asing.

Mangsa yang pernah mengalami penderaan seksual pada zaman kanak-kanak sering kali menghadapi trauma yang teruk dan hal ini terbawa sehingga mencapai usia dewasa. Mereka sering berhadapan dengan memori pahit yang datang secara ‘*sudden recall*’ (Crowley, 2007). Mangsa juga mengalami konflik rendah diri, gangguan mental, *PTSD*, beremosi, rasa tidak percaya kepada orang sekeliling, rasa terasing, tingkah laku seksual yang aneh, masalah bersosial dan cenderung untuk membunuh diri (Browne & Finkelhor, 1986; Finkelhor, 1987; Finkelhor, 1990; Hanson, 1990; Parker & Parker, 1991; Mullen, Martin, Anderson, Romans, & Herbison, 1996; Widom, 1999; Andrews *et al*, 2004; Dominique *et al*, 2002; McGuigan & Middlemiss, 2005; Maureen Sarkuna, Cruz Durairaj & Nachiappan Suppiah, 2007). Malah terdapat mangsa yang menukar gender bagi melepaskan kemarahan dan kebencian yang terpendam dan ini berlaku kepada mangsa lelaki (Amran & Suriati, 2013). Namun, bagi mereka yang mendapat sokongan keluarga, tekanan yang dihadapi kurang berbanding mereka yang menghadapinya sendirian. Begitu juga dengan hubungan antara mangsa dengan pemangsa. Serangan seksual daripada orang yang dikenali lebih memberi tekanan berbanding dengan pihak asing.

Mangsa penderaan seksual kanak-kanak ini sebenarnya ingin mengadu tetapi runting dan takut (Morgan, 1990) serta tidak pandai untuk memberitahu. Malah bagi mangsa yang telah cuba membuat aduan, kebanyakannya tidak didengari oleh pihak lain (Ward, 1985) atau mangsa dianggap mereka-reka cerita yang palsu, terutama bagi

mangsa yang berusia kecil (Kellog & Menard, 2003). Menurut Wallace (1996), mangsa kanak-kanak akan cuba memberitahu secara bercerita *indirect statement*. Hasrat mereka untuk berterus terang akan terhenti apabila ibu bapa gagal memahami maksud yang ingin disampaikan. Akibat memendam perasaan, si anak akan menjadi tertekan (Browne & Finkelhor, 1986). Hakikatnya, ibu bapa dan guru perlu lebih peka kepada ‘*signal*’ yang dipamerkan oleh anak terhadap penjenayah dan pantas mengenal pasti perubahan mangsa (Teh Yik Koon, 2000; Maureen Sarkuna *et al*, 2007), dan masyarakat secara umumnya. Bagi kanak-kanak yang sukar untuk menceritakan kejadian, kaedah patologi iaitu pembuktian berlaku koyakan pada *hymen* sangat penting bagi membuktikan berlakunya jenayah seksual ke atas dirinya (Johnson, 2004). Pegawai perubatan yang terlibat perlu bantu tampil ke Mahkamah dalam sesi perbicaraan bagi membela nasib mangsa. Anak-anak juga perlu diberi pendidikan tentang kesedaran menjaga keselamatan diri (Teh Yik Koon, 2000; Dominquex *et al*, 2002) iaitu dengan pendedahan bahagian larangan disentuh serta tindakan yang perlu dilakukan oleh anak-anak apabila berhadapan dengan situasi seperti itu melalui kempen seperti, ‘katakan tidak, lari dan beritahu’, melalui ‘Program Saya Selamat’ (Siti Hajar & Noralina, 2010).

2.5.4 Rogol Kumpulan

Rogol berkumpulan atau *multiple perpetrator rape (MPR)* merupakan serangan seksual lebih daripada seorang terhadap mangsa. Menurut Amir (1971: 182), jenayah ini bermaksud, “*a rape in which one or more victims are subjected against their consent to sexual intercourse with two or more offenders*”. Hal ini melibatkan kerja secara berkumpulan dan diketuai oleh seseorang dalam kalangan mereka yang berpengaruh untuk mengeluarkan arahan dan mengajak pemangsa yang lain (Blanchard, 1959; Porter & Alison, 2001; Porter & Alison, 2005; Woodhams, Gillett

& Grant, 2007; Woodhams, Cooke, Harkins & Silva, 2012). Jenayah ini boleh berlaku secara spontan atau dirancang terlebih dahulu (Wood, 2005; Rothman, Decker, Reed, Anita Raj, Silverman & Miller, 2008).

Mereka yang melakukan jenayah ini dipengaruhi oleh kuasa dominasi, penguasaan, persaingan, persempahan seksual dan pencapaian dalam membuktikan sifat maskulin seorang lelaki (Moolman, 2011). Selain itu, *MPR* berlaku lebih menjurus ke arah konteks keganasan berbanding kehendak syahwat (Hilberman, 1976). Kebanyakan kejadian serangan berlaku di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Ehrhart & Sandler, 1985; Ullman, 1999; Rothman *et al*, 2008) serta berlaku di lokasi luar rumah mangsa (Wright & West, 1981).

Serangan seksual secara berkumpulan ini mendatangkan akibat yang lebih serius dan lebih merbahaya kepada mangsa (Gidycz & Koss, 1990; Ullman, 1999; Hauffe & Porter, 2009; Woodhams *et al*, 2012; Morgan, Brittain & Welch, 2012). Mangsa juga tidak dapat memberi tentangan kerana bilangan pemangsa yang ramai dan berlaku lebih kekerasan seperti sepakan dan pukulan ke atas mangsa (Ullman, 1999; Hauffe & Porter, 2009). *MPR* ini jarang berlaku secara berulang dan jumlah mangsa yang membuat laporan polis lebih tinggi berbanding mangsa rogol berseorangan (Gidycz & Koss, 1990) kerana pelaku *MPR* ini selalunya merupakan orang asing (Greenfeld 1997; Horvath & Kelly, 2009; Morgan *et al*, 2012) walaupun terdapat juga pelaku yang dikenali turut terlibat (Ehrhart & Sandler, 1985). Dalam masa yang sama, terdapat kes rogol berkumpulan ini yang didiamkan oleh mangsa akibat pengaruh *rape myth*.

2.5.5 Rogol Kahwin

Pada kurun ke 17 di England, Matthew Hale menulis dalam buku perundangannya, “*The husband cannot be guilty of a rape committed by himself upon*

his lawful wife, for their mutual matrimonial consent and contract, the wife hath given up herself in this kind unto the husband which she cannot retract” (petikan daripada Russell, 1990: 17). Pengubalan ini telah membenarkan tanggapan masyarakat ketika itu terhadap isteri sebagai pemilikan mutlak suami (Russell, 1990; Small & Tetreault, 1990). Fahaman ini telah bermula semenjak abad ke-8 sebelum Masihi, apabila dalam perundangan perkahwinan yang ditetapkan oleh Romulus of Rome berbunyi, “*obliged married women, as having no other refuge, to conform themselves entirely to the temper of their husbands and to rule their wives as necessary and inseparable possessions*” (Bergen, 1996: 3).

Ideologi ini turut disokong oleh pandangan William Blackstone bahawa, selepas berkahwin, suami dan isteri menjadi sebagai satu entiti dalam perundangan kerana wanita secara kanunnya terhapus dengan ikatan pernikahan (Bergen, 1996). Blackstone telah membincangkan kontrak perkahwinan suami isteri dari sudut yang sama seperti hubungan ibubapa-anak serta tuan-hamba. Hak isteri dalam perundangan terhapus hanya kerana isteri dilihat sebagai milik suami. Kuasa autoriti ini telah meletakkan suami di pihak yang lebih tinggi dan lebih berkuasa (Small & Tetreault, 1990). Teori uniti yang sepatutnya membawa kepada penyatuan dua jiwa dalam rumah tangga telah disalah erti sehingga menjadi penguasaan satu pihak ke atas pihak yang lain (Ryan, 1996). Teori uniti ini bersetuju bahawa mustahil bagi seorang lelaki dianggap merogol isterinya, kerana isteri adalah pemilikannya juga merupakan dirinya sendiri, justeru suami sama sekali tidak dianggap melakukan jenayah ke atas dirinya sendiri (Martin *et al*, 2006).

Secara jelas, selepas perkahwinan suami memegang kuasa seksual terhadap isterinya dan terkecuali daripada tuduhan jenayah rogol (Bergen, 1996). Walaupun begitu, keganasan fizikal dalam rumah tangga telah mula dianggap melanggar perundangan

sekitar kurun ke 18 di kebanyakan negara (Pleck, 1979). Seorang suami yang melakukan kekerasan kepada isteri dalam melakukan hubungan seksual seperti memukul dan menampar isteri boleh didakwa dengan kesalahan keganasan rumahtangga tetapi tidak boleh didakwa atas kesalahan memaksa isteri melakukan hubungan seksual tanpa kerelaan dan kehendak isteri (Finkelhor & Yllo, 1987). Hal ini demikian kerana, aspek seksual dalam rumahtangga dianggap sebagai fundamental serta kontrak perkahwinan itu sendiri adalah aturan semulajadi bagi memenuhi naluri seksual seorang lelaki (Ryan, 1996). Menurut Blackstone,

“That of husband and wife; which is founded in nature, but modified in civil society; the one directing man to continue and multiply his species, the other prescribing the manner in which that natural impulse must be confined and regulated.” (petikan dari Ryan, 1996: 945).

Isu hubungan seksual dalam rumahtangga juga dianggap masalah yang tidak memerlukan campur tangan perundangan (Russell, 1990) kerana merupakan isu privasi (Caringella-MacDonald, 1988). Malah keganasan suami ke atas isteri cuba dinafikan oleh perundangan dengan kenyataan mahkamah dalam kes 1874, *“If no permanent injury has been inflicted, nor malice, cruelty nor dangerous violence shown by the husband, it is better to draw the curtain, shut out the public gaze, and leave the parties to forget and forgive”* (petikan dari Ryan, 1996: 946). Pada tahun 1992, dalam kes Trish Crawford, suaminya telah mengikat, mengancamnya dengan pisau serta merogolnya dan kejadian itu telah dirakam sendiri oleh suami Crawford. Ketika dibawa kes ke mahkamah, hakim yang terlibat memutuskan tertuduh tidak bersalah kerana percaya bahawa si isteri kelihatan seronok diliwat dan diperlaku secara seks ganas oleh suami (Bergen, 1996).

Pateman (1988) yang menyelar penguasaan seksual lelaki dalam rumahtangga telah menggelar kontrak perkahwinan sebagai “*sexual contract*” atas dominasi lelaki dalam

mengeksploitaskan perkahwinan menjadi hak seksual suami semata. Brownmiller (1975) juga menegaskan bahawa serangan seksual adalah penjajahan terhadap jasad manusia serta keganasan terhadap kebebasan dan penentuan kehendak kendiri tanpa mengira tempat berlakunya serangan, sama ada dalam atau di luar rumah kelamin. Bukan dalam hak suami untuk mewajibkan hubungan seksual dalam perkahwinan kerana hak itu sendiri adalah penafian terhadap kesamarataan dan maruah seorang manusia. Namun, masih banyak isteri yang keliru dan memilih untuk mempercayai stigma masyarakat bahawa isteri perlu sentiasa bersedia disetubuh dan tidak menganggap paksaan daripada suami sebagai satu kesalahan rogal (Hanneke, Shields & McCall, 1986).

Mereka yang pernah menjadi mangsa malah menyalahkan diri sendiri kerana tidak cukup bersedia dan tidak cukup memenuhi tuntutan seksual suami (Gelles, 1977; Bergen, 1996). Akibat stigma yang menguasai masyarakat ini juga, tindakan suami merogol isteri masih lagi diterima umum hingga ke hari ini (Monson, Byrd & Langhinrichsen-Rohling, 1996; Ewoldt, Monson & Langhinrichsen-Rohling, 2000; Kirkwood & Cecil, 2001; Ferro, Cermele & Saltzman, 2008; Mensah Adinkrah, 2011). Masyarakat masih melihat memenuhi naluri seksual suami adalah tanggungjawab isteri yang perlu dipenuhi meskipun dalam keadaan isteri perlu melakukannya secara paksa-rela. Terdapat juga pengaruh agama yang mendorong masyarakat melihat suami sebagai pelindung dan bertanggungjawab dalam menjaga moral ahli keluarganya. Justeru jika suami melabelkan isterinya sebagai isteri yang tidak taat dan perlu diperbaiki secara paksaan hingga perlu membabitkan penderaan fizikal dan seksual, perkara itu diterima umum sebagai sesuatu yang dibenarkan (Bennice & Resick, 2003).

Walaupun keganasan seksual dalam rumah tangga tidak seluas fenomena keganasan dalam bentuk fizikal, hal ini tetap serius dan mesti diberi perhatian. Hampir separuh daripada mangsa keganasan fizikal dalam rumah tangga juga merupakan mangsa keganasan seksual suami (Finkelhor & Yllo, 1987), dan jumlah perempuan berkahwin yang pernah mengalami keganasan seksual adalah antara 10 peratus hingga ke 14 peratus (Finkelhor & Yllo, 1987; Russell, 1990). Begitu juga dengan hasil data Hanneke *et al* (1986) yang menunjukkan 44.9 peratus dari responden mangsa keganasan fizikal rumah tangga turut berpengalaman dalam keganasan seksual. Perkara ini turut dipersetujui oleh Campbell (1989) yang membawa data 44.3 peratus daripada 97 orang responden serta 45.9 peratus daripada 159 responden (Campbell & Soeken, 1999) pernah terlibat sebagai mangsa. Di Malaysia sendiri, 58.9 peratus daripada 316 mangsa keganasan rumah tangga mengaku diperlaku kasar secara seksual oleh pasangan (Tengku Nur Fadzilah *et al*, 2015) dan 12 daripada 370 pesakit wanita yang didera dan mendapat rawatan di Hospital Pontian melaporkan turut mengalami penderaan seksual oleh suami (Norashikin, 2002).

Finkelhor & Yllo (1987) telah membahagikan *marital rape* kepada tiga kategori iaitu *battering rape*, *force-only rape*, dan *obsessive rape*. *Battering rape* melibatkan kekerasan fizikal dan seksual secara serentak, yang mana selalunya mangsa didera dan dipukul terlebih dahulu kemudian disusuli selepasnya perlakuan seksual suami terhadap isteri. *Force-only rape* pula tidak melibatkan keganasan lain kecuali pemaksaan suami secara keras kepada isteri semata untuk melakukan hubungan seksual. Kes ini selalu berlaku dalam hubungan yang melibatkan penderaan pada lisan dan psikologi semata. Terakhir ialah *obsessive rape* yang merupakan perilaku seksual suami yang pelik, tidak normal dan sesat. Selalunya dipengaruhi oleh pornografi dan suami akan cuba walaupun secara kekerasan untuk memenuhi tuntutan syahwatnya.

itu. Keganasan seksual jenis ini juga digelar sebagai *sadistic rape* (Bergen, 1996). Kajian Bagwell-Gray *et al* (2015) turut menyumbang dalam memahami definisi ini dengan membahagikan aktiviti seksual tersebut kepada empat kategori seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 2.1.

Pembahagian aktiviti seksual bagi keganasan seksual dalam rumah tangga

	Type of sexual activity: Penetrative sex acts		
Type of force: Non-physical force	Intimate Partner Sexual Coercion: The use of non-physical, controlling, degrading and manipulative tactics to obtain or attempt to obtain unwanted oral, vaginal or anal intercourse, including forced penetration and sex with objects.	Intimate Partner Sexual Assault: The use of physical violence or the threat of physical violence to obtain, or attempt to obtain, unwanted oral, vaginal or anal intercourse, including forced penetration and sex with objects. Also includes unwanted penetration when a victim/survivor is unable to consent or is “unaware”, i.e. asleep or under the influence of drugs and alcohol.	Physical force
	Intimate Partner Sexual Abuse: The use of manipulative, psychologically abusive tactics to keep an intimate partner in submissive positions of power; strategies include sexual degradation, non-contact unwanted sexual experiences, and reproductive and sexual control.	Physically Forced Sexual Activity: “unwanted sexual experiences involving touch but not sexual penetration, such as kissed in a sexual way, or having sexual body parts fondled or grabbed” (Black <i>et al</i> , 2011: 17)	
Non-penetrative sex acts			

(Sumber: Bagwell-Gray *et al*, 2015: 8).

Dalam jadual 2.1, dapat difahami perbezaan setiap satu perlakuan yang merangkumi semua aspek keganasan seksual dalam rumah tangga. *Intimate partner sexual assault*

melibatkan desakan yang lebih tinggi dan lebih membahayakan kerana melibatkan keganasan fizikal dan seksual secara serentak. Hal ini dikira sebagai pencerobohan. Manakala *intimate partner sexual coercion* pula melibatkan desakan yang kurang tetapi masih dikira sebagai perlakuan menceroboh. Mangsa selalunya tidak dilakukan kekerasan fizikal tetapi diancam secara lisan melalui ugutan dan mangsa secara terpaksa perlu mengikut kehendak pelaku bagi mengelakkan kesan negatif. *Intimate partner sexual abuse* pula merupakan penderaan terhadap pasangan secara emosi dan psikologi bagi mengekalkan kekuasaan pelaku terhadap mangsa. Kategori ini tidak melibatkan desakan juga tidak dikira pencerobohan tetapi memberi tekanan kepada mangsa dengan kelakuan pelaku yang sengaja mahu mengandungkan mangsa dengan tidak memakai kondom atau memaksa mangsa mengeluarkan bunyi salakan seperti anjing ketika melakukan hubungan seksual atau memaksa mangsa menonton video pornografi. Kategori terakhir ialah, *intimate partner forced sexual activity* yang melibatkan aktiviti seksual di luar organ seksual manusia, yang dilakukan secara paksaan tetapi tidak dikira menceroboh namun, boleh membahayakan serta memberi trauma jika membabitkan pukulan dan sengaja mencederakan organ seksual mangsa (Bagwell-Gray *et al*, 2015).

Menurut Bergen (1996), keganasan seksual dalam rumahtangga ini boleh berlaku akibat kepercayaan suami bahawa mereka mempunyai hak untuk melakukan hubungan seksual apabila berkehendak dan jika ditolak, mereka berhak untuk memaksa. Perbuatan merogol isteri ini juga dilakukan dengan sengaja sebagai hukuman sama ada akibat cemburu buta atau atas kesalahan yang sengaja atau tidak sengaja dilakukan oleh isteri. Hal ini turut disahkan oleh data Munge, Pomerantz, Pettibone dan Falconer (2007) yang menunjukkan responden bersetuju dengan tindakan suami yang merogol isteri yang tidak setia dalam hubungan perkahwinan.

Selain itu, pelaku mempercayai tanggapan bahawa tindakan merogol pasangan mereka adalah bukti penguasaan dan ancaman agar isteri tidak meninggalkan mereka.

Keganasan seksual dalam rumah tangga sangat memberi kesan negatif kepada mangsa, tambahan pula keganasan ini boleh berlaku secara berulang kali sepanjang tempoh perkahwinan kerana pemangsa adalah orang yang tinggal serumah dengan mangsa (Finkelhor & Yllo, 1987; Russell, 1990; Bergen, 1996; Bergen, 1999). Mangsa selalunya mengalami kecederaan fizikal seperti koyakan di vagina, kecederaan di pelvic, luka, lebam, koyakan otot, masalah *gynecological* serta tahap kesihatan badan yang menurun (Campbell, 1989; Eby, Campbell, Sullivan & Davidson, 1995; Bergen, 1996; Campbell & Soeken, 1999; Mechanic, Weaver & Resick, 2008) malah sampai ke tahap ancaman pembunuhan (Campbell, 1989; Campbell & Soeken, 1999). Mereka juga terdedah kepada penyakit berjangkit seperti *HIV* atau *STD* (Eby et al, 1995; Campbell & Soeken, 1999; Md. Zawawi et al, 2015). Kesan daripada serangan fizikal dan seksual tersebut, mangsa turut mengalami masalah psikologi seperti trauma, tekanan perasaan, *PTSD*, gangguan tidur, menyalahkan diri sendiri, serta keyakinan diri yang hilang (Campbell, 1989; Browne, 1993; Bergen, 1996; Campbell & Soeken, 1999; Campbell, Jones & Dienemann, 2002; Mechanic et al, 2008). Mangsa juga berhadapan dengan sindrom *sexual dysfunction* serta *flash-back memory* yang mengganggu emosi dan kehidupan mangsa (Finkelhor & Yllo, 1987; Bergen, 1996; Bennice & Resick, 2003). Hubungan antara pelaku dan mangsa yang merupakan suami isteri, sedikit sebanyak mempengaruhi trauma mangsa kerana mangsa keliru dan bingung dengan kejadian yang berlaku (Barshis, 1983; Bergen, 1996). Trauma yang dialami mereka akan kekal meski telah berlalu bertahun-tahun (Riggs, Kilpatrick & Resick 1992).

Selain itu, mangsa keganasan seksual dalam rumah tangga tidak terlepas dalam menghadapi halangan untuk mencari pertolongan dan perlindungan. Isteri yang hidup dalam penguasaan kuasa suami sepanjang tempoh perkahwinan akan lebih sukar untuk keluar daripada masalah tersebut. Mereka takut dengan ancaman suami yang mengugut serta bimbang dengan masalah ekonomi jika keluar dari rumah kelamin. Mereka juga gusar jika aduan mereka tidak dipercayai, ditambah rasa malu dengan tanggapan masyarakat dan kenalan (Hanneke & Shields, 1985; Russell, 1990; Bergen, 1996). Mutakhir ini, keganasan seksual terhadap isteri telah diletakkan sebagai salah satu jenayah di beberapa tempat, namun stigma masyarakat yang masih kuat berpegang bahawa kesalahan itu dibenarkan, telah menggalakkan keganasan demi keganasan untuk terus berlaku. Penyelesaian isu ini perlu bermula pada dasar penyebabnya, bukan hanya pada simptom-simptom di luar (Barshis, 1983; Caringella-MacDonald, 1988).

Keadilan untuk mangsa keganasan seksual dalam rumah tangga masih perlu terus diperjuangkan kerana isu ini masih kurang mendapat tempat dalam institusi kehakiman apabila berlaku *legal invalidation* terhadap *marital rape* (Bennice & Resick, 2003; Saptarshi Mandal, 2014). Pengaduan keganasan seksual dalam rumah tangga dilihat sebagai isu yang terlalu subjektif. Hubungan seksual suami isteri boleh berlaku secara suka rela atau paksa rela atau terpaksa. Situasi seperti ini dilihat normal dalam kebanyakan hubungan suami isteri yang mengalami fasa-fasa seronok atau tidak gembira dalam perlakuan seksual akibat perubahan fasa-fasa dalam kehidupan berrumahtangga (Syeikh Amirudin Putera Zainol Abidin, 2016).

Tambahan pula, keganasan seksual bagi kes ini melibatkan hubungan suami isteri dan sukar untuk dibuktikan. Mangsa mengalami beban pembuktian kerana isu ini adalah isu yang melibatkan ‘*lack of evidence of rape*’ (James Alston, t.t.; Law Teacher, 2013;

Sheikh Muhammad Ridhuwan Ibrahim, 2016). Dakwaan keganasan yang berlaku tanpa pembuktian akan menjadi dakwaan tanpa boleh dibicarakan (Syeikh Amirudin Putera Zainol Abidin, 2016). Kes keganasan fizikal yang diketengahkan dengan bukti kecederaan lebih mudah dikemukakan dan dilihat tidak mengaibkan mangsa walaupun pada hakikatnya, kesan keganasan seksual oleh pasangan lebih teruk daripada kesan keganasan fizikal (Shields & Hanneke, 1983). Justeru, mangsa akan memilih jalan mudah iaitu mengemukakan dakwaan seperti keganasan fizikal atau kecuaian pemberian nafkah kerana mereka berada dalam keadaan terdesak untuk keluar daripada kezaliman rumah tangga tersebut (Sheikh Muhammad Ridhuwan Ibrahim, 2016).

Jika dilihat kesan buruk keganasan seksual dalam rumah tangga yang berlaku terhadap isteri, dakwaan keganasan seksual itu sendiri sepatutnya perlu diterima sebagai dakwaan tunggal bagi pensabitan jenayah atau permohonan tuntutan perceraian tanpa memerlukan dakwaan-dakwaan lain yang menyokong, agar keadilan bagi mangsa dapat dibela (Law Teacher, 2013). Walaupun mangsa menghadapi pelbagai masalah untuk membawa isu ini ke pihak kehakiman, kes-kes keganasan seksual dalam rumah tangga tetap tercatat sebagai salah satu dakwaan pensabitan jenayah keganasan rumah tangga atau tuntutan perceraian di Malaysia.

2.6 Kesimpulan

Jenayah seksual merangkumi perbuatan seksual terlarang seperti rogol, liwat, perlakuan seksual ke atas kanak-kanak, serangan seksual dan sumbang mahram. Mangsa jenayah seksual ini mencatat jumlah mangsa tertinggi yang mengalami *PTSD* berbanding mangsa kes jenayah lain. Banyak kes jenayah seksual tidak dilaporkan terutama yang membabitkan pelaku daripada orang yang dikenali seperti kenalan, pasangan atau keluarga bagi mengelak maruah keluarga tercemar. Bagi mangsa kanak-

kanak pula, mereka mengalami tekanan daripada ahli keluarga yang tidak mempercayai pengakuan mereka dan dituduh sebagai mereka-reka cerita tentang kejadian rogol.

Di sisi perundangan Sivil atau Perundangan Islam, pengertian rogol adalah sama iaitu, kemasukan zakar lelaki ke dalam faraj atau dubur perempuan dengan cara paksaan dan tanpa kerelaan perempuan tersebut tanpa mengira umur perempuan tersebut. Manakala takrifan jenayah atau keganasan seksual adalah lebih luas dari itu, iaitu merangkumi sebarang perlakuan paksa atau kekerasan untuk memasukkan objek ke dalam mulut, kemaluan atau dubur wanita. Terdapat *khilaf* dalam penentuan hukum jenayah rogol bagi perundangan Islam iaitu sama ada menggunakan pakai hukuman zina atau *hirabah* atau takzir. Memandangkan hukuman hudud mempunyai syarat yang ketat ke atas perlaksanaannya, hukuman takzir lebih sesuai diambil oleh hakim kerana kaedah pensabitan hukum dan had hukuman juga lebih luas berdasarkan ijтиhad pakar perundangan.

Jenayah seksual yang berlaku dilihat dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman pelaku. Terdapat tiga faktor luaran iaitu stigma masyarakat, media massa dan pornografi yang telah mewujudkan *rape myth* dalam kalangan masyarakat. Tiga faktor dalaman pula ialah sindrom personaliti penjenayah seperti *sexual disorder* serta *mental disorder*, pengalaman penderaan ketika kecil atau digelar *circle of abuse* dan pengaruh alkohol yang merangsang sikap agresif.

Terdapat lima kategori di bawah bidang tajuk jenayah seksual iaitu rogol orang asing *versus* rogol kenalan, sumbang mahram, rogol statutori iaitu turut melibatkan isu CSA, rogol kumpulan dan rogol kahwin. Bagi kelima-lima kategori ini, hanya rogol kahwin atau *marital rape* masih belum diterima sebagai jenayah seksual kecuali di sebahagian

tempat. Hal ini demikian kerana, aspek seksual dalam rumahtangga dianggap sebagai fundamental serta kontrak perkahwinan itu sendiri adalah aturan semulajadi bagi memenuhi naluri seksual seorang lelaki. Masih banyak perempuan yang telah berkahwin keliru dan memilih untuk mempercayai stigma masyarakat bahawa isteri perlu sentiasa bersedia disetubuh dan tidak menganggap paksaan daripada suami sebagai suatu kesalahan. Mereka menyalahkan diri sendiri kerana tidak cukup bersedia dan tidak cukup memenuhi tuntutan seksual suami. Keganasan seksual ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu *battering rape*, *force-only rape*, dan *obsessive rape*. *Battering rape* melibatkan kekerasan fizikal dan seksual secara serentak. *Force-only rape* pula tidak melibatkan keganasan lain kecuali pemaksaan suami secara keras terhadap isteri semata untuk mencapai tujuan iaitu melakukan hubungan seksual bersama. Terakhir ialah *obsessive rape* yang merupakan perilaku seksual suami yang pelik, tidak normal dan sesat. Keganasan seksual jenis ini juga digelar sebagai *sadistic rape*. Keganasan seksual dalam rumahtangga sangat memberi kesan negatif kepada mangsa sama ada dalam bentuk fizikal, emosi maupun mental kerana keganasan ini boleh berlaku secara berulang berkali sepanjang tempoh perkahwinan dan sebahagian besar daripada mereka mengalami kesulitan untuk keluar daripada masalah ini.

Berdasarkan kepada konteks perbincangan dalam kajian ini, keganansan seksual dalam rumahtangga dilihat merupakan istilah yang paling tepat dan sesuai mengikut realiti di Malaysia berbanding penggunaan istilah rogol kahwin seperti yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji barat walaupun mempunyai maksud yang seerti. Hal ini kerana dalam Islam, hubungan suami dan isteri tidak menjadi suatu jenayah rogol selepas berlaku akad nikah yang sah. Kesalahan seksual berlaku apabila melibatkan keterpaksaan, keganasan dan kemudaratannya kepada pasangan dalam hubungan dan kesalahan ini yang digelar keganasan seksual dalam rumahtangga.

BAB TIGA

ELEMEN-ELEMEN YANG MENJADI FAKTOR KEGANASAN SEKSUAL DALAM RUMAHTANGGA BERDASARKAN KES-KES PEMBUBARAN PERKAHWINAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan daripada kajian kes iaitu analisis kandungan terhadap fail-fail tuntutan perceraian yang mengandungi dakwaan keganasan seksual dalam rumahtangga. Seterusnya bab ini menganalisis faktor-faktor pendorong berlakunya keganasan seksual itu berdasarkan elemen-elemen yang telah dikeluarkan. Dapatan ini juga disokong oleh hasil kajian dari temu bual bersama Hakim Syar'i MRS terbabit serta mangsa-mangsa keganasan seksual itu sendiri.

3.2 Kajian Kes Pembubaran Perkahwinan Akibat Keganasan Seksual

Kajian kes ini melibatkan kaedah analisis kandungan terhadap fail perceraian talak *ta'liq* dan fasakh bagi 4 buah MRS dari negeri Kedah dan Pulau Pinang, iaitu MRS Kota Setar, MRS Kuala Muda, MRS Seberang Perai Utara dan MRS Daerah Timur Laut. Setiap fail bagi tahun 2005 hingga 2015 dibuka bagi melihat kandungan dalam penyata tuntutan fail kes. Namun terdapat permasalahan semasa kajian iaitu fail yang telah dilupuskan seperti yang berlaku di MRS Daerah Timur Laut, serta tidak mendapat kebenaran untuk masuk ke dalam stor fail seperti yang berlaku di MRS Kuala Muda. Walaupun begitu kajian kes masih boleh dijalankan dengan baik.

Keganasan seksual dalam rumahtangga yang menjadi perhatian dalam kajian kes ini merangkumi semua jenis aktiviti seksual sama ada dalam bentuk serangan fizikal atau tidak, iaitu penggunaan eksplotasi seperti ancaman, tekanan atau ketakutan mangsa itu sendiri terhadap sikap baran suami. Serangan berbentuk fizikal pula terbahagi kepada

hubungan seksual secara paksaan ataupun disertakan dengan keganasan fizikal seperti memukul isteri sebelum, semasa atau selepas melakukan hubungan seksual. Hubungan seksual secara paksaan termasuk perlakuan seks di luar tabii iaitu meliwat dan memaksa isteri melakukan hubungan seksual mengikut cara yang ditonton dalam video pornografi. Definisi dan konsep keganasan seksual dalam rumahtangga yang diterima pakai dalam kajian kes ini adalah daripada kajian Bagwell-Gray *et al* (2015). Selain itu, penderaan mental turut diambil kira dalam perincian elemen keganasan seksual ini, apabila dakwaan seperti tiada kemesraan dalam kehidupan suami isteri kecuali apabila suami berkehendak ke arah aktiviti seksual serta ketiadaan nafkah zahir dari suami tetapi isteri dituntut untuk memenuhi kehendak batin suami. Walaupun begitu, terdapat beberapa fail kes yang hanya memberi kenyataan secara umum bahawa isteri telah mengalami penderaan seksual atau dipaksa hidup secara lucah oleh suami.

3.2.1 Dapatan dari Kajian Kes di MRS

Bagi kajian di MRS Kota Setar, sebanyak 26 fail kes didapati mengandungi penyata tuntutan yang berunsurkan penderaan seksual. Manakala di MRS Kuala Muda pula, hanya dua kes yang diperolehi memandangkan penyelidik tidak dibenarkan untuk memasuki stor fail untuk membuka semua fail. Dua fail diperolehi dari pegawai pembantu pendaftar. Selain itu, telah berlaku serangan anai-anai yang telah melupuskan semua fail sehingga tahun 2008. Di MRS Seberang Perai Utara, hasil analisis telah menemui 20 fail kes yang mengandungi unsur penderaan seksual. Akhir sekali, adalah kajian kes di MRS Daerah Timur Laut yang mana hanya tiga fail kes berunsur penderaan seksual ditemui akibat pelupusan fail daripada pihak mahkamah. Fail-fail yang terdapat di dalam stor fail adalah dari tahun 2013 hingga tahun 2016 sahaja.

Jadual 3.1

Dapatan kajian dari MRS Kota Setar mengikut tahun

Tahun	Jumlah kes
2005-2010	18
2011-2015	8

Jadual 3.2

Dapatan kajian dari MRS Kuala Muda mengikut tahun

Tahun	Jumlah kes
2005-2010	2
2011-2015	0

Jadual 3.3

Dapatan kajian dari MRS Seberang Perai Utara mengikut tahun

Tahun	Jumlah kes
2005-2010	9
2011-2015	11

Jadual 3.4

Dapatan kajian dari MRS Daerah Timur Laut mengikut tahun

Tahun	Jumlah kes
2005-2010	0 (fail telah dilupuskan sehingga 2012)
2011-2015	3

Fail-fail tersebut dianalisis dan dikeluarkan elemen-elemen yang berunsur keganasan seksual dalam rumahtangga. Terdapat lapan jenis dakwaan keganasan seksual iaitu, (1) diliwat, (2) dipaksa melakukan hubungan seksual semasa dalam haidh, dalam pantang dan ketika sakit, (3) paksaan tanpa mengira tempat, keadaan dan waktu, (4) dipukul sebelum, semasa atau selepas hubungan seksual, (5) kekasaran lain yang tidak melibatkan pukulan, (6) lemparan kata-kata kasar, keji atau kutukan semasa berlakunya hubungan seksual, (7) tidak diberi nafkah zahir tetapi didesak secara seksual oleh suami, serta terakhir, (8) penderaan mental yang dilakukan oleh suami terhadap isteri

seperti layanan buruk dan sikap tidak acuh namun cuma memujuk ketika berkehendak seksual.

Kes-kes ini kemudian dibahagikan mengikut empat kumpulan berdasarkan jenis keganasan iaitu keganasan seksual sahaja, keganasan seksual dan fizikal, keganasan seksual dan mental serta keganasan seksual, fizikal dan mental. Terdapat sembilan kes melibatkan keganasan seksual semata seperti melakukan perkara yang tidak disukai oleh isteri ketika melakukan aktiviti seksual. Bagi kes yang turut melibatkan kekasaran secara fizikal seperti pukulan, terdapat 10 kes dakwaan yang ditemui. Manakala kes tertinggi adalah kes yang merangkumi keganasan seksual dan mental, iaitu sebanyak 23 kes. Antara dakwaan yang tercatat adalah isteri diperlakukan seperti hamba seksual sepanjang tempoh perkahwinan serta paksaan menuruti adegan pornografi. Akhir sekali, terdapat sembilan kes yang mempunyai dakwaan keganasan seksual, fizikal dan mental. Hal ini melibatkan dakwaan seperti suami menggunakan kekerasan fizikal dalam memaksa isteri melakukan hubungan seksual diikuti ugutan dan ancaman sehingga menimbulkan ketakutan sepanjang tempoh perkahwinan.

Jadual 3.5


Kumpulan berdasarkan elemen-elemen keganasan

Kumpulan	Jumlah Kes
Keganasan seksual sahaja	9
Keganasan seksual dan fizikal	10
Keganasan seksual dan mental	23
Keganasan seksual, fizikal dan mental	9

3.3 Faktor-Faktor Keganasan Seksual Dalam Rumahtangga Berdasarkan Kes- Kes Pembubaran Perkahwinan

Terdapat dua kaedah kajian yang dilakukan dalam mengumpul data bagi melihat faktor-faktor yang mendorong keganasan seksual dalam rumahtangga. Kaedah pertama

ialah kajian arkib terhadap fail-fail pembubaran perkahwinan bagi melihat faktor-faktor yang disebut oleh pihak plaintiff. Manakala kaedah kedua adalah kaedah temu bual bersama pihak Hakim Syar'ii di MRS kajian kes serta temu bual responden terpilih juga membantu dalam perkara ini. Kemudian, data yang terkumpul ini dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Hasil analisis ini, dapat dikeluarkan tiga faktor terbesar yang menyumbang dalam masalah ini, iaitu faktor pengaruh pornografi, sikap negatif suami, serta faktor eksplorasi atau kejahilan agama.



Rajah 3.1. Faktor-faktor keganasan seksual dalam rumah tangga

Sebanyak 13 kes melibatkan faktor pengaruh pornografi serta 43 kes melibatkan sikap negatif suami. Selain itu terdapat 20 kes dan dua hasil temu bual bersama Hakim Syar'ii yang memperakui berlaku eksplorasi dan kejahilan agama dalam mempengaruhi berlakunya keganasan seksual dalam rumah tangga.

Jadual 3.6

Jumlah kes bagi faktor-faktor pendorong keganasan seksual dalam rumah tangga

Faktor-Faktor	Jumlah Kes
Pengaruh pornografi	13
Sikap negatif suami	43
Eksplorasi dan kejahilan agama	20+2

3.3.1 Pengaruh Pornografi

Berikut merupakan sedutan penyata tuntutan yang menyebut faktor pengaruh pornografi.

Jadual 3.7

Faktor pengaruh pornografi

Nama dan no. fail	Eleman pornografi
Plaintif 7 lwn defendant 7 (02001-014-1816-2009)	“menonton filem lucah di hadapan anak-anak, dan memaksa pihak Menuntut turut hidup secara lucah”
Plaintif 11 lwn defendant 11 (02001-014-0577-2015)	“mengambil gambar bogel plaintiff yang sedang mandi dan mengambil rakaman ketika pihak-pihak sedang melakukan hubungan kelamin”
Plaintif 12 lwn defendant 12 (02001-057-0073-2010)	“pihak kena tuntut berkelakuan tidak sopan dan tidak bertanggungjawab kerana: Suka melihat video lucah; paksa pihak yang Menuntut melakukan sepermama dalam video lucah yang ditonton..”
Plaintif 26 lwn defendant 26 (02001-014-1409-2009)	“Pihak defendant juga telah menyakiti atau menjadikan kehidupan pihak plaintiff menderita dengan perbuatan-perbuatannya memaksa plaintiff melihat gambar-gambar lucah...pihak defendant telah melakukan perbuatan-perbuatan aninya terhadap plaintiff seperti: 1) memaksa isteri melakukan seks cara yang dilihat dalam handset lucah; 2) memaksa isteri melihat adegan lucah walaupun plaintiff enggan melihat handset tersebut”
Plaintif 28 lwn defendant 28 (2007-014-0541-2010)	“dia selalu tengok cerita lucah sampai larut malam dan kadang-kadang sampai ke pagi dan cerita itulah yang mendorong dia mencuba benda baru dan dia nak ikut macam mana yang dia tengok. Saya yang menjadi mangsa dia..”
Plaintif 31 lwn defendant 31 (07002-014-0658-2009)	“defendant selanjutnya juga suka melihat video lucah dan ada masanya defendant mengajak plaintiff menonton bersama dengannya”
Plaintif 34 lwn defendant 34 (07002-014-0510-2011)	“plaintif tidak lagi mampu bertahan dengan sikap defendant yang sering gemar menonton video lucah” “defendant sering menceritakan cara hubungan kelamin plaintiff dan defendant kepada rakan-rakan sekerja defendant”

Sambungan jadual 3.7

Plaintif 37 lwn defendant 37 (07002-014-0828- 2013)	“pihak defendant juga mempunyai perangai yang pelik dan keji menurut syarak kerana beliau gemar menonton dan melayari laman sesawang lucah di internet. Selain itu pihak defendant juga ada menyimpan video-video lucah tersebut untuk tontonannya..”
Plaintif 41 lwn defendant 41 (07002-014-0333- 2014)	“selain itu, defendant juga menggalakkan anak pihak-pihak menonton video lucah di youtube walaupun dilarang oleh plaintiff kerana bimbang akan mendatangkan kesan negatif pada tumbesaran anak-anak”
Plaintif 42 lwn defendant 42 (07002-014-0679- 2011)	“pada awal perkahwinan pihak-pihak, plaintiff telah menemui gambar-gambar perempuan bogel di dalam laci meja milik defendant. Setelah bertahun-tahun perkahwinan plaintiff dan defendant berlangsung, plaintiff telah menjumpai video kaset di dalam laci meja defendant. Selain itu juga, plaintiff pernah terlihat defendant menonton filem filem lucah pada waktu malam. Defendant membeli laptop baru semata-mata untuk menonton filem-filem lucah tersebut. Selain daripada menonton filem lucah, defendant juga membaca dan melihat majalah-majalah lucah yang dibawa balik dari luar negara. Setelah defendant selesai menonton filem-filem lucah tersebut, defendant akan mencari plaintiff untuk bersama, kemudian defendant akan masuk semula ke dalam biliknya. Namun kadang-kadang defendant akan menonton filem-filem tersebut sehingga defendant merasa puas sendiri..”
Plaintif 43 lwn defendant 43 (07002-014-0176- 2011)	“rumahtangga kedua-dua pihak mula menghadapi masalah di awal perkahwinan akibat sikap pihak defendant yang berperangai keji iaitu suka bermain nombor ekor, hutang ceti dan menonton vcd lucah”
Plaintif 44 lwn defendant 44 (07002-014-0292- 2011)	“defendant suka menonton video lucah yang mana defendant sering dan akan memaksa plaintiff membuat aksi-aksi lucah seperti yang ditonton oleh defendant di dalam video-video lucah tersebut tanpa menghiraukan perasaan plaintiff..”
Plaintif 51 lwn defendant 51 (07001-014-0025- 2013)	“defendant juga sering menonton video-video lucah dan gambar-gambar lucah serta mengajak plaintiff menonton video-video lucah berkenaan apabila mahu ‘bersama’ plaintiff. Defendant juga gemar mengambil gambar/ merakamkan gambar-gambar bogel mereka selepas ‘bersama’. Ini sedikit sebanyak menimbulkan rasa takut/ gusar plaintiff sekiranya ‘aksi-aksi’ yang

Sambungan jadual 3.7

dirakamkan tersebut jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Plaintiff juga takut sekiranya defendant menggunakan gambar-gambar tersebut untuk mengugut plaintiff. Akibat dari suka menonton video-video dan gambar-gambar lucah ini, defendant sering membanding-bandinkan plaintiff dengan video-video atau gambar-gambar yang ditonton berkenaan. Ini menimbulkan tekanan terhadap plaintiff'

Ketagihan pornografi suami telah mempengaruhi kehidupan seksual yang ganas dan tidak normal. Perkara ini mendorong rasa tidak aman kepada isteri kerana dipaksa untuk melakukan atau diperlakukan seperti dalam video-video yang telah suami tontoni. Selain itu, berlaku sikap suami yang suka membandingkan tubuh badan isteri atau tindakan isteri semasa hubungan seksual dengan model porografi yang ditonton suami. Terdapat juga suami yang bertindak merakam aksi seksualnya bersama isteri. Hal ini membuatkan para isteri mengalami tekanan dan trauma kerana bertentangan dengan kehendak seksual normal seorang manusia. Malah lebih buruk lagi apabila ada suami yang menonton video lucah di hadapan anak-anak atau mengajak anak-anak menonton bersama.

3.3.2 Sikap Negatif Suami

Berikut merupakan sedutan penyata tuntutan dan temu bual yang menyebut faktor sikap tidak bertanggungjawab dan panas baran suami. Hal ini melibatkan penderaan fizikal atau mental atau tidak memberi nafkah zahir kepada keluarga

Jadual 3.8

Faktor sikap negatif suami

Nama dan no. fail	Eleman sikap negatif suami
Plaintif 1 lwn defendant 1 (02001-014-0174-2010)	“perangai pihak kena tuntut sekarang bertambah menjadi-jadi ganasnya dengan memukul pihak menuntut hingga lebam-lebam. Apabila naik angin pihak kena tuntut menjadi ganas memaki hamun pihak menuntut tidak kira hadapan anak-anak, kawan atau saudara mara”
Plaintif 2 lwn defendant 2 (02001-014-1570-2009)	“pihak kena tuntut semenjak berkahwin hingga sekarang telah mengabaikan tanggungjawab terhadap pihak menuntut serta nafkah anak-anak, malas bekerja dan terlibat dengan dadah”
Plaintif 6 lwn defendant 6 (02001-014-0328-2011)	“pihak kena tuntut tidak mahu bekerja. Tidak menunaikan nafkah yang sepatutnya..kerap memukul, membelasah saya bila timbul salah faham. Sifatnya pemarah dan panas baran”
Plaintif 7 lwn defendant 7 (02001-014-1816-2009)	“selalu memaki hamun pihak menuntut di hadapan anak-anak dan dengan sikap keaniayaan yang berlaku tiap-tiap hari pihak menuntut hidup menderita mental dan fizikal”
Plaintif 8 lwn defendant 8 (02001-014-0413-2009)	“pihak kena tuntut telah dengan sengaja cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan nafkah yang sewajarnya kepada pihak menuntut...pihak kena tuntut telah melakukan penganiayaan kepada pihak menuntut dengan cara ganas dan tanpa usul periksa lalu memukul sehingga patah tulang bahu sehingga mendatangkan kesakitan tubuh badan pihak menuntut menyebabkan menderita akan kelakuannya itu”
Plaintif 9 lwn defendant 9 (02001-014-1543-2009)	“pihak kena tuntut telah melakukan penganiayaan dengan cara memaksa pihak menuntut menyerahkan wang hasil keringat pihak menuntut sendiri untuk kegunaan dan kepentingan peribadi pihak kena tuntut” “pihak kena tuntut lazim melakukan keganasan dengan cara memukul dan menyepak terhadap tubuh badan pihak menuntut dan mengurung dalam bilik sehingga mendatangkan kesakitan dan menderita akibatnya itu”
Plaintif 10 lwn defendant 10 (02001-014-1550-2010)	“tidak memberi peruntukan nafkah dan semata-mata mengharap pada wang titik peluh pihak menuntut untuk perbelanjaan hidup sekeluarga..panas baran dan lazim mengugut dengan bermacam-macam ancaman hingga menjadi kehidupan pihak menuntut menderita akibat kelakuan aniyanya..menggunakan kekerasan untuk memaksa Pihak Menuntut hidup secara lucah”

Sambungan jadual 3.8

Plaintif 12 lwn defendant 12 (02001-057-0073-2010)	“ugut guna pisau untuk cederakan pihak menuntut bila berlaku sedikit salah faham. Panas baran dan tidak boleh bertolak ansur”
Plaintif 14 lwn defendant 14 (02001-014-0918-2012)	“bila merungut, sudah menjadi kebiasaan pihak menuntut selalu dipukul dan didera menjadikan kehidupan menderita atas sebab peaniayaannya...semasa saya berada di rumah ..suami saya (nama suami) balik dalam keadaan mabuk dan dia hendak bersetubuh dengan saya tapi saya tidak mahu kerana suami saya dalam keadaan mabuk dan ada perempuan simpanan yang selalu dia guna. Saya takut saya akan mendapat penyakit dari suami saya. Suami saya menampar muka saya kiri dan kanan dan menarik rambut saya. Saya mendapati kepala saya terasa sakit..”
Plaintif 15 lwn defendant 15 (02001-014-1586-2010)	“pihak menuntut tidak mahu hidup sebagai isteri pihak kena tuntut yang ganas, zalim dan tidak berperikemanusiaan... perbuatan pihak kena tuntut yang tidak bertanggungjawab, menganiaya isteri, mendera fizikal dan mental sesungguhnya membuatkan pihak menuntut dalam dilemma, tertekan, malu, takut dan rasa bersalahdan rasa berdosa juga apabila dianinya..” “..telah berlaku pertengkaran antara saya dengan suami saya (nama suami) kerana saya tidak mahu melayan nafsunya...suami saya telah memulas kedua-dua belah tangan saya sehingga lebam selepas itu, suami saya telah menghantuk kepala saya di lantai bahagian dapur dengan kakinya berada di atas badan saya..”
Plaintif 16 lwn defendant 16 (02001-014-1023-2008)	“sehingga hari ini pihak kena tuntut sering melakukan deraan fizikal dan mental ke atas pihak menuntut dengan tidak bertanggungjawab di ataz nafkah zahir dan bathin pihak menuntut. Semua perbelanjaan rumah pihak menuntut yang tanggung”
Plaintif 17 lwn defendant 17 (02001-014-1156-2011)	“pihak kena tuntut telah cuai atau telah tidak mengadakan nafkah bagi pihak menuntut...pihak kena tuntut telah melakukan penganiayaan dengan cara mengabaikan tanggungjawab sebagai suami..pihak kena tuntut telah melakukan penderaan mental dan fizikal sehingga menyebabkan kehidupan pihak menuntut menderita atas kelakuan deraan yang dilakukan oleh pihak kena tuntut”
Plaintif 18 lwn defendant 18 (02001-057-0225-2014)	“..sepanjang hidup sebagai suami isteri, suami saya sering memaksa saya dalam hal hubungan kelamin walaupun saya berada dalam keadaan tidak sihat..”

Sambungan jadual 3.8

Plaintif 19 lwn defendant 19 (02001-057-0955-2007)	“kalau berlaku sedikit salah faham pihak kena tuntut selalu bertindak ganas dan memukul pihak menuntut. Seterusnya tindakan ganas pihak kena tuntut terus menjadi-jadi sehingga ke tahap yang menakutkan dan mengancam keselamatan diri pihak menuntut. Selepas suami saya memukul saya, dia telah memaksa saya mengadakan hubungan seks..”
Plaintif 20 lwn defendant 20 (02001-055055-0441-2007)	“selalu bertindak ganas sehingga memukul pemohon. Apabila selisih faham, penentang sering membala dendam dengan memaksa dan melakukan persetubuhan sehingga ke tahap di luar kemampuan serta mendatangkan kesakitan/ kemudaratan anggota pemohon..”
Plaintif 21 lwn defendant 21 (02001-014-0914-2011)	“sejak pernikahan sehingga ke hari ini, pihak kena tuntut tidak menunaikan tanggungjawab sebagai suami dengan tidak menyara nafkah zahir secara semupurna. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pihak menuntut membuatkan hidup pihak kena tuntut dan pihak menuntut tidak sefahaman, selalu bergaduh, bertengkar” “pihak kena tuntut bukan sahaja tidak menyara pihak menuntut malah membuat perangai menyakiti hati, memalukan dan rasa menakutkan pihak menuntut dengan ugutan-ugutan” “..beliau juga telah mengajak untuk bersama tetapi saya telah menolak ajakannya dan tiba-tiba beliau telah menghentak kepala saya ke lantai..”
Plaintif 23 lwn defendant 23 (02001-014-0328-2011)	“hanya mahukan kehendak batin sahaja dan menggunakan kekerasan untuk memaksa Pihak Menuntut hidup secara lucah. Suami saya (nama suami) telah tolak saya lalu terjatuh dan tak sedar diri disebabkan dia tidak puas hati kerana saya tidak mahu tidur bersamanya..”
Plaintif 24 lwn defendant 24 (02001-057-1810-2009)	“selalu bergaduh dan ganas, ugut nak bunuh, nak patah-patahkan kaki dan tangan, jika duduk di rumah sendiri, maki kata anak haram, babi, dajjal dan lain-lain ikut mulut sahaja. Mendera dan memaksa melakukan persetubuhan sesuka hati tidak kira masa dan waktu walaupun pemohon dalam keadaan keuzuran (haid). Kelakuan penentang sangat tidak bertanggungjawab, nafkah harian rumah tangga tidak diberi bahkan wang perbelanjaan untuk dirinya diminta, dan jika tidak diberi penuntut dicela, dimaki hamun dan kata nista yang sangat pedih untuk didengar”

Sambungan 3.8

Plaintif 25 lwn defendant 25 (02001-014-1628-2015)	“..beliau sering mengamuk sekiranya saya enggan melakukan persetubuhan bersama beliau. Suami saya(nama suami) telah meminta untuk beliau bersama saya pada malam itu tetapi saya tidak bersetuju dan memberitahu beliau bahawa mahu merehatkan diri. Selepas itu beliau terus memaksa saya menyuruh bersama beliau dalam keadaan marah beliau mendekati saya dan menghentakkan kepala beliau di kepala saya serta menampar di bahagian mulut saya dan menumbuk di bahagian mata..”
Plaintif 26 lwn defendant 26 (02001-014-1409-2009)	“pihak defendant telah mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang suami dalam pemberian nafkah kepada pihak plaintiff dengan tidak menyediakan wang perbelanjaan diri semenjak daripada berkahwin hingga ke hari ini...Defendant melakukan hubungan kelamin dengan pihak plaintiff tidak mengira waktu. Semasa plaintiff berpantang melahirkan anak, pihak defendant memaksa pihak plaintiff untuk melakukan hubungan kelamin..Defendant sentiasa menggugut isteri dengan kata-kata yang mengancam nyawa kalau plaintiff enggan mengikut kemahuannya; defendant telah membuat aniaya dan menganiayai plaintiff dengan melakukan hubungan kelamin yang menyeksa emosi, perasaan dan kesihatan plaintiff”
Plaintif 29 lwn defendant 29 (07002-014-0524-2006)	“defendant mempunyai sikap panas baran sehingga mengakibatkan defendant menghalau plaintiff..”
Plaintif 31 lwn defendant 31 (07002-014-0658-2009)	“defendant juga cuai memberi nafkah diri kepada plaintiff dalam bentuk makanan dan pakaian secara teratur dan sempurna. Plaintiff juga terpaksa menanggung bayaran bil elektrik, bil air, bil telefon, dan keperluan sekolah dan harian anak-anak”
Plaintif 32 lwn defendant 32 (07002-014-0323-2008)	“defendant tidak pernah memperuntukkan nafkah sejak 2001 sehingga sekarang kepada plaintiff” “..suami saya (nama suami) telah memaksa saya untuk bersama dengannya tetapi saya telah menolak kerana saya terlalu penat. Ini telah menimbulkan kemarahannya dan seterusnya suami saya bertindak menampar kepala saya sebanyak 2 kali..dan bertindak menyepak tubuh badan saya dan menarik rambut saya..”
Plaintif 33 lwn defendant 33 (07002-014-0292-2014)	“plaintif juga tertekan dari segi emosi kerana sering bergaduh dengan defendant berkaitan hal kewangan keluarga. Ini kerana sepanjang tempoh perkahwinan plaintiff terpaksa menggunakan keseluruhan gaji untuk

Sambungan jadual 3.8

Plaintif 34 lwn defendant 34 (07002-014-0510-2011)	menampung sebahagian besar perbelanjaan rumah dan anak-anak. Defendan sering memberi alasan bahawa tiada wang sekiranya plaintiff meminta wang dari defendant. Keadaan ini membebani tekanan kepada plaintiff kerana defendant seolah-olah tidak faham tanggungjawab sebenar sebagai ketua keluarga” “plaintif juga tertekan dari segi emosi kerana antara plaintiff dan defendant tiada kemesraan sebagaimana suami isteri. Defendant hanya mencari plaintiff sekiranya memerlukan layanan batin sahaja..”
Plaintif 35 lwn defendant 35 (07002-014-0219-2010)	“plaintif telah tidak diperuntukkan dengan sebarang nafkah oleh pihak defendant semenjak dari awal tempoh perkahwinan sehingga sekarang dan segala keperluan diri plaintiff telah ditanggung oleh plaintiff sendiri dengan menggunakan wang gaji beliau. Defendant juga telah gagal sepenuhnya dalam memberikan nafkah zahir berkenaan perbelanjaan keperluan rumah dan keperluan anak-anak sejak awal tempoh perkahwinan sehingga sekarang di mana segala keperluan rumah dan keperluan anak-anak itu telah ditanggung sepenuhnya oleh plaintiff. Plaintiff juga terpaksa menanggung segala keperluan defendant termasuk pakaian defendant”
Plaintif 36 lwn defendant 36 (07002-014-0403-2008)	“defendant naik berang dan defendant pernah pukul plaintiff dengan tangan di bahagian belakang plaintiff dan jika plaintiff tidak mahu tidur bersama defendant, defendant mengugut hendak membunuh diri”
Plaintif 37 lwn defendant 37 (07002-014-0828-2013)	“defendant sering memukul dan memaki hamun plaintiff serta mengugut untuk membunuhnya” “pihak defendant sejak awal perkahwinan sehingga ke hari ini telah cuai untuk memperuntukkan nafkah dengan sempurna...selain itu pihak defendant sering memberi tekanan terhadap emosi pihak plaintiff apabila beliau sering kali bersikap tidak ambil peduli di atas segala pengorbanan yang dilakukan oleh pihak plaintiff sebagai contoh pihak plaintiff pernah membuat pinjaman peribadi berjumlah ribuan ringgit semata-mata untuk membantu pihak defendant memulakan perniagaan tetapi pihak defendant tidak serius dalam menjalankan perniagaan tersebut sedangkan peralatan-peralatan itu telah dibeli oleh pihak plaintiff dan akhirnya perniagaan itu telah menemui kegagalan...pihak defendant juga gagal menyempurnakan bil-bil utility dan juga bayaran ansuran kereta”

Sambungan jadual 3.8

Plaintif 38 lwn defendant 38 (07002-014-0767-2012)	“defendan ada memukul dan menendang perut plaintiff, dan apabila plaintiff ingin membuat laporan polis, defendant marah dan mengambil semua dokumen-dokumen penting plaintiff... dan setelah itu defendant mengoyakkan semua dokumen tersebut. Bahawa defendant seorang kaki pukul, panas baran dan sering kali menghina keluarga plaintiff. Defendant juga menghina serta memburukkan plaintiff di hadapan khalayak ramai. Bahawa defendant gagal menyediakan nafkah zahir merangkumi rumah, makan minum sepanjang tempoh perkahwinan pihak-pihak”
Plaintif 39 lwn defendant 39 (07002-057-0513-2008)	“apabila marah defendant sering memaki hamun dan mencaci plaintiff...plaintif sering didera dari segi mental dan fizikal...beliau selalu mengasari dan mengugut serta memaki hamun dengan kata-kata kesat dan juga akan mencederakan saya sekiranya kehendak beliau tidak dituruti”
Plaintif 40 lwn defendant 40 (07002-014-0336-2010)	“bahawa defendant tidak memberi nafkah yang mencukupi kepada plaintiff dan anak-anak...defendant sering kali menghina, menfitnah dan memukul plaintiff...tidak boleh ditegur serta cepat naik angin...panas baran serta tidak boleh berbincang”
Plaintif 41 lwn defendant 41 (07002-014-0333-2014)	“pihak defendant juga gagal memeperuntukkan nafkah zahir kepada pihak plaintiff sepanjang tempoh perkahwinan pihak defendant dengan pihak plaintiff. Kadang kala pihak plaintiff langsung tidak mendapat peruntukan nafkah daripada pihak defendant dengan alasan tidak ada duit atau terlupa untuk tekan duit. Keadaan ini menyebabkan pihak plaintiff terpaksa menggunakan wang sendiri hasil pendapatan sebagai guru mengaji alQuran untuk menampung keperluan harian...kebanyakannya kali bersama pihak defendant akan melayan pihak plaintiff dengan kasar seolah-olah pihak plaintiff adalah hamba bukan seorang isteri...Pihak defendant juga hanya akan berbaik dengan pihak plaintiff untuk melakukan hubungan kelamin dan setelah itu pihak defendant akan melayan pihak plaintiff seolah-olah orang asing..”
Plaintif 42 lwn defendant 42 (07002-014-0679-2011)	“sepanjang tempoh perkahwinan, plaintiff banyak mengalami tekanan perasaan dan mental disebabkan oleh kelakuan defendant yang memaksa plaintiff mengikat rahimnya merupakan penderaan perasaan dan mental yang menghantui fikiran plaintiff sepanjang hayat...perbuatan defendant, tingkah laku, arahan,

Sambungan jadual 3.8

Plaintif 43 lwn
defendant 43 (07002-
014-0176-2011)

paksaan dan desakan sepanjang tempoh perkahwinan ini adalah satu penyeksaan secara maknawiyah yang tidak dapat ditanggung lagi oleh plaintiff”

Plaintif 44 lwn
defendant 44 (07002-
014-0292-2011)

“pihak defendant sering memukul pihak plaintiff dengan teruk sehingga mengakibatkan kecederaan kepada pihak plaintiff dengan menumbuk perut dan mengilas tangan pihak plaintiff. Sedangkan pada ketika itu, pihak plaintiff sedang mengandungkan anak sulung...selepas daripada memukul, pihak defendant memaksa pihak plaintiff melakukan persetubuhan. Akibat tindakan pihak defendant, pihak plaintiff mengalami sakit perut berpanjangan, akhirnya pihak plaintiff mengalami keguguran akibat perbuatan pihak defendant..”

Plaintif 46 lwn
defendant 46 (07002-
014-0438-2010)

“segala keperluan rumah termasuk wang sewaan rumah, keperluan diri dan nafkah anak-anak terpaksa ditanggung oleh plaintiff dengan wang hasil kerja beliau menjual makanan dan minuman di gerai berdekatan rumah beliau. Defendant bukan sahaja menyusahkan plaintiff tetapi sering meminta duit daripada plaintiff”
“defendant juga telah berubah sikap di mana defendant sering memberikan tekanan perasaan (mental tortured), sering memaki hamun plaintiff, mengeluarkan kata-kata kesat dan sering menfitnah plaintiff kononnya plaintiff adalah seorang pelacur... defendant juga pernah menggunakan kekerasan dan memukul plaintiff..”

“defendant seorang yang panas baran, plaintiff tidak boleh menegur kesalahan defendant. Sebahagian besar perbelanjaan rumah, keretadan sebagainya ditanggung oleh plaintiff. Plaintiff menyatakan bahawa defendant tidak pernah menjaga kebijakan plaintiff. Segala masalah, kesakitan dan kepayahan ditanggung sendiri oleh plaintiff. Defendant tiada belas kasihan terhadap plaintiff. Defendant kerap kali memaki hamun dan menghalau plaintiff keluar dari rumah. Plaintiff menyatakan bahawa di dalam tempoh perkahwinan, defendant pernah memukul sehingga mendatangkan kecederaan kepada plaintiff. Kejadian ini berulang...tiada kemesraan antara plaintiff dan defendant sebagai suami-isteri. Defendant hanya akan bermesra dengan plaintiff jika defendant ingin mengadakan hubungan seks dengan plaintiff sahaja..”

Sambungan jadual 3.8

Plaintif 47 lwn defendant 47 (07002-014-0488-2011)	<p>“selain daripada tekanan perasaan yang dilakukan oleh defendant terhadap plaintiff, plaintiff juga tidak diperuntukkan sebarang nafkah diri semenjak dari tempoh perkahwinan sehingga sekarang.. Segala keperluan diri plaintiff semasa berada bersama defendant telah ditanggung sendiri oleh plaintiff”</p> <p>“plaintif juga tidak lagi dapat bertahan dengan nafsu seks defendant yang amat kuat dan ketara. Hampir setiap hari plaintiff terpaksa melayan nafsu defendant dan defendant langsung tidak memikirkan soal perasaan, keadaan dan kesihatan plaintiff..”</p>
Plaintif 48 lwn defendant 48 (07002-014-0248-2010)	“suami saya (nama suami) mengajak saya melakukan hubungan kelamin tetapi saya tidak mahu. Lalu suami saya terus menampar dan menumbuk saya berulang kali..”
Plaintif 49 lwn defendant 49 (07001-014-0381-2015)	“defendant telah gagal dan tidak memberikan nafkah zahir kepada plaintiff semenjak tahun 2014...defendant juga telah beberapa kali memukul plaintiff dan yang terkini berlaku pada 15-03-2015sehingga memaksa plaintiff pergi ke klinik untuk mendapatkan pemeriksaan dan ubatan...suami saya (nama suami) mengajak saya melakukan hubungan seks tetapi saya enggan melayani keinginannya kerana badan saya tidak sihat, tiba-tiba suami saya naik angin sambil berkata, “jangan sampai benda tu masuk dalam badan aku..jangan sampai aku bunuh hang..”..”
Plaintif 50 lwn defendant 50 (07001-057-0570-2013)	“defendant adalah seorang yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarga bahkan telah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang suami dan bapa kepada anak-anak”
Plaintif 51 lwn defendant 51 (07001-014-0025-2013)	“sejak diijabkabulkan dan dikurniakan lima orang anak, defendant enggan, gagal dan/atau cuai memberi plaintiff nafkah zahir yang mencukupi. Kesemua perbelanjaan keluarga ditanggung oleh plaintiff sepenuhnya termasuklah makan minum, pakaian, duit tuisyen anak-anak, persekolahan, dan perubatan. Malah ketika plaintiff bersalinpun, defendant enggan mengeluarkan duit bagi perbelanjaan hospital. Defendant mengharapkan plaintiff sendiri menguruskan segala urusan rumah tangga dan defendant langsung tidak mahu mengeluarkan belanja walaupun satu sen...di samping itu defendant juga mempunyai sikap panas baran. Defendant sering melepaskan kemarahan kepada anak-anak yang sedang membesar dan masih kecil tersebut...”

Sambungan jadual 3.8

Responden 1 (2016) pernah diliwat, dipaksa melakukan hubungan seksual dalam pantang, dan ketika haidh namun perbuatan tersebut sudah tidak berulang lagi.

“masa mengandung kalau ada salah faham, pernah juga dipukul. Masa mengandung anak kedua pun kalau ada salah faham, suami tak pukul tapi apa benda barang yang dekat dengan dia memang akan dibaling dekat saya . anak kedua pun masa pantang hari ke44 disuruh layan juga...suami agak panas baran . kalau saya melawan cakap dia , walaupun saya betul masa tu tapi dia akan mempertahankan diri dia jugak. Dia akan cakap, saya suka melawan , tak dengar cakap dia..”

Responden 2 (2016) dipaksa melakukan hubungan seksual dalam pantang, ketika sakit, dan di ruang terbuka yang boleh dilihat oleh anak-anak; dipukul sebelum/ semasa/ selepas melakukan hubungan seksual serta kekasaran lain selain pukulan; dilemparkan dengan kata-kata kasar/keji/ kutukan semasa hubungan seksual; tidak diberi nafkah zahir tetapi didesak untuk melakukan hubungan seksual oleh suami.

“Dia memang panas baran (hanya diketahui setelah bernikah)... Sukar berbincang dengannya kerana dia akan mula menoleh ke tempat lain/menekup telinga/menjelirkan lidah/menunjukkan isyarat luah/menunjukkan kemaluan/ mengejek, mencerca, memaki dan akhirnya memukul.

Sepanjang pernikahan, tiada sentuhan atau pelukan kecuali jika tiba-tiba dia berkehendak, terus dia mahu menamatkannya tanpa mendahuluikan adab-adab hubungan suami isteri atau beri peluang kepada isteri”



Faktor sikap negatif suami ini merupakan sebahagian daripada penderaan mental atau psikologi. Penderaan ini merupakan antara pengaruh besar yang membawa kepada keganasan fizikal dan keganasan seksual dalam rumah tangga (Coker, Smith, Bethea, King & McKeown, 2000). Sikap tidak bertanggungjawab suami dalam perkara yang melibatkan nafkah zahir sangat mempengaruhi kehidupan berumahtangga apabila isteri perlu keluar bekerja mencari sumber rezeki keluarga atau sebagai penambah pendapatan keluarga yang tidak cukup. Peruntukan nafkah untuk makan minum, tempat tinggal dan nafkah anak-anak tidak dipeduli malah lebih buruk lagi apabila

suami juga tidak mempedulikan hal ehwal isteri dari segi emosi, kehidupan malah kesihatan tetapi menuntut hak seksual daripada isteri melalui kekerasan sehingga membuatkan isteri berada dalam ketakutan. Terdapat juga kes yang turut melibatkan penderaan dalam rumah tangga merangkumi penderaan fizikal secara jelas serta penderaan di sudut tekanan mental dan perasaan sama ada sikap, perbuatan atau perkataan daripada suami.

3.3.3 Eksplorasi Dan Kejahilan Agama

Berikut merupakan sedutan penyata tuntutan dan temu bual yang ada menyebut faktor eksplorasi agama dan kejahilan suami.

Jadual 3.9

Faktor eksplorasi dan kejahilan agama

Nama dan no. fail	Eleman eksplorasi dan kejahilan agama
Plaintif 8 lwn defendant 8 (02001-014-0413-2009)	“dalam melakukan hubungan kelamin, Pihak kena Tuntut sering memaksa Pihak Menuntut melakukan perkara lucu dengan cara hubungan seks luar tabie, sehingga mendatangkan kesakitan”
Plaintif 9 lwn defendant 9 (02001-014-1543-2009)	“memaksa Pihak Menuntut melakukan perkara terkutuk dengan cara melayan melakukan hubungan kelamin secara luar tabie sehingga mendatangkan kesakitan dan takut”
Plaintif 11 lwn defendant 11 (02001-014-0577-2015)	“defendant juga sering memaksa plaintiff melakukan seks di luar tabie terhadap plaintiff,”
Plaintif 13 lwn defendant 13 (02001-014-1035-2009)	“sepanjang tempoh bersama, PM juga mendakwa PKT sering menganiayai PM apabila PKT secara lazimnya kerap mengasari dan meliwat PM ketika pihak-pihak melakukan hubungan suami isteri. Keadaan ini menyebabkan PM sering menderita dan mengalami tekanan kerana PM sendiri tidak pernah rela dikasari dan keadaan ini mempengaruhi kehidupan seharian PM”
Plaintif 16 lwn defendant 16 (02001-014-1023-2008)	“... apabila sudah agak mabuk, Pihak Kena Tuntut akan mengajak Pihak Menuntut mengadakan hubungan secara luar tabie. Pihak Menuntut akan diliwat..”

Sambungan jadual 3.9

Plaintif 17 lwn defendant 17 (02001-014-1156-2011)	“memaksa Pihak Menuntut melakukan perkara lucah dengan mengadakan hubungan kelamin secara luar tabie sehingga mendatangkan kemudaratan kepada pihak Menuntut”
Plaintif 22 lwn defendant 22 (02001-014-0992-2011)	“Pihak Kena Tuntut juga memaksa Pihak Menuntut melakukan hubungan kelamin semasa haid dan bulan puasa”
Plaintif 24 lwn defendant 24 (02001-057-1810-2009)	“mendera dan memaksa melakukan persetubuhan sesuka hati tidak kira masa dan waktu walaupun pemohon dalam keadaan kezuruan (haid)”
Plaintif 26 lwn defendant 26 (02001-014-1409-2009)	“defendant telah memaksa isteri melakukan seks melalui dubur walaupun isteri enggan berbuat demikian”
Plaintif 28 lwn defendant 28 (2007-014-0541-2010)	“..bahawa sepanjang perkahwinan pihak-pihak berlangsung, PYKT tidak langsung menghormati PYM sebagai isteri lazimnya di bawah hukum syarak dimana PYKT melakukan hubungan kelamin di luar tabie dengan meliwat PYM walaupun tanpa kebenaran PYM. PYKT berterusan meliwat PYM tanpa sedikitpun merasa berdosa, simpati ataupun kasihan terhadap PYM yang kesakitan...Manakala jimak dalam haid menyebabkan saya sakit dalam perut....Saya sakit ketika itu, dia tak peduli, dia hanya pentingkan nafsu dia saja...Demi Allah, saya tidak pernah menawarkan seks luar tabie sepanjang perkahwinan kami, dia yang nak dan selalu mendesak saya supaya bagi belakang. Bila hari-hari dia berjimak dengan saya, dia mula kata tak puas, tak sedap, dia akan puas kalau melalui belakang..bila kami bergaduh dan bila saya merajuk dia selalu kata saya ni berdosa dan saya ni ahli neraka...selepas beberapa hari ayah mula mengugut dan menghina ibu contohnya, ayah selalu kata setiap amalan yang ibu buat, Allah takkan terima dan Allah akan turunkan bala kat ibu. Ibu akan masuk neraka dan sebagainya...ayah pernah cakap pada saya, “ibu pilih neraka, ayah tak mau kata apa dah.. dia (ibu) rasa dia layak duduk dalam neraka..” – saksi
Plaintif 29 lwn defendant 29 (07002-014-0524-2006)	“defendant pernah membuat penderaan seksual terhadap plaintiff (bersetubuh semasa kedatangan haid dengan melalui jalan belakang”
Plaintif 40 lwn defendant 40 (07002-014-0336-2010)	“defendant selalu menjadikan plaintiff sebagai hamba seks dan telah meliwat plaintiff dalam tempoh perkahwinan..”

Sambungan jadual 3.9

Plaintif 41 lwn defendant 41 (07002-014-0333-2014) “sejak dari awal perkahwinan pihak-pihak lagi, pihak defendant sering meminta untuk melakukan hubungan kelamin walaupun pada ketika itu pihak plaintiff dalam keadaan haid”

Plaintif 50 lwn defendant 50 (07001-057-0570-2013) “defendant telah melanggar perjanjian ta’liq tersebut apabila defendant telah melakukan kezaliman dan bertentangan dengan hukum syarak apabila memaksa plaintiff melakukan hubungan kelamin walaupun plaintiff didatangi haid”

Plaintif 51 lwn defendant 51 (07001-014-0025-2013) “defendant/ suami mempunyai keinginan seks yang melampau apabila suka melakukan seks luar tabie apabila bersama plaintiff dan juga ‘bermasturbasi’ untuk melepaskan nafsu...plaintif dengan tegas telah dan/atau pernah memberitahu defendant tentang ketidak inginan/keenggangan plaintiff melayan nafsu songsang defendant, namun defendant tetap memaksa plaintiff menurut keinginannya yang melampau itu”

Responden 1 (2016)



“masa dalam pantang anak sulung, (saya) dipaksa layan (suami) masa hari ke33 dalam pantang katanya (suami), tanggungjawab (isteri untuk patuh) anak kedua pun masa pantang hari ke44 disuruh layan juga... Dan mula lah dia akan keluarkan segala hadis yang dia tahu. Selalunya kalau saya menolak untuk bersama , dia akan cakap nak dapatkan pahala pun taknak, nanti buat dengan orang lain baru tahu. Selalu akan diugut macam tu la. Dia tahu haram (meliwat isteri) , tapi katanye sedap”

Responden 2 (2016)

“Dan memang berpegang kuat kepada kefahaman kuasa mutlak terletak di tangan suami, pernah mengatakan dalam al-Quran bahawa suami dibenarkan dan berhak pukul isteri, dan menyatakan hak suami dalam bersetubuh dan isteri wajib bersyukur dengan setakat mana nafkah batin yang diberi suami. Jika setahun sekali, seminit pun kena bersyukur. Tak boleh *complain*. Memang ada digunakan dalil-dalil berkaitan tanpa kefahaman yang jelas...Kuliah agama tentang hak-hak suami memang yang paling dia minat. Tapi hak isteri dan anak-anak tidak pula dia berminat untuk dalami/fahami”

Responden 3 (2016)
pernah dipaksa melakukan hubungan seksual ketika sakit, serta paksaan tanpa mengira

“suami merupakan seseorang yang menganggap lelaki berkuasa mutlak dalam rumah tangga. Dalam perihal seksual, suami sering mengugut menggunakan dalil-dalil agama dengan memetik nama-nama ustaz tersohor dan ceramah-ceramah agama yang dihadiri”

Sambungan jadual 3.9

waktu, keadaan dan tempat; tidak diberi nafkah zahir tetapi didesak untuk melakukan hubungan seksual oleh suami.

Responden 4 (2016) dipaksa melakukan hubungan seksual dalam haidh, ketika sakit, serta paksaan tanpa mengira waktu, keadaan dan tempat; dipukul sebelum/semasa/selepas melakukan hubungan seksual; tidak diberi nafkah zahir tetapi didesak untuk melakukan hubungan seksual oleh suami.

Responden 5 (2016) pernah diliwat; berlaku kekasaran semasa hubungan seksual tetapi bukan dalam bentuk pukulan.

Sheikh Shahmi Awang (2016)

“keganasan seksual itu masih berlaku dan saya ambil pendekatan utk tidak melayan beliau kerana perbuatan tersebut terang-terang HARAM dan boleh menyakiti diri kita sendiri. Tapi lama kelamaan kita sebagai isteri juga akan rasa tertekan dan saya masih mencari jalan penyelesaian untuk kes begini”

“berkenaan dalil tu suami saya tak pernah kata apa-apa cuma ibunya yang selalu suruh anak dia cakap dalil yang nonsense. Suami saya seorang biasa-biasa sahaja tapi ibu nya hmm ada 1 ketika ibunya beritahu saya bahawa duit isteri itu kena bagi pada suami”

“perbuatan tersebut berlaku hanya sekali akibat suami yang kurang sabar dan mengikut hawa nafsu semasa saya sedang dalam haidh. Suami walaupun kurang mengamalkan suruhan agama, tetapi suami tahu haram meliwt isteri. Justeru kejadian yang hanya berlaku sekali itu, lebih kepada kurang sabar dan tanpa sengaja”

Ketika ditemui bual beliau bersetuju bahawa keganasan rumah tangga sama ada dari segi fizikal mahupun seksual berlaku kerana terdapat segelintir pihak yang sekadar mengetahui hukum tetapi tidak mengetahui kaedah perlaksanaan hukum. Banyak suami yang menyangka pernikahan menjadikan isteri sebagai hak mutlak suami serta sangkaan bahawa isteri boleh dipaksa melayani mereka tanpa kasih sayang. Sedangkan seorang suami itu perlu pandai menarik hati isteri dan membahagiakan isteri agar isteri dapat melayaninya dengan baik. Matlamat perkahwinan itu adalah saling menghiburkan dan saling membahagiakan. Jelas tuan sheikh, apabila kita memaksa isteri melakukan hubungan seksual dalam keadaan hati yang tidak menyerah, perbuatan tersebut akan memudharatkan isteri. Masalah yang berlaku adalah apabila suami tidak mengetahui hal tersebut dan hanya mengetahui bahawa isteri wajib melayani suami. Pernah berlaku suatu kes, isteri yang mahu menuntut perceraian, datang ke mahkamah bagi urusan talak. Apabila ditanya adakah mereka baru melakukan

Sambungan jadual 3.9

hubungan seksual? Mereka menjawab, ya. Sedangkan perceraian makhruh dilafazkan jika hubungan seksual bersama isteri baru dilakukan. Isteri tersebut bertanya, “ustaz boleh ka kita tolak kalau suami ajak?”. Jawab tuan sheikh, boleh kerana mereka sedang dalam proses perceraian, dan isteri sudah tidak mempunyai perasaan terhadap suaminya. Perkara seksual tidak boleh dipaksapaka. Tambah tuan sheikh lagi, begitu juga dalam kes memukul isteri. Suami hanya mengetahui ayat kebenaran memukul sahaja tanpa mengetahui huraihan panjang dan larangan-larangan dalam perihal tersebut. Pendidikan perlu disebarluaskan bagi memberi penjelasan kepada masyarakat.

Sheikh Muhammad Ridhuwan Ibrahim (2016)

Berdasarkan pengalaman beliau mengendalikan kes-kes pembubaran perkahwinan, faktor keganasan seksual dalam rumahtangga sememangnya wujud dalam tuntutan perceraian. Hal ini berlaku apabila suami dan isteri tidak faham konsep perkahwinan seperti ayat 21 dari surah al-Rum. Ilmu seksual adalah termasuk dalam bahagian ilmu nafs yang perlu dipelajari kerana banyak manusia mengetahui tentang hal seksual tetapi persoalannya, bagaimana cara mereka mengaplikasikannya? Sedangkan perkahwinan dibina bukan atas faktor seksual semata, tetapi lebih daripada itu, iaitu memikul tanggungjawab yang besar. Meskipun begitu, tuan sheikh memilih faktor-faktor lain bagi mensabitkan perceraian seperti kes nafkah dan sebagainya yang lebih mudah dalam perihal pembuktian.



Perlakuan seksual di luar tabii seperti liwat yang dilakukan suami terhadap isteri merupakan tanda kejahilan suami kerana liwat adalah sesuatu yang diharamkan oleh Allah, begitu juga dengan melakukan hubungan seksual semasa isteri didatangi haid. Terdapat sebahagian suami yang mengetahui haram perbuatan tersebut, tetapi kehendak nafsu lebih dituruti kerana jahil akan larangan keras dan hukuman berat perbuatan tersebut. Selain itu, tindakan suami mengancam isteri apabila isteri menolak ajakan seksual suami atas faktor-faktor seperti penat dan sakit, adalah bukti berlaku eksplorasi agama dalam perkara ini. Antara ancaman yang dilemparkan ke atas isteri berdasarkan kajian analisis fail ialah, ‘akan mendapat bala dari Allah’, ‘layak berada

dalam neraka’, ‘nak dapat pahala pun taknak’, dan ‘merupakan hak suami dalam hal seksual’. Salah faham dalam menggunakan dalil agama ini adalah berpunca daripada kefahaman yang silap terhadap kuasa mutlak suami dalam rumahtangga serta perihal hak dan tanggungjawab seksual antara pasangan menurut Islam.

3.4 Kesimpulan

Terdapat dakwaan keganasan seksual dalam tuntutan perceraian berdasarkan kajian di MRS yang terpilih, iaitu MRS Kota Setar, MRS Kuala Muda, MRS Seberang Perai Utara dan MRS Daerah Timur Laut. Keganasan seksual yang dilaporkan adalah seperti diliwat, dipaksa melakukan hubungan seksual semasa dalam haid, dalam pantang dan ketika sakit. Paksaan tanpa mengira tempat, keadaan dan waktu turut diambil kira. Selain itu, dilaporkan juga keganasan seperti dipukul sebelum, semasa atau selepas hubungan seksual, serta kekasaran lain yang tidak melibatkan pukulan, tidak terkecuali lemparan kata-kata kasar, keji atau kutukan semasa berlakunya hubungan seksual. Terdapat juga situasi isteri yang tidak diberi nafkah zahir tetapi didesak secara seksual oleh suami. Dakwaan penderaan mental yang dilakukan oleh suami terhadap isteri seperti layanan buruk dan sikap tidak acuh namun cuma memujuk ketika berkehendak seksual turut menyamai maksud keganasan seksual yang menjadi garis pandu kajian ini.

Analisis kandungan yang dilakukan terhadap fail-fail terkumpul dan hasil temu bual bersama mangsa yang terlibat, menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor terbesar yang membawa kepada berlakunya keganasan seksual. Faktor pertama ialah pornografi yang mempengaruhi suami untuk melakukan atau memaksa isteri melakukan adegan yang sama seperti yang ditonton. Terdapat suami yang turut membandingkan fizikal isteri atau aksi seksual isteri dengan fizikal atau aksi model pornografi. Perbandingan yang

dilakukan amat tidak wajar kerana telah menjatuhkan maruah isteri dan memudaratkan perasaan isteri. Faktor kedua ialah, sikap negatif suami yang merangkumi sifat tidak bertanggungjawab dan panas baran. Akibatnya berlaku penderaan fizikal, mental dan kecuaian suami dalam pemberian nafkah zahir. Suami tidak memperdulikan keadaan isteri yang sedang sakit, keletihan mahupun ketika dalam pantang. Terdapat juga isteri yang dilempari dengan kata-kata buruk serta perilaku suami yang dingin dan hanya mendekati isteri ketika berkehendak kepada seksual sahaja.

Faktor terakhir ialah kejihilan agama iaitu apabila suami sanggup meliwat dan mendatangi isteri ketika haid. Dalam masa yang sama, berlaku eksloitasi agama apabila suami menggunakan hujah ketaatan isteri untuk memaksa isteri menuruti kehendak seksual mereka. Berdasarkan faktor-faktor yang dikeluarkan dalam bab ini, dapat dilihat bahawa wujud kesamaran dan ketidak jelasan pasangan terhadap hak dan tanggjawab seksual dalam rumahtangga menurut Islam. Berlaku ketidak selarian antara pengetahuan tentang hak dan pengetahuan terhadap kaedah mengaplikasikan hak sehingga mereka telah berlaku zalim kepada pasangan.

BAB EMPAT

HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEKSUAL DALAM RUMAHTANGGA

4.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan kesinambungan dari bab tiga, iaitu berdasarkan kajian kes terhadap fail-fail pembubaran perkahwinan. Pada bahagian awal bab ini adalah merupakan perbincangan tentang hak dan tanggungjawab pasangan dalam rumahtangga secara umum dan ringkas. Seterusnya bab ini membincangkan hak dan tanggungjawab seksual dalam rumahtangga berdasarkan salah faham yang dikeluarkan dari tiga faktor besar yang mempengaruhi keganasan seksual dalam rumahtangga berdasarkan kes-kes pembubaran perkahwinan. Akhir sekali, bab ini merumuskan konsep seksual menurut Islam.

4.2 Hak dan Tanggungjawab Pasangan Dalam Rumahtangga

Hak asasi kemanusiaan merupakan hak asas yang mesti dimiliki oleh setiap manusia seperti hak untuk hidup dalam kesamarataan dan merdeka serta hak untuk memenuhi tuntutan fitrahnya seperti makan, minum dan berkeluarga (Wahbah al-Zuhaili, 2010a). Kesamarataan adalah fitrah kerana manusia berasal daripada penciptaan yang sama. Islam meletakkan kesamarataan dalam perlaksanaan hukum antara lelaki dengan perempuan berdasarkan fokus mukalaf. Selain itu konsep umum pensyariatan hukum Islam juga membentuk tanggungjawab yang sama antara kedua-dua jantina tersebut (Mustaffa al-Siba'i, 2010; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010).

Sarjana juga sepakat meletakkan ayat hukum yang menggunakan *sighah muzakkar* atau *muannas* namun tidak ada penghususan bagi ayat tersebut, menjadikan ayat itu terpakai kepada lelaki dengan perempuan. Namun begitu, sifat asal kesamarataan

antara lelaki dan perempuan yang diaplikasikan dalam hukum syarak tidak bermakna kesamarataan tanggungjawab ini berlaku dalam semua pensyariatan. Hal ini kerana hukum syarak terbina berdasarkan ‘*ilal* (sebab), *ma’in* (maksud) dan *sifat* (kualiti) yang tertentu. Justeru jika *mukallifun* yang terdiri daripada lelaki dengan perempuan itu memiliki persamaan dalam fokus hukum tersebut, mereka dipertanggungjawabkan secara bersama dalam perlaksanaan tersebut. Sebaliknya akan berlaku perbezaan perlaksanaan jika mereka mempunyai perbezaan dalam fokus hukum tersebut. Perkara ini yang membentuk hak dan tanggungjawab antara lelaki dengan perempuan (Muhammad Abdul Majid, 2010). Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“..Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang ma’ruf. Akan tetapi para suami, mempunyai satu tingkatan lebih daripada isterinya”
(Surah al-Baqarah, 2: 228)

Hal ini menggambarkan bahawa dalam hak dan tanggungjawab pasangan, Islam telah meletakkan keadilan dan kesamarataan antara suami dengan isteri. Perkara yang menjadi hak suami, turut merupakan hak isteri. Begitu juga dengan tanggungjawab. Manakala perbezaan yang berlaku merupakan penekanan terhadap konsep kerjasama dan saling melengkapi antara suami dengan isteri dalam meneruskan kehidupan dan hal itu memenuhi fitrah juga tabiat manusia. Bagi perkara yang dilebihkan kepada suami, sesuai dengan kemampuan seorang lelaki. Begitu juga dengan kelebihan yang diberikan kepada isteri, sesuai mengikut fitrah kewanitaannya. Pembahagian hak dan tanggungjawab ini adalah untuk memupuk kasih sayang dan kemesraan dalam kehidupan berumahtangga (Mahmud Saedon Awang Osman, 1999; Sayyid Sabiq, 2009; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010a)

Terdapat tiga kategori hak dalam pernikahan menurut Islam iaitu hak bersama suami dan isteri, hak suami ke atas isteri serta hak isteri ke atas suami. Namun, perbincangan dalam bahagian ini hanya mewakili hak-hak suami dan isteri yang berkaitan dengan konteks hak dan tanggungjawab seksual dalam rumahtangga, dan tidak merangkumi keseluruhan topik hak dan tanggungjawab sebenar suami dan isteri. Hak bersama suami dan isteri yang disentuh adalah (a) hak pergaulan sebagai suami dan isteri; dan (b) hak pergaulan yang baik. Kategori kedua ialah, hak peribadi seorang suami daripada isterinya iaitu (a) ketaatan daripada isteri; (b) perkhidmatan daripada isteri untuk suaminya; (c) tuntutan isteri untuk mengikut suami ke rumah perkahwinan; (d) keharusan isteri berhias untuk suami; dan (e) hak mendidik isteri. Kategori ketiga pula ialah hak isteri ke atas suami iaitu (a) pemberian mahar; (b) nafkah; (c) layanan yang baik daripada suami; dan (d) perlindungan ke atas isteri daripada kejahatan.

4.2.1 Hak Bersama Suami dan Isteri

Pertama: Hak Pergaulan Sebagai Suami dan Isteri

Setiap pasangan mempunyai hak untuk hidup sebagai suami isteri dan mempunyai hak untuk saling bermesra antara satu sama lain. Kedua-dua mereka menjadi halal untuk saling melihat, menyentuh dan menyetubuhi. Hak kemesraan ini merangkumi hak kenikmatan hubungan seksual antara pasangan (Sayyid Sabiq, 2009; Mahmud al-Mashri, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Suami isteri juga perlu tolong-menolong dalam kebaikan dan kebajikan serta mencegah daripada berlakunya kemaksiatan sepanjang perkahwinan (Mahmud al-Mashri, 2010; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010) seperti mana dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.

Bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah sangat berat siksa-Nya”
(Surah al-Maidah, 5: 2)

Kedua: Hak Pergaulan yang Baik

Suami dan isteri masing-masing mempunyai hak untuk memperoleh pergaulan yang baik daripada pasangan (Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.t; Sayyid Sabiq, 2009; Mahmud al-Mashri, 2010; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010) sepetimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“dan pergaulilah mereka dengan cara yang makruf (baik)”
(surah al-Nisa’, 4:19)

Pasangan perlu memiliki sifat pemaaf, suka memaafkan kesalahan antara satu sama lain (Muhammad Abdul Majid, 2010) dan memiliki sifat jujur dalam setiap tindakan (Sayyid Sabiq, 2009; Mahmud al-Mashri, 2010), namun dalam situasi tertentu, bagi memelihara keharmonian dalam rumah tangga, pasangan dibolehkan untuk berdusta atau berdalih dengan syarat semata-mata untuk memperbaiki hubungan suami isteri dan menguatkan hubungan kekeluargaan (Sayyid Sabiq, 2009; Yusuf al-Qardhawi, 2015). Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Tidaklah dikira sebagai penipuan bagi memperbaiki hubungan antara manusia iaitu dengan menyuburkan kebaikan, atau mengatakan kebaikan”
(Riwayat Muslim, no. 2605).

Ummu Kaltsum menerangkan maksud hadis ini bahawa dibenarkan untuk berdalih untuk kebaikan bagi menyelesaikan pertelingkahan antara dua pihak; atau puji suami kepada isteri; atau daripada isteri kepada suaminya (Sayyid Sabiq, 2009; Yusuf al-Qardhawi, 2015).

4.2.2 Hak Suami Ke Atas Isteri

Pertama: Ketaatan Dari Isteri

Tanggungjawab terbesar seorang isteri kepada suaminya ialah mentaatinya selagi tidak membawa kepada kemaksiatan; memelihara diri dan maruah sebagai isteri serta menjaga harta benda suami; tidak menjatuhkan maruah beliau; tidak bermasam muka di hadapannya; dan tidak memandangnya dengan kebencian (Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.t; Mustafa al-Bugha *et al*, 2008; Isham Muhammad al-Syarif, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Mahmud al-Mashri, 2010; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010), seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wanita yang solehah ialah yang taat kepada Allah dan memelihara diri ketika suaminya tidak ada, karena Allah telah memelihara (mereka)”
(Surah al-Nisa’, 4: 34)

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Sebaik-baik wanita adalah apabila kamu memandangnya, terhiburlah kamu, apabila diperintah akan mentaatinya ke atas kamu, dan apabila berpergian darinya, maka dipelihara dirinya dan harta kamu” (Riwayat Abu Daud, no. 1664)

“Jika seorang wanita itu mendirikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, memelihara kemaluannya dan mentaati suaminya, akan masuklah dia ke dalam syurga melalui pintu-pintu mana yang dia mahu”(Riwayat Ahmad, no. 1661 dan Ibn Hibban, no. 4163).

Kedua: Perkhidmatan Isteri Untuk Suaminya

Perkara ini bersesuaian dengan fitrah seorang wanita yang merupakan pengurus rumah tangga, manakala suami adalah pencari rezeki di luar (Sayyid Sabiq, 2009; Muhammad Abdul Majid, 2010; Yusuf al-Qardhawi, 2015). Fatimah RA pernah datang mengadu kepada Baginda tentang tangannya yang kematu dan meminta seorang khadam untuk membantu. Baginda mengajar kepadanya sesuatu yang lebih baik

dari pada itu, iaitu tasbih dan takbir sebanyak 33 kali setiap satu serta 34 kali untuk takbir (Riwayat Ahmad, no. 996). Namun begitu Abu Hanifah, Malik dan Syafii berpendapat bahawa tidak wajib khidmat isteri terhadap suaminya kerana akad nikah membawa kepada tuntutan *istimta'* (pergaulan) dan bukannya *al-istikhdam* (perkhidmatan). Bermakna, khidmat seorang isteri kepada suaminya merupakan perkhidmatan dan layanan dalam bentuk pergaulan dan kemesraan, bukan perkhidmatan sebagai seorang khadam. Malahan dalam urusan rumahtangga, jika suami tidak mampu membantu, isteri perlu dibantu oleh khadam (Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010).

Ketiga: Tuntutan Isteri Untuk Mengikuti Suami ke Rumah Perkahwinan

Isteri perlu mengikuti suami berpindah masuk ke dalam rumah perkahwinan sebaik sahaja selesai akad nikah, dan dilarang untuk isteri keluar dari rumah tersebut kecuali dengan izin si suami. Menjadi hak suami untuk membawa isteri ke mana sahaja bagi memenuhi tuntutan kehidupan berumahtangga dengan syarat bukan bermaksud untuk memudaratkannya. Jika dengan mengikuti suami akan mendatangkan kemudarat bagi isteri, hakim boleh menghalang dengan tidak mewajibkan isteri mengikuti suaminya (Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Begitu juga larangan untuk tidak keluar dari rumah bukan bermaksud memenjarakan isteri atau menyempitkannya, tetapi dalam rangka untuk menjaga kebaikan seorang isteri dan keselamatannya (Wahbah al-Zuhaili, 2010) seperti mana maksud firman Allah:

“Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka”
(Surah al-Talaq, 65: 6)

Penyerahan isteri kepada suami adalah wajib sebaik sahaja berlakunya akad kecuali dalam hal-hal yang telah disyaratkan (Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2010) kerana pasangan boleh menta'liq dalam akad untuk melambatkan tempoh penyerahan isteri atau tidak berpindah keluar dari rumah atau negara dan ta'liq itu wajib dipatuhi jika telah dipersetujui bersama (merujuk kepada talak ta'liq). Hal ini termasuklah dalam perihal isteri keluar untuk bekerja atau menuntut ilmu. Bagi pekerjaan yang tidak mendatangkan kemudaratan apatah lagi pekerjaan fardu kifayah untuk wanita, suami tidak boleh menghalang isteri untuk keluar bekerja. Begitu juga dengan menuntut ilmu yang fardu, jika suami tidak berkemampuan untuk mendidik isteri, suami tidak boleh menghalang isteri daripada keluar ke majlis-majlis ilmu (Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Sayyid Sabiq, 2009).

Isteri diwajibkan untuk menuruti suami berpindah ke rumah selepas pernikahan dengan tiga syarat iaitu, (a) mahar telah dibayar penuh; (b) tempat tinggal tersebut bukanlah tempat tinggal yang disyaratkan oleh isteri dalam akad untuk tidak diduduki; dan (c) suami bersikap aman serta tidak memudaratkan isteri (Umar Sulaiman, 2012). Isteri berhak terhadap rumah pernikahan yang terasing daripada kerabat suami atau anak-anak suami daripada isteri yang lain kecuali jika suami tidak mampu menyediakan rumah lain untuk kerabat dan anak-anaknya akibat kefakiran, tetapi dengan syarat, keberadaan mereka tidak memudaratkan isteri dan menghalang daripada tertunainya hak isteri (Umar Sulaiman, 2012). Hal ini kerana, seorang isteri mempunyai hak untuk memperoleh tempat tinggal yang privasi daripada isteri suaminya yang lain atau keluarga suaminya atau anak-anak suaminya daripada isteri yang lain kecuali jika mereka reda untuk melepaskan hak tempat tinggal mereka (Abu Abdillah al-Tarabalsi, 1992).

Keempat: Isteri Berhias Untuk Suami

Isteri diharuskan untuk mencantikkan diri di hadapan suami (Sayyid Sabiq, 2009; Mahmud al-Mashri, 2010). Larangan untuk ber-*tabarruj* bagi wanita hanyalah untuk di luar rumah sepetimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan mereka perlu menutupkan kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali kepada suami mereka....”
(surah al-Nur, 24: 31)

Kelima: Hak Mendidik Isteri

Allah SWT memerintahkan suami untuk menghukum isteri tatkala isteri telah berlaku nusyuz. Kelebihan dalam hukuman ini adalah kerana peranan suami dalam memberi nafkah isteri dan keluarga (Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010).

“Wanita-wanita yang kalian khawatir nusyuz, nasihatilah mereka, dan jauhilah mereka di tempat tidur, dan pukullah mereka. Jika mereka mentaati kalian, janganlah kalian mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar”
(Surah al-Nisa’, 4:34)

Namun begitu, terdapat adab dan larangan yang perlu suami pelihara dalam menghukum isteri, hal ini demikian kerana hukuman tersebut bertujuan mendidik. Pengasingan diri dari tempat tidur adalah tidak boleh melebihi tiga hari kerana sabda Baginda SAW yang bermaksud:

“Tidak halal bagi seorang muslim menjauhi saudaranya (tidak bertegur sapa) melebihi 3 hari” (Riwayat Muslim, no 6532).

Suami perlu mengikuti aturan hukuman yang telah ditentukan Allah SWT selagi mana isterinya masih nusyuz walaupun telah dinasihati (Sayyid Sabiq, 2009).

4.2.3 Hak Isteri Ke Atas Suami

Hak isteri ke atas suami mempunyai dua kategori iaitu yang bersifat kewangan dan yang tidak bersifat kewangan.

Pertama: Pemberian Mahar

Menjadi kewajipan ke atas suami untuk menyediakan mahar kepada isteri sebaik sahaja akad nikah dan mahar tersebut menjadi hak mutlak isteri tanpa boleh diminta untuk dipulangkan meskipun berlaku perceraian kecuali bagi kes khuluk. Namun jika isteri dengan rela hati berkongsi nilai mahar tersebut, suami tidak menjadi berdosa untuk mengambilnya (Mustafa al-Bugha *et al*, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Umar Sulaiman, 2012) seperti mana maksud firman Allah SWT:

“Berikanlah maskawin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebagian dari maskawin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambilah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya”
(Surah al-Nisa’, 4:4)

“Dan kalau kalian ingin menggantikan isteri dengan isteri yang lain sedangkan kalian telah memberikan harta yang banyak kepada mereka (isteri yang kalian tinggalkan), janganlah kalian mengambil kembali sedikit pun darinya. Apakah kalian akan mengambilnya dengan kebohongan (yang kalian buat) dan dosa yang nyata? Dan bagaimana kalian akan mengambilnya kembali, padahal kalian telah bergaul satu sama lain dan mereka telah mengambil janji yang kuat dari kalian?”
(Surah al-Nisa’, 4:20-21)

“Isteri-isteri yang telah kamu nikmati (campuri) di antara mereka, berikanlah kepada mereka maharnya (dengan sempurna), sebagai suatu kewajiban”
(Surah al-Nisa’, 4:24)

Islam mewajibkan pemberian mahar berupa sesuatu yang mempunyai nilai atau manfaat tanpa meletakkan syarat nilai sama ada nilai minima atau nilai maksima.

Dibolehkan pemberian seperti sebentuk cincin besi atau sebuku buah tamar atau nilai mata wang atau manfaat pengajaran al-Quran daripada suami kepada isteri atau apa-apa yang sepertinya selagimana mendapat persetujuan antara pasangan suami isteri tersebut (Abu Malik Kamal, 2003; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Umar Sulaiman, 2012). Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

"Carilah (untuk dijadikan mahar) walaupun sebentuk cincin yang diperbuat daripada besi." (Riwayat al-Bukhari, no. 5149 dan Muslim, no. 3487).

Terdapat peristiwa Abu Thalhah datang merisik Ummu Sulaim, dan Ummu Sulaim meletakkan keislaman Abi Thalhah sebagai mahar perkahwinan mereka (Riwayat al-Nasaii, no. 3340). Berkenaan mahar yang tinggi meskipun Islam tidak meletakkan had, Rasulullah telah menyentuh perihal keberkatan perkahwinan bagi pernikahan yang dimudahkan (Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Mahmud al-Mashri, 2010; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Sabda Baginda SAW yang bermaksud:

"Sebaik-baik nikah adalah yang paling mudah" (Riwayat Abu Daud, no. 2117)

"Nikah yang paling besar berkahnya ialah yang paling ringan maharnya" (Riwayat Ahmad, no. 15677)

Namun begitu dibolehkan meletakkan mahar yang bernilai sesuai dengan kemampuan suami dan makruh jika membawa kepada kesusahan dan kepayahan dalam memenuhi tuntutan tersebut (Abu Malik Kamal, 2003; Mahmud al-Mashri, 2010). Hikmah meletakkan mahar yang memudahkan juga adalah untuk kepentingan isteri jika berlaku situasi yang memerlukan perceraian secara khuluk, hal itu tidak membebankan isteri

untuk memulangkan nilai mahar. Berbeza jika nilai mahar yang diletakkan adalah mahal dan berat (Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2010).

Pemberian mahar terhadap isteri mempunyai beberapa situasi (Abu Malik Kamal, 2003; Mat Saad Abd Rahman, 2006; Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2007; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Mahmud al-Mashri, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Umar Sulaiman, 2012), iaitu:

- i. Dibolehkan pemberian mahar secara bertangguh. Bagi situasi ini, isteri mendapat jumlah mahar secara penuh pada keadaan: jika berlaku kematian antara pasangan sama ada suami atau isteri walaupun belum berlaku *dukhul* (senggama); dan selepas berlakunya *dukhul hakiki* atau *khulwah sohihah* (berdua-duan dalam keadaan yang boleh berlakunya *dukhul*). Termasuk dalam *dukhul hakiki* ialah apabila isteri telah memasuki rumah pernikahan walaupun isteri tidak disetubuhi. Maliki meletakkan maksima setahun bagi isteri yang telah tinggal bersama dalam rumah suami tetapi tidak disetubuhi untuk mendapatkan jumlah mahar secara penuh.
- ii. Isteri layak mendapat mahar *mithal* (mahar *standard* mengikut mahar kerabat, *uruf*, status isteri dan sebagainya) jika nilai mahar tidak disebut dalam akad, atau disebut tetapi nilainya telah rosak. Sama seperti mahar yang *musamma* (yang disebut), mahar *mithal* yang tertangguh wajib diberikan kepada isteri jika berlaku kematian atau selepas berlakunya *dukhul* dan *khulwah*.
- iii. Isteri berhak ke atas mahar dengan nilai yang separuh jika suami menceraikannya sebelum sempat *dukhul* atau *khulwah*. Begitu juga bagi mahar yang tidak disebut dalam akad, isteri berhak mendapat separuh daripada nilai mahar *mithal* atau sejumlah bayaran *mutah* sebagai tanda perpisahan secara ihsan.

“Tidak ada kewajipan membayar (mahar) ke atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka

dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan kamu perlu berikan suatu mutah (pemberian) kepada mereka..Jika kamu menceraikan mereka sebelum kamu sentuh, padahal kamu kamu sudah menentukan maharnya, maka (bayarlah) seperdua daripada yang telah kamu tentukan itu”

(Surah al-Baqarah, 2:236-237)

- iv. Bagi perkahwinan fasid (contoh: suami merupakan saudara susuan), suami wajib menceraikan isteri dan jika telah berlaku *dukhul*, isteri berhak ke atas mahar dengan nilai penuh akibat telah berlakunya *dukhul* tetapi jika perceraian berlaku sebelum berlakunya *dukhul*, isteri hanya berhak ke atas separuh daripada nilai mahar. Maksud sabda Baginda SAW kepada sahabat yang dipisahkan selepas *dukhul* atas faktor perkahwinan yang fasid:

“Dan ke atasnya (bekas isteri) *al-sidaq* (mahar) dengan apa yang telah menghalalkan farajnya” (Riwayat Abu Daud, no. 2131).

Berlaku perbezaan pandangan pada kadar nilai mahar untuk isteri iaitu diberi nilai mahar *musamma* mengikut Maliki dan Hanbali, atau dikadarkan dengan nilai mahar *mithal* bagi pandangan Syafii dan Hanafi. Fuqaha bersetuju dengan pandangan kedua, iaitu persetubuhan yang diragui (perkahwinan fasid) perlu dibayar dengan nilai mahar *mithal*.

- v. Mahar adalah hak mutlak isteri. Justeru bagi pernikahan bawah usia, para bapa sebagai wali dilarang untuk merendahkan mahar semata atas faktor umur anak perempuan mereka. Berikut merupakan pandangan Syafi'iyah, Daud, Ibn Hizm dan sebahagian ulama Hanafiah. Manakala Abu Hanifah pula membenarkan tindakan berikut.
- vi. Pengecualian pemberian mahar berlaku pada fasakh sebelum *dukhul* daripada suami akibat aib atau '*illah* daripada pihak isteri. Jika fasakh berlaku sesudah berlakunya *dukhul*, nilai mahar *musamma* atau mahar *mithal* bergantung kepada jenis

kecacatan. Kedua, jika perceraian berlaku sebelum *dukhul* disebabkan isteri yang murtad atau isteri yang meminta fasakh untuk menyusahkan suami atau pilihannya selepas cukup umur baligh. Ketiga, fasakh yang berlaku di atas perintah wali yang melihat tiada sekufu antara kedua-dua pasangan sebelum berlakunya *dukhul*. Keempat, jika isteri membunuh suaminya sebelum berlakunya *dukhul*. Pembunuhan juga menyebabkan terhalangnya hak pewarisan.

Kedua: Nafkah

Nafkah isteri terdiri daripada makan-minum, pakaian, tempat tinggal, penjagaan anak-anak, perkhidmatan dan perubatan (Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Umar Sulaiman, 2012).

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang makruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya”
(Surah al-Baqarah, 2:233)

“Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sampai mereka melahirkan kandungan”
(Surah al-Talaq, 65:6)

Rasulullah SAW pernah bersabda dalam Haji *Wida'* yang bermaksud:

“Dan takutlah kepada Allah dalam (bersikap kepada) wanita, kerana kamu telah mengambil mereka dengan kalimah Allah, dan dihalalkan ke atas kamu faraj mereka dengan kalimah Allah,... Dan hak mereka ke atas kamu adalah rezeki mereka, dan pakaian mereka dengan cara yang makruf”
(Riwayat Abu Daud, no. 1905).

Hadis lain ketika ditanya oleh Hindun Binti Utbah tentang nafkah yang tidak diberi oleh suaminya Abu Sufyan, kecuali apa-apa yang diambilnya tanpa pengetahuan suaminya, sabda Baginda SAW yang bermaksud:

“ambillah apa yang mencukupkan kamu dan anak-anakmu dalam kadar makruf” (Riwayat Muslim, no. 5364, Abu Daud, no. 3532 dan Ahmad, 24117).

Tanggungjawab memberi nafkah merupakan perkara yang mengangkat darjat suami ke darjat yang lebih tinggi daripada isteri (Suwaid Tapah, 2006; Muhammad Abdul Majid, 2010). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Kaum lelaki adalah qawwama bagi kaum wanita, karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan karena mereka (lelaki) telah menafkahkan sebagian dari harta mereka” (Surah al-Nisa’, 4:34)

Syarat-syarat yang mewajibkan pemberian hak nafkah (Mansur Yunus al-Bahuti, 1983; Suwaid Tapah, 2006; Sayyid Sabiq, 2009; Umar Sulaiman, 2012) ialah: (a) akad nikah yang sahih; (b) penyerahan diri isteri kepada suami; (c) kebenaran untuk suami menyetubuhi isteri; (d) tidak membantah untuk mengikut suami berpindah (tinggal bersama); dan (e) isteri terdiri daripada golongan yang boleh disetubuhi (baligh) kerana isteri yang belum baligh tidak wajib untuk berpindah mengikut suami dan begitu juga tidak wajib untuk dinafkahi.

Bagi isteri yang sengaja tidak mengikut suami ke rumah perkahwinan atau tidak mahu bergaul dengan suami, atau bermusafir tanpa izin suami, tiada nafkah baginya kecuali jika atas faktor yang dibenarkan seperti mahar belum dibayar, suami tidak menjemput isteri ke rumah pernikahan, rumah pernikahan tidak syarii atau suaminya tidak bersikap aman terhadap isteri. Dalam kes seperti ini, isteri tidak termasuk dalam sifat nusyuz dan berhak ke atas nafkah (Ahmad Taimiyah, t.t; Sayyid Sabiq, 2009; Umar Sulaiman, 2012). Namun, pendapat sarjana Zahiri tidak bersetuju dengan syarat-syarat tersebut kerana pendapat seperti Ibn Hizm meletakkan kewajipan nafkah atas pembinaan perkahwinan itu sendiri tanpa memerlukan syarat (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t.; Sayyid Sabiq, 2009). Bagi isteri yang keluar bekerja, baginya juga hak nafkah dengan syarat

pekerjaannya adalah syar'i dan mendapat persetujuan daripada suami secara jelas dan suami pula tidak dibenarkan untuk menarik balik keizinan kecuali dengan alasan yang syar'i juga (Zainal Azam Abd. Rahman, 2006; Umar Sulaiman, 2012).

Nilai nafkah bagi isteri tidak ditentukan oleh syarak, namun disebutkan dalam maksud hadis Rasulullah SAW,

“Ambillah apa yang mencukupkan kami dan anak-anak kamu dalam kadar yang makruf” (Riwayat Muslim, no. 5364, Abu Daud, no. 3532 dan Ahmad, 24117),

Hal ini membawa maksud, nilai yang perlu diberikan oleh suami ke atas isteri adalah segala keperluan hidup dengan kadar yang cukup iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan mengikut kemampuan suami, juga ditentukan oleh zaman, lokasi dan keadaan suasana. Nafkah boleh bertambah dan berkurang bergantung pada kelapangan dan kesempitan suami dengan reda kedua-dua pasangan, namun tidak berlaku perlepasan tanggungjawab nafkah ke atas suami meskipun pada keadaan yang sukar (Suwaid Tapah, 2006; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Sayyid Sabiq, 2009; Umar Sulaiman, 2012).

Bagi nafkah yang tertunggak, tersabit sebagai hutang daripada suami terhadap isterinya meski jika berlaku kematian atau perceraian, tunggakan tersebut tetap perlu dibayar apabila suami telah mampu dan jika isteri dibantu oleh kewangan kerabatnya, hal tersebut menjadi hutang ke atas suami terhadap kerabat isteri (Sayyid Sabiq, 2009; Umar Sulaiman, 2012). Isteri juga dibolehkan untuk bersedekah kepada suami yang fakir bagi menampung nafkah keluarga terutama bagi isteri yang berkemampuan atau isteri yang bekerjaya (Zainal Azam Abd. Rahman, 2006; Muhammad Abdul Majid, 2010). Rasulullah SAW pernah ditanya oleh seorang wanita tentang memberi sedekah kepada suami yang fakir, Baginda menjawab yang bermaksud:

“Ke atas mereka (isteri) dua pahala: pahala sedekah kerabat dan pahala sedekah” (Riwayat al-Bukhari, no. 1466).

Bagi nafkah yang tertunggak akibat suami yang tidak mahu memberikannya kepada isteri, isteri dibolehkan membuat pengaduan ke Mahkamah Syariah dan selepas mahkamah bepuas hati, satu perintah akan dikeluarkan untuk suami membayar kembali kepada pihak isteri (Ahmad Ibrahim, 1999; Daud Muhammad, 2006; Zainal Azam Abd. Rahman, 2006). Jika dalam tempoh empat bulan suami tidak membayar nafkah, Islam membenarkan berlakunya perceraian ke atas kedua-duanya.

Ketiga: Layanan yang Baik Dari Suami

Isteri berhak untuk mendapatkan layanan yang baik daripada suami seperti dimuliakan, pergaulan yang baik dan lemah lembut, kemesraan dan jenaka, didahulukan urusan isteri berbanding urusan suami, bersabar dalam melayani isteri serta memelihara perasaan isteri (Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.t; Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2007; Sayyid Sabiq, 2009; Muhammad Abdul Majid, 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Umar Sulaiman, 2012; Yusuf al-Qardhawi, 2015). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Bergaullah kalian dengan mereka secara makruf. Kemudian jika kalian tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) karena mungkin kalian tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak”

(surah al-Nisa’, 4:19)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“sebaik-baik dalam kalangan kamu adalah yang baik terhadap isterinya”
(Riwayat Ibn Majah, no. 1978)

“Setiap perkara yang melalaikan anak adam adalah bathil kecuali 3 perkara: melepaskan anak panah dari busurnya, melatih kudanya, dan bermain dengan isterinya, sesungguhnya mereka (isteri-isteri) itu adalah yang haq” (Riwayat al-Tarmizi, no. 1637 dan Ibn Majah, no. 2811)

Rasulullah SAW sendiri membiarkan Aisyah menonton pertunjukkan yang disukainya sehingga Aisyah sendiri kepenatan (no. 5190). Penjelasan hadis ini dalam Sahih al-

Bukhari bahawa termasuk dalam amal kebaikan adalah meraikan sifat menyukai perkara yang menghiburkan antara suami dan isteri seperti bermain dan berjenaka. Termasuk dalam perilaku baik terhadap isteri adalah bersabar dengan rajuknya mengikut fitrah seorang perempuan. Menurut Imam al-Ghazali, berkelakuan baik terhadap isteri bukan setakat mengelak daripada menyakitinya, bahkan sanggup menanggung segala emosi yang datang daripadanya, dan sanggup bersabar dengan kelalaian dan kemarahannya sebagai contoh ikutan daripada Rasulullah SAW ada isteri Baginda yang tidak bercakap dengan Baginda dan ada seorang dalam kalangan mereka menjauhi Baginda dari pagi hingga ke malam” (Abu Hamid al-Ghazali. (2004).).

Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud:

“Janganlah seorang mukmin membenci (isterinya) yang mukminah, (kerana) jikad ia tidak menyukai sebahagian perangainya, maka dia akan menyukai perangainya yang lain” (Riwayat Muslim, no. 3645).

Hadis ini menggambarkan bahawa hak seorang isteri juga adalah untuk dihargai sekalipun mempunyai kelemahan dan kekurangan sebagai seorang manusia. Termasuk dalam pergaulan yang baik juga adalah dilarang ke atas suami untuk menghalang isteri daripada menziarahi ibu bapanya atau kerabatnya atau saudaranya. Penghalangan tersebut adalah termasuk dalam kemaksiatan kepada Allah SWT dan perkara maksiat tidak wajib dipatuhi oleh isteri (Umar Sulaiman, 2012). Malah dibenarkan oleh mazhab Hanafiah untuk isteri keluar tanpa izin suaminya untuk ke rumah ibu bapanya jika salah seorang daripada mereka jatuh sakit (Wahbah al-Zuhaili, 2010).

Keempat: Pemeliharaan ke atas Isteri Dari Kejahatan

Kewajipan ke atas suami untuk memelihara isteri daripada ancaman bahaya terhadap kemuliaannya dan yang meragut maruah dirinya (Sayyid Sabiq, 2009). Sa'ad bin Ubudah berkata:

“Seandainya aku melihat seorang lelaki bersama isteriku, nescaya aku akan menebas lelaki itu dengan pedang”. Rasulullah SAW bersabda: “Apakah kalian berasa hairan dengan cemburunya Sa`ad? Sungguh aku lebih cemburu daripada Sa`ad dan Allah lebih cemburu daripadaku” (Riwayat al-Bukhari, no. 6846 dan Muslim, no. 1499).

Sabda Baginda dalam hadis lain yang bermaksud:

“Tiga golongan yang tidak akan masuk syurga , orang yang menderhakai kedua orang tuanya, dayus dan wanita yang menyerupai lelaki” (Riwayat dari Ahmad, no. 6180).

Suami yang bersikap dayus adalah suami yang membiarkan isterinya tanpa didikan syarak sehingga dipengaruhi kejahanan yang merosakkan harga diri seorang wanita. Dia tidak menghalang isterinya melakukan kemaksiatan dan tidak menasihati isterinya ke arah kebaikan (Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.t. a). Namun begitu, termasuk dalam hak pasangan adalah hak mendapat kepercayaan (*thiqah*) dan bersangka baik daripada pasangannya yang lain (Muhammad Abdul Majid, 2010) seperti mana sabda Baginda yang bermaksud:

“Jika tinggi sifat cemburu dalam diri kalian, janganlah mengetuk pintu rumah isterinya di waktu malam” (Riwayat al-Bukhari, no. 5244)

“Ada jenis cemburu yang dicintai Allah s.w.t., ada pula yang dibenciNya. Yang disukai Allah ialah, cemburu tatkala ada sangkaan atau tuduhan. Sedangkan yang dibenci Allah ialah, cemburu yang tidak dilandasi keraguan” (Riwayat Abu Daud, no. 2659).

Allah SWT juga telah berfirman yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kalian mencari-cari kesalahan orang lain”
(Surah al-Hujurat, 49:12)

4.3 Hak dan Tanggungjawab Seksual Dalam Rumahtangga

Hak seksual termasuk dalam hak antara pasangan dalam perkahwinan (Muhammad Abdul Majid, 2010) seperti yang dijelaskan sebelum ini iaitu dalam hak bersama suami dan isteri. Islam meraikan hubungan seksual suami dan isteri kerana perkara tersebut memainkan peranan penting dalam sesebuah perkahwinan. Sehingga sarjana menetapkan bahawa fasakh boleh dituntut oleh mana-mana pasangan jika terdapat aib penyakit atau kecacatan yang menghalang persetubuhan atau tidak menghalang tetapi berjangkit dan memudaratkan kerana keaiban yang ada telah bertentangan dengan tujuan pernikahan iaitu menghalalkan persetubuhan (Ahmad Taimiyah, t.t; Mahmood Zuhdi & Raihanah Azahari, 1989; Ahmad Ibrahim, 1999; Abu Malik Kamal, 2003; Mat Saad, 2006; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Mustaffa al-Siba'i, 2010; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2010).

Seksual dan perasaan cinta adalah dua perkara yang berkait rapat dalam melahirkan kebahagiaan hidup berpasangan (Heller, 2016) kerana itu Islam telah menggariskan perihal seksual dalam rumahtangga agar hubungan ini dapat dinikmati oleh suami dan isteri secara adil dan sejahtera. Hubungan seksual yang sihat melahirkan rumahtangga yang harmoni manakala hubungan seksual yang dingin menjadi antara faktor kegagalan perkahwinan (Young, Denny, Luquis & Young, 1998; DiMeo, 2006; Hsiu-Chen Yeh, Lorenz, Wickrama, Conger & Elder, 2006; Muhammad Adam al-Kawthari, 2008). Namun seksual sering kali diletakkan sebagai keutamaan dalam hak seorang suami terhadap isterinya. Isteri dilihat sebagai pihak yang sentiasa perlu berkhidmat secara seksual kepada suami sehingga mengetepikan perasaan dan dirinya sendiri (Milda Marlia, 2007).

Berdasarkan analisis yang telah dibuat dalam bab tiga yang membabitkan fail-fail peceraian akibat keganasan seksual, terdapat beberapa ciri keganasan yang berlaku dalam hubungan seksual suami dengan isteri seperti perbuatan meliwat isteri, paksaan suami mengikut perlakuan video pornografi, suami memukul kerana menolak ajakan seksual dan penggunaan dalil agama bagi menuntut kepatuhan isteri melayani kehendak seksual suami.

4.3.1 Salah Faham Terhadap Hak dan Tanggungjawab Seksual Dalam Rumahtangga

Menerusi penelitian terhadap fail-fail perceraian di MRS Kota Setar, MRS Kuala Muda, MRS Daerah Timur Laut dan MRS Seberang Perai Utara, terdapat enam perkara yang disalah fahami berkaitan dengan hak dan tanggungjawab seksual dalam rumahtangga. Perkara-perkara tersebut merangkumi (a) suami boleh memaksa isteri melakukan hubungan seksual; (b) suami boleh mendatangi isteri melalui dubur; (c) pasangan yang telah berkahwin dibolehkan menonton pornografi sebagai rangsangan seksual; (d) suami yang menentukan kekerapan hubungan seksual; (e) larangan seksual hanya terbatas pada tempoh keluar nifas sahaja; dan (f) suami dibolehkan memukul isteri jika isteri tidak mahu menuruti suami. Enam perkara ini adalah perincian terhadap tiga faktor utama yang mempengaruhi berlakunya kejadian keganasan ini, iaitu:

Faktor pertama: Pengaruh pornografi

Faktor kedua: Sikap negatif suami

Faktor ketiga: Eksplorasi dan kejahilan agama.

4.3.1.1 Suami Boleh Memaksa Isteri Melakukan Hubungan Seksual

Islam memuliakan suami dengan tanggungjawab yang terpikul ke atas mereka. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Kaum lelaki itu adalah *qawwama* bagi kaum wanita, dengan kelebihan yang Allah kurniakan kepada sebahagian mereka (lelaki) berbanding sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan dari harta mereka”
(Surah al-Nisa’, 4:34)

Perkataan *qawwama* itu adalah *bina’ muballaghah* dari *qa’im* iaitu yang melaksanakan (Ibn Jazi al-Gharnati, 1995), yang menjaga, yang menunaikan hak, yang mendidik dan yang memimpin tangan ke jalan kebenaran (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Gelaran ini merupakan anugerah kepada suami yang mengambil isteri dengan mahar, yang menafkahi dan menyediakan tempat tinggal, serta yang menanggung segala kewajipan yang telah diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW ke atas suami untuk isteri dan keluarganya (Wahbah al-Zuhaili, 1997; Ibn Kathir, 1998). Kelebihan ini termasuk juga dalam hal imam dan perintah jihad (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 1946; Ibn Jazi al-Gharnati, 1995), kerana itu Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan untuk lelaki ke atas wanita satu darjat (lebih tinggi)”
(al-Baqarah, 2:228)

Hal ini menunjukkan bahawa kelebihan satu darjat lebih tinggi ini bukan berdasarkan kemuliaan, tetapi berdasarkan tanggungjawab yang melebihi tanggungjawab ke atas wanita kerana tiada nas yang menunjukkan fadilat lelaki adalah melebihi fadilat wanita (Mohammad Nidzam Abdul Kodir, 2016). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Jika aku boleh memerintah manusia untuk sujud kepada manusia, maka akan aku perintahkan untuk isteri sujud kepada suami mereka” (Riwayat Abu Daud, no. 2140 dan Ibn Majah, no. 1853).

Perbuatan sujud menggambarkan bahawa suami mendapat hak yang besar untuk ditaati oleh isteri selepas perkahwinan sesuai dengan tanggungjawab besar yang terpikul ke atas suami. Namun begitu, ayat “jika aku boleh..” bermakna perbuatan sujud tersebut tetap adalah tidak boleh dan haram dilakukan.

Antara ketaatan isteri yang dipandang berat oleh Islam adalah ketaatan dalam melayani seksual suami. Isteri tidak dibenarkan untuk berpuasa kecuali di bulan Ramadan tanpa kebenaran suami bagi mengelak isteri untuk tidak mendatangi suami apabila suami berkehendak melakukan hubungan seksual (Ahmad Taimiyah, t.t.; Yusuf al-Qardhawi, 2015). Puasa yang dilarang ini adalah puasa sunat selain di bulan Ramadan seperti mana maksud sabda Rasulullah SAW:

“Tidak boleh seorang wanita berpuasa selain Ramadan sedangkan suaminya sedang ada (tidak keluar) kecuali dengan izin suaminya”.
(Riwayat Abu Daud, no. 2458)

Jika puasa wajib di luar Ramadan dan waktu perlaksanaan masih lapang, tetap perlu mendapat keizinan suami. Hal ini menunjukkan hak suami adalah kewajipan yang lebih perlu didahulukan oleh isteri berbanding ibadah sunat yang lain kerana ibadah wajib lebih utama berbanding amalan sunat (Ibn Hajar al-Athqalani, 1959). Larangan ini juga menunjukkan bahawa hak suami adalah untuk bermesra dengan isteri pada waktu yang dikehendakinya dan tidak terganggu oleh puasa tanpa izinnya yang menghalang isteri untuk disetubuhi (Abu Zakaria al-Nawawi, 1972).

Dalam soal gantian puasa Ramadan akibat berbuka kerana keuzuran seperti haid, nifas atau *safar*, mereka dibolehkan melewati-lewatkan dan tidak disyaratkan untuk diawalkan gantian, namun tidak boleh dilewatkan sehingga sampai kepada bulan Syaaban kerana telah hampir dengan tempoh gantian tidak diterima iaitu bulan Ramadan, juga pada tempoh kematian yang tidak diketahui tarikhnya. Kebanyakan ulama berpandangan bahawa dibolehkan tangguhan gantian puasa Ramadan dengan syarat dia telah berazam untuk menggantikan kesemuanya. Jika dia tidak berazam dan dia telah melewatkannya, perbuatan itu menjadi kemaksiatan manakala sebahagian yang lain berpendapat tidak menjadi syarat azam tersebut. Namun mereka bersepakat bahawa bayaran fidyah dikenakan dengan memberi makanan ke atas setiap bilangan

hari yang berbaki jika berlaku kematian kepadanya sebelum Syaaban iaitu sebelum tamat gantian puasa (Abu Zakaria al-Nawawi, 1972).

Perintah fidyah itu adalah bagi mereka yang berkemampuan untuk menggantikan tetapi tidak sempat menghabiskannya, manakala tiada fidyah dan tiada gantian puasa bagi mereka yang berterusan uzur untuk menggantikan puasa sehingga mati. Bagi waris yang ingin menggantikan puasa si mati, seperti mana maksud hadis:

“Barangsiapa yang meninggal dan ke atasnya gantian puasa, maka berpuasalah wali-wali (waris) nya” (Riwayat Muslim, no. 2692)

Mereka diharuskan dengan mengikut tertib waris, tetapi jika tidak mengikut tertib atau dibahagikan juga tidak menjadi masalah bagi pendapat jumhur (Abu Zakaria al-Nawawi, 1972). Justeru dalam hal ini, suami perlu dimaklumkan tentang jumlah puasa Ramadhan yang perlu digantikan oleh isteri agar dapat bertoleransi untuk memberi keizinan kepada isteri berpuasa. Jika waktu semakin menghampiri bulan Ramadan, isteri dibolehkan menggantikan puasa wajib tanpa izin suami, kerana puasa juga adalah kewajipan dalam ibadah. Sedangkan suami dilarang menegah isteri untuk solat jika jarak waktu solat yang kemudiannya adalah suntuk (Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2010), begitu juga dengan puasa. Jika berlaku kematian isteri sebelum habis menggantikan puasa, fidyah memberi makan perlu dilaksanakan oleh waris mengikut jumlah puasa yang belum diganti. Hal ini jelas menunjukkan bahawa suami tidak boleh mengancam isteri sesuka hati agar tidak menggantikan puasa kerana suami muhu melakukan hubungan seksual pada setiap hari, kerana terdapat larangan melewati-lewatkan gantian puasa sehingga tiba bulan Syaaban, selain fidyah perlu dikeluarkan jika berlaku kematian kepada isteri tanpa sempat dihabiskan gantian puasa.

Hak ketaatan seksual sering disalah guna oleh suami sehingga menyebabkan berlaku keganasan seksual dalam rumah tangga. Hal ini jelas dalam penelitian terhadap temu

bual dengan mangsa keganasan seksual ini seperti dalam kes Responden 1, suaminya memaksa untuk dilayani kehendak seksualnya dalam tempoh berpantang selepas melahirkan dua orang anak kerana suami mengancam bahawa itu adalah tanggungjawab isteri. Suami akan mengeluarkan segala hadis yang diketahui dan menuduh Responden 1 tidak mahukan pahala jika menolak untuk bersama. Begitu juga dengan kes Responden 3 apabila suaminya sering mengugut dalam perihal seksual, menggunakan dalil-dalil agama dengan memetik nama-nama ustaz tersohor dan ceramah-ceramah agama yang dihadiri.

Terdapat beberapa dalil yang menjadi asas kepada para suami dalam melakukan perkara ini. Antara dalil yang dimaksudkan oleh suami dalam melakukan paksaan seksual tersebut adalah:

Hadir pertama adalah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Apabila seorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur (untuk bersetubuh) dan si isteri menolaknya, sehingga membuat suaminya tidur dalam keadaan terkilan atau marah, maka si isteri akan dilaknat oleh malaikat hingga (waktu) subuh” (Riwayat Abu Daud, no. 2141) atau riwayat lain, “Apabila seorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur (untuk bersetubuh) dan si isteri menolaknya, maka si isteri akan dilaknat oleh malaikat hingga (waktu) subuh” (Riwayat al-Bukhari, no. 5193 dan Muslim, no. 3538).

Dalam riwayat lain disebutkan “sehingga ia kembali”. Yang dimaksudkan “hingga kembali” adalah laknat itu berterusan berlaku sehingga isteri bertaubat daripada perbuatan itu dan kembali kepada suaminya (Abu Zakaria al-Nawawi, 1972). Maksud hadis Rasulullah SAW yang lain adalah:

“Demi diriku yang berada di tanganNya, apabila seorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur dan dia enggan mengikutinya, maka tidak berlaku kecuali penduduk di langit marah kepadanya sehingga suaminya reda kepadanya” (Riwayat Muslim, no. 3540)

Hadis ini menceritakan laksana malaikat dan penduduk di langit ke atas isteri yang telah menimbulkan kemarahan suaminya akibat perbuatan isteri yang menidakkannya ajakan hubungan seksual. Kemarahan ini akibat isteri yang langsung keluar dari bilik tidur kerana tidak mahu menuruti suaminya. Berbeza jika suami tidak marah dengan penolakan tersebut atau sememangnya isteri sedang dalam keadaan uzur syar'i seperti haid atau nifas (Isham Muhammad al-Syarif, 2008), isteri dibolehkan menolak kerana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“tidak ada ketaatan bagi perkara maksiat, ketaatan hanyalah pada perkara yang makruf” (Riwayat al-Bukhari, no. 7257).

Begitu juga jika suami menyebabkan isteri keluar dari bilik tidur akibat kezaliman yang dilakukannya, tiada dosa ke atas tindakan isteri tersebut (Isham Muhammad al-Syarif, 2008). Bermakna, laksana itu adalah ketika isteri tersebut tidak disibukkan dengan sebarang urusan wajib diselesaikan dan mendatangi suaminya itu tidak memudaratkan dirinya (Wahbah al-Zuhaili, 2010). Hadis ini juga menekankan larangan ke atas suami memaksa isterinya secara keras atau desakan atau secara agresif sekalipun jika isteri menolak ajakan seksualnya. Gambaran kondisi suami yang “tidur dalam keadaan terkilan atau marah” merupakan dalil bahawa Islam mengajar suami yang ketika mana isteri menolak, untuk menahan kemarahan dan bersabar dengan membaringkan diri untuk langsung tidur atau melakukan pekerjaan lain bagi menenangkan dirinya (Muhammad Adam al-Kawthari, 2008; Suhaib Webb, 2013), bukan dengan melemparkan kata-kata kutukan atau bertindak melakukan keganasan seksual atau memukul isteri.

Selain itu, hadis ini tidak menggambarkan bahawa suami mengawal kehidupan seksual seorang isteri kerana hadis ini turut merangkumi layanan isteri terhadap suami secara keseluruhannya. Haid tidak termasuk uzur syar'i dalam menolak layanan terhadap

suami kerana layanan itu tidak khusus pada kehendak seksual sahaja, tetapi merupakan senda gurau dan kemesraan antara suami dan isteri (Abu Zakaria al-Nawawi, 1998) kerana maksud sabda Baginda SAW:

“buatlah semuanya kecuali nikah” (Riwayat Muslim, no. 694 dan Ahmad, no. 12354).

Contoh keuzuran menurut syarak ialah situasi isteri sakit seperti demam dan sebagainya kerana sakit menyebabkan isteri tidak mampu menuruti arahan suaminya dan dia tidak akan dilaknat atas faktor itu. Malah suami yang tetap mengarah isteri ketika sakit akan dilaknat dan termasuk dalam golongan orang yang zalim (Muhammad Adam al-Kawthari, 2008; Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2010; Mohammad Nidzam Abdul Kodir, 2016). Termasuk juga dalam keuzuran adalah isteri yang sedang keletihan atau secara fizikalnya tidak mampu mengadakan hubungan seksual ketika itu atau dalam keadaan emosi yang terganggu sehingga akan memudarangkan isteri jika hubungan seksual dilakukan kerana berlaku keterpaksaan (Muhammad Adam al-Kawthari, 2008). Paksaan terhadap seksual tanpa melihat kepada keadaan isteri adalah suatu perkara yang bertentangan dengan hak seksual pasangan yang telah digariskan oleh Allah SWT (Milda Marlia, 2007) berdasarkan maksud firman Allah SWT:

“dan bergaullah kalian dengan mereka dengan cara yang makruf”
(Surah al-Nisa’, 4:19)

Antara contoh kes yang melibatkan paksaan seksual ke atas isteri semasa isteri sedang sakit dan tidak sihat adalah kes Plaintiff 18 lawan Defendant 18 (02001-057-0225-2014) dan Plaintiff 26 lawan Defendant 26 (02001-014-1409-2009), apabila suami memaksa mereka tanpa mempedulikan kondisi isteri sehingga membawa kemudaratkan kepada isteri.

Hadis kedua adalah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Demi yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, seorang wanita tidak akan bisa menunaikan hak Allah sebelum ia menunaikan hak suaminya. Andaikan suami meminta dirinya padahal ia sedang berada di atas punggung unta, maka ia (isteri) tetap tidak boleh menolak”(Riwayat Ibn Majah, no. 1853, al-Baihaqi, no. 14711 dan Ibn Hibban, no. 4171).

Hadis ini menggambarkan keperluan isteri memenuhi ajakan suami namun tidak bermaksud perlakuan seksual itu boleh dilakukan di mana-mana tempat terutama tempat yang terdedah. Jika aurat terlihat, tidak syak lagi bahawa haram perlakuan tersebut. Manakala jika persetubuhan dilakukan dalam keadaan aurat tertutup serta dibawah selimut, namun pergerakan yang ternampak di balik selimut tetap adalah haram, kerana tidak layak seorang mukmin meletakkan dirinya serendah darjah itu (Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2006). Lebih buruk lagi jika perlakuan seksual itu menimbulkan syahwat kepada sesiapa yang terlihat, dan dorongan itu akan membawa kepada kejahatan yang lain. Di hadapan anak kecil sekalipun dilarang, lebih-lebih lagi jika dilihat oleh manusia yang lainnya (Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2006). Sifat malu yang diajar oleh Rasulullah SAW bertentangan dengan perbuatan menyebutuh isteri di atas atau dari dalam kenderaan yang semestinya berada di luar rumah dan tidak selamat daripada pandangan orang lain. Sabda Baginda SAW yang bermaksud:

“Jika kamu tidak malu, buatlah apa yang kamu mahu” (Riwayat al-Bukhari, no. 3483).

Justeru suami yang berkehendak seksual ketika mereka sedang berada di luar, tetapi perlu bersabar sehingga pulang ke rumah atau mencari tempat lain yang tertutup seperti hotel pada hari ini, untuk memenuhi kehendaknya.

Hadis ketiga adalah hadis mengenai turutan isteri walaupun sedang berada di dapur, iaitu:

“Jika suami mengajak isterinya untuk kehendaknya (hubungan seksual), maka hendaklah isteri mendatanginya (melayaninya) walaupun dia sedang masak di dapur” (Riwayat al-Tarmizi, no. 1160)

Hadis ini menggambarkan dalam keadaan sedang melakukan apa-apa pekerjaan sekalipun, isteri tetap perlu menuruti suami. Walaupun begitu, Islam telah menetapkan bahawa suami yang baik adalah suami yang menyediakan khadam untuk membantu urusan rumahtangga atau jika suami tidak mampu, dia sendiri perlu membantu urusan rumahtangga seperti membawa air, menyediakan makanan dan mengemas tempat tidur serta rumah (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t) kerana perkara itu adalah nilai *qawwama* seorang suami (Muhammad Ali al-Walawi, 1996).

Kerelaan isteri melakukan urusan rumahtangga adalah perlakuan ihsan dan amal soleh isteri (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t) yang perlu dihargai oleh suami. Meski Rasulullah SAW membenarkan pembahagian kerja rumahtangga antara Saidina Ali RA dengan Fatimah RA iaitu urusan dalam rumah adalah untuk Fatimah RA (Riwayat Muslim, no. 6915), namun perkara tersebut seperti memasak dan membuat roti tetap tidak menjadi kewajipan seorang isteri (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t; Abu Bakr al-Kasani, 1986; Yahya Salim, 2000) bahkan hanya kebiasaan adat (Mawsu'ah al-fiqhiyah al-Kuwaitiyah, 2006). Sekiranya suami pulang membawa bahan mentah yang perlu dimasak, isteri tidak boleh dipaksa-paksa jika ia enggan untuk memasak. Suaminya diperintahkan untuk pulang membawa makanan yang telah siap untuk dimakan (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t; Abu Bakr al-Kasani, 1986). Hal ini kerana *maqasid* kepada akad pernikahan adalah *al-istimta'* iaitu bersenang-senang, bukan bermaksud *al-khidmah* iaitu perkhidmatan, dan pandangan ini yang diambil oleh Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafii dan Zahiri (Muhammad Ali al-Walawi, 1996; Yahya Salim al-Amrani, 2000; Mawsu'ah al-fiqhiyah al-Kuwaitiyah, 2006a) kerana itu khidmat seorang isteri tidak sesekali sama dengan khidmat seorang hamba perempuan atau pembantu rumah (Muhammad Ahmad al-Dusuki, t.t.).

Ketaatan yang benar bagi seorang isteri hanya pada memenuhi ajakan seksual suami, bukan pada urusan rumahtangga yang mengganggu ke arah ketaatan itu (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t). Justeru sangat perlu untuk suami menghormati keletihan isteri yang telah membantu urusan pekerjaan suami. Jika isteri dalam keadaan bertenaga untuk melayani suami ketika sedang menyiapkan urusan rumah, tiada masalah dalam hal itu. Namun jika isteri dalam keadaan letih menguruskan rumahtangga, menjaga anak-anak, dan keletihan itu tidak membuatkannya bersedia melayani suaminya, perbuatan seksual tersebut akan mendatangkan kemudaratannya kepada isteri.

4.3.1.2 Suami Boleh Mendatangi Isteri Melalui Dubur

Sekitar 14 kes daripada keseluruhan kajian kes melibatkan perlakuan meliwat isteri. Perlakuan memaksa isteri melakukan seksual melalui dubur ini telah mendatangkan kesakitan terhadap isteri seperti contoh kes Plaintiff 8 lawan Defendant 8 (02001-014-0413-2009), dan Plaintiff 28 lawan Defendant 28 (2007-014-0541-2010). Walaupun isteri dengan tegas menghalang perbuatan tersebut, namun suami tetap memaksa menurut keinginannya yang melampau itu seperti yang didakwa oleh Plaintiff 26 lawan Defendant 26 (02001-014-1409-2009), dan Plaintiff 51 lawan Defendant 51(07001-014-0025-2013).

Jumhur salaf dan khalaf mengharamkan perbuatan meliwat isteri kerana perbuatan itu berlawanan dengan fitrah (Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.t; Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.t.b; Ahmad Taimiyah, t.t; Abu Malik Kamal, 2003; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010).

Berikut merupakan beberapa maksud hadis tentang hukum meliwat isteri:

“Hal berikut merupakan liwat kecil” (Riwayat Ahmad, no. 6706 dan al-Nasaii, no. 8947)

“Dilaknat, orang yang mendatangi perempuan pada duburnya.” (Riwayat Abu Daud, no. 2162)

“Allah tidak akan memandang lelaki yang bersetubuh sesama lelaki atau lelaki yang menyetubuhi perempuan di duburnya” (Riwayat al-Tarmizi, no. 1165 dan Ibn Majah, no. 1923)

“Janganlah mendatangi isteri di dubur mereka” (Riwayat Ahmad, no. 655, al-Tarmizi, no. 1166 dan Ibn Majah, no. 1924)

“Barangsiapa yang menyetubuhi wanita haid atau menyetubuhi wanita di duburnya, maka dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad” (Riwayat al-Tarmizi, no. 135, Ibn Majah a, no. 639, dan al-Nasaii, no. 8968).

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangilah tanah tempat bercucuk-tanammu itu seperti mana yang kamu kehendaki. Dan kerjakanlah (amal yang baik) untuk dirimu, dan bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa kamu kelak akan menemui-Nya. Dan berilah khabar gembira orang-orang yang beriman” (Surah al-Baqarah, 2:223)

Ayat ini menyentuh soal bercucuk tanam dan pertanian menunjukkan bahawa persetubuhan antara suami dengan isteri adalah dengan bertujuan untuk melahirkan zuriat (Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.f.b; Ahmad Taimiyah, t.t; Wahbah al-Zuhaili, 1997; Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2007; Sayyid Sabiq, 2009). Dari Jabir, berkata yang bermaksud:

“Orang-orang Yahudi beranggapan apabila menggauli isterinya dari belakang ke farajnya, maka anaknya akan lahir bermata juling. Lalu Allah SWT menurunkan ayat 223 surah al-Baqarah itu, iaitu kebenaran untuk mendatangi isteri dari depan dan belakang selagi pada farajnya” (Riwayat Muslim, no. 3535).

Syarat persetubuhan melalui faraj sahaja adalah bagi memenuhi konsep tanah iaitu rahim isteri sebagai tempat bercucuk tanam (Ahmad Taimiyah, t.t; Wahbah al-Zuhaili, 1997; Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2007; Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010; Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010). Perlakuan menyetubuhi isteri melalui dubur

adalah dilarang sama sekali meskipun dengan apapun alasan. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarinya. Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah mereka Itulah orang-orang yang zalim”
(Surah al-Baqarah, 2:229)

Ayat ini juga merupakan sambungan kepada ayat 222 al-Baqarah iaitu,

“Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: "Haid adalah suatu kotoran". Oleh karena itu, jauhilah isteri pada waktu haid, dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, campurilah mereka sesuai dengan (ketentuan) yang diperintahkan Allah kepadamu”

Perintah Allah SWT supaya para suami menjauhi isteri ketika haid dan mencampuri mereka selepas suci merupakan gambaran jelas bahawa tempat keluarnya haid tersebut adalah merupakan tempat untuk digauli dalam hubungan seksual suami dan isteri (Shihabuddin al-Alusi, 1994; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2006). Ibn 'Abbas ketika ditanya tentang ayat 222 hingga 223 daripada surah al-Baqarah itu, menjelaskan bahawa ayat 222 itu bermaksud persetubuhan adalah berlaku di bahagian keluarnya darah haid dan jika 223 itu bersifat umum iaitu terdapat kebenaran untuk menyertubuhinya dubur isteri, pasti akan berlaku *nasakh* kepada ayat 222 kerana isteri boleh disertubuhinya pada bila-bila masa meskipun ketika haid, namun perkara *nasakh* tersebut tidak berlaku sama sekali (Shihabuddin al-Alusi, 1994). Selain itu, proses alami haid sangat menepati ayat “isteri-isteri sebagai ladang tanaman suami”, kerana haid berlaku apabila proses telur wanita telah dilepaskan tetapi tidak berlaku persenyawaan.

“Sekurang-kurangnya satu daripada telur-telur ini akan matang pada setiap kitaran haid, dan dibebaskan dari ovari semasa ovulasi berlaku. Telur ini ditangkap oleh hujung tiub fallopio yang bercabang-cabang seperti pakis, dan bergerak dengan gerakan lembut beralun hingga sampai ke uterus (rahim). Jika telur disenyawakan oleh sperma dalam perjalanannya, ia akan menanamkan diri sebaik sahaja ia sampai ke uterus. Di sini ia akan

membesar menjadi bayi dan plasenta. Jika persenyawaan tidak berlaku, telur akan terkeluar bersama dengan lapisan dinding uterus apabila anda datang haid” (*Babycenter.com.my*)

Menurut Fakhruddin al-Razi (1985) maksud ayat 223 tentang ladang tanaman adalah, gambaran bahawa faraj itu seperti tanah, air mani seperti biji benih, dan anak seperti pokok yang tumbuh keluar.

Dalam pada itu, ulama syiah membenarkan perlakuan liwat ke atas isteri dengan syarat mendapat kebenaran daripada isteri, walaupun perkara tersebut termasuk dalam perkara yang makruh dan yang dibenci dalam syiah (Ayatullah Sistani, t.t.; Ayatullah Sadiq Hussaini Shiraz, t.t.). Turut disabitkan Ibn Umar dan Malik membenarkan perlakuan ini berdasarkan tafsir mereka terhadap ayat 223 daripada surah al-Baqarah, iaitu rukhsah mendatangi isteri di dubur (Abu Ja’afar Muhammad al-Tabari, t.t.; Abu Bakr al-Jasas, 1992; Shihabuddin al-Alusi, 1994; Muhammad al-Syawkani, 2001; Abu Ja’afar Muhammad al-Tabari, 2002; Abu Abdillah al-Qurtubi, 2006; Abu Bakr Ibn al-Arabi, 2008; Jalaluddin al-Suyuti, 2008; Badr al-Din al-Ayni, 2009).

Namun, terdapat penafian daripada Ibn Umar dan Malik dalam hal tersebut (Abu Bakr al-Jasas, 1992; Ibn Kathir, 1998; Ibn Hajj, 2005). Diriwayatkan oleh al-Nasaii, no. 8929 daripada *isnad* yang sahih, daripada Naafi’ bahawa beliau pernah bertanya kepada Ibn Umar RA, “Telah tersebar tentang engkau menfatwakan kebenaran menyebut isteri melalui dubur?”, Ibn Umar menjawab, “Mereka telah berbohong ke atasku, biarlah aku menceritakan perkara tersebut”. Lalu Ibn Umar membacakan beberapa ayat al-Quran sehingga sampai kepada ayat “Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangkanlah tanah tempat bercucuk-tanammu itu seperti mana yang kamu kehendaki” (Surah al-Baqarah, 2:223). Ibn Umar bertanya, “Wahai Naafi’, adakah kamu tahu pengertian ayat ini?”, aku menjawab “tidak”. Berkata Ibn Umar, “Kami, kaum Quraisy terbiasa mendatangi isteri dengan pelbagai

cara, maka apabila kami memasuki Madinah dan menikahi wanita-wanita Ansar, kami ingin mendatangi mereka seperti mana yang kami mahu, tetapi mereka menidakkannya kerana kebiasaan mereka adalah hanya satu cara seperti bangsa yahudi, maka Allah menurunkan ayat ini”. Ibn Umar menjelaskan bahawa ayat ini adalah kebenaran mendatangi faraj isteri melalui belakang.

Begitu juga dengan Malik yang ditanya oleh Israeel bin Ruuh, “Apakah pandanganmu tentang mendatangi isteri di dubur mereka?”. Jawab Malik, “Tidaklah kamu ini kecuali kaum Arab, apakah perbuatan membenih berlaku selain dari tempat tanaman? Janganlah melebihi faraj”. Israeel berkata, “Wahai bapa Abdullah, sesungguhnya mereka mengatakan bahawa kamu berkata sedemikian”, jawab Malik, “Mereka telah mendustai atas namaku, mereka telah mendustai atas namaku” (Ibn Kathir, 1998). Pandangan Malik tentang pengharaman ini, sama seperti yang dipersetujui oleh Imam tiga mazhab yang lain. Golongan salaf sangat menentang perbuatan meliwat isteri dan sebahagiannya berpendapat bahawa perbuatan tersebut termasuklah dalam perbuatan yang kufur (Ibn Kathir, 1998). Pensabitan Malik kepada pandangan yang membenarkan adalah hanya daripada kitab *Sirri* dan perkara tersebut adalah sesuatu yang *mungkar* (Ibn Hajj, 2005). Malik pernah ditanya tentang tafsir ayat 223 iaitu “seperti mana yang kamu mahu” dan jawabnya, “Maksudnya adalah melalui depan atau belakang pada tempat bercucuk tanam (faraj), dan maksudnya lagi pada waktu yang kamu suka itu ialah pada waktu malam atau siang” (Ibn Hajj, 2005).

Sekalipun jika berlaku *khilaf* dalam pentafsiran ayat 223 surah al-Baqarah tersebut, terdapat banyak hadis yang menyokong pengharaman perbuatan meliwat isteri. Hadis merupakan sumber hukum kedua selepas al-Quran serta merupakan perincian terhadap maksud al-Quran. Manakala pandangan Ibn Umar RA, Nafis dan Malik adalah termasuk dalam perkara yang boleh disanggahkan (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t).

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan kerjakanlah (amal yang baik) untuk dirimu, dan bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa kamu kelak akan menemui-Nya”
(Surah al-Baqarah, 2:223)

Dalam ayat ini, Allah SWT menyuruh suami dan isteri untuk beretika terhadap perkara seksual, iaitu dengan menurut perkara baik yang dipersetujui bersama serta yang tidak bertentangan dengan syarak. Tafsiran ayat ini merupakan ajakan untuk berusaha mendapatkan pahala dengan menjauhi perkara yang ditegah dan memenuhi perkara yang disuruh (Abdul Rahman al-Tha’labi, 1996).

Termasuk dalam perkara larangan meliwat isteri ini juga adalah apa-apa perbuatan ke arah perkara tersebut seperti memasukkan jari atau objek ke dalam dubur untuk menaikkan syahwat atau menyebut-nyebut atau mengiminasikan perbuatan tersebut ketika melakukan hubungan seksual, seperti mana maksud hadis Rasulullah SAW:

“Sebagaimana penggembala yang menggembala haiwan gembalaannya di sekitar (ladang) yang dilarang untuk memasukinya, maka lambat laun dia akan memasukinya” (Riwayat Muslim, no. 4094 dan Ahmad, no. 18374).

Perbuatan memasukkan tangan ke dalam dubur adalah perbuatan yang dilarang kerana menyentuh najis atau tempat najis tanpa keperluan adalah haram menurut pandangan ulama’ (Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM).

Perbuatan melakukan hubungan seksual melalui dubur ini adalah perkara yang mendatangkan banyak kemudarat selain melawan fitrah hubungan seksual dan melanggar hak seorang isteri untuk bersetubuh (Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010).

Struktur anal yang tidak merenggang akan menyebabkan berlakunya koyakan atau *anal tone lax* serta, otot anal akan menjadi lemah dan tidak kuat lagi untuk menahan najis daripada saluran usus. Selain itu, anal adalah tempat pembuangan najis yang dipenuhi kotoran dan bakteria yang boleh mengganggu sistem kesihatan tubuh badan manusia.

Malah perlakuan seksual melalui dubur menyebabkan sebaran penyakit berjangkit seperti *AIDS* sangat mudah berlaku (Cameron, 1997; Shacket, 2001). Justeru, perlakuan liwat ini merupakan penderaan fizikal dan emosi kepada isteri (Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan”
(Surah al-Baqarah, 2:195)

Jika mendatangi isteri ketika haid adalah dilarang kerana kekotoran dan kemudaratan, perbuatan mendatangi isteri melalui dubur adalah merupakan kemudaratan yang lebih besar (Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2006). Sekiranya suami didapati mendatangi isteri di duburnya, hukuman takzir boleh dikenakan ke atas suami. Menurut Hanabilah, jika didapati berlakunya persetubuhan suami isteri tersebut melalui dubur, mereka perlu dipisahkan (fasakh) seperti mana dipisahkan tuan yang *fajir* (jahat) dengan hamba iaitu mangsa kejahatannya kerana perbuatan tersebut adalah kemaksiatan dan berdosa besar (Mansur Yunus al-Bahuti, 1983; Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2006; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Bermakna, isteri boleh membawa pengaduan kepada mahkamah sekiranya suami melakukan perbuatan liwat ke atas isteri.

4.3.1.3 Pasangan Yang Telah Berkahwin Dibolehkan menonton Pornografi Bagi Tujuan Rangsangan

Perbuatan menonton video pornografi ini mempengaruhi kelakuan lucah suami dengan memaksa isteri untuk melakukan atau diperlakukan seperti adegan video pornografi yang ditonton. Plaintiff 12 lawan Defendant 12 (02001-057-0073-2010), dan Plaintiff 44 lawan Defendant 44 (07002-014-0292-2011) merupakan antara contoh pendakwaan yang melibatkan pengaruh pornografi dalam keganasan seksual suami sehingga membawa kepada kesakitan secara fizikal dan juga emosi.

Sebelum melihat kepada persoalan pornografi dalam kehidupan seksual pasangan yang telah berkahwin, perlu dilihat dahulu tuntutan ke atas pasangan untuk merahsiakan perkara seksual mereka daripada orang luar. Hal ini demikian kerana keduanya berkait rapat. Islam melarang keras menyebarkan cerita seksual pasangan tanpa tujuan dan hajat (Abdul Aziz Abdullah Baaz, t.t; Sayyid Sabiq, 2009) dan perbuatan tersebut termasuk dalam perkara yang tidak memberi manfaat serta haram di sisi syarak (Sayyid Sabiq, 2009). Rasulullah SAW pernah didatangi sekumpulan manusia dan Baginda memanggil untuk berhimpun sambil bertanya yang bermaksud:

“apakah ada dalam kalangan lelaki-lelaki yang ketika dia mendatangi isterinya, dia menutup pintu dan berselimut, kemudian dia keluar dan berkata: ‘aku berbuat dengan isteriku begini dan begitu’?”. Mereka membisu dan Rasulullah berpaling kepada bahagian wanita dan bertanya, “apakah dalam kalangan kalian ada yang berkata begitu?”. Seorang anak perempuan Ka’ab melutut di atas salah satu kakinya dan Rasullullah memanjangkan lehernya untuk mendengar bicara anak perempuan tersebut, “Wallahi, dalam kalangan lelaki ada yang bercakap tentang itu, dan dalam kalangan perempuan ada yang bercakap begitu”. Dan bersabda Rasullullah SAW, “Adakah kalian tahu perumpamaan perbuatan tersebut? Sesungguhnya itu adalah seperti syaitan lelaki dan syaitan perempuan. Mereka mendatangi antara mereka di lapangan, dan mereka menunaikan hajat mereka sambil manusia lain melihat mereka” (Riwayat Abu Daud, no. 2174 dan al-Suyuthi, no. 3071).

Sabda Baginda lagi yang bermaksud:

“Sesungguhnya manusia yang paling jahat pada pandangan Allah kedudukannya di hari qiyamah ialah, lelaki yang mendatangi wanita (isterinya), dan wanita mendatangi lelaki (suaminya), kemudian disebarluaskan kerahsiaan itu iaitu hubungan seksual mereka” (Riwayat Muslim, no.3542).

Berlaku pengecualian bagi perkara yang melibatkan kemaslahatan syar’i, rahsia seksual dibenarkan untuk diberitahu (Abu Malik Kamal, 2003). Termasuk dalam perkara merahsiakan ini juga adalah larangan merakam aksi seksual antara suami dan isteri atau berpelakuan seksual antara suami isteri di tempat yang berbeza menerusi aplikasi internet, kerana perkara tersebut adalah sangat bahaya dan berpotensi untuk

diceroboh oleh orang luar melalui sistem teknologi sedangkan jelas dalam hadis Baginda SAW yang bermaksud:

“peliharalah aurat kalian kecuali bagi isteri dan hamba perempuan kalian”
(Riwayat al-Tarmizi, no. 2769).

Adalah diharamkan juga bagi suami menyetubuhi isteri-isterinya secara serentak kerana aurat isteri-isterinya adalah haram antara satu sama lain kecuali bagi suami mereka sahaja. Bahkan perbuatan tersebut jauh daripada etika dan menjatuhkan maruah, walaupun mereka meredainya (Ibn Qudamah, 2003). Sabda Baginda SAW yang bermaksud:

"Tidak diperbolehkan bagi orang lelaki melihat aurat lelaki, dan wanita melihat aurat wanita. Dan tidak boleh seorang lelaki dengan lelaki lain dalam satu selimut, dan wanita dengan wanita lain dalam satu selimut"
(Riwayat Muslim, no. 768 dan Ahmad, no. 11601).

Jika sekalipun isteri-isteri itu diikat mata agar tidak dapat melihat, perbuatan seksual tersebut tetap dapat didengari oleh isteri yang lain dan ia termasuk dalam perkara yang perlu dirahsiakan (Muhammad Saed Abdul Rahman, 2007). Menurut Hassan al-Basri, golongan salaf tidak menyukai (*inkirah*) perbuatan menyetubuhi isteri dalam keadaan suara boleh didengari oleh isteri yang lainnya. Makruh yang dimaksudkan oleh golongan salaf ini adalah haram (Mansur Yunus al-Bahuti, 1983; Abdullah ibn Abi Syaibah, 1989). Suara halus daripada perbuatan persetubuhan itu tidak patut didengari oleh anak-anak kecil yang belum berakal walaupun dalam keadaan aurat tertutup, lebih-lebih lagi oleh isteri yang lainnya (Mansur Yunus al-Bahuti, 1983; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2006). Menurut Muhammad Soleh al-'Uthaimin (2006), seharusnya perbuatan ini tidak terbatas hanya pada hukum makruh, kerana perbuatan seksual yang berlaku dalam keadaan aurat terlihat adalah haram secara jelas. Manakala perbuatan seksual dalam keadaan aurat yang tidak terlihat, namun berlaku pergerakan

di bawah selimut yang boleh dilihat orang lain turut membawa kepada haram.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Iman mempunyai 70 cabang, dan malu adalah sebahagian daripada iman”
(Riwayat Muslim, no. 152).

Setiap pasangan perlu memastikan bahawa perlakuan seksual selamat daripada pandangan mata atau pendengaran anak kecil yang mumaiyiz dan yang belum mumaiyiz (Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2006: 2007; 2010) kerana mereka boleh menceritakan apa-apa yang telah mereka lihat tanpa sengaja. Justeru, adalah dilarang sama sekali untuk suami mendesak isteri melakukan hubungan seksual di kawasan-kawasan dalam rumah yang terbuka, sehingga boleh dilihat oleh anak-anak mereka.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Jika kamu tidak malu, buatlah apa yang kamu mahu” (Riwayat al-Bukhari, no. 3483).

Justeru, pasangan yang telah berkahwin dilarang menonton pornografi kerana menyerupai perbuatan mencari tahu tentang kelakuan seksual pasangan lain seperti mana larangan menceritakan kelakuan seksual antara pasangan kepada orang luar. Selain itu, melihat aurat orang lain dengan sengaja adalah haram secara jelas. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“Katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman: “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat. Katakanlah kepada wanita yang beriman: “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya..”

(Surah al-Nur, 24:30-31)

Allah SWT memerintahkan kepada lelaki mukmin dan wanita mukminah untuk menahan pandangan daripada perkara yang dilarang dan hanya memandang perkara yang dibenarkan sahaja (Ibn Kathir, 1998). Pandangan pertama secara tidak sengaja

dibenarkan tetapi tidak bagi pandangan seterusnya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Janganlah kamu lanjutkan pandangan tanpa sengajamu dengan pandangan berikutnya, karena yang pertama itu boleh dan yang kedua tidak boleh” (Riwayat Abu Daud, no. 2149 dan Ahmad, no. 22991).

“Jaminlah aku dengan enam perkara, dan aku menjamin kalian dengan syurga: Jujurlah (jangan berdusta) jika kamu berbicara, tepatilah jika kamu berjanji, tunaikanlah jika kamu diamanahkan (jangan berkhianat), peliharalah kemaluan kamu, tahanlah pandangan kamu, dan tahanlah kedua tangan kamu” (Riwayat Ahmad, no. 22757).

Pengharaman ini merangkumi melihat dengan syahwat atau tidak. Pandangan beserta syahwat dan disertakan dengan kekhawatiran fitnah, adalah haram secara sepakat. Begitu juga haram bagi pandangan tanpa syahwat (Ibn Hajar al-Athqalani, 2002). Hal ini kerana, melihat perkara yang haram adalah sebahagian daripada zina seperti maksud sabda Baginda SAW:

“... Zina kedua mata adalah dengan melihat, zina lisan adalah dengan berbicara, sementara hati bernafsu dan berangan-angan, dan kemaluan yang membenarkan (zina) atau mendustakan” (Riwayat al-Bukhari, no. 6612).

Al-Ghazali membawa maksud hadis ini bahawa, zina mata merupakan yang terbesar dalam dosa-dosa kecil kerana boleh membawa kepada dosa besar yang buruk, iaitu zina di kemaluan itu sendiri, dan barangsiapa tidak mampu menjaga pandangan matanya, dia tidak mampu untuk menjaga agamanya (Muhammad Abdul Rauf Munawwir, 2010). Ibn al-Bathul juga bersetuju bahawa pandangan dan percakapan adalah zina kerana mempunyai pengaruh dalam mendorong kepada zina sebenar. Hanya kemaluan yang membenarkan atau menidakkannya dorongan tersebut (Ibn Hajar al-Athqalani, 1959). Justeru, pengharaman pornografi ini sesuai dengan kaedah fiqh ‘sesuatu yang membawa kepada haram, perkara itu menjadi haram’ dan kaedah ini diambil perumpamaannya dari kaedah asal yang berbunyi, ‘sesuatu yang membawa kepada wajib, perkara itu adalah wajib’ (Abdul Karim Zaidan, 2003). Jika sekalipun

tidak terdorong kepada zina sebenar, dosa-dosa kecil yang dilakukan tanpa rasa takut dan penyesalan adalah sesuatu yang merbahaya. Jika dilakukan secara berterusan akan menjadikan dosa-dosa kecil itu menyamai dosa besar secara maknawi (Abu Zakaria al-Nawawi, 1972).

Larangan ini merupakan larangan menyeluruh tanpa mengira tujuan untuk melayani pasangan dengan lebih baik atau untuk mempelajari teknik baru untuk kepuasan seksual. Hal ini kerana, menonton pornografi boleh membawa kepada membayangkan aksi atau orang ajnabi lain semasa melakukan hubungan seksual dengan pasangan dan perbuatan tersebut adalah haram dan keji. Sepertimana Muslim yang meminum air kosong tetapi membayangkan bahawa dalam gelas tersebut adalah arak, menjadi haram baginya meminum air tersebut, begitu juga jika suami atau isteri berimajinasikan orang ajnabi lain semasa bersetubuh, terhukum ke atas mereka bahawa mereka sedang berzina dengan orang yang sedang diimajinasikan itu (Ibn Hajj, 2005). Sedangkan hakikat pensyariatan hubungan seksual suami isteri adalah untuk menghapuskan bisikan syaitan dengan mengalihkan bayangan wanita asing dalam fikiran suami kepada isteri yang halal ke atasnya (Abu Malik Kamal, 2003). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila salah seorang antara kalian terpesona oleh seorang wanita, dan merasuk ke dalam hatinya, dia perlu mendatangi isterinya dan menggaullinya, kerana yang demikian itu dapat menghilangkan apa yang terbisik dalam hatinya (tadi)” (Riwayat Muslim, no. 3409) dan dalam riwayat al-Tarmizi, no. 1158 pula disebut: “kerana yang ada pada dirinya (isterinya) seperti apa-apa yang ada pada dirinya (wanita yang dijumpainya itu)”.

Hadis ini menjelaskan bahawa suami perlu mendatangi isteri apabila terusik syahwat ketika memandang wanita ajnabi kerana mendatangi isterinya dapat menghilangkan khayalan kepada perkara yang haram. Justeru, jelas tidak wajar jika suami atau isteri

memilih untuk mendatangi pasangannya dalam keadaan dipengaruhi oleh khayalan manusia ajnabi dan aksi seksual yang ditontoninya.

Larangan juga ke atas suami memaksa isteri untuk menonton bersama dan berkelakuan seperti dalam video. Kaedah fiqh ada menyebut: ‘apa-apa yang diharamkan untuk melakukannya, adalah haram juga untuk memintanya’ (Abdul Karim Zaidan, 2003; Ahmad Muhammad al-Zarqa’, 2011). Tiada ketaatan kepada suami bagi perkara kemaksiatan yang dilarang Allah SWT. Maksud sabda Rasulullah SAW:

“Tidak ada ketaatan bagi perkara maksiat, ketaatan hanyalah pada perkara yang makruf” (Riwayat al-Bukhari, no. 7257).

Kesan buruk menonton pornografi boleh menimbulkan ketidak puasan hati terhadap pasangan sama ada dalam bentuk fizikal pasangan mahupun dalam aktiviti seksual mereka (Zillman & Bryant, 1988; Schneider, 2000; Bergner & Bridges, 2002). Mereka akan cenderung untuk curang (Stack, Wasserman & Kern, 2004) atau berlakunya keganasan seksual apabila suami memaksa isteri menuruti perlakuan seksual seperti yang dilakukan dalam video porno. Isteri akan diliwat, diperlakukan oleh suami secara ganas, dipukul sebagai rangsangan seksual suami, dan jeritan kuat isteri difahami sebagai tanda kepuasan seksual.

4.3.1.4 Suami Yang Menentukan Kekerapan Hubungan Seksual

Terdapat suami yang mendekati isteri pada ketika isteri dihajati sahaja, selebihnya isteri ditinggalkan dan diperlaku secara kasar. Kekerapan hubungan seksual ditentukan oleh kehendak suami tanpa memikirkan keperluan isteri. Fail Plaintiff 16 lawan Defendant 16 (02001-014-1023-2008), dan Responden 2 (Responden 2) adalah antara contoh perlecehan nafkah batin daripada suami. Lebih buruk daripada itu, suami memperlakukan isteri secara tidak harmoni dan berlaku keganasan seksual. Sebaliknya terdapat suami yang bernafsu kuat dan memaksa isteri melayaninya setiap hari tanpa

memperdulikan kondisi diri dan kesihatan isteri seperti kes Plaintiff 47 lawan Defendant 47 (07002-014-0488-2011) dan Plaintiff 28 lawan Defendant 28 (2007-014-0541-2010).

Dalam perihal ini, Ibn Hizm berpandangan tentang minima hubungan seksual adalah sekali bagi setiap kali suci daripada haid (Ibn Hizm al-Andalusi, t.t; Sayyid Sabiq, 2009) berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Apabila mereka telah suci, campurilah mereka sesuai dengan (ketentuan) yang diperintahkan Allah kepadamu”
(Surah al-Baqarah, 2:222)

Jumhur juga menyepakatinya jika tidak berlaku keuzuran atau halangan (Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Al-Syafii pula berpandangan tiada ketetapan kerana hal seksual adalah hak suami dan perkara itu tidak memerlukan ketetapan ke atasnya. Ahmad bin Hanbal pula menetapkan minima had seksual adalah sekali bagi empat bulan kerana tempoh itulah yang membenarkan wali mefasakhkan perkahwinan manakala bagi keadaan suami yang *safar* dan terhalang untuk pulang, minima kekerapan ialah enam bulan jaraknya mengikut pandangan Saidina Umar al-Khattab (Sayyid Sabiq, 2009; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Hal ini kerana tindakan suami meninggalkan persetubuhan merupakan kemudaratannya ke atas isteri. Menurut Ibn Taimiyah, fasakh boleh dilakukan ke atas kemudaratannya ini tanpa melihat kepada perceraian atas kehendak suami atau tidak, juga sekalipun dalam keadaan suami mampu di sudut nafkah zahirnya ('Ila al-Din Abu Hasan, 1950).

“Bagi orang-orang yang meng-*ilaa'* isterinya diberi tangguh empat bulan. Kemudian jika mereka kembali (kepada isterinya), sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Dan jika mereka berazam (untuk) talak, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”
(Surah al-Baqarah, 2:226-227)

Ayat ini menunjukkan bahawa maksima empat bulan diberikan kepada suami dalam sumpah untuk menjauhi isterinya dan hal ini yang menjadi dalil kepada Hanabilah (Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2007; 2010; Wahbah al-Zuhaili, 2010).

Namun perkara ini dilihat tidak adil bagi seorang isteri jika diletakkan minima had seksual kepada tiga kali setahun, kerana isteri diperintahkan untuk sentiasa menuruti ajakan suami jika suami berkehendak. Had ini dikhurasukan bagi soal kehakiman dan bukan merupakan dalil umum. Suami perlu menuruti ajakan isteri apabila isteri berkehendak untuk melakukan hubungan seksual selagi tidak memudarangkan suami (Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2007: 2010; Muhammad Adam al-Kawthari, 2008; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Kewajipan ini adalah sama seperti kewajipan seorang isteri dalam perihal memenuhi kehendak seksual suaminya (Sa'adudin Mus'ad Hilali, 2015). Haram ke atas suami yang menolak ajakan seksual isteri dan mengabaikannya sehingga isteri dirundung perasaan sedih dan gelisah (Isham Muhammad al-Syarif, 2008; Muhammad Adam al-Kawthari, 2008). Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri(mu), walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian, kerana itu janganlah kamu terlalu cenderung (kepada yang kamu cintai), sehingga kamu biarkan yang lain terkatung-katung”
(Surah al-Nisa’, 4:129)

Ayat yang berbunyi “sehingga kamu biarkan yang lain terkatung-katung” menunjukkan bahawa suami diperintahkan untuk menyetubuh isterinya, serta berdasarkan ke atas suami yang tidak memberikan kepuasan seksual kepada isterinya dengan sengaja (Isham Muhammad al-Syarif, 2008). Bagi lelaki yang beribadah sepanjang malam, dan berpuasa di sepanjang siang sehingga tidak mendatangi isterinya, suami tersebut sebenarnya telah melanggar hak seorang isteri iaitu hak untuk menggauli suaminya dengan cara yang makruf (Sayyid Sabiq, 2009; Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2010). Rasulullah SAW pernah bersabda dengan maksud:

”Dan ke atas kamu pahala jika berjimak dengan isterimu”. Sahabat bertanya, “apakah jika salah seorang daripada kami ditangani oleh syahwah dan dia mendatangi isterinya, ke atasnya pahala?” Rasulullah SAW menjawab, “Bukankah jika kamu mendatangi yang haram, ke atas kamu dosa? Begitulah juga sebaliknya, jika kamu mendatangi yang halal, ke atas kamu pahala..” (Riwayat Muslim, no. 2329).

Terdapat kisah Abdullah bin Amru bin al-Asr yang tidak mendekati isterinya kerana sibuk beribadah sehingga isterinya datang mengadu kepada Rasulullah SAW. Rasulullah SAW memanggil Abdullah dan bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya kepada tubuhmu mempunyai hak ke atas kamu dan kepada matamu mempunyai hak ke atas kamu, dan kepada isterimu mempunyai hak ke atas kamu” (Riwayat al-Bukhari, no. 5199).

Sebahagian ulama berpendapat bahawa kekerapan hubungan seksual yang digalakkan adalah seminggu sekali bersandarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

”Sesiapa yang menyebabkan (isteri) untuk mandi dan memandikan dirinya pada hari Jumaat, kemudian keluar awal (untuk solat Jumaat), berjalan dan tidak menunggang kenderaan, dan mengambil tempat duduk berhampiran dengan imam dan mendengarkan dengan penuh perhatian, dan tidak menyibukkan diri dengan sia-sia, dia akan mendapat pahala setahun berpuasa dan qiyamullail untuk setiap langkah yang diambil” (Riwayat Abu Daud, no. 345 dan al-Nasaii a, no. 1381).

Al-Suyuti mentafsirkan ‘menyebabkan (isteri) untuk mandi dan memandikan dirinya sendiri’ adalah petanda bahawa lelaki itu melakukan hubungan seksual sebelum bersiap untuk menunaikan solat Jumaat agar dapat membantu suami menjaga pandangan mata sepanjang perjalanan ke masjid (Al-Suyuti, 2009). Hari Jumaat berlaku sekali bagi setiap minggu, bermakna hubungan seksual yang digalakkan adalah sekali bagi setiap minggu (Muhammad Adam al-Kawthari, 2008). Pendapat lain adalah, seorang suami harus mendatangi isterinya dalam sekali bagi empat malam (Abu Abdillah al-Tarabalsi, 1992; Abu Hamid al-Ghazali, 2004; Muhammad Adam al-Kawthari, 2008). Pandangan ini diambil sesuai dengan kebenaran suami untuk menikahi empat orang isteri. Terdapat juga pandangan yang memilih sekali bagi tiga

malam (Abu Abdillah al-Tarabalsi, 1992) kerana mengambil daripada ayat al-Quran yang bermaksud:

“ke atas lelaki dua bahagian perempuan”
(Surah al-Nisa’, 4:11).

Sekiranya mempunyai empat orang isteri, suami dibolehkan mengurangkan sedikit lagi kekerapannya itu. Pandangan-pandangan ini adalah lebih adil, dan penambahan atau pengurangan kekerapan berlaku bergantung pada keperluan isterinya (Abu Hamid al-Ghazali, 2004).

Manakala bagi suami yang bernafsu kuat, ulama berpendapat bahawa had maksima adalah enam kali di waktu siang dan enam kali di waktu malam dan wajib terlebih dahulu melihat kondisi isteri sama ada baik atau tidak, serta keperluan dalam pengurusan rumah tangga yang lain, juga urusan ibadah dan kehidupan (Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2007; 2010). Namun lebih banyak pendapat yang mengambil pandangan had maksima ialah sebanyak empat kali di waktu siang, dan empat kali di waktu malam tetapi perlu dilihat keadaan isteri yang tidak terganggu dengan kewajipan juga selagi tidak memudaratkannya (Mansur Yunus al-Bahuti, 1983; Abu Abdillah al-Tarabalsi, 1992). Manakala ada pandangan yang mengambil pendapat daripada Abdullah bin Zubair bahawa mencukupi dengan empat kali bagi siang dan malam kerana kekerapan suami menyebabkan isteri akan membawa kepada kemudaratannya (Abu Abdillah al-Tarabalsi, 1992).

Hubungan seksual yang terlalu kerap akan turut menyebabkan kemudaratannya kepada suami seperti melemahkan tenaga, gangguan saraf, tubuh yang menggigil, serangan strok dan sebagainya (Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010). Justeru kemudaratannya seperti ini perlu dielakkan oleh suami dengan mengamalkan gaya hidup seksual yang sihat dan seimbang. Hubungan seksual yang optimum adalah pada ketika kedua pasangan berada

dalam keadaan tenang dan harmoni, bukan dalam keadaan lapar, penat, marah atau tekanan emosi (Muhammad Adam al-Kawthari, 2008; Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010). Waktu yang paling sesuai adalah sebahagian dari malam iaitu satu per tiga atau satu per empat malam selepas berlakunya kerehatan (Muhammad Adam al-Kawthari, 2008; Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010).

Dalam masa yang sama, suami perlu melihat kepada kepuasan isteri dalam hubungan seksual (Abu Hamid alGhazali, 2004; Sa'adudin Mus'ad Hilali, 2015). Suami perlu melakukan hal persetubuhan secara perlahan-lahan agar isteri turut merasai kepuasannya. Jika isteri belum mencapai kepuasan, keadaan itu akan mengganggu dan menyakitkan isteri. Suami wajib untuk memikirkan kepuasan isteri tanpa sibuk memikirkan kepuasan sendiri, kerana berkemungkinan besar isteri lebih malu dalam hal ini (Abu Hamid al-Ghazali, 2004). Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“apabila salah seorang dari kamu medatangi isterinya, berikanlah sedekah kepadanya, jika dia (suami) mendahuluinya (isteri, janganlah dia tergesa-gesa” (Riwayat Abu Ya’la, no. 4201).

Hadis ini merupakan hadis *daif* yang tidak boleh dijadikan sebagai hukum namun boleh dibuat pengajaran bahawa membiarkan isteri tidak mencapai kepuasan seksual adalah suatu kezaliman. Suami juga tidak boleh ‘*azal* tanpa keizinan isteri (Mansur Yunus al-Bahuti, 1983; Abu Bakr al-Kasani, 1986). Perbuatan ‘*azal* kepada wanita yang merdeka tanpa keizinan mereka adalah dilarang (Abu Bakr al-Kasani, 1986; Wahbah al-Zuhaili, 2010) kerana ‘*azal* dalam perhubungan seksual akan membantutkan syahwat yang merupakan hak seorang isteri (Abu Bakr al-Kasani, 1986; Sa’adudin Mus’ad Hilali, 2015). Saidina Umar RA. berkata:

“Rasulullah SAW telah melarang perbuatan ‘*azal* ke atas wanita yang merdeka kecuali dengan izinnya” (Riwayat Ahmad, no. 212).

Kesimpulannya, hubungan seksual yang dilakukan secara kerap akan mengundang kemudaratan, dalam masa yang sama pengabaian hubungan seksual adalah tidak sihat. Justeru suami dan isteri sama-sama berhak untuk menentukan kekerapan hubungan seksual melalui perbincangan terbuka dan saling menghormati antara pasangan (Muhammad Adam al-Kawthari, 2008). Sememangnya lelaki cepat terangsang syahwat mereka, dan tindakan mendatangi isteri akan membuatkan mereka kembali tenang (Isham Muhammad al-Syarif, 2008), namun haram ke atas suami sengaja membiarkan syahwat mereka tidak terjaga dengan tidak menundukkan pandangan mata sehingga menyebabkan mereka mengalami gangguan rangsangan yang tidak normal dan di luar tabiat kemanusiaan.

4.3.1.5 Larangan Seksual Hanya Terbatas Pada Tempoh Keluar Darah Nifas Sahaja

Larangan melakukan hubungan seksual pada waktu isteri tidak bersedia adalah kerana paksaan hubungan seksual ketika itu akan membawa kemudaratan terhadap isteri. Islam menegaskan larangan melakukan kemudaratan kepada manusia lain seperti hadis Baginda SAW yang bermaksud:

“Jangan memudarangkan dan jangan dibalas kemudaratan dengan kemudaratan” (Riwayat Ibn Majah, no. 2340 dan Ahmad, no. 2865).

Ulama mazhab al-Syafi’iy meletakkan skop darurat kepada “bukan sekadar takut kehilangan nyawa jika tidak memakan makanan yang haram itu, tetapi ditakuti juga akan berlaku kesakitan atau sakitnya bertambah teruk atau sakitnya itu akan berpanjangan” (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2005: 9).

Wahbah al-Zuhaili memilih maksud darurat yang paling baik, iaitu, “Kemudaratan adalah apabila berlaku kepada manusia sesuatu keadaan bahaya atau kesusahan yang teruk, dibimbangi berlakunya kemudaratan atau kesakitan ke atas jiwanya atau anggota

badannya atau maruahnya atau aqalnya atau hartanya dan segala yang berkaitan. Ketika itu perlu atau diharuskan melakukan yang haram, atau meninggalkan yang wajib, atau mengakhirkan waktunya untuk mengelak kemudaratan berdasarkan jangkaannya selagi dalam ruang lingkup syarak” (Wahbah al-Zuhaili, 1997a).

Antara kemudaratan yang berlaku dalam masalah keganasan seksual dalam rumah tangga ialah isu paksaan hubungan seksual ketika isteri masih dalam tempoh berpantang seperti contoh yang berlaku dalam kes Responden 1 dan fail Plantif 26 lawan Defendan 26 (02001-014-1409-2009) atau bagi kedaan isteri yang masih trauma bersalin walaupun selepas habis tempoh berpantang. Trauma ini digelar *post-natal PTSD* atau *postpartum PTSD*. Trauma ini berlaku kesan kelahiran bayi seperti *prolapsed cord; c-section* yang tidak dirancang; penggunaan *vacuum extractor* atau *forceps* dalam membantu kelahiran; perasaan tiada sokongan semasa proses kelahiran; mangsa yang pernah mengalami penderaan seksual atau mangsa jenayah rogol; ibu yang mengalami komplikasi fizikal atau luka semasa mengandung atau proses kelahiran seperti pendarahan banyak selepas kelahiran, rahim yang perlu dibuang, mengalami *preeclampsia/eclampsia*, koyakan faraj atau *episiotomy*, atau *induction* serta yang melibatkan penyakit jantung; dan penjagaan ibu dalam pantang yang tidak sempurna (*Postpartum Support International; The Birth Trauma Association; Babycenter.co.uk*; Stone, 2011; Leeman & Rogers, 2012).

Ibu yang mengalami trauma akan berhadapan dengan gangguan peristiwa kelahiran secara imbasan kembali atau mimpi, mereka akan mengelak segala stimulasi berkaitan dengan peristiwa sama ada berbentuk perasaan, tempat atau manusia itu sendiri, serta cepat teransang secara emosi untuk marah dan bimbang (*Postpartum Support International*). Mereka juga akan trauma berhadapan dengan kehamilan seterusnya, dan lebih teruk lagi, mereka mengalami krisis kehilangan nafsu untuk melakukan

hubungan seksual atau berlakunya *sexual dysfunction* akibat trauma kesakitan di faraj semasa kelahiran (*The Birth Trauma Association; Babycenter.co.uk; Babycenter.com.my* a; Signorello, Harlow, Chekos & Repke, 2001; Morof, Barrett, Peacock, Victor & Manyonda, 2003; Stone, 2011; Leeman & Rogers, 2012; Lurie *et al*, 2013; Hirsch, 2015; Chenchit Chayachinda, Vitaya Titapant & Anuree Ungkanungdecha, 2015; Eid, Sayed, Abdel-Rehim & Mostafa, 2015; Hatfield, 2016). Mereka juga mengalami kesakitan di vagina apabila melakukan hubungan seksual dan hal ini digelar sebagai *dyspareunia* yang boleh berlaku akibat masalah struktur badan (luka yang belum sembuh) atau trauma psikologi (Mayor Clinic: Signorello *et al*, 2001; Vasanth Andrews, Ranee Thakar, Abdul H. Sultan & Jones, 2008; Chenchit Chayachinda *et al*, 2015). *Dyspareunia* akan membuatkan isteri bertindak negatif terhadap sentuhan atau rangsangan seksual yang dilakukan oleh suami mereka (Brauer, ter Kuile, Janssen & Laan, 2007).

Dalam hal ini, kemudaratan terhadap isteri amat jelas berlaku jika hubungan seksual tetap dipaksa oleh suami. Kemudaratan ini merangkumi kemudaratan di sudut emosi dan fizikal, kerana *post-natal PTSD* ini boleh membawa kepada kemurungan yang teruk (*The Birth Taruma Association; Stone, 2011; Norhayati, Nik Hazlina, Asrennee & Wan Emilin, 2015*) dan akan melibatkan kesan jangka panjang jika tidak diberi perhatian dengan baik (Stone, 2009). Dalam kaedah fiqh, terdapat beberapa kaedah tentang kewajipan menolak kemudaratan seperti “kemudaratan mesti dihilangkan” yang merupakan antara yang terpenting dalam perlaksanaan hukum-hukum fiqh. Hampir separuh hukum fiqh berasaskan kaedah ini (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2005). Hal ini kerana asas bagi hukum fiqh adalah membawa manfaat dan menolak kemudaratan (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2005). Kaedah mengangkat kemudaratan ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama”
(Surah al-Hajj, 22:78)

“Allah tidak memberatkan seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya”
(Surah al-Baqarah, 4:286)

Terdapat tiga kaedah usul berkaitan dengan kemudaratan iaitu (a) tegahan atau larangan daripada mengenakan kemudaratan; (b) wajib menghilangkan kemudaratan apabila berlaku; dan (c) menghilangkannya jika tidak mampu dengan sempurna, sudah memadai dengan sekadarnya. Antara syarat perlaksanaan menolak darurat ini ialah, pertama, keyakinan bahawa darurat memang benar berlaku dan bukan dalam sangkaan semata-mata (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2005) kerana ‘keyakinan tidak boleh digugurkan dengan perkara yang syak’ (Abdul Karim Zaidan, 2003; Ahmad Muhammad al-Zarqa’, 2011). Kedua, orang yang berada dalam kedaan darurat itu tidak mempunyai pilihan lain untuk mengelakkan kemudaratan tersebut. Ketiga, orang yang dalam keadaan darurat itu mesti berusaha agar tidak memilih jalan yang melanggar prinsip-prinsip asas syariat dan usul akidah yang jelas mafsadahnya. Keempat, ketika dalam usaha melepaskan diri daripada darurat tersebut, seseorang itu perlu melakukannya sekadar yang perlu sahaja, bukan untuk bersenang-lenang menidakkann kewajipan atau melakukan perkara yang haram (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2005) seperti dalam kaedah fiqh iaitu ‘kemudaratan itu ditentukan pada kadarnya sahaja’ (Abdul Karim Zaidan, 2003; Ahmad Muhammad al-Zarqa’, 2011). Bagi situasi ini, suami diharamkan untuk memaksa isteri melayaninya selagi layanan itu akan membawa kemudaratan kepada jiwa dan fizikal isteri. Tindakan suami boleh melanggar larangan Baginda SAW agar tidak memudaratkan manusia lain. Isteri tidak dikira nusyuz dan berdosa jika menolak ajakan suami dalam situasi ini kerana kewajipan baginya untuk mentaati suami terangkat bagi situasi yang memudaratkan

dirinya. Kemudaratan wajib dielakkan kerana kemudaratan adalah suatu kezaliman dan haram di sisi syarak (Abdul Karim Zaidan, 2003). Walaupun suami juga mungkin mengalami kemudaratan yang sedikit seperti perlu bersabar menahan hawa nafsunya, namun kemudaratan ini tidak melebihi kemudaratan yang akan dialami oleh isterinya seperti dalam kaedah-kaedah fiqh ‘kemudaratan yang teruk perlu dihilangkan dengan kemudaratan yang lebih ringan’; ‘apabila bertemu dua kefasadan, ambil yang paling kurang kefasadannya’; serta ‘menolak kefasadan lebih penting didahulukan dari mengambil kemaslahatan’ (Abdul Karim Zaidan, 2003; Ahmad Muhammad al-Zarqa’, 2011).

Antara kaedah fiqh lain yang sesuai bagi kes ini ialah ‘adat atau ‘uruf yang baik perlu menjadi hukum’ (Abdul Karim Zaidan, 2003; Ahmad Muhammad al-Zarqa’, 2011). Asas kaedah ini adalah *athar* daripada Ibn Mas’ud RA,

“apa yang dipandang oleh kaum muslimin sebagai sesuatu kebaikan, bagi Allah SWT juga hal itu adalah kebaikan, manakala bagi apa yang dipandang oleh kaum muslimin sebagai keburukan, bagi Allah juga hal itu adalah keburukan” (Riwayat Ahmad, no. 3600).

Adat dalam hal ini adalah sesuatu kebiasaan yang diterima oleh masyarakat yang secara tabiinya sejahtera (daripada perlanggaran normalisasi), dan berlaku secara berulang kali (Ahmad Muhammad al-Zarqa’, 2011). Terdapat beberapa syarat bagi penerimaan ‘uruf sebagai hukum yang diterima syarak iaitu: (a) adat itu tidak berlawanan antara satu pandangan dengan pandangan yang lain; (b) adat itu merupakan sesuatu yang telah dilakukan perbandingan (pengkajian) untuk mencapai sesuatu perkara yang kita berkehendak untuk mengetahui hukumnya di sudut ‘uruf, bukan sekadar keputusan yang dipilih ketika kecemasan. Bermakna adat ini adalah diketahui punca berlakunya penerimaan hal sedemikian sebagai ‘uruf; dan (c) adat itu mesti merupakan perkara yang tidak berlawanan dengan nas syarak (Abdul Karim Zaidan,

2003) kerana nas lebih kuat berbanding ‘uruf’ (Ahmad Muhammad al-Zarqa’, 2011).

‘Uruf’ bagi situasi ini adalah ‘uruf’ berpantang hubungan seksual bagi isteri yang baru melahirkan anak selama 100 hari bagi masyarakat melayu atau tiga bulan bagi pandangan perubatan. Suami wajib mengikut ‘uruf’ ini kerana ‘uruf’ ini terbina secara turun termurun selepas melihat kepada keperluan penyembuhan seorang isteri secara total sebelum isteri dibenarkan melayani suaminya. Tambahan pula, purata wanita yang mengalami trauma dan masalah seksual dengan suami sehingga tiga bulan dari tempoh kelahiran adalah tinggi (*Babycenter.com.my* a: Signorello *et al*, 2001; Morof *et al*, 2003; Barsky, 2006; Leeman & Rogers, 2012; Lurie *et al*, 2013; Chenchit Chayachinda *et al*, 2015; Eid *et al*, 2015). Jarak dua bulan atau enam minggu daripada kelahiran iaitu tempoh kebiasaan berpantang juga masih belum dapat menghilangkan *perineum pain* secara sepenuhnya (Macarthur & Macarthur, 2004; Andrews *et al*, 2008).

Dalam hal ini, Islam telah menganjurkan alternatif lain bagi membantu suami menyalurkan hasrat seksualnya secara syarii dalam keadaan ingin mengelak kemudaratan terhadap isteri. Isteri dibolehkan untuk mengeluarkan air mani suami menggunakan anggota badan isteri selain faraj. Hal ini sesuai dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Buatlah semuanya kecuali nikah” (Riwayat Muslim, no. 694, Abu Daud, no. 2165 dan Ahmad, no. 12354)

Hadis ini adalah jawapan bagi keadaan isteri sedang didatangi haid. Dalam perlakuan ‘buatlah semuanya’, suami boleh mendatangi isteri dan mengeluarkan air maninya menggunakan tangan atau celahaan peha atau mana-mana anggota badan isteri yang lain bagi tujuan tersebut. Rasulullah SAW sendiri menggauli isteri Baginda ketika mereka dalam keadaan haid. Isteri-isteri Baginda meriwayatkan yang bermaksud:

“Apabila salah seorang daripada kami didatangi haid, Rasulullah SAW menyuruhnya untuk memakai sarung kemudian Baginda bercumbu dengannya” (Riwayat Muslim, no. 679)

“Jika salah seorang daripada kami haid, maka dibaluti, kemudian Baginda menggaulinya” (Riwayat Abu Daud, no. 268).

“Rasulullah bercumbu dengan isteri Baginda di atas kawasan atas sarung, ketika mereka sedang haid” (Riwayat Muslim, no. 681).

Hal ini termasuk dalam perkara yang dibenarkan adalah melakukan onani menggunakan tangan isteri (Muhammad Ibn ‘Abidin, 1992; Muhammad Saed Abdul Rahman, 2007; Ammi Nur Baits, 2013; Tim Fatwa Majlis Tarjih dan Tajdid, 2016).

Perkara ini berbeza dengan onani menggunakan tangan sendiri yang jelas keharaman hukumnya (Shihabuddin al-Alusi, 1994; Mansur Muhammad al-Sam’ani, 1997; Ibn Kathir, 1998; Syafii Muhammad Idris, 2006) kecuali bagi situasi terpencil (Abu al-Asybal al-Zuhaili, t.t.). Onani menggunakan tangan isteri atau isteri menggunakan tangan suami menepati kehendak seksual yang perlu disalurkan kepada pasangan iaitu dengan mencapai kepuasan seksual dengan menggunakan anggota badan pasangan yang halal untuk disetubuhi (Muhammad Ibn ‘Abidin, 1992; Muhammad Saed Abdul Rahman, 2007; Ammi Nur Baits, 2013) seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang memelihara kemaluannya kecuali terhadap isterinya atau hamba sahayanya, mereka yang demikian itu tidak tercela. Tetapi barangsiapa mencari selain yang demikian itu, maka mereka itu adalah orang-orang yang melewati batas."

(Surah al-Mu'minun, 23:5-7)

Manakala onani menggunakan tangan sendiri adalah termasuk dalam perbuatan tidak memelihara kemaluannya dan mengingkari tabiat perkahwinan (Abu al-Asybal al-Zuhaili, t.t; Shihabuddin al-Alusi, 1994; Ibnu Katir, 1998; Syafii Muhammad Idris, 2006).

Oral sex merangkumi perbuatan *oro-anal* (mulut-anal) dan *oro-genital* (mulut-kemaluan) yang terdiri dari *fellatio* (mulut-zakar) dan *cunnilingus* (mulut-faraj) pula

adalah perbuatan yang bercanggah dengan aspek kesihatan kerana *sexually transmitted infections (STIs)* iaitu jangkitan kuman daripada bakteria atau virus boleh berlaku kepada pasangan sama ada di kawasan mulut yang dibawa oleh jangkitan daripada alat kelamin atau pada alat kelamin yang dibawa oleh jangkitan daripada mulut seperti *chlamydia, human papillomavirus (HPV), gonorrhea, syphilis, vulvo-vaginal candidiasis (VVC), hepatitis* dan kanser mulut (*American Sexual Health Association; Downs, t.t; Markos, Wade & Walzman, 1992; Edwards & Carne, 1998; Edwards & Carne, 1998a; Centers for Disease Control and Prevention, 2004; D'Souza, et al 2007 Sánchez-Vargas, Díaz-Hernández & Martinez-Martinez, 2010; Delwin, 2016*). Jangkitan kuman di mulut ini juga boleh mengakibatkan *respiratory tract organisms* atau jangkitan saluran penafasan seperti *streptococci, haemophilus influenza* dan *mycoplasma pneumonia* (*Pinhas-Hamiel, SchiV, Ben-Baruch, Mashiach & Reichman, 1991; Edwards & Carne, 1998*).

Perkara yang mendatangkan kemudaratian adalah wajib dielakkan dan haram dilakukan. Perbuatan menelan air mani itu sendiri adalah termasuk dalam perbuatan yang haram kerana air mani merupakan sesuatu yang kotor walaupun bukan dalam kategori najis (Abu Zakaria al-Nawawi, 1970). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan dihalalkan bagi mereka segala yang baik dan diharamkan bagi mereka segala yang buruk”
(Surah al-A’raf, 7:157)

Justeru jika suami memaksa isteri melakukan *oral sex* dengan cara *fellatio*, isteri tidak wajib untuk mengikutinya kerana perbuatan tersebut termasuk dalam perkara maksiat. Sebaliknya jika *oral sex* dilakukan bagi tujuan rangsangan awal, perbuatan itu dibolehkan selagi dalam batas yang sepatutnya iaitu selagi belum keluar air mazi yang terhukum najis (Tim Fatwa Majlis Tarjih dan Tajdid, 2016).

Trauma *post-natal PTSD* ini boleh dirawat dengan masa dan sokongan pasangan juga kauseling kesihatan (*Babycenter.co.uk; Babycenter.com.my* a; Hirsch, 2015). Suami perlu bersikap terbuka mendengar luahan perasaan isteri dan memahami kesulitan yang sedang dihadapinya. Komunikasi yang baik, saling berkompromi dan komitmen antara pasangan amat membantu sepanjang fasa tersebut (Barsky, 2006).

4.3.1.6 Suami Dbolehkan Memukul Isteri Jika Isteri Tidak Mahu Menuruti Suami

Nusyuz membawa maksud perlakuan suami atau isteri yang melampaui pasangan mereka (Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2007). Terdapat dua ayat dalam al-Quran mengenai ciri nusyuz bagi isteri yang nusyuz, juga ciri nusyuz bagi seorang suami. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wanita-wanita yang kalian khuatir nusyuznya, nasihatilah mereka, dan jauhilah mereka di tempat tidur, dan pukullah mereka. Jika mereka mentaati kalian, janganlah kalian mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”
(Surah al-Nisa’, 4:34)

“Dan jika seorang perempuan khuatir suaminya akan nusyuz atau bersikap tidak acuh, keduanya dapat mengadakan perdamaian yang sebenarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka) walaupun manusia itu menurut tabiatnya kikir. Dan jika kamu memperbaiki (pergaulan dengan istimu) dan memelihara dirimu (dari nusyuz, sikap tidak acuh dan bertindak tidak adil), sesungguhnya Allah Maha teliti terhadap apa-apa yang kamu kerjakan”
(Surah al-Nisa’, 4:128)

Muhammad Asad (1980) menggambarkan nusyuz sebagai pemberontakan atau niat jahat. Nusyuz terdiri daripada kelakuan buruk yang dilakukan secara sengaja oleh isteri atau suami, termasuk sebagai penderaan mental oleh suami seperti yang digambarkan dalam ayat 128 daripada surah al-Nisa’, begitu juga dengan layanan buruk daripada isteri kepada suaminya. Dalam konteks ayat 34 daripada surah al-Nisa’ ini, nusyuz seorang isteri berlaku apabila dia dengan sengaja berterusan melanggar kewajipan

persetubuhan dengan suaminya. Hal tersebut merupakan suatu kemaksiatan dan nusyuz yang dibenarkan untuknya ialah pukulan mengikut sebilangan ulama (Ahmad Taimiyah, t.t.).

Nusyuz seorang isteri tidak tersabit dalam percaduhan atau perselisihan faham rumah tangga yang biasa, tetapi perkara yang melibatkan perlanggaran isteri terhadap kelakuan seksual atau perlakuan angkuh isteri atau tindakannya yang mengambil kesempatan ke atas suami secara tipu muslihat (Asghar Ali, 1992). Isteri juga dengan sengaja membentak dan memalingkan wajahnya apabila dipanggil dengan lemah lembut dan menjawab dengan kasar permintaan daripada suami yang diucapkan dengan sangat halus dan perlahan (Wahbah al-Zuhaili, 2010). Selain itu, nusyuz melibatkan pengkhianatan ke atas amanah menjaga diri, rumah dan harta sewaktu ketiadaan suami (Syamsuddin al-Syarbaini, 1868).

Nusyuz sering menjadi isu apabila dikaitkan dengan keizinan memukul sedangkan dalam menjatuhkan nusyuz ke atas isteri, perlu disertakan dengan bukti yang jelas dan yakin bahawa isteri telah nusyuz dengan sengaja kerana ‘yang kamu khuatiri nusyuz’ itu adalah suatu keyakinan (Abu Abdillah al-Qurtubi, 1964; Ibn Jazi al-Gharnati, 1995; Wahbah al-Zuhaili, 2010) bukan sekadar syak atau tuduhan. Nusyuz sering disalah erti sehingga suami dengan mudah memukul isteri apabila isteri menolak untuk menuruti kehendak suami terutamanya dalam hal seksual. Plaintiff 15 lawan Defendant 15 (02001-014-1586-2010) telah dipulas kedua-dua tangannya dan dihantuk kepala ke lantai semata-mata kerana menolak untuk menuruti kehendak seksual suaminya. Begitu juga yang berlaku ke atas Plaintiff 25 lawan Defendant 25 (02001-014-1628-2015) apabila beliau ditampar dan ditumbuk di bahagian mata oleh suaminya kerana tidak mahu menuruti paksaan seksual suaminya. Sedangkan Allah SWT mengancam

suami agar tidak mudah mengeksplorasi kuasa untuk menyusahkan isteri melalui firmanNya yang bermaksud:

"Jika mereka mentaati kalian, janganlah kalian mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar."
(Surah al-Nisa', 4:34)


Justeru suami dilarang sama sekali mencerca dan menuduh isteri dengan tuduhan nusyuz hanya semata-mata berdasarkan kebencian suami kepada isteri. Pernah Rasulullah SAW memerintahkan seorang wanita yang menyumpah untanya agar berpisah dengan unta tersebut dan tidak boleh digunakan oleh sesiapa lagi. Bahkan pemilik unta yang mencerca juga diharamkan ke atasnya, bagaimana pula seorang suami yang menghina isterinya dengan pelbagai gelaran dan cercaan sedangkan isterinya seorang Muslim? (Yusuf al-Qardhawi, 2015a). Sengaja Allah SWT menyebut di akhir ayat 34 daripada surah al-Nisa' itu dengan sifat yang Maha Tinggi lagi besar sebagai ancaman kepada suami bahawa sesungguhnya Allah SWT adalah wali kepada isteri yang Maha Tinggi dan Maha Besar (Ibn Kathir, 1998).

Jika para suami menyalimi dan menganiaya isteri-isteri tersebut, sesungguhnya kekuasaan Allah SWT ke atas para suami adalah lebih berganda besarnya daripada kekuasaan para suami ke atas isteri-isteri mereka (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 1946; Abu Saed al-Baidhawi, 1997). Suami juga diperingatkan dalam ayat ini agar mudah menerima permohonan maaf isteri kerana Allah SWT yang Maha Tinggi dan Maha Besar lebih mudah menerima taubat pemaksiat. Justeru tidak sewajarnya mereka pula yang memberat-beratkannya (Wahbah al-Zuhaili, 1997).

Pensabitan nusyuz seorang isteri juga menyebabkan hak nafkah sepanjang tempoh nusyuz tersebut disekat, justeru perkara yang mendesak sikap nusyuz tersebut sangat penting untuk diteliti (Nik Noraini, 2000). Tambahan pula, nusyuz isteri lebih banyak

diperkatakan, sedangkan nusyuz suami turut disebut dalam al-Quran seimbang dengan nusyuz isteri (Nik Noraini, 2000). Akta UUKI juga dilihat cenderung menghadkan nusyuz hanya kepada perlakuan isteri berbanding melihat gangguan keharmonian rumah tangga yang dilakukan oleh suami (Saadiah Din, 2003).

Kesalahan nusyuz perlu dilihat pada tindakan sengaja seorang isteri, bukan didorong oleh perkara-perkara yang boleh dipertimbangkan untuk tidak dibebankan kesalahan kepada isteri seorang sahaja. Hal ini demikian kerana kebahagiaan mawaddah dan *rahmah* dalam rumah tangga adalah hasil kerjasama dan sifat amanah antara suami dan isteri (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 1946). Jika isteri perlu bekerja kerana membantu ekonomi keluarga, dan isteri tidak menerima nafkah daripada suami akibat ketidak mampuan suami, mengakibatkan isteri tidak terbeban dengan kewajipan untuk mentaati suami secara mutlak kerana suami belum dahulu memenuhi hak seorang isteri iaitu nafkah zahiriah, seperti mana yang telah Allah SWT tetapkan dalam firmanNya yang bermaksud:


Universiti Utara Malaysia

“Kaum lelaki itu adalah *qawwama* bagi kaum wanita, dengan kelebihan yang Allah kurniakan kepada sebahagian mereka (lelaki) berbanding sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan dari harta mereka”
(Surah al-Nisa’, 4:34)

Ayat ini hakikatnya menekankan kelebihan yang diberikan Allah SWT kepada lelaki daripada wanita adalah kerana soal nafkah yang telah dikorbankan oleh suami (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Justeru bagaimana mungkin seorang suami yang tidak mampu menafkahi isterinya dengan baik sehingga menyebabkan isteri terbeban bekerja tetap menuntut hak ketaatan secara zalim? Kes Plaintiff 32 lawan Defendan 32 (07002-014-0323-2008) dan Plaintiff 24 lawan Defendan 24 (02001-057-1810-2009) adalah contoh dakwaan terhadap suami yang tidak memberi nafkah zahir terhadap isteri dan lebih buruk lagi, suami mengambil harta isteri untuk keperluan rumah tangga dan diri suami.

Namun dalam masa yang sama, suami menuntut layanan batin tanpa malu dan rasa bersalah.

Sikap nusyuz suami yang acuh tidak acuh atau penderaan mental juga memainkan peranan dalam keharmonian rumah tangga. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Ada tiga orang yang sembahyangnya itu tidak dapat melebihi kepalanya walaupun hanya sejengkal, iaitu: (1) Seorang lelaki yang menjadi imam pada suatu kaum sedang kaum itu tidak suka, (2) Seorang perempuan yang tidur malam sedang suaminya murka kepadanya. (3) Dua saudara yang saling bermusuhan” (Riwayat al-Tarmizi, no. 360 dan al-Baihaqi, no. 5342).

Sedangkan menjadi imam kepada satu kaum yang membencinya itu menyebabkan solat tidak diterima, apatah lagi menjadi imam kepada keluarga yang suami perlu menjadi tauladan mulia kepada isteri dan anak-anaknya. Termasuk juga dalam perkara yang menyumbang kepada nusyuz seorang isteri adalah sikap suami yang panas baran atau kaki pukul sehingga menyebabkan isteri memendam perasaan terkilan terhadap suami.

Dalam hal ini, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah memutuskan bahawa syarak membenarkan isteri yang mempunyai bukti bahawa berlaku kemudaratan ke atas diri, agama, kehormatan dan hartanya selagi mana dia berada di dalam rumah pernikahan untuk keluar dari rumah tersebut tanpa keizinan suami. Perkara ini termasuk dalam perihal kegagalan suami menyediakan tempat tinggal yang selamat dan sesuai dan nafkah yang mencukupi (Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, 2016).

Berkaitan firman Allah mengenai pukulan yang bermaksud:

“Wanita-wanita yang kalian khuatiri nusyuznya, nasihatilah mereka, dan jauhilah mereka di tempat tidur, dan pukullah mereka. Jika mereka mentaati kalian, janganlah kalian mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”

(Surah al-Nisa', 4:34)

Ayat ini diturunkan bagi peristiwa seorang sahabat yang bernama Sa'ad Bin Rabi' dengan isterinya, Habibah binti Zaid –dan ada perawi yang menyebut sebagai Habibah Binti Muhammad- . Habibah telah berlaku nusyuz dan Sa'ad menampar isterinya. Kemudian Rasulullah SAW didatangi oleh Habibah bersama ayahnya membawa pengaduan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Ke atas suamimu qisas”, namun Jibril datang dengan membawa ayat ini. Rasulullah SAW bersabda, “Pulanglah. Jibril telah datang membawa sesuatu”. Kemudian Baginda bersabda lagi, “Sesungguhnya kita mahukan sesuatu perintah, tetapi Allah mahukan perintah yang lain. Dan perintah Allah adalah yang terbaik” (Riwayat Jamaluddin al-Zaila'i, no. 649 dan Zainudin al-Manawi, no. 364).

Perkataan ‘daroba’ itu sendiri membawa kepada banyak perbahasan. Bagi makna pukulan, ulama' mentafsirkan ayat itu dengan syarat pukulan yang tidak menyakitkan atau mencederakan (Abu Bakr al-Kasani, 1986; Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Wahbah al-Zuhaili, 2010), sepetimana sabda Baginda SAW dalam khutbah Haji Wida' yang bermaksud:

“Pukullah mereka (isteri) dengan pukulan yang tidak mencederakan” (Riwayat Muslim, no. 2950).

Suami juga tidak boleh memukul muka atau berunsurkan pukulan bermati-matian (Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Wahbah al-Zuhaili, 2010) seperti larangan dalam hadis yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu (suami) memukul mereka (isteri) di muka” (Riwayat Abu Daud, no. 2142 dan Ahmad, no. 20011).

Ibn Abbas berkata pukulan yang bermaksud tidak mencederakan adalah yang tidak mematahkan tulang dan meninggalkan kesan zahir jika tidak, suami perlu membayar fidyah kepada isteri (Ibn Kathir, 1998). Justeru pukulan yang meninggalkan kesan lebam atau calar adalah terkeluar daripada pukulan yang dibenarkan kerana semua itu

adalah berbentuk kesan zahir (Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2016). Ulama berpendapat bahawa pukulan yang dibenarkan itu adalah hanya dengan kayu lidi atau kayu sugi (Mansur Muhammad al-Sam'ani, 1997; Wahbah al-Zuhaili, 2010) atau menurut al-Razi, menggunakan kain yang disimpulkan (Abu Abdullah al-Razi, 1999) dan pukulan tidak boleh melebih 10 kali pukulan (Wahbah al-Zuhaili, 2010) kerana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Jangan memukul salah seorang dari kamu melebihi 10 sebatan kecuali dalam hukuman hudud yang ditetapkan oleh Allah” (Riwayat Muslim, no. 4460).

Hakikatnya kebenaran memukul itu, hanyalah pada keizinan yang hampir tidak sahaja dan sangat perlu dielakkan oleh suami, bersandarkan kepada Rasulullah SAW yang membenci perlakuan tersebut (Muhammad Asad, 1980). Perkara ini juga dilihat lebih kepada ancaman, bukan perbuatan pukul itu sendiri (Wahbah al-Zuhaili, 2010). Malah ulama bersetuju bahawa meninggalkan perbuatan yang telah diizinkan ini adalah lebih baik (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Sekalipun dibenarkan, hal ini adalah gambaran pengecualian selepas kaedah penyelesaian lain seperti nasihat dan pemisahan tempat tidur telah gagal memberi kesan dan Allah SWT mengancam suami yang sengaja memanjangkan tekanan kepada isteri walaupun isteri telah kembali mentaatinya (Yusuf al-Qardhawi, 2015a). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Jangan kamu memukul hamba perempuan!” (Riwayat Abu Daud, no. 2146 dan al-Nasaii, no. 9122) apatah lagi memukul seorang isteri.

“Jangan salah seorang antara kamu memukul isterinya seperti memukul seorang hamba, kemudian menyebuhinya di akhir hari (malam)” (Riwayat al-Bukhari, no. 5204).

Aisyah RA berkata, “Rasulullah SAW tidak pernah memukul isteri mahupun khadamnya sama sekali, dan Baginda sama sekali tidak pernah memukul dengan tangannya sendiri, melainkan dalam peperangan” (Riwayat Muslim, no 6050).

Rasulullah SAW ketika didatangi oleh isteri-isteri yang mengadu tentang kelakuan suami mereka bersabda yang bermaksud:

“Mereka bukanlah yang terbaik dalam kalangan kamu” (Riwayat Abu Daud, no. 2146).

Mereka di sini adalah merujuk kepada suami yang memukul isterinya bukan seperti sangkaan masyarakat bahawa isteri yang mengadu tentang suami mereka adalah isteri yang tidak baik (Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2016).

Suami juga perlu melakukan dua peringkat terdahulu iaitu menasihati isteri dengan baik untuk melakukan apa-apa yang telah diwajibkan ke atas mereka dan berusaha mengurangkan kesalahan itu daripada berulang. Kemudian jika berulang tindakan nusyuz itu, suami perlu mendidik dengan cara meninggalkan tempat tidur agar isteri beroleh kesedaran dan jika berulang lagi, baru tindakan akhir diambil iaitu memukul dengan cara yang tidak menyakitkan (Abu Bakr al-Kasani, 1986; Abu Saed al-Baidhawi, 1997; Wahbah al-Zuhaili, 1997; Muhammad Soleh al-Uthaimin, 2007; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Dan jika suami mengetahui bahawa dengan pukulan tidak akan memperbaiki isterinya malah membuatkan isteri lebih renggang dan mengasingkan diri, menjadikan tindakan memukul isteri adalah sesuatu yang dilarang (Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008).

Bagi hukuman peringkat ke dua, iaitu meninggalkan tempat tidur, perbuatan tersebut merupakan tindakan suami tidak menyetubuhi isterinya, tidak bergaul dengan isteri di atas katil dan memalingkan belakangnya kepada isteri, juga termasuk dalam tindakan itu adalah suami tidak bercakap dan berbual dengan isteri (Ibn Kathir, 1998; Wahbah al-Zuhaili, 2010). Secara tabiinya, pengasingan di tempat tidur ini akan membawa kepada gangguan perasaan kerana pergaulan di atas katil adalah sebahagian daripada keharmonian rumah tangga kerana perbualan dari hati ke hati akan berlaku dalam bilik

tidur. Pengasingan ini akan menyebabkan isteri tertanya-tanya dan memuhasabah kembali diri akan kesilapan yang telah dilakukannya (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 1946). Ibn Abbas meriwayatkan pertanyaan beliau kepada Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Adakah kamu menceraikan mereka?” Jawab Baginda, “Tidak, tetapi aku menjauhi mereka selama sebulan” (Riwayat al-Bukhari, no.5203).

Manakala pengasingan dari segi percakapan, tidak boleh melebihi tiga hari berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak halal bagi seorang muslim menjauhi saudaranya (tidak bertegur sapa) melebihi tiga hari” (Riwayat Muslim, no. 6532).

Walaupun begitu, ada ulama berpendapat pengasingan hanya berlaku dalam hubungan seksual antara suami dengan isteri sahaja (Ibn Kathir, 1998). Hukuman ini juga perlu dilakukan bersama etika. Pengasingan tidak boleh dilakukan secara terang-terangan kerana dikhuatiri memberi kesan buruk kepada perasaan anak-anak jika diketahui oleh mereka. Pengasingan ini juga tidak boleh dilakukan hingga diketahui oleh orang asing kerana akan merendahkan kedudukan isteri atau menghina maruah dirinya sehingga membuatkan isteri lebih menderhakai suami (Syed Qutb, 2010)

Jika masalah tidak dapat diselesaikan lagi melalui ruang suami isteri seperti yang dianjurkan, suami dilarang daripada terus memukul isterinya (Mohammad Nidzam Abdul Kadir, 2016) sebaliknya masalah perlu dirujuk kepada hakam (juru runding) untuk rundingan dijalankan. Disunnahkan hakam terdiri daripada seorang wakil keluarga suami dan seorang wakil keluarga isteri dan perlantikan mereka diredaai oleh kedua-dua pihak. Jika rundingan berjaya, pasangan meneruskan perkahwinan seperti biasa, namun jika tidak berhasil, perkahwinan boleh ditalakkan dengan jalan khuluk atau lafaz talak. Jika rundingan tidak mencapai kata sepakat, masalah akan dibawa kepada hakim dan hakim akan memutuskan denda kepada yang bersalah dan

menyerahkan kembali hak kepada yang dizalimi (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 1946; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008; Wahbah al-Zuhaili, 2010).

Begitu juga bagi suami yang nusyuz, isteri dibolehkan membawa kepada pihak Hakim Syar'i untuk rundingan agar kedamaian dapat dicapai (Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007; Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008). Jika membabitkan kezaliman, wajib ke atas hakim menghentikan kezaliman itu dan menyerahkan kembali hak isteri yang tidak dilaksanakan oleh suami. Jika melibatkan kejahatan akhlak dan penderaan ke atas isteri, suami perlu dibawa kepada pendakwaan dan jika tersabit, hakim perlu mentakzir suami sehingga dapat mendidik suami (Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008). Jika mereka tidak menemui jalan penyelesaian, dibolehkan fasakh ke atas mereka oleh hakim (Mustaffa al-Bugha *et al*, 2008). Jalan rundingan menggunakan hakam adalah berdasarkan maksud firman Allah SWT:

“Dan jika kamu khawatir terjadi persengketaan antara keduanya, kirimlah seorang hakam (juru damai) dari keluarga lelaki dan seorang hakam dari keluarga perempuan, jika kedua orang hakam itu bermaksud mengadakan perbaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami-isteri itu”
(Surah al-Nisa', 4:35)

Manakala bagi isteri yang nusyuz kerana kebenciannya kepada suami dan bukan kerana masalah dalam kehidupan suami isteri yang boleh dirujuk hakim, perceraian secara khuluk adalah penyelesaiannya (Muhammad Soleh al-'Uthaimin, 2007). Berlaku kepada isteri Sabit bin Qais yang mendatangi Rasulullah SAW dan mengadu tentang dirinya yang tidak dapat menerima suaminya itu, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Adakah kamu mahu mengembalikan kebunnya itu? (yang telah dijadikan mahar)”, jawab isteri Sabit: “Ya”. Rasulullah SAW memanggil Sabit bin Qais dan bersabda: “Ambillah kembali kebun itu dan ceraikanlah dia (isteri)” (Riwayat al-Bukhari, no. 5273).

4.3.2 Konsep Seksual Menurut Islam

Kekerapan atau teknik yang digunakan dalam hubungan seksual perlu melihat kepada situasi penerimaan dan keadaan isteri. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Bergaullah kalian dengan mereka dengan cara yang makruf”
(Surah al-Nisa’, 4:19)

Suami dilarang meminta isteri diperlakukan dengan cara yang menyakitkan, atau yang tidak mengamankan perasaan isteri dalam aktiviti seksual kerana maksud ayat al-Quran ini ialah suami perlu melayani isteri dengan baik dan menjadikan kehidupan suami dan isteri selamat daripada perkara-perkara yang dicela syariat atau berlawanan dengan norma kemanusiaan dan maruah (Shihabuddin al-Alusi, 1994). Islam mengajar suami agar tidak menunaikan kehendak seksualnya tanpa memperdulikan perasaan dan kehendak isteri (Yusuf al-Qardhawi, 2015). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sebaik-baik dalam kalangan kamu adalah yang baik terhadap isterinya”
(Riwayat Ibn Majah, no. 1978).

Suami yang baik pasti tidak akan mendesak isterinya memenuhi tuntutan seksual jika dilihat isterinya dalam keadaan uzur, sakit dan keletihan. Suami akan dahulu membiarkan isterinya beristirehat dan dilayan dengan baik, agar isterinya berkehendak untuk bersama bermesra. Tiada perkara yang lebih baik tentang hubungan antara kedua-dua pasangan melainkan mengikut gambaran maksud firman Allah SWT:

“Dihilalkan untuk kamu, pada malam hari puasa, bergaul dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagimu dan kamu juga sebagai pakaian bagi mereka”
(Surah al-Baqarah, 2:187)

Ayat ini menunjukkan bahawa perlakuan seksual adalah melibatkan kasih sayang dan keseronokan antara suami dengan isteri. Kecenderungan mereka untuk berseronok adalah sama seperti kecenderungan mereka memakai pakaian untuk keselesaan,

menghangatkan, melindungi dan perasaan untuk sentiasa berada dekat (Yusuf al-Qardhawi, 2015a). Oleh kerana itu kemudaratan tidak boleh berlaku dalam hubungan seksual kerana hubungan seksual adalah hak bersama untuk dinikmati keseronokannya oleh suami dan isteri (Muhammad Soleh al-‘Uthaimin, 2010). Perkara ini dapat dilihat dalam hikmah pengharaman meliwat isteri antaranya ialah melanggar hak isteri untuk menikmati persetubuhan dengan cara yang baik dan menyakiti anggota badan isteri (Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 2010). Sambungan daripada ayat al-Quran mengenai ladang tanaman, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Bertakwalah kepada Allah dan ingatlah kamu akan bertemu dengan-Nya”
(Surah al-Baqarah, 2:223)

Ayat ini memberi peringatan kepada para suami agar berhati-hati dalam percakapan, perbuatan dan perilaku kerana semua itu akan dihisab oleh Allah SWT di hari perhitungan nanti. Bagi sesiapa yang mengikut hawa nafsunya dan mengeluarkan dirinya daripada susunan yang dibenarkan syarak serta melakukan kemaksiatan, di akhirat nanti dia akan memperoleh azab (Wahbah al-Zuhaili, 1997). Justeru menjauhi kejahatan dalam hubungan suami dan isteri ini adalah amat dituntut (Abu Saed al-Baidhawi, 1997).

Berdasarkan dari kajian-kajian lepas, keganasan seksual dalam rumah tangga adalah realiti dan diambil kira oleh Islam. Termasuk dalam keganasan ini ialah perbuatan paksaan suami terhadap isterinya dalam keadaan isteri yang tidak bersedia secara fizikal dan mental sehingga membawa kepada kemudaratan, perlakuan seksual yang tidak diingini oleh isteri seperti secara *anal* atau *oral sex*, serta kekerasan atau ancaman yang dilakukan semasa melakukan hubungan seksual bersama isteri sehingga memudaratkan (Milda Marlia, 2007) kerana semua ini berlawanan dengan perintah Allah SWT. Bagi suami yang berkehendak seksual dalam situasi-situasi yang dilarang

seperti haid dan nifas, juga ketika dalam situasi yang memudarangkan isteri seperti dalam tempoh berpantang, isteri yang keletihan dan isteri yang sedang sakit, suami dilarang sama sekali untuk memaksa atau mendesak isteri memenuhi kehendaknya tanpa mempedulikan keadaan isteri. Lebih-lebih lagi hubungan yang dilakukan dengan tekanan atau keterpaksaan merupakan suatu bentuk penindasan apabila hanya sebelah pihak yang akan menikmati kepuasannya manakala sebelah pihak yang tidak berkehendak akan mengalami kesakitan secara fizikal dan perasaan (Milda Marlia, 2007).

Jika diteliti keganasan seksual dalam rumah tangga atau *marital rape* di sudut *maqasid syariah*, berlaku pembahagian kepada dua keadaan iaitu, (a) keadaan isteri yang mudarat jika berlaku desakan seksual serta (b) keadaan suami yang berkehendak kepada seksual. Keadaan pertama berada dalam kategori peringkat *daruriyah* kerana melibatkan penjagaan nyawa seorang isteri apabila melibatkan kemudaratan secara fizikal yang jelas berlaku akibat keganasan ini, juga penjagaan ke atas akal seorang isteri kerana keganasan yang berterusan membawa kepada tekanan perasan dan emosi seorang isteri. Isteri yang berada dalam ketakutan dan trauma akibat pelaku merupakan pasangan yang sentiasa ada bersama di bawah satu bumbung. Tidak terkecuali penjagaan ke atas maruah isteri yang tercaltar dengan tindakan suami yang memperlakukannya sebagai seorang hamba seksual. Manakala keadaan suami pula boleh dikategorikan dalam peringkat *hajiyah* kerana tidak membabitkan hal nyawa dan kemudaratan terhadap jasad.

Meski perkahwinan itu merupakan *daruriyah* yang menjaga nasab, namun dalam perihal *daruriyah* isteri yang merangkumi menjaga nyawa, menjaga akal dan menjaga maruah adalah lebih besar daripada *daruriyah* menjaga nasab. Ibn ‘Asyur menyarankan agar dipilih *daruriyah* yang paling terdesak daripada *daruriyah* yang

lain, dan *daruriyah* itu yang paling perlu diberi keutamaan dan diberikan hukum syarak yang bersesuaian dengan keadaannya (Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 2014). Justeru dalam hal pertembungan ini, rukhsah berlaku ke atas kewajipan (Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 2014) isteri mentaati suami kerana kemudaratan dan *masyaqqah* yang ada serta telah menyebabkan kehendak seksual suami jatuh kepada kategori *hajiyah* sepermata firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya (Surah al-Baqarah, 2:173)

Daruriyah berada lebih tinggi daripada *hajiyah* untuk diutamakan dalam urusan kemanusiaan (Jasser Audah, 2014). Justeru, dalam situasi-situasi yang boleh melanggar *maqasid syariah* ini, perbuatan onani menggunakan tangan isteri adalah alternatif yang dibenarkan syarak serta dapat menjaga keharmonian rumah tangga. Sebaliknya jika isteri dalam keadaan bersedia, suami perlu memenuhi tuntutan seksual bersama agar hak dan tanggungjawab seksual antara pasangan dipenuhi. Sekiranya suami memaksa isteri menuruti kehendak seksualnya sehingga melakukan kekerasan, isteri dibolehkan membawa pengaduan ke pihak hakim dan hukuman boleh dijatuhkan (*Dar al-Ifta al-Misriyyah*).

Sesungguhnya perkahwinan adalah sebuah aturan yang melindungi keseluruhan *maqasid syariah*, kerana itu hukum-hakam yang disyariatkan dalam perkahwinan adalah seadil-adil pensyariatan dan yang terbaik (Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 2014). Oleh yang demikian, jika berlaku sesuatu *darar* dengan pelanggaran *maqasid syariah* itu, hakim dibenarkan memisahkan antara suami dan isteri menggunakan kuasa kehakiman (Muhammad al-Tahir Ibn ‘Asyur, 2014). Ketiadaan hukuman hudud berkaitan keganasan seksual dalam rumah tangga tidak boleh menjadi dalil bahawa

keganasan ini perlu diremehkan kerana hukuman dalam Islam turut merangkumi qisas dan takzir (Suhaib Webb, 2013).

4. 4 Kesimpulan

Dalam Islam telah digariskan tentang hak-hak bersama suami dan isteri, juga hak isteri yang perlu dipenuhi oleh suami dan hak suami yang perlu dipenuhi oleh isteri. Keadilan berlaku pada kedua-duanya kerana pembahagian hak dan tanggungjawab adalah berdasarkan fitrah kejadian jantina lelaki dan perempuan. Hak seorang suami lebih cenderung kepada soal ketaatan dan menjaga maruah suami. Manakala hak seorang isteri merangkumi soal layanan yang baik dan kebijakan yang perlu dipenuhi seperti nafkah, makan minum, pakaian, tempat tinggal serta keselamatan isteri.

Berkenaan hak dan tanggungjawab seksual dalam rumah tangga, Islam telah menetapkan bahawa kedua-dua pasangan mempunyai hak yang sama untuk merasai keseronokan dan kepuasan. Berdasarkan hak yang sama ini, ketegasan larangan ditekankan agar tidak berlaku kemudarat terhadap salah seorang daripada suami dan isteri. Keganasan seksual dalam rumah tangga sememangnya wujud apabila suami melanggari hak seksual seorang isteri dengan berlakunya paksaan pada keadaan-keadaan yang memudaratkan atau dengan cara yang memudaratkan. Islam juga menyediakan alternatif lain bagi suami untuk bersenang-senang dengan isterinya dalam kondisi isteri yang tidak bersedia untuk disetubuh. Bagi keadaan isteri yang bersedia, suami wajib untuk memenuhi tuntutan seksual isterinya.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan hasil kajian dari proses yang telah dilakukan melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Perbincangan yang dilakukan adalah mengikut susun atur objektif yang telah ditetapkan di peringkat awal kajian. Perbincangan dilakukan dengan menggabung hasil kajian melalui analisis kandungan, temu bual dan sorotan karya lepas. Seterusnya adalah merupakan cadangan kajian pada masa depan. Bahagian akhir merupakan kesimpulan secara keseluruhan bagi kajian ini.

5.2 Kaitan Jenayah Seksual dengan Keganasan Seksual dalam Rumahtangga

Hasil perbandingan antara maksud istilah rogol dalam perundangan di Malaysia, juga definisi dalam kalangan cendekiawan barat dan sarjana muslim, dapat dikeluarkan persamaan yang jelas antara ketiga-tiga tersebut iaitu pertama, kemasukan zakar lelaki ke dalam faraj atau dubur perempuan meskipun tidak disusuli dengan ejakulasi sama ada di dalam atau di luar rongga perempuan tersebut; dan kedua, dengan cara paksaan serta tanpa kerelaan perempuan tersebut. Dalam perundangan Islam, walaupun rogol tidak disebut secara jelas, namun berlaku perbincangan mengenai *zina al-ikrah* iaitu perbuatan zina yang berlaku tanpa kehendak seseorang. Dalam pada itu, terdapat pandangan sarjana meletakkan syarat untuk dinilai sebagai keadaan rogol, mangsa perlu berada dalam kategori cenderung untuk diberahi oleh syahwat kerana kanak-kanak dilihat mustahil untuk dipandang secara memberahikan. Namun, pandangan yang diambil adalah wajib dijatuhkan hukuman hudud ke atas pelaku jenayah rogol kanak-kanak tanpa had usia walaupun pada usia yang dilihat mustahil (bayi) kerana sangat jelas pelaku itu tidak berperikemanusiaan dan tidak wujud sifat rahmat dalam dirinya.

Manakala takrifan jenayah atau keganasan seksual adalah lebih luas dari itu, iaitu merangkumi sebarang perlakuan paksa atau kekerasan untuk memasukkan objek ke dalam mulut, kemaluan atau dubur wanita. Mengenai hukuman rogol menurut perundangan Islam, berdasarkan penilaian terhadap hukuman hudud dan *hirabah* yang terikat dengan dalil *syahadah* dan syarat-syaratnya, hukuman takzir dilihat lebih sesuai bagi jenayah seksual ini memandangkan pihak berautoriti dapat menetapkan hukuman berat yang setimpal bersama penyelesaian dalam pembuktian mengikut kemajuan dan perkembangan teknologi semasa.

Kajian menunjukkan faktor luaran mempengaruhi jenayah seksual ini adalah stigma masyarakat bahawa perempuan adalah tarikan kepada lelaki untuk melakukan hubungan seksual sama ada secara paksa atau sukarela. Stigma ini membentuk *rape myth* yang meletakkan kesalahan pada mangsa serta melahirkan fahaman “*women ask for it*”, “*it's her fault*”, dan “*they deserve it*”. Mangsa jenayah rogol dipersalahkan sehingga berlaku tradisi *honor killing* bagi sesetengah masyarakat untuk mengelak maruah keluarga tercemar akibat tuduhan masyarakat bahawa anak perempuan mereka tidak dididik dengan baik. Media turut membantu dalam menyemarakkan stigma ini dengan mengetengahkan wanita sebagai objek seksual dan pelaris pengiklanan. Selain itu, pornografi yang mempamerkan agenda seks ganas dan gambaran pasangan wanita menikmatinya merupakan pengaruh yang sangat membahayakan kerana tanpa sedar telah mengubah sikap masyarakat terhadap keganasan seksual, hubungan seksual dengan pasangan, *pedophilia*, gangguan seksual, keganasan rumah tangga, pelacuran, jenayah seksual dan perilaku yang berbahaya kerana telah dianggap normal dan diterima.

Faktor dalaman pula adalah gangguan yang dialami oleh pelaku jenayah ini, iaitu sindrom *paraphilic disorder* atau *sexual disorder* serta *psychopathology* atau *mental disorder*.

Sebahagian penjenayah seksual juga dilihat memiliki *anti-sociality personality* semenjak kecil. Selain itu, pengalaman penderaan sama ada berbentuk fizikal, seksual dan mental pada zaman kanak-kanak juga membentuk keperibadian mereka terhadap keganasan dan kekerasan. Faktor ini digelar '*circle of abuse*'. Faktor dalaman ketiga adalah pengaruh alkohol yang meningkatkan sifat agresif dan keganasan seseorang individu.

Bagi kategori jenayah seksual, terdapat lima subtopik perbincangan iaitu (a) rogol orang asing *versus* rogol kenalan, (b) sumbang mahram, (c) rogol statutori, (d) rogol kumpulan dan (e) rogol kahwin. Berdasarkan kajian, rogol oleh orang asing serta rogol berkumpulan adalah lebih digambarkan sebagai jenayah berat dan diterima oleh masyarakat sebagai suatu kejahanan berbanding rogol oleh orang yang dikenali. Walaupun rogol oleh orang yang dikenali seperti rogol kenalan dan sumbang mahram lebih banyak berlaku dalam masyarakat, namun masyarakat masih kurang prihatin terhadap mangsa. Mangsa rogol statutori atau kes yang melibatkan CSA juga mengalami pengabaian yang sama apabila kehendak mereka untuk bersuara tidak diambil berat dan perubahan mereka tidak disedari oleh pihak yang sepatutnya seperti ibu bapa atau guru. Mangsa juga mengalami tekanan yang lebih berat apabila penjenayah merupakan ahli keluarga sendiri atau orang yang dipercayai.

Begitu juga yang berlaku terhadap mangsa rogol perkahwinan. Masyarakat menganggap, suami memegang kuasa seksual terhadap isterinya sebaik sahaja perkahwinan mereka menjadi sah di sisi undang-undang. Suami terkecuali dari tuduhan jenayah rogol kerana isteri adalah pemilikan suami, justeru tidaklah dianggap suami sebagai pencuri kepada barangnya sendiri. Masyarakat masih melihat perkahwinan sebagai *sexual contract* dan memenuhi naluri seksual suami adalah tanggungjawab isteri meskipun dalam keadaan isteri perlu melakukannya secara paksa-rela. Terdapat

juga pengaruh agama yang melihat suami sebagai pelindung dan bertanggungjawab dalam menjaga moral ahli keluarganya. Justeru, jika suami melabelkan isterinya tidak taat dan perlu diperbaiki secara paksaan sehingga membabitkan penderaan fizikal dan seksual, perkara itu diterima umum sebagai sesuatu yang dibolehkan.

Kajian telah mengenal pasti empat kategori keganasan seksual dalam rumah tangga iaitu: (a) melibatkan serangan yang tinggi dan lebih membahayakan kerana keganasan fizikal dan seksual berlaku secara serentak dan hal ini dikira sebagai pencerobohan atau merogol; (b) melibatkan desakan yang kurang tetapi masih dikira sebagai perlakuan menceroboh atau merogol. Mangsa selalunya tidak dilakukan kekerasan fizikal, tetapi diancam secara lisan melalui ugutan dan mangsa secara terpaksa mengikut kehendak pelaku bagi mengelakkan kesan negatif; (c) penderaan terhadap pasangan secara emosi dan psikologi bagi mengekalkan kekuasaan pelaku terhadap mangsa. Kategori ini tidak melibatkan serangan dan tidak dikira pencerobohan, tetapi memberi tekanan kepada mangsa dengan perilaku seksual suami yang pelik, tidak normal dan sesat. Selalunya dipengaruhi oleh pornografi dan suami akan cuba walaupun secara kekerasan untuk memenuhi tuntutan syahwatnya itu; dan (d) melibatkan aktiviti seksual di luar organ seksual manusia seperti ciuman, yang dilakukan secara paksaan tetapi tidak dikira menceroboh atau merogol namun, boleh membahayakan serta memberi trauma jika membabitkan pukulan dan sengaja mencederakan organ seksual mangsa.

Kajian menunjukkan keganasan seksual dalam rumah tangga sangat memberi kesan negatif kepada mangsa, tambahan pula keganasan ini boleh berlaku secara berulang kali sepanjang tempoh berumahtangga. Mangsa selalunya mengalami kecederaan fizikal seperti koyakan di vagina, kecederaan di *pelvic*, luka, lebam, koyakan otot, masalah *gynecological* serta tahap kesihatan badan yang menurun malah sampai ke tahap ancaman pembunuhan. Mereka juga terdedah kepada penyakit berjangkit seperti

HIV atau *STD*, selain turut mengalami masalah psikologi seperti trauma, tekanan perasaan, *PTSD*, sindrom *sexual dysfunction* serta *flash-back memory* yang mengganggu emosi dan kehidupan mangsa. Istilah yang dipilih untuk digunakan sepanjang kajian ini adalah keganasan seksual dalam rumah tangga berbanding robol kahwin, kerana melihat kepada konteks hubungan seksual suami dan isteri menurut Islam. Selepas akad nikah, hubungan seksual antara pasangan menjadi halal untuk dinikmati. Kesalahan berlaku apabila melibatkan keterpaksaan, kekerasan, keganasan dan kemudaratan terhadap pasangan bagi mencapai tujuan seksual dan perkara ini menjadi skop perbincangan lanjut kajian ini.

5.3 Elemen-Elemen yang Menjadi Punca Keganasan Seksual dalam Rumahtangga Di Malaysia

Berdasarkan kajian kes terhadap fail-fail tuntutan perceraian di mahkamah-mahkamah rendah syariah yang tepilih, iaitu MRS Kota Setar, MRS Kuala Muda, MRS Seberang Perai Utara dan MRS Daerah Timur Laut, serta temu bual yang dijalankan bersama Hakim-Hakim Syarii dari lokaliti kajian kes, juga tidak terkecuali mangsa-mangsa yang pernah mengalami keganasan seksual dalam rumah tangga ini, tiga faktor terbesar yang mempengaruhi berlakunya keganasan seksual dalam rumah tangga telah dikeluarkan.

- I. Pengaruh pornografi. Ketagihan pornografi telah mempengaruhi kehidupan seksual yang ganas dan tidak normal kerana isteri dipaksa untuk melakukan atau diperlakukan seperti dalam video-video yang telah suami tontoni. Selain itu, berlaku sikap suami yang suka membandingkan tubuh badan isteri atau tindakan isteri semasa hubungan seksual dengan model pornografi yang ditonton suami.

- II. Sikap negatif baran suami (melibatkan penderaan fizikal atau mental atau tidak memberi nafkah zahir kepada keluarga). Faktor ini merupakan sebahagian dari penderaan mental atau psikologi dan merupakan antara pengaruh besar yang membawa kepada keganasan fizikal dan seksual dalam rumah tangga. Peruntukan nafkah untuk makan minum, tempat tinggal dan nafkah anak-anak tidak dipeduli malah lebih buruk lagi apabila suami juga tidak mempedulikan hal ehwal isteri dari segi emosi, kehidupan malah kesihatan tetapi menuntut hak seksual dari isteri malah dengan cara kekerasan sehingga membuatkan isteri berada dalam ketakutan. Terdapat juga kes melibatkan penderaan dalam rumah tangga merangkumi penderaan fizikal secara jelas serta penderaan di sudut tekanan mental dan perasaan sama ada daripada sikap, perbuatan atau kata-kata daripada suami.
- III. Eksplotasi dan kejahilan agama. Perlakuan seksual di luar tabii seperti liwat, ketika isteri dalam keadaan haid dan pada bulan Ramadan yang dilakukan suami terhadap isteri merupakan tanda kejahilan suami. Selain itu, tindakan suami mengancam isteri yang menolak ajakan seksual atas faktor-faktor seperti penat dan sakit, adalah bukti berlaku eksplotasi agama dalam perkara ini. Antara ancaman yang dilemparkan ke atas isteri berdasarkan *content analysis* fail ialah, ‘akan mendapat bala daripada Allah’, ‘layak berada dalam neraka’, ‘nak dapat pahala pun taknak’, dan ‘merupakan hak suami dalam hal seksual’. Salah faham penggunaan dalil agama ini berpunca daripada kefahaman yang silap terhadap kuasa mutlak suami dalam rumah tangga serta perihal hak dan tanggungjawab seksual antara pasangan menurut Islam.

5.4 Konsep Hak dan Tanggungjawab Seksual dalam Rumahtangga Menurut Islam

Islam

Islam meletakkan kesamarataan dalam pelaksanaan hukum kepada lelaki dan perempuan berdasarkan fokus mukalaf serta konsep umum pensyariatan hukum Islam. Namun begitu, tidak bermakna tidak berlakunya perbezaan dalam pertanggungjawaban sesetengah pensyariatan. Hal ini kerana hukum-hukum syariah terbina berdasarkan '*ilal* (sebab), *ma'in* (maksud) dan *sifat* (kualiti) yang tertentu. Justeru, jika *mukallifun* yang terdiri daripada lelaki dan perempuan itu memiliki persamaan dalam fokus hukum tersebut, mereka secara bersama perlu melaksanakannya. Sebaliknya jika mereka mempunyai perbezaan dalam fokus hukum tersebut, berlaku perbezaan dalam pelaksanaannya. Perkara ini yang membentuk hak dan tanggungjawab antara lelaki dengan perempuan

Melalui kaedah kepustakaan, kajian telah mengeluarkan perbincangan hak-hak bersama suami dan isteri serta hak pasangan iaitu hak suami ke atas isteri dan hak isteri ke atas suami. Hak isteri ke atas suami merangkumi dua bahagian iaitu yang melibatkan kewangan serta yang tidak melibatkan kewangan.

- I. Hak suami ke atas isteri merangkumi soal ketaatan seorang isteri dalam memelihara maruah suami serta kewajipan mengikuti suami ke rumah perkahwinan dan larangan untuk keluar dari rumah tersebut kecuali dengan izin si suami, dengan syarat (a) mahar telah dibayar penuh; (b) tempat tinggal tersebut bukanlah tempat tinggal yang disyaratkan oleh isteri dalam akad untuk tidak diduduki; dan (c) suami bersikap aman serta tidak memudaratkan isteri. Rumah itu juga perlu aman daripada manusia lain seperti saudara mara di pihak suami atau isteri kecuali jika isteri meredainya. Selain itu, suami mempunyai hak dalam mendidik isteri sekiranya isteri nusyuz.

Suami dilebihkan dalam soal ketaatan selagi tidak melanggar syarak kerana suami diwajibkan untuk menyediakan seluruh kebendaan kepada isteri.Termasuk dalam ketaatan ini juga adalah isteri perlu berhias dan tidak memasamkan wajahnya di hadapan suami.

II. Hak isteri ke atas suami pula merangkumi pemberian mahar yang sepatutnya berupa sesuatu yang mempunyai nilai atau manfaat tanpa meletakkan syarat nilai sama ada nilai minima atau nilai maksima. Pemberian ini boleh diberikan secara terus selepas akad atau diberikan secara bertangguh. Bagi pemberian mahar secara bertangguh, jumlah mahar perlu dibayar penuh ketika berlaku kematian antara pasangan sama ada suami atau isteri walaupun belum berlaku *dukhul* (senggama); dan selepas berlakunya *dukhul hakiki* atau *khulwah sahihah* (berdua-duan dalam keadaan yang boleh berlakunya *dukhul*), Isteri layak mendapat jumlah penuh mahar *mithal* bagi kes-kes yang sama jika nilai mahar tidak disebut semasa akad. Bagi perceraian yang berlaku sebelum *dukhul*, isteri layak mendapat nilai mahar yang separuh. Manakala jika telah berlaku *dukhul*, isteri mendapat nilai penuh walaupun bagi nikah fasid yang difasakhkan. Sebaliknya, jika fasakh dilakukan sebelum *dukhul* dan disebabkan oleh aib isteri, pengecualian pemberian nafkah berlaku dalam pernikahan tersebut. Mahar juga merupakan hak mutlak isteri yang tidak boleh dikurangi tanpa keizinan isteri.

Hak kedua isteri adalah nafkah makan minum, pakaian, tempat tinggal, penjagaan anak-anak, kebijakan dan kesihatan. Syarat-syarat yang mewajibkan pemberian hak nafkah ialah: (a) akad nikah yang sah; (b) penyerahan diri isteri kepada suami; (c) kebenaran untuk suami menyetubuhi isteri; (d) tidak membantah untuk mengikut suami berpindah (tinggal bersama); dan (e) isteri terdiri daripada golongan yang boleh disetubuhi (*baligh*) kerana isteri yang belum *baligh* tidak wajib untuk

berpindah mengikut suami dan begitu juga tidak wajib untuk dinafkahi. Nilai nafkah bagi isteri tidak ditentukan oleh syarak kerana nilai tersebut perlu mengikut kemampuan suami, serta ditentukan oleh zaman, lokasi dan keadaan suasana. Suami tidak boleh berlepas tangan dalam soal nafkah meskipun pada keadaan yang sukar, sebaliknya dibolehkan berlaku penambahan dan pengurangan mengikut keadaan ekonomi suami dengan keredaan kedua-dua pihak. Bagi nafkah yang tertunggak, tersabit sebagai hutang dari suami terhadap isterinya. Jika berlaku kematian atau perceraian, tunggakan tersebut tetap perlu dibayar apabila suami telah mampu. Jika isteri dibantu oleh kewangan kerabatnya, hal tersebut menjadi hutang ke atas suami terhadap kerabat isteri.

Selain itu, isteri berhak mendapat layanan yang baik dari suami serta perlindungan keselamatan dari ancaman bahaya terhadap dirinya dan kehormatannya. Isteri dilebihkan dalam soal kasih sayang sehingga kebaikan akhlak seorang mukmin itu dilihat pada perilaku baiknya terhadap isteri. Termasuk dalam pergaulan yang baik adalah dilarang ke atas suami untuk menghalang isteri daripada menziarahi ibu bapanya atau kerabatnya atau saudaranya. Penghalangan tersebut adalah termasuk dalam kemaksiatan kepada Allah SWT dan perkara maksiat tidak wajib dipatuhi oleh isteri. Suami juga perlu bersikap cemburu dalam melindungi maruah dan keselamatan isteri daripada kejahanan dan ancaman yang meragut kemuliaan isteri.

Hak seksual adalah termasuk dalam hak bersama suami dan isteri, namun sering kali diletakkan sebagai keutamaan dalam hak seorang suami terhadap isterinya. Isteri dilihat sebagai pihak yang sentiasa perlu berkhidmat secara seksual kepada suami sehingga mengetepikan perasaan dan dirinya sendiri.

Berdasarkan tiga faktor terbesar yang mempengaruhi keganasan seksual dalam rumah tangga iaitu (a) pengaruh pornografi, (b) sikap tidak bertanggungjawab dan

panas baran suami serta (c) eksplorasi atau kejahilan agama yang diperolehi dari bab tiga, kajian dapat menyimpulkan enam salah faham yang mempengaruhi keganasan ini. Enam perkara tersebut ialah: (1) suami boleh memaksa melakukan hubungan seksual; (2) suami boleh mendatangi isteri melalui dubur; (3) pasangan yang telah berkahwin dibolehkan menonton pornografi sebagai rangsangan seksual; (4) suami yang menentukan kekerapan hubungan seksual; (5) larangan seksual hanya terbatas pada tempoh keluar nifas; dan (6) suami dibolehkan memukul isteri jika isteri tidak mahu menuruti suami. Kajian ini telah menemukan jawapan-jawapan terhadap salah faham ini:

I. Hadis tentang lakin malaikat ke atas isteri yang membiarkan suami tidur dalam keadaan marah kerana menolak ajakan seksual merupakan hadis yang sering diguna pakai sebagai alasan isteri perlu sentiasa memenuhi ajakan seksual dalam keadaan apa sekalipun, sedangkan pada masa yang sama, tanpa sedar hadis ini juga sebenarnya melarang suami memaksa isteri dalam perihal seksual. Gambaran kondisi suami yang ‘tidur dalam keadaan terkilan atau marah’ merupakan dalil bahawa Islam mengajar suami di mana ketika isteri menolak, suami perlu menahan kemarahan dan bersabar. Suami digalakkan membiringkan diri untuk langsung tidur atau melakukan pekerjaan lain bagi menenangkan dirinya, bukan dengan melemparkan kata-kata kutukan atau bertindak melakukan keganasan seksual atau memukul isteri.

Isteri juga tidak diwajibkan untuk menuruti kehendak suami dalam keadaan uzur seperti berada dalam keadaan haid dan nifas. Termasuk juga dalam keuzuran adalah isteri yang sedang keletihan atau secara fizikalnya tidak mampu mengadakan hubungan seksual ketika itu atau dalam keadaan emosi yang terganggu sehingga akan memudaratkan isteri jika hubungan seksual dilakukan

ketika itu kerana berlaku keterpaksaan. Paksaan terhadap seksual tanpa melihat kepada keadaan isteri adalah suatu perkara yang bertentangan dengan hak seksual pasangan yang telah digariskan oleh Allah.

- II. Berkenaan sabda Rasulullah SAW mengenai keperluan isteri memenuhi ajakan seksual suami di atas unta, walaupun hadis ini menggambarkan keperluan isteri memenuhi ajakan suami namun, tidak bermaksud perlakuan seksual itu boleh dilakukan di mana-mana tempat terutama tempat yang terdedah. Jika aurat terlihat, tidak syak lagi bahawa haram perlakuan tersebut. Manakala jika persetubuhan dilakukan dalam keadaan aurat tertutup serta di bawah selimut, namun pergerakan yang ternampak di balik selimut tetap adalah haram. Apatah lagi jika perlakuan seksual itu menimbulkan syahwat kepada sesiapa yang terlihat, dan dorongan itu akan membawa kepada kejahanatan yang lain. Di hadapan anak kecil sekalipun dilarang, lebih-lebih jika dilihat oleh manusia yang lainnya.
- III. Mengenai hadis Rasulullah SAW tentang memenuhi tuntutan seksual suami walaupun isteri sedang memasak di dapur, kajian mendapat bahawa ulama menekankan sifat suami yang baik adalah suami yang menyediakan khadam untuk membantu urusan rumahtangga atau jika suami tidak mampu, dia sendiri perlu membantu urusan rumahtangga. Hal ini kerana *maqasid* kepada akad pernikahan adalah *al-istimta'* iaitu bersenang-senang, bukan bermaksud *al-khidmah* iaitu perkhidmatan. Ketaatan yang sebenar bagi seorang isteri hanya pada memenuhi ajakan seksual suami, bukan pada urusan rumahtangga yang mengganggu ke arah ketaatan itu.
- IV. Firman Allah SWT mengenai gambaran isteri sebagai ladang bercucuk tanam seakan-akan kebenaran untuk mendatangi di mana-mana sahaja yang dikehendaki oleh suami, namun “*tempat kamu bercucuk tanam*” adalah penekanan bahawa

hubungan seksual suami dan isteri adalah di bahagian organ yang mampu membuaikan hasil iaitu di bahagian faraj isteri. Ayat larangan, “jauhilah isteri pada waktu haidh, dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci” juga menggambarkan bahawa hubungan seksual berlaku di bahagian organ yang sama di mana darah haid keluar iaitu di bahagian faraj isteri. Golongan yang mengambil pandangan bahawa Ibn Umar dan Malik membenarkan perbuatan meliwat isteri adalah sebenarnya telah berdusta atas nama kedua-dua imam tersebut.

- V. Perbuatan menonton pornografi atas apa-apa alasan sekalipun adalah haram kerana perbuatan tersebut memperlihatkan aurat manusia lain. Hal ini demikian kerana, menonton pornografi boleh membawa kepada membayangkan aksi atau orang ajnabi yang lain semasa melakukan hubungan seksual dengan pasangan dan perbuatan tersebut adalah haram dan keji. Sedangkan hakikat pensyariatan hubungan seksual suami isteri adalah untuk menghapuskan bisikan syaitan dengan mengalihkan bayangan wanita asing dalam fikiran suami kepada isterinya yang halal. Termasuk juga dalam larangan ini adalah perbuatan menyebarkan perihal seksual kepada orang lain. Jika berlaku pengecualian bagi perkara yang melibatkan kemaslahatan yang syar'i, rahsia seksual dibenarkan untuk diberitahu.
- VI. Tidak adil bagi seorang isteri jika diletakkan minima had seksual kepada tiga kali setahun, kerana isteri diperintahkan untuk sentiasa menuruti ajakan suami jika suami berkehendak. Justeru, had ini adalah khusus bagi kehakiman dan bukanlah sebagai dalil umum. Haram ke atas suami yang menolak ajakan seksual isteri dan mengabaikannya sehingga isteri dirundung perasaan sedih dan gelisah. Pandangan yang adil adalah suami harus mendatangi isterinya dalam sekali bagi empat malam kerana sesuai dengan kebenaran suami untuk menikahi empat orang isteri. Bagi

keadaan suami yang bernafsu kuat, mencukupi dengan empat kali bagi siang dan malam kerana kekerapan suami menyebuhui isteri akan membawa kepada kemudaratan isteri. Namun, suami wajib melihat kepada kondisi isteri sama ada baik atau tidak, serta keperluan isteri dalam pengurusan rumah tangga, ibadah dan kehidupan. Kajian mendapati suami dilarang memaksa isteri melakukan hubungan seksual dalam keadaan sakit, lapar, penat, marah atau tekanan emosi. Suami dan isteri mempunyai hak menikmati kepuasan hubungan seksual secara bersama. Suami dilarang untuk melakukan ‘azal tanpa keizinan isteri kerana hal itu boleh menyebabkan kepuasan seksual isteri terbantut.

VII. *Postpartum PTSD* yang berlaku kepada ibu-ibu akibat trauma kesakitan dalam kelahiran bayi membuatkan isteri-isteri mengalami krisis kehilangan nafsu untuk melakukan hubungan seksual dengan pasangan atau berlakunya *sexual dysfunction*. Mereka juga mengalami kesakitan di vagina apabila melakukan hubungan seksual dan hal ini digelar sebagai *dyspareunia* yang boleh berlaku akibat masalah struktur badan (luka yang belum sembuh) atau akibat trauma psikologi. *Dyspareunia* akan membuatkan isteri bertindak negatif terhadap sentuhan atau rangsangan seksual yang dilakukan oleh suami mereka. Dalam hal ini, kemudaratan terhadap isteri amat jelas berlaku jika hubungan seksual tetap dipaksa oleh suami. Kemudaratan ini merangkumi kemudaratan di sudut emosi dan fizikal. Jarak dua bulan atau enam minggu dari kelahiran iaitu tempoh kebiasaan berpantang juga masih belum dapat menghilangkan *perineum pain* secara sepenuhnya. Kajian telah mengeluarkan kaedah-kaedah fiqh yang bersesuaian bagi memberi keamanan kepada isteri.

Bagi situasi ini, suami diharamkan untuk memaksa isteri melayaninya selagi layanan itu akan membawa kemudaratan kepada jiwa dan fizikal isteri. Tindakan

16	Plaintif 16 lwn defendant 16	02001-014-1023-2008
17	Plaintif 17 lwn defendant 17	02001-014-1156-2011
18	Plaintif 18 lwn defendant 18	02001-057-0225-2014
19	Plaintif 19 lwn defendant 19	02001-057-0955-2007
20	Plaintif 20 lwn defendant 20	02001-055-0441-2007
21	Plaintif 21 lwn defendant 21	02001-014-0914-2011
22	Plaintif 22 lwn defendant 22	02001-014-0992-2011
23	Plaintif 23 lwn defendant 23	02001-014-0328-2011
24	Plaintif 24 lwn defendant 24	02001-057-1810-2009
25	Plaintif 25 lwn defendant 25	02001-014-1628-2015
26	Plaintif 26 lwn defendant 26	02001-014-1409-2009

Catatan pengaduan daripada plaintif/ isteri/ pihak menuntut dalam fail tuntutan perceraian

Bil	Nama dan no. fail	Petikan dari fail tuntutan perceraian
1	Plaintif 1 lwn defendant 1 (02001-014-0174-2010)	“mengalami penderaan mental, fizikal dan seksual”
2	Plaintif 2 lwn defendant 2 (02001-014-1570-2009)	“menanggung seksaan mental dan seksual”

3	Plaintif 3 lwn defendant 3 (02001-014-0899-2008)	“cuba memaksa isteri hidup secara lucah”
4	Plaintif 4 lwn defendant 4 (02001-014-1052-2008)	“cuba memaksa isteri hidup secara lucah”
5	Plaintif 5 lwn defendant 5 (02001-014-0438-2009)	“cuba memaksa isteri hidup secara lucah”
6	Plaintif 6 lwn defendant 6 (02001-057-0991-2009)	“suka mendera dari segi mental, fizikal dan seksual”
7	Plaintif 7 lwn defendant 7 (02001-014-1816-2009)	“menonton filem lucah di hadapan anak-anak, dan memaksa pihak Menuntut turut hidup secara lucah”
8	Plaintif 8 lwn defendant 8 (02001-014-0413-2009)	“dalam melakukan hubungan kelamin, Pihak kena Tuntut sering memaksa Pihak Menuntut melakukan perkara lucah dengan cara hubungan seks luar tabie, sehingga mendatangkan kesakitan”
9	Plaintif 9 lwn defendant 9 (02001-014-1543-2009)	“memaksa Pihak Menuntut melakukan perkara terkutuk dengan cara melayan melakukan hubungan kelamin secara luar tabie sehingga mendatangkan kesakitan dan takut”
10	Plaintif 10 lwn defendant 10 (02001-014-1550-2010)	“menggunakan kekerasan untuk memaksa Pihak Menuntut hidup secara lucah”
11	Plaintif 11 lwn defendant 11 (02001-014-0577-2015)	“defendant juga sering memaksa plaintif melakukan seks di luar tabie terhadap plaintif, mengambil gambar bogel plaintif yang sedang mandi dan mengambil rakaman ketika pihak-pihak sedang melakukan hubungan kelamin”
12	Plaintif 12 lwn defendant 12 (02001-057-0073-2010)	“pihak kena tuntut berkelakuan tidak sopan dan tidak bertanggungjawab kerana: Suka melihat video lucah; paksa pihak yang Menuntut melakukan sepertimana dalam video lucah yang ditonton..”

13	Plaintif 13 lwn defendant 13 (02001-014-1035-2009)	“sepanjang tempoh bersama, PM juga mendakwa PKT sering menganiayai PM apabila PKT secara lazimnya kerap mengasari dan meliwat PM ketika pihak-pihak melakukan hubungan suami isteri. Kadaan ini menyebabkan PM sering menderita dan mengalami tekanan kerana PM sendiri tidak pernah rela dikasari dan keadaan ini mempengaruhi kehidupan sehari-hari PM”
14	Plaintif 14 lwn defendant 14 (02001-014-0918-2012)	“..semasa saya berada di rumah di alamat seperti di atas, suami saya (nama suami) balik dalam keadaan mabuk dan dia hendak bersetubuh dengan saya tapi saya tidak mahu kerana suami saya dalam keadaan mabuk dan ada perempuan simpanan yang selalu dia guna. Saya takut saya akan mendapat penyakit dari suami saya. Suami saya menampar muka saya kiri dan kanan dan menarik rambut saya. Saya mendapati kepala saya terasa sakit..”
15	Plaintif 15 lwn defendant 15 (02001-014-1586-2010)	“..telah berlaku pertengkaran antara saya dengan suami saya (nama suami) kerana saya tidak mahu melayan nafsunya...suami saya telah memulas kedua-dua belah tangan saya sehingga lebam selepas itu, suami saya telah menghantuk kepala saya di lantai bahagian dapur dengan kakinya berada di atas badan saya..”
16	Plaintif 16 lwn defendant 16 (02001-014-1023-2008)	“... apabila sudah agak mabuk, Pihak Kena Tuntut akan mengajak Pihak Menuntut mengadakan hubungan secara luar tabie. Pihak Menuntut akan diliwati..”
17	Plaintif 17 lwn defendant 17 (02001-014-1156-2011)	“memaksa Pihak Menuntut melakukan perkara lucah dengan mengadakan hubungan kelamin secara luar tabie sehingga mendatangkan kemudaran kepada pihak Menuntut”
18	Plaintif 18 lwn defendant 18 (02001-057-0225-2014)	“..sepanjang hidup sebagai suami isteri, suami saya sering memaksa saya dalam hal hubungan kelamin walaupun saya berada dalam keadaan tidak sihat..”
19	Plaintif 19 lwn defendant 19 (02001-057-0955-2007)	“..selepas suami saya memukul saya, dia telah memaksa saya mengadakan hubungan seks..”
20	Plaintif 20 lwn defendant 20 (02001-055-0441-2007)	“apabila selisih faham, penentang sering membala dendam dengan memaksa dan melakukan persetubuhan sehingga ke tahap di luar kemampuan serta mendatangkan kesakitan/kemudaran anggota pemohon..”

21	Plaintif 21 lwn defendant 21 (02001-014-0914-2011)	“..beliau juga telah mengajak untuk bersama tetapi saya telah menolak ajakannya dan tiba-tiba beliau telah menghentak kepala saya ke lantai..”
22	Plaintif 22 lwn defendant 22 (02001-014-0992-2011)	“Pihak Kena Tuntut juga adalah seorang yang bernafsu kuat sehingga Pihak Menuntut tidak tahan lagi tinggal bersama Pihak Kena Tuntut. Malah Pihak Kena Tuntut juga memaksa Pihak Menuntut melakukan hubungan kelamin semasa haid dan bulan puasa”
23	Plaintif 23 lwn defendant 23 (02001-014-0328-2011)	“hanya mahukan kehendak batin sahaja dan menggunakan kekerasan untuk memaksa Pihak Menuntut hidup secara lucah” “..suami saya (nama suami) telah tolak saya lalu terjatuh dan tak sedar diri disebabkan dia tidak puas hati kerana saya tidak mahu tidur bersamanya..”
24	Plaintif 24 lwn defendant 24 (02001-057-1810-2009)	“mendera dan memaksa melakukan persetubuhan sesuka hati tidak kira masa dan waktu walaupun pemohon dalam keadaan keuzuran (haid)”
25	Plaintif 25 lwn defendant 25 (02001-014-1628-2015)	“..beliau sering mengamuk sekiranya saya enggan melakukan persetubuhan bersama beliau..” “suami saya(nama suami) telah meminta untuk beliau bersama saya pada malam itu tetapi saya tidak bersetuju dan memberitahu beliau bahawa mahu merehatkan diri. Selepas itu beliau terus memaksa saya menyuruh bersama beliau dalam keadaan marah beliau mendekati saya dan menghentakkan kepala beliau di kepala saya serta menampar di bahagian mulut saya dan menumbuk di bahagian mata..”
26	Plaintif 26 lwn defendant 26 (02001-014-1409-2009)	“Pihak defendant juga telah menyakiti atau menjadikan kehidupan pihak plaintiff menderita dengan perbuatan-perbuatannya memaksa plaintiff melihat gambar-gambar lucah dan melakukan hubungan kelamin dengan pihak plaintiff tidak mengira waktu. Semasa plaintiff berpantang melahirkan anak, pihak defendant memaksa pihak plaintiff untuk melakukan hubungan kelamin..”

“pihak defendan telah melakukan perbuatan-perbuatan aninya terhadap plaintif seperti: (1) memaksa isteri melakukan seks cara yang dilihat dalam handset lucah; (2) memaksa isteri melihat adegan lucah walaupun plaintif enggan melihat handset tersebut; (3) memaksa isteri melakukan seks melalui dubur walaupun isteri enggan berbuat demikian; (4) sentiasa menggugut isteri dengan kata-kata yang mengancam nyawa kalau plaintif enggan mengikut kemahuannya; (5) defendant telah membuat aninya dan menganiayai plaintif dengan melakukan hubungan kelamin yang menyeksa emosi, perasaan dan kesihatan plaintif”



UUM
Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN B

Dapatkan Kajian dari MRS Kota Kuala Muda

Nombor fail kajian kes bagi MRS Kuala Muda

Bil.	Nama plaintif dan defendant	No. Fail
1	Plaintif 27 lwn defendant 27	tahun 2007. Tiada no. fail kerana fail telah lopus.
2	Plaintif 28 lwn defendant 28	2007-014-0541-2010

Catatan pengaduan daripada plaintif/ isteri/ pihak menuntut dalam fail tuntutan perceraian

Bil	Nama dan no. fail	Petikan dari fail tuntutan perceraian
1	Plaintif 27 lwn defendant 27	Petikan daripada wawancara hakim (Syeikh Amirudin Putera Zainol Abidin, 2016): (tahun 2007. Tiada no. fail kerana fail telah lopus) “..seks menggunakan tangan sepanjang perkahwinan..tangan dimasukkan ke dalam faraj isteri..”
2	Plaintif 28 lwn defendant 28 (2007-014-0541-2010)	“..bahawa sepanjang perkahwinan pihak-pihak berlangsung, PYKT tidak langsung menghormati PYM sebagai isteri lazimnya di bawah hukum syarak dimana PYKT melakukan hubungan kelamin di luar tabie dengan meliwat PYM walaupun tanpa kebenaran PYM. PYKT berterusan meliwat PYM tanpa sedikitpun merasa berdosa, simpati ataupun kasihan terhadap PYM yang kesakitan. Baru-baru ini, PYKT telah berkahwin lain dengan isteri baru dengan alasan kepuasan seks. Selepas berkahwin lain PYKT mula menghina dan menjatuhkan maruah PYM dengan membandingkan tentang perlakuan seks PYM dan isteri PYKT..Beliau juga telah menghina saya dan menjatuhkan maruah saya dengan mengatakan bahawa saya tidak dapat memuaskan nafsunya, padahal suami saya meniduri saya melampaui syarak dengan meliwat saya..dari awal perkahwinan suami memang mempunyai nafsu seks yang terlalu tinggi..tali tu dijampi sebelum diikat di kepala katil. Digunakan setiap malam untuk mengikat kemaluan dia atau selepas bersama dengan saya. Dia kata fungsi tali tu untuk kuatkan nafsu

dia..bila dia tak sedap, dia selalu kata hidup dengan saya menyebabkan dia sampai nak berzina nak cari pelacur, jalang dan nak bunuh diri..dia selalu tengok cerita lucah sampai larut malam dan kadang-kadang sampai ke pagi dan cerita itulah yang mendorong dia mencuba benda baru dan dia nak ikut macam mana yang dia tengok. Saya yang menjadi mangsa dia..Masa jimak, saya terpaksa layan dia hampir dua jam tanpa henti, kalau tak klimaks juga dia akan bayangkan orang lain, selalunya dia akan kata Siti Nurhaliza, atau kak Besah jiran sebelah rumah, bayangkan perasaan saya yang sedang jimak waktu tu..akibat terlalu berjimak dengan saya, kemaluan saya selalu sakit dan bila terlalu lama, saya tak enjoy bila bersama, hanya bertahan saja jadi macam batang pisang. Manakala jimak dalam haid menyebabkan saya sakit dalam perut....Saya sakit ketika itu, dia tak peduli, dia hanya pentingkan nafsu dia saja”

“Demi Allah, saya tidak pernah menawarkan seks luar tabie sepanjang perkahwinan kami, dia yang nak dan selalu mendesak saya supaya bagi belakang. Bila hari-hari dia berjimak dengan saya, dia mula kata tak puas, tak sedap, dia akan puas kalau melalui belakang”



LAMPIRAN C

Dapatkan Kajian dari MRS Seberang Perai Utara

Nombor fail daripada fail kajian kes MRS Seberang Perai Utara

Bil.	Nama plaintif dan defendant	No. fail
1	Plaintif 29 lwn defendant 29	07002-014-0524-2006
2	Plaintif 30 lwn defendant 30	07002-014-0624-2012
3	Plaintif 31 lwn defendant 31	07002-014-0658-2009
4	Plaintif 32 lwn defendant 32	07002-014-0323-2008
5	Plaintif 33 lwn defendant 33	07002-014-0292-2014
6	Plaintif 34 lwn defendant 34	07002-014-0510-2011
7	Plaintif 35 lwn defendant 35	07002-014-0219-2010
8	Plaintif 36 lwn defendant 36	07002-014-0403-2008
9	Plaintif 37 lwn defendant 37	07002-014-0828-2013
10	Plaintif 38 lwn defendant 38	07002-014-0767-2012
11	Plaintif 39 lwn defendant 39	07002-057-0513-2008
12	Plaintif 40 lwn defendant 40	07002-014-0336-2010
13	Plaintif 41 lwn defendant 41	07002-014-0333-2014
14	Plaintif 42 lwn defendant 42	07002-014-0679-2011
15	Plaintif 43 lwn defendant 43	07002-014-0176-2011
16	Plaintif 44 lwn defendant 44	07002-014-0292-2011
17	Plaintif 45 lwn defendant 45	07002-014-0568-2014
18	Plaintif 46 lwn defendant 46	07002-014-0438-2010
19	Plaintif 47 lwn defendant 47	07002-014-0488-2011
20	Plaintif 48 lwn defendant 48	07002-014-0248-2010

Catatan pengaduan daripada plaintif/ isteri/ pihak menuntut dalam fail tuntutan perceraian

Bil	Nama dan no. fail	Petikan dari fail tuntutan perceraian
1	Plaintif 29 lwn defendant 29 (07002-014-0524-2006)	“defendant pernah membuat penderaan seksual terhadap plaintif (bersetubuh semasa kedatangan haid dengan melalui jalan belakang”
2	Plaintif 30 lwn defendant 30 (07002-014-0624-2012)	“kehidupan plaintif lazim menderita dan darar disebabkan defendant mempunyai kemaluan yang besar dan luar biasa sejak awal perkahwinan. Plaintiff cuba bertahan dan menahan sakit apabila setiap kali melakukan persetubuhan dan sukar untuk masuk dan mengambil masa yang lama untuk masuk ke dalam kemaluan plaintiff dengan sempurna. Kesakitan plaintiff tidak dapat dibendung lagi dan tidak lagi mampu untuk bersetubuh dengan defendant akibat kesakitan yang melampau dan plaintiff akan menangis kerana tidak tahan sakit”

-
- 3 Plaintiff 31 lwn defendant
31
(07002-014-0658-2009) “defendant selanjutnya juga suka melihat video lucah dan ada masanya defendant mengajak plaintiff menonton bersama dengannya. Defendant juga adakalanya mengajak dan menyuruh plaintiff melakukan perbuatan tidak senonoh dan tidak disukai plaintiff setiap kali melakukan hubungan seks”.
- 4 Plaintiff 32 lwn defendant
32
(07002-014-0323-2008) “..suami saya (nama suami) telah memaksa saya untuk bersama dengannya tetapi saya telah menolak kerana saya terlalu penat. Ini telah menimbulkan kemarahannya dan seterusnya suami saya bertindak menampar kepala saya sebanyak 2 kali..”
- 5 Plaintiff 33 lwn defendant
33
(07002-014-0292-2014) “plaintif juga tertekan dari segi emosi kerana antara plaintiff dan defendant tiada kemesraan sebagaimana suami isteri. Defendant hanya mencari plaintiff sekiranya memerlukan layanan batin sahaja..”
- 6 Plaintiff 34 lwn defendant
34
(07002-014-0510-2011) “plaintif tidak lagi mampu bertahan dengan sikap defendant yang sering gemar menonton video lucah, hanya mementingkan kepuasan diri sendiri apabila berhubungan kelamin..”
- 7 Plaintiff 35 lwn defendant
35
(07002-014-0219-2010) “selalu paksa saya tidur bersamanya. Jika saya tidak mahu tidur bersamanya, beliau akan ugut mahu bunuh diri..”
- 8 Plaintiff 36 lwn defendant
36
(07002-014-0403-2008) “..juga telah tarik tangan dan baju saya sehingga terkoyak baju yang saya pakai. Suami saya juga secara paksa mahu merogol saya tapi saya tidak mahu dan berlaku pertengkaran dengan saya..”
- 9 Plaintiff 37 lwn defendant
37
(07002-014-0828-2013) “pihak defendant juga mempunyai perangai yang pelik dan keji menurut syarak kerana beliau gemar menonton dan melayari laman sesawang luah di internet. Selain itu pihak defendant juga ada menyimpan video-video lucah tersebut untuk tontonannya..perangai keji pihak defendant juga tidak dapat dikawal lagi apabila pernah meminta pihak plaintiff untuk melakukan seks luar tabie dan permintaan ini dihalang oleh pihak plaintiff. Dan perkara seumpama ini bukan sahaja berlaku sekali..”
-

-
- 10 Plaintiff 38 lwn defendant
38
(07002-014-0767-2012)
“seterusnya defendant hanya menyebuhui plaintiff apabila diingini, dan kemudian melayan plaintiff seperti sampah..”
- 11 Plaintiff 39 lwn defendant
39
(07002-057-0513-2008)
“telah berlaku salah faham dengan suami (nama suami) masalah rumah tangga dalam percaduhan tersebut suami telah mengasari saya kerana saya tidak melayan nafsunya menyebabkan beliau mengasari serta menolak dada saya dengan tangannya dan meramas payudara saya dengan kuat hingga meninggalkan kesan lebam dan kesakitan....Saya juga mengalami penderaan seksual fizikal dan mental..”
- 12 Plaintiff 40 lwn defendant
40
(07002-014-0336-2010)
“defendant selalu menjadikan plaintiff sebagai hamba seks dan telah melihat plaintiff dalam tempoh perkahwinan..”
- 13 Plaintiff 41 lwn defendant
41
(07002-014-0333-2014)
“pihak defendant sering meminta untuk melakukan hubungan kelamin walaupun pada ketika itu pihak plaintiff dalam keadaan haid dan kebanyakan kali bersama pihak defendant akan melayan pihak plaintiff dengan kasar seolah-olah pihak plaintiff adalah hamba bukan seorang isteri. Selain itu, pihak defendant juga sering terus keluar meninggalkan pihak plaintiff selepas melakukan hubungan kelamin. Pihak defendant juga sering meminta untuk bersama melalui dubur, walaubagaimanapun pihak plaintiff menolak. Pihak defendant juga hanya akan berbaik dengan pihak plaintiff untuk melakukan hubungan kelamin dan setelah itu pihak defendant akan melayan pihak plaintiff seolah-olah orang asing..”
- 14 Plaintiff 42 lwn defendant
42
(07002-014-0679-2011)
“plaintif pernah terlihat defendant menonton filem lucah pada waktu malam. Defendan membeli laptop baru semata-mata untuk menonton filem-filem lucah tersebut. Selain daripada menonton filem lucah, defendant juga membaca dan melihat majalah-majalah lucah yang dibawa balik dari luar negara. Setelah defendant selesai menonton filem-filem lucah tersebut, defendant akan mencari plaintiff untuk bersama, kemudian defendant akan masuk semula ke dalam biliknya. Kadang-kadang defendant akan menonton filem-filem itu sehingga puas sendiri.
-

-
- 15 Plaintiff 43 lwn defendant
43
(07002-014-0176-2011) “..selepas daripada memukul, pihak defendant memaksa pihak plaintiff melakukan persetubuhan. Akibat tindakan pihak defendant, pihak plaintiff mengalami sakit perut berpanjangan, akhirnya pihak plaintiff mengalami keguguran akibat perbuatan pihak defendant. Pihak defendant juga bersikap kepura-puraan terhadap pihak plaintiff, di mana pihak defendant hanya bersikap baik terhadap pihak plaintiff apabila ingin mengajak pihak plaintiff untuk m e l a k u k a n p e r s e t u b u h a n ”
- 16 Plaintiff 44 lwn
defendant 44
(07002-014-0292-2011) “defendant juga seorang kaki perempuan, mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain (diakui sendiri oleh defendant), suka menonton video lucah yang mana defendant sering dan akan memaksa plaintiff membuat aksi-aksi lucah seperti yang ditonton oleh defendant di dalam video-video lucah tersebut tanpa menghiraukan perasaan plaintiff..”
- 17 Plaintiff 45 lwn defendant
45
(07002-014-0568-2014) “defendant juga mempunyai tabiat yang pelik iaitu sebelum ingin melakukan hubungan kelamin, defendant meminta untuk memakan najis plaintiff. Plaintiff terpaksa membenarkan defendant berbuat demikian kerana plaintiff takut jika defendant memarahi atau memukul plaintiff..”
- 18 Plaintiff 46 lwn defendant
46
(07002-014-0438-2010) “plaintif menyatakan bahwa di dalam tempoh perkahwinan, defendant pernah memukul sehingga mendatangkan kecederaan kepada plaintiff. Kejadian ini berulang...tiada kemesraan antara plaintiff dan defendant sebagai suami-isteri. Defendant hanya akan bermesra dengan plaintiff jika defendant ingin mengadakan hubungan seks dengan plaintiff sahaja..”
- 19 Plaintiff 47 lwn defendant
47
(07002-014-0488-2011) “plaintif juga tidak lagi dapat bertahan dengan nafsu seks defendant yang amat kuat dan ketara. Hampir setiap hari plaintiff terpaksa melayan nafsu defendant dan defendant langsung tidak memikirkan soal perasaan, keadaan dan kesihatan plaintiff..”

20 Plaintiff 48 lwn defendant
48
(07002-014-0248-2010)

“defendant telah memukul plaintiff dengan teruk... kejadian ini berlaku disebabkan plaintiff menolak ajakan defendant untuk mengadakan hubungan kelamin. Plaintiff menolak ajakan defendant kerana mendapati alat kelamin defendant mempunyai masalah dan mencurigakan plaintiff. Defendant memang pernah mempunyai hubungan dengan ramai perempuan..”

Petikan daripada laporan polis:

“suami saya (nama suami) mengajak saya melakukan hubungan kelamin tetapi saya tidak mahu. Lalu suami saya terus menampar dan menumbuk saya berulang kali..”



LAMPIRAN D

Dapatkan Kajian dari MRS Daerah Timur Laut

Nombor fail kajian kes bagi MRS Daerah Timur Laut

Bil.	Nama plaintif dan defendant	No. fail
1	Plaintif 49 lwn defendant 49	07001-014-0381-2015
2	Plaintif 50 lwn defendant 50	07001-057-0570-2013
3	Plaintif 51 lwn defendant 51	07001-014-0025-2013

Catatan pengaduan daripada plaintif/ isteri/ pihak menuntut dalam fail tuntutan perceraian

Bil	No. fail dan nama	Petikan dari fail tuntutan perceraian
1	Plaintif 49 lwn defendant 49 (07001-014-0381-2015)	“suami saya (nama suami) mengajak saya melakukan hubungan seks tetapi saya enggan melayani keinginannya kerana badan saya tidak sihat, tiba-tiba suami saya naik angin sambil berkata, “jangan sampai benda tu masuk dalam badan aku..jangan sampai aku bunuh hang..”..”
2	Plaintif 50 lwn defendant 50 (07001-057-0570-2013)	“defendant telah melanggar perjanjian <i>ta’liq</i> tersebut apabila defendant telah melakukan kezaliman dan bertentangan dengan hukum syarak apabila memaksa plaintif melakukan hubungan kelamin walaupun plaintif didatangi haid”
3	Plaintif 51 lwn defendant 51 (07001-014-0025-2013)	Defendant mempunyai keinginan seks yang luar biasa di mana defendant suka melakukan seks luar tabii. “defendant/ suami mempunyai keinginan seks yang melampau apabila suka melakukan seks luar tabii apabila bersama plaintif dan juga ‘bermasturbasi’ untuk melepaskan nafsu. Plaintif tidak sanggup dan jijik apabila memikirkan keinginan defendant dan berusaha sedaya upaya menjauahkan diri dari defendant. Keadaan ini menyebabkan plaintif tertekan dan menderita kerana tidak mampu/sanggup menceritakan/memberitahu masalah ini kepada sesiapa waima adik beradik palintif kerana malu dan tidak mahu mendedahkan aib defendant” “plaintif dengan tegas telah dan/atau pernah memberitahu defendant tentang ketidak inginan/ keenggangan plaintif melayan nafsu songsang defendant, namun defendant tetap memaksa plaintif menurut keinginannya yang melampau itu”

“defendant juga sering menonton video-video lucah dan gambar-gambar lucah serta mengajak plaintif menonton video-video lucah berkenaan apabila mahu ‘bersama’ plaintif. Defendant juga gemar mengambil gambar/ merakamkan gambar-gambar bogel mereka selepas ‘bersama’. Ini sedikit sebanyak menimbulkan rasa takut/ gusar plaintif sekiranya ‘aksi-aksi’ yang dirakamkan tersebut jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Plaintiff juga takut sekiranya defendant menggunakan gambar-gambar tersebut untuk mengugut plaintiff”

“defendant juga suka ‘bermasturbasi’ walaupun pernah dinasihati oleh pialntif supaya menghentikan tabiat buruk tersebut”

“akibat dari suka menonton video-video dan gambar-gambar lucah ini, defendant sering membanding-bandinkan plaintif dengan video-video atau gambar-gambar yang ditonton berkenaan. Ini menimbulkan tekanan terhadap plaintiff”



UUM
Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN E

Transkip Temu Bual Hakim Syarri MRS Kota Kuala Muda

Nama: Syeikh Amirudin Putera bin Zainol Abidin

Tempoh berkhidmat di MRS Kota Kuala Muda : 3 Jun 2007 – sekarang

Temu bual dilakukan pada 12 April 2016 selepas proses perbicaraan pagi selesai, iaitu sekitar jam 11.30 dan Tuan Hakim agak sibuk kerana perlu keluar berurusan pada jam 12 tengah hari. Temu bual dijalankan di bilik Tuan Hakim.

Soalan satu: Bagaimana konsep *darar* yang diaplikasikan dalam memutuskan sesuatu kes fasakh?

Jawapan satu: *Darar* dalam prinsip perundangan bukanlah sesuatu dakwaan semata-mata. Mesti pakar yang membuktikan bahawa berlaku *darar*, dan bukanlah saksi biasa. Kami menerima pakar itu adalah terdiri daripada doktor dan polis. Sebagai contoh berlaku dalam rumahtangga itu *darar* di sudut mental, maka dr boleh mengesahkannya di sudut *medical*. Begitu juga di sudut fizikal yang mana polis boleh membuktikan berlakunya penderaan.. Dan mereka mesti hadir memberi kesaksian dalam kes perbicaraan.

Soalan dua: Boleh tahu apakah usaha kebijakan pihak mahkamah dalam memudahkan proses perceraian bagi pihak yang teraniaya, cth wanita yg didera...

Jawapan dua: Mahkamah tidak menyediakan kebijakan tetapi kami ada konsep kehakiman iaitu *equal*. Kesamarataan. Penganiayan bukan sahaja berlaku kepada perempuan tetapi juga pada lelaki. Jadi, di sini, dalam perbicaraan, kita melihat kepada siapa yang boleh menegaskan kebenaran di pihak dia, maka kami terima dia. Tiada soal tidak mampu menyediakan peguam kerana kerajaan telah menyediakan khidmat bantuan guaman untuk membantu selain *NGO* seperti pertubuhan syariah, yayasan

guaman dan sebagainya, ada untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan dalam membawa kes ke perbicaraan.

Soalan tiga: Menurut laporan akhbar, JAIS mendedahkan tahun 2014, berlaku peringkatan di sudut perceraian dan antara faktornya ialah seks ganas suami. Tapi apabila dilihat di sini, hanya ada dua kes sahaja. Apa pandangan Tuan Hakim berkenaan perbezaan kes ini, adakah berkaitan dengan faktor sosial lokaliti?

Jawapan tiga: Saya tidak pasti atas kapasiti apa JAIS boleh mengeluarkan data sedemikian. Saya merasakan JAIS melihat kepada jumlah dakwaan yang dibawa. Di sini juga berlaku dakwaan keganasan seksual dalam penceritaan, seperti suami suka melihat video porno dan sebagainya, tetapi semua itu hanyalah dakwaan yang tiada pembuktian. Kami hanya menerima dakwaan yang bersamanya pembuktian, jika tidak dakwaan tersebut diterima sekali lalu dan hanya di masukkan dalam fail tetapi tidak menjadi salah satu faktor berlakunya perceraian.

Tambahan pula, pengaduan keganasan seksual ini terlalu subjektif. Seperti kes Syikin lawan Fuad ini dalam hubungan suami isteri, ada waktu berlaku secara suka-rela, ada waktu paksa-rela dan ada waktu yang terpaksa. Situasi ini turut berlaku dalam kebanyakan hubungan suami isteri, saya rasa. Jadi, apa-apa dakwaan perlu bersama pembuktian.

LAMPIRAN F

Transkip Temu Bual Hakim Syarri MRS Kota Setar

Nama: Sheikh Shahmi bin Awang.

Tempoh berkhidmat di MRS Kota Setar: 2013 sehingga Jun 2016.

Temu bual dijalankan pada 10 Mei 2016 sebelum bermula sesi perbicaraan.

Temu bual dijalankan di bilik Tuan Hakim.

Soalan satu: Berdasarkan pengalaman tuan dalam mengendalikan kes perbicaraan, boleh kongsikan pengalaman perceraian akibat keganasan fizikal dan seksual?

Soalan dua: Menurut tuan, berdasarkan kes-kes ini, adakah melibatkan faktor salah faham atau eksloitasi agama?

Jawapan satu dan dua: Tuan Hakim bersetuju bahawa keganasan rumahtangga sama ada dari segi fizikal maupun seksual berlaku kerana terdapat segelintir pihak yang sekadar mengetahui hukum tetapi tidak mengetahui kaedah perlaksanaan hukum. Banyak suami yang menyangka pernikahan menjadikan isteri sebagai hak mutlak suami serta sangkaan bahawa isteri boleh dipaksa melayani mereka tanpa kasih sayang. Sedangkan seorang suami itu perlu pandai menarik hati isteri dan membahagiakan isteri agar isteri dapat melayaninya dengan baik. Matlamat perkahwinan itu adalah saling menghiburkan dan saling membahagiakan.

Jelas tuan sheikh, apabila kita memaksa isteri melakukan hubungan seksual dalam keadaan hati yang tidak menyerah, perbuatan tersebut akan memudaratkan isteri. Masalah yang berlaku adalah apabila suami tidak mengetahui hal tersebut dan hanya mengetahui bahawa isteri wajib melayani suami.

Tuan Hakim menambah tentang satu kisah seorang isteri yang mahu menuntut perceraian, datang ke mahkamah bagi urusan talak. Apabila ditanya adakah mereka baru melakukan hubungan seksual? Mereka menjawab, ya. Sedangkan perceraian makhruh dilafazkan jika hubungan seksual bersama isteri baru dilakukan. Isteri tersebut bertanya, “ustaz boleh ka kita tolak kalau suami ajak?”. Jawab tuan sheikh, boleh kerana mereka sedang dalam proses perceraian, dan isteri sudah tidak mempunyai perasaan terhadap suaminya. Perkara seksual tidak boleh dipaksa-paksa.

Tambah tuan sheikh lagi, begitu juga dalam kes memukul isteri. Suami hanya mengetahui ayat kebenaran memukul sahaja tanpa mengetahui huraihan panjang dan larangan-larangan dalam perihal tersebut. Pendidikan perlu disebarluaskan bagi memberi penjelasan kepada masyarakat.



LAMPIRAN G

Transkip Temu Bual Hakim Syarii MRS Daerah Timur Laut

Nama: Sheikh Muhammad Ridhuwan bin Ibrahim

Tempoh berkhidmat di MRS Daerah Timur Laut: 2012 sehingga sekarang.

Temu bual dijalankan pada 4 Oktober 2016.

Temu bual dijalankan di bilik Tuan Hakim.

Soalan satu: Berdasarkan pengalaman tuan dalam mengendalikan kes perbicaraan, boleh kongsikan pengalaman perceraian akibat keganasan fizikal dan seksual?

Jawapan satu: Sepanjang pengalaman mengendalikan kes-kes pembubaran perkahwinan, faktor keganasan seksual dalam rumahtangga sememangnya wujud dalam tuntutan perceraian. Cumanya keganasan seksual merupakan kes yang memberi tekanan *burden of proof* kepada isteri dalam membawa pengaduan ke pihak pengadilan. Sama ada susah untuk dibuktikan atau isteri sendiri yang malu untuk merujuk kepada pihak yang sepatutnya seperti pegawai perubatan bagi sampel pembuktian. Jadi selalunya isteri-isteri ini akan mengambil faktor-faktor lain yang lebih mudah untuk dibicarakan seperti keganasan fizikal untuk menjadi tuntutan perceraian. Saya sendiri sebagai hakim akan mengesahkan perceraian *ta'liq* atau fasakh dengan faktor-faktor yang lebih mudah untuk dibuktikan seperti soal pengabaian nafkah dan keganasan fizikal.

Soalan dua: Menurut tuan, berdasarkan kes-kes ini, adakah melibatkan faktor salah faham atau eksloitasi agama?

Jawapan dua: keganasan seksual boleh berlaku apabila suami dan isteri tidak faham konsep perkahwinan seperti ayat 21 dari surah al-Rum. Ilmu seksual adalah termasuk dalam bahagian *ilmu nafs* yang perlu dipelajari kerana banyak manusia mengetahui tentang hal seksual tetapi persoalannya, bagaimana cara mereka mengaplikasikannya? Sedangkan perkahwinan dibina bukan atas faktor seksual semata, tetapi lebih daripada itu, iaitu memikul tanggungjawab yang besar. Tetapi perkara itu yang susah untuk setiap pasangan faham dan sedar.



LAMPIRAN H

Transkip temu bual bersama Responden 1.

Responden 1 menetap di Perlabuhan Klang, Selangor. Temu bual dijalankan pada tarikh 21 Disember 2016 menerusi aplikasi internet email wanyangah123@gmail.com.

Soalan satu: Maaf sebelum itu saya ingin mengetahui puan masih menjadi isteri atau sudah bercerai? Jika masih menjadi isteri, adakah perlakuan keganasan seksual dari suami puan, masih berlaku?

Jawapan satu: “Saya masih isteri kepada suami saya. Alhamdulillah , suami dah tak ada buat benda bukan-bukan tu lagi. Masa dalam pantang anak sulung, dipaksa layan masa hari ke-33 dalam pantang, katanya tanggungjawab. Masa mengandung kalau ada salah faham, pernah juga dipukul. Masa mengandung anak kedua pun kalau ada salah faham suami tak pukul tapi apa benda barang yang dekat dengan dia memang akan dibaling dekat saya. Anak kedua pun masa pantang hari ke-44 disuruh layan juga”.

Soalan dua: (1) Sepenjang tempoh perkahwinan, suami puan merupakan orang yang melaksanakan tuntutan agama atau biasa-biasa? (2) Suami puan memang merupakan seorang yang panas baran, atau suami puan melihat kedudukan suami mempunyai kuasa mutlak dalam rumah tangga, maksudnya salah faham agama yang selalu lelaki pegang seperti mereka boleh pukul isteri, mereka boleh paksa isteri bersetubuh bila2 masa pun dan sebagainya. (3) Pernahkah dalam perihal seksual, berlaku manipulasi agama? contoh, ditekankan isteri kena taat tuntutan suami; isteri tak boleh melawan; atau apa-apa dalil agama lain yang diguna pakai untuk mendesak puan menuruti suruhan suami? (4) Perbuatan suami meliwat dan memaksa persetubuhan semasa haid tersebut dilakukan dalam keadaan suami sedar tak perkara tersebut adalah haram?

Jawapan dua: “suami orang biasa-biasa saja. suami masa sekolah, sekolah agama menengah. Jadi dia sangat tahu tentang agama, dalil, hadis, hafal surah yassin dan al-Quran pun sudah khatam 5-6 kali, berbanding saya yang jahil agama. Saya pernah minta dia untuk ajar saya mengaji, solat tapi alasannya tak ada masa sebab kerja. Dia suruh saya belajar dengan orang lain. Suami agak panas baran. Kalau saya melawan cakap dia walaupun saya betul masa tu, tapi dia akan mempertahankan diri dia juga. Dia akan cakap, saya suka melawan, tak dengar cakap dia. Dan mula la dia akan keluarkan segala hadis yang dia tahu. Selalunya kalau saya menolak untuk bersama, dia akan cakap nak dapatkan pahala pun taknak, nanti buat dengan orang lain baru tahu. Selalu akan diugut macam tu la. Dia tahu liwat haram, tapi katanya sedap. Kadang-kadang saya penat, saya ada anak umur 2 tahun dan 4 bulan. Dia balik tengah hari nak makan, kena masak. Bila makan nak saya teman tapi bila saya nak makan, saya minta dia tolong pegangkan anak terlalu banyak alasannya. Dia dah kerja cari nafkah, dah bagi saya duit. Jadi kerja kat rumah saya kena buat la. Kadang-kadang penat”.

LAMPIRAN I

Transkip temu bual bersama Responden 2.

Responden 2 menetap di Balik Pulau, Pulau Pinang. Temu bual dijalankan pada tarikh 23 Disember 2016 hingga 12 Januari 2017 menerusi aplikasi internet email snurulhusnahashim@gmail.com.

Soalan satu: Maaf sebelum itu saya ingin mengetahui puan masih menjadi isteri atau sudah bercerai? Jika masih menjadi isteri, adakah perlakuan keganasan seksual dari suami puan, masih berlaku?

Jawapan satu: “saya masih isteri kepadanya. hubungan jarang berlaku. Dia tidak mengendahkan hubungan suami isteri. Minimum sebulan, maksima 8 bulan. Jadi keganasan seksual hanya berlaku purata setahun dua kali. Lebih kepada keganasan fizikal, *mental tortured*”.

Soalan dua: (1) Sepanjang tempoh perkahwinan, suami puan merupakan orang yang melaksanakan tuntutan agama atau biasa-biasa? (2) Suami puan memang merupakan seorang yang panas baran, atau suami puan melihat kedudukan suami mempunyai kuasa mutlak dalam rumah tangga, maksudnya salah faham agama yang selalu lelaki pegang seperti mereka boleh pukul isteri, mereka boleh paksa isteri bersetubuh bila2 masa pun dan sebagainya. (3) Pernahkah dalam perihal seksual, berlaku manipulasi agama? contoh, ditekankan isteri kena taat tuntutan suami; isteri tak boleh melawan; atau apa-apa dalil agama lain yang diguna pakai untuk mendesak puan menuruti suruhan suami?

Jawapan dua: “Sepanjang tempoh perkahwinan dia biasa-biasa. Tapi alhamdulillah ada nampak perubahan, contoh seperti mahu ke masjid, mahu dengar kuliah agama. Cuma subuh

masih tak lekat dan tidak pernah jadi imam solat kpd sy selama hampir 7 tahun bernikah. Maaf bukan nak cerita buruk, sebagai sokongan terhadap kajian ilmiah. Moga jadi panduan untuk orang lain kelak.

Dia memang panas baran (hanya diketahui setelah bernikah). Dan memang berpegang kuat kepada kefahaman kuasa mutlak terletak di tangan Suami, pernah mengatakan dalam al-Quran bahawa Suami dibenarkan dan berhak pukul isteri, dan menyatakan hak Suami dlm bersetubuh dan isteri wajib bersyukur dengan setakat mana nafkah batin yang diberi Suami. Jika setahun sekali, seminit pun kena bersyukur. Tak boleh *complaint*. Memang ada digunakan dalil-dalil berkaitan tanpa kefahaman yang jelas.

Kuliah agama tentang hak-hak Suami memang yang paling dia minat. Tapi hak isteri dan anak-anak tidak pula dia berminat untuk dalami/fahami. Sukar berbincang dengannya kerana dia akan mula menoleh ke tempat lain/menekup telinga/menjelirkan lidah/menunjukkan isyarat lucah/menunjukkan kemaluan/ mengejek, mencerca, memaki dan akhirnya memukul. Sepanjang pernikahan, tiada sentuhan@pelukan kecuali jika tiba2 dia berkehendak, terus dia mahu menamatkannya tanpa mendahuluikan adab2 hubungan Suami isteri/ beri peluang kepada isteri”.

Soalan tiga: Bagi puan sendiri, adakah puan tahu hak-hak seorang isteri? Ataupun puan tahu tetapi takut untuk dibawa berbincang dengan suami?

Jawapan tiga: “Saya juga kurang ilmu tentang hak hak isteri. Saya sangat berbesar hati jika Puan boleh kongsikannya. Saya tidak mahu membincangkannya lagi dengan suami. Cukup sekadar pengetahuan saya dahulu”.

LAMPIRAN J

Transkip temu bual bersama Responden 3.

Responden 3 menetap di Bandar Baru Bangi, Selangor. Temu bual dijalankan pada tarikh 21 hingga 30 Disember 2016 menerusi aplikasi internet email jgx1283@gmail.com.

Soalan satu: Maaf sebelum itu saya ingin mengetahui puan masih menjadi isteri atau sudah bercerai? Jika masih menjadi isteri, adakah perlakuan keganasan seksual dari suami puan, masih berlaku?

Jawapan satu: “*Still berkahwin but we choose to stay far from each other for the sake of the children's emotion*”

Soalan dua: (1) Sepanjang tempoh perkahwinan, suami puan merupakan orang yang melaksanakan tuntutan agama atau biasa-biasa?. (2) Bekas suami puan memang merupakan seorang yang bersikap panas baran, atau suami puan sejenis lelaki yang melihat kedudukan suami mempunyai kuasa mutlak dalam rumah tangga, maksudnya salah faham agama yang selalu lelaki pegang seperti mereka boleh pukul isteri, mereka boleh paksa isteri bersetubuh bila2 masa pun dan sebagainya. (3) Pernahkan dalam perihal seksual, berlaku ugutan dengan menggunakan nama agama? contoh, ditekankan isteri kena taat tuntutan suami; isteri tak boleh melawan; atau apa-apa dalil agama lain yang diguna pakai untuk mendesak puan menuruti suruhan suami?

Jawapan dua: “suami memang seorang yang menganggap lelaki berkuasa mutlak dalam rumah tangga. Dalam perihal seksual, suami sering mengugut menggunakan

dalil-dalil agama dengan memetik nama-nama ustaz tersohor dan ceramah-ceramah agama yang dihadiri”

Soalan tiga: Jadi bermakna hubungan seksual yang berlaku secara paksaan dan tekanan itu, disertakan dengan dalil-dalil agama atau ancaman ketaatan kepada suami?

Jawapan tiga: “ya”.



LAMPIRAN K

Transkip temu bual bersama Responden 4.

Penempatan Responden 4 dirahsiakan. Temu bual dijalankan pada tarikh 21 hingga 28 Disember 2016 menerusi aplikasi internet email syakinahfbi1102@yahoo.com.

Soalan satu: Maaf sebelum itu saya ingin mengetahui puan masih menjadi isteri atau sudah bercerai? Jika masih menjadi isteri, adakah perlakuan keganasan seksual dari suami puan, masih berlaku?

Jawapan satu: “Saya masih menjadi seorang isteri. Ya, keganasan seksual itu masih berlaku dan saya ambil pendekatan utk tidak melayan beliau kerana perbuatan tersebut terang2 HARAM & boleh menyakiti diri kita sendiri. Tapi lama kelamaan kita sebagai isteri juga akan rasa tertekan dan saya masih mencari jalan penyelesaian utk kes begini”.

Soalan dua: (1) Sepanjang tempoh perkahwinan tersebut, suami puan merupakan orang yang melaksanakan tuntutan agama atau biasa-biasa? (2) Pernahkah dalam perihal seksual, berlaku manipulasi agama? contoh, ditekankan isteri kena taat tuntutan suami; isteri tak boleh melawan; atau apa-apa dalil agama lain yang diguna pakai untuk mendesak puan menuruti suruhan bekas suami? (3) Perbuatan liwat dilakukan dalam keadaan suami sedar tak perkara tersebut adalah haram?

Jawapan dua: “suami saya seorang biasa-biasa sahaja tapi ibunya hmm. Ada satu ketika ibunya beritahu saya bahawa duit isteri itu kena bagi pada suami. *LOL* hahaha setahu saya la kan, duit isteri itu untuk isteri sahaja, suami takde hak utk minta duit itu tanpa rela isteri. Dan duit suami itu harus di beri sedikit ke isteri”.

Soalan tiga: Adakah suami akak ada menggunakan dalil-dalil agama sebagai ancaman untuk membenarkan tindakannya yang salah itu? contoh dalil suami boleh pukul isteri, isteri kepatuh patuh pada kehendak seksual suami, isteri kena taat pada suami tak kira masa dan tempat. Dan adakah suami akak tahu atau tidak tahu bahawa bersetubuh dengan isteri ketika isteri dalam keadaan haid adalah haram?

Jawapan tiga: “berkenaan dalil tu suami sy tak pernah kata apa-apa cuma ibunya yang selalu suruh anak dia cakap dalil yg *nonsense*”.

Soalan empat: Adakah suami puan melakukan keganasan seksual tersebut dalam keadaan suami puan sendiri tidak tahu tentang larangan-larangan tersebut dalam Islam?

Jawapan empat: “ya”.



LAMPIRAN L

Transkip temu bual bersama Responden 5.

Responden 5 tidak ada di Malaysia kerana sedang belajar di United Kingdom. Temu bual dijalankan pada tarikh 21 hingga 28 Dismeber 2016 menerusi aplikasi internet email afiqah1908@gmail.com.

Soalan satu: Maaf sebelum itu saya ingin mengetahui puan masih menjadi isteri atau sudah bercerai? Jika masih menjadi isteri, adakah perlakuan keganasan seksual dari suami puan, masih berlaku?

Jawapan satu: “masih bersama dan tidak berlaku lagi”.

Soalan dua: (1) Sepanjang tempoh perkahwinan, suami puan merupakan orang yang melaksanakan tuntutan agama atau biasa-biasa? (2) Suami puan memang merupakan seorang yang panas baran, atau suami puan melihat kedudukan suami mempunyai kuasa mutlak dalam rumah tangga, maksudnya salah faham agama yang selalu lelaki pegang seperti mereka boleh pukul isteri, mereka boleh paksa isteri bersetubuh bila2 masa pun dan sebagainya. (3) Pernahkan dalam perihal seksual, berlaku manipulasi agama? contoh, ditekankan isteri kena taat tuntutan suami; isteri tak boleh melawan; atau apa-apa dalil agama lain yang diguna pakai untuk mendesak puan menuruti suruhan suami? (4) Perbuatan suami meliwat tersebut dilakukan dalam keadaan suami sedar tak perkara tersebut adalah haram?

Jawapan dua: “tiada kekasaran fizikal..hanya sekali berlaku kejadian kerana mengikut hawa nafsu. Mungkin saya kategorikan sebagai kurang melaksanakan tuntutan agama. Tidak menggunakan kuasa veto dlm rumah tangga”.

Soalan tiga: Suami puan merupakan seorang suami yang baik, cuma tidak tahu bahawa perbuatan liwat itu adalah salah ya? Bermakna suami puan bukanlah seorang suami yang memanipulasikan hukum dan kekuasaan suami dalam rumahtangga, cumanya pada waktu itu, suami puan kurang sabar, begitu ya?

Jawapan tiga: “dia tahu cuma tidak mampu kawal nafsu. waktu tu saya *period*. cuma terbabas masa tu. tiada keganasan lain. Suami walaupun kurang mengamalkan suruhan agama, tetapi suami tahu haram meliwat isteri. Kejadian yang hanya berlaku sekali itu, lebih kepada kurang sabar dan tanpa sengaja”.



LAMPIRAN M

Transkip spreadsheet

Bahagian satu:

Soalan: Adakah anda pernah mengalami keganasan seksual oleh pasangan? *

Ya/ tidak

Soalan: Jika ya, sila pilih jenis keganasan seksual

-diliwat

-dipaksa melakukan hubungan seksual dalam pantang

-dipaksa melakukan hubungan seksual dalam haid

-dipaksa melakukan hubungan seksual ketika sakit

-dipaksa melakukan hubungan seksual dengan ancaman

-dipukul sebelum atau semasa atau selepas melakukan hubungan seksual

-dilemparkan dengan kata-kata kasar, keji atau kutukan semasa melakukan hubungan seksual

-tidak diberi nafkah zahir tetapi didesak untuk melakukan hubungan seksual

-dipaksa melakukan hubungan seksual di ruang terbuka yang boleh dilihat oleh anak-anak

-dipaksa melakukan hubungan seksual tanpa mengira waktu, keadaan dan tempat

-berlaku kekasaran walaupun bukan pukulan semasa hubungan seksual

Soalan: Jika ada jenis keganasan seksual yang lain, boleh nyatakan di ruangan ini:__

Bahagian dua: Tahap Kesedaran Pasangan Terhadap Hak Seksual dalam Islam

Adakah anda tahu bahawa dalam Islam, telah ada hak-hak seksual untuk suami dan isteri? *

Ya/ tidak

Adakah anda tahu bahawa isteri boleh berkata tidak terhadap ajakan seksual suami dalam situasi tertentu? *

Ya/ tidak

Adakah anda tahu bahawa perbuatan meliwat isteri adalah haram secara jelas dan tiada pandangan ulama ahli *sunnah wal jama'ah* yang mengatakan makruh atau boleh dengan persetujuan isteri? *

Ya/ tidak

